

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 39**

**Selasa**

**1 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 7)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman 41)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 39)
Usul Anggaran Pembangunan 2017	(Halaman 41)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Selasa, 1 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan baru-baru ini kenaikan harga minyak masak telah dihebahkan di media sosial berikutan dakwaan bahawa kerajaan tidak lagi memperuntukkan subsidi ke atas produk tersebut. Hal ini telah menyebabkan terdapat aduan bahawa berlaku "*panic buying*" oleh sesetengah pengguna, seterusnya mengakibatkan gangguan bekalan. Apakah tindakan kementerian dalam menangani isu ini.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dakwaan yang menyatakan bahawa subsidi minyak masak ini sudah ditarik balik adalah tidak benar sama sekali. Saya telah pun mengumumkan bahawa, subsidi masih lagi ada. Cuma yang kita lakukan adalah *rationalization*. Untuk menentukan supaya jumlah kuota yang telah pun diberikan kepada rakyat dalam negara kita ini, diberikan mengikut kumpulan-kumpulan yang tertentu, kumpulan sasar, kerana hendak mengurangkan daripada masalah yang ada di luar sana.

Maka sebab itu saya telah mengumumkan untuk satu kilogram masih lagi ada dan untuk menentukan perkara ini tidak berlaku dalam ketirisan yang berleluasa, saya telah pun mengarahkan penguat kuasa meneruskan melalui pemantauan harian dan naziran berkala ke atas premis-premis perniagaan, terutamanya yang disyaki melakukan penyelewengan barang kawalan seperti minyak masak ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, yang saya tahu seorang yang cukup cakna dan prihatin dengan masalah rakyat jelata. Mengapakah kerajaan hanya mengekalkan harga minyak

masak bagi pek satu kilogram seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pek dalam bentuk *poly bag*, tetapi membenarkan minyak masak dalam pek-pek yang lain dijual pada harga pasaran?

Jadi, apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pemilihan dan pembungkus minyak masak tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan memastikan minyak masak pek-pek lain yang boleh dijual pada harga pasaran dan mengurangkan pengeluaran minyak masak pek satu kilogram dalam bentuk *poly bag*? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, memang benar, kita hanya memberikan subsidi kepada satu kilogram *poly bag*, yang lainnya masih lagi kita buat secara terbuka. Cuba kita fikirkan, dalam negara kita ini ramai mereka yang berusaha yang menjadi pengusaha untuk mengeluarkan minyak masak. Minyak masak yang dikeluarkan dalam negara kita ini adalah sesuatu yang diguna pakai oleh semua rakyat dalam negara. Ada kumpulan yang memang memerlukan minyak masak, tetapi tidak sanggup membeli dengan harga yang begitu tinggi sekali. Maka sebab itu, kita memikirkan tanggungjawab kerajaan untuk melihat semua kumpulan mampu untuk membeli minyak masak ini.

Oleh sebab itu, fokus kita berikan untuk satu kilogram *poly bag*, kerana daripada pengiraan kita, hanya mereka kumpulan sasar B40 sebagai contohnya, yang memerlukan dalam *poly bag* berharga RM2.50 dengan subsidi yang telah pun kita berikan. Akan tetapi yang sebenarnya minyak masak ini dari tahun 2015, *average* hanya RM2,300 minyak masak yang dijual di pasaran dunia. Akan tetapi hari ini, pada bulan September sahaja sudah meningkat sehingga hampir RM3,000. Sudah ada penambahan sebanyak RM700. Maka RM700 ini terpaksa kerajaan menampung subsidi sedia ada yang selama ini kita berikan.

Maka sebab itu, *rationalization* yang kita lakukan adalah, untuk memastikan bahawa sesiapa sahaja yang mahu membeli dengan subsidi yang masih lagi diberikan hanya untuk satu kilogram *poly bag*. Mereka yang lain seperti Yang Berhormat, mungkin rasa susah beli satu *poly bag* ini agak menyulitkan. Maka Yang Berhormat ingin membeli dengan lebih mudah dengan botol-botol yang lebih besar, silakan, tetapi dengan harga pasaran. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah benar dengan *rasionalisasi* harga ini akan menyebabkan kenaikan tanggungan beban kewangan sebanyak RM50 secara purata kepada setiap orang? Bermakna untuk sebuah keluarga, lima orang bermakna dia akan terpaksa membayar lebih, RM250

setahun. Kalau kita tidak mengambil kira minyak masak satu kilogram, kerana ini memang menambah beban kepada rakyat. Terima kasih.

■1010

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak jelaskan di sini, daripada perkiraan kita, minyak masak hanya digunakan lebih kurang satu setengah kilo untuk seorang. Maka bermakna, kalau ianya naik sekarang daripada harga yang sepatutnya RM3.70 sebagai contoh atau RM4.00 untuk kita mudahkan perkiraan. Ia akan memakan hanya RM1.50. RM1.50 dengan satu setengah kilo satu bulan ia hanya lebih kurang RM2.25 sahaja untuk seorang satu kepala. Jadi kalau mana datangnya RM50, saya pun tidak tahu Yang Berhormat kira-kira macam mana. Tadi Yang Berhormat kata setahun ia memakan kos RM250. Saya pun hairan. Padahal satu setengah kilo untuk satu orang ianya akan memakan hanya lebih kurang RM1.50 campur 75 sen, RM2.25 satu kepala. Kalau dia ada lima orang, tak sampai pun RM10.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** [*Menyampuk*] Tambah RM50 setahun.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Maka sudah tentu bila tidak sampai RM10 sebulan, setahun dia akan ambil pertambahan lebih kurang RM100 setahun. Padahal dia beli minum *mineral water* yang tiap-tiap hari dia minum itu pun melebihi daripada harga minyak masak yang diproses yang dipunyai oleh semua rakyat yang bertanggungjawab dalam negara kita. Terima kasih.

**2. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan insiden kereta api terbabas pada 28 Oktober 2016 berhampiran dengan Batu Gajah. Apakah puncanya dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu insiden ke gelinciran *train* kargo, yang membawa 40 unit gerabak simen kosong telah berlaku semasa dalam proses memasuki kawasan depot penyelenggaraan KTMB di Batu Gajah pada jam 3 pagi, 28 Oktober 2016. Susulan daripada insiden ini telah menyebabkan dua buah lokomotif dan 25 buah gerabak simen kosong tergelincir, dan menghalang kedua-dua landasan kereta api di kawasan tersebut.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, untuk mencari punca insiden ini KTMB telah menubuhkan jawatankuasa dalaman pada 29 Oktober untuk menyiasat insiden

ini. Punca kegelinciran akan dapat diketahui setelah laporan lengkap siasatan disiapkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh insiden berlaku.

Bagi memastikan operasi ETS tidak terjejas, KTMB telah mengambil langkah-langkah yang perlu seperti berikut:

- (i) menyediakan sejumlah 36 buah bas untuk memindahkan penumpang perkhidmatan ETS bagi laluan Kampar-Ipoh-Kampar; dan
- (ii) seterusnya, penumpang boleh menyambung perjalanan ke destinasi masing-masing menggunakan perkhidmatan ETS.

Dalam pada masa yang sama, KTMB sedang giat menjalankan kerja-kerja penambahbaikan landasan serta mengalihkan lokomotif dan gerabak yang tergelincir yang menghalang laluan bagi kedua-dua arah. Lanjutan daripada kerja-kerja penambahbaikan yang dilakukan, satu landasan telah dapat dibuka semula untuk operasi tren pada jam 3.00 petang, 30 Oktober. Manakala, kerja-kerja pembaikan bagi satu lagi landasan dijangka siap dibaiki dalam masa tujuh hari lagi untuk dibuka semula bagi operasi tren. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batu Gajah. 30 saat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kejadian ini berlaku sehari sebelum Hari Deepavali, menyebabkan belasan ribu penumpang mengalami masalah gangguan perjalanan. Nasib baik yang tergelincir itu kereta api barangan bukan kereta api penumpang. Jadi kita harus mengambil perkara ini satu perkara yang serius kerana saya mohon supaya Menteri memberikan laporan itu kepada Dewan Rakyat ini dalam masa 14 hari seperti yang dikatakan oleh Menteri tadi. Saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh KTM supaya kejadian seperti ini tidak berulang pada masa akan datang. Terima kasih Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman pihak KTMB telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeriksaan terhadap infrastruktur, sistem untuk memastikan keselamatan operasi tren sentiasa berada di tahap yang terbaik. Manakala, program penyelenggaraan ini akan dipertingkatkan lagi. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih tuan Yang di-Pertua. Saya tahu berapa kali kah kejadian tergelincir ini sebenarnya telah berlaku di negara ini dan apakah sebenarnya sebab-sebab utama tergelincir dan sejauh manakah SOP penyelenggaraan di landasan dilakukan di seluruh Malaysia. Terima kasih .

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian tergelincir ini memang jarang berlaku. Jadi dalam kejadian yang di Batu Gajah ini ianya telah mengikut SOP, kerana dalam ia nak masuk ke *siding*, ke tempat penyelenggaraan ini, ianya mengikut SOP seperti biasa. Sebab itu kita sedang menyiasat sama ada ianya berlaku kerana kelemahan teknikal atau pun kerana kecuaiian manusia. Jadi dalam konteks ini saya yakin dalam tempoh 14 hari yang ditentukan ini akan dapat merungkai segala-galanya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Raja, satu minit.

**3. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan bahawa MyBrain menyasarkan seramai 60 ribu pemegang biasiswa bagi pemegang PhD 2023, maka sehingga tahun 2016, berapakah jumlah yang telah dicapai dan adakah peruntukan yang diberikan pada belanjawan 2015 terhenti atau akan diteruskan pada tahun akan datang.

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Terima kasih tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sasaran pemegang PhD sehingga tahun 2003 seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu ialah 60,000 orang semuanya. Ia untuk melahirkan cendekiawan yang berpendidikan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan dan juga inovasi dan pembangunan negara yang lestari. Sehingga kini pencapaian ialah 23,000 orang PhD atau doktor falsafah. Untuk juga pengetahuan Yang Berhormat, MyBrain15 adalah hanya satu daripada mekanisme atau program untuk mencapai sasaran PhD. Untuk MyBrain15 sebenarnya bukan saja untuk pelajar-pelajar PhD tapi untuk juga pelajar-pelajar Sarjana.

Sehingga 30 September tahun ini, 54,035 pelajar telah mendapat pembiayaan MyBrain15 yang menelan pembiayaan sebanyak RM800.2 juta. Pembiayaan MyBrain15 akan diteruskan dan peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ke-11 kesemuanya ialah RM500 juta. Juga untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya katakan tadi program PhD ini juga ditaja oleh beberapa program-program yang lain seperti Skim Latihan Akademik atau pun SLAB, SLAI yang sehingga kini telah memberi tajaan kepada 8100 pelajar-pelajar Sarjana dan PhD yang menelan belanja RM1.769 bilion.

Di samping itu juga, geran penyelidikan FRGS, LRGS dan juga Universiti Penyelidik telah membantu penyelidik-penyelidik seramai 8321 penyelidik, antara tahun 2011-2015 untuk mendapat mengikuti Program PhD dan juga Master. Di samping program SLAB, SLAI adalah satu Skim Latihan Akademik Geran

Penyelidikan, kita lihat juga bahawa JPA, MARA, MARDI, KPM, Kementerian Kesihatan dan Khazanah Nasional menaja program-program PhD.

■1020

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah atas program MyBrain ini dan sudah tentu negara memerlukan lebih ramai rakyat yang ada kepakaran tinggi dalam bidang yang mereka ceburi. Namun, untuk menjadi negara maju, negara memerlukan kepakaran-kepakaran yang menjadi keutamaan negara. Jadi, adakah pihak KPT bercadang untuk menggalakkan atau mengkhususkan MyBrain untuk bidang-bidang keutamaan ini yang diperlukan negara dan memandangkan bajet KPT turut dikurangkan setiap tahun? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sememangnya MyBrain15 ini diberi tumpuan untuk mata pelajaran STEM (*science, technical, engineering and mathematicS*). Sememangnya itulah tumpuan MyBrain sebenarnya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana Yang Berhormat memastikan semua PhD ini bertaraf antarabangsa? Apakah cara yang digunakan untuk mentafsirnya?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sebenarnya untuk pelajar-pelajar PhD ini ada dia punya *external examiner*, Yang Berhormat, dan bukan hanya *examiner* dalam negara kita. Kita juga jangan lupa bahawa universiti kita sudah di peringkat antarabangsa. Kalau kita lihat universiti penyelidik kita yang lima itu, memang kedudukannya satu peratus tertinggi di dunia, *top one percent in the world*. Lima universiti penyelidik kita yang terdiri daripada USM, UM, UPM, UKM dan UTM. Kalau kita lihat ranking mereka, mereka merupakan universiti yang satu peratus tertinggi di dunia. Jadi, di samping mereka sudah mendapat taraf tersebut, penyelidik-penyelidik juga apabila mereka mempunyai *external examiner* memastikan taraf itu dikekalkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini berakhir.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan negara-negara fokus pasaran yang terdapat dalam kempen kesedaran jenama '*Beyond Nations*' dan berapakah nilai eksport dagangan Malaysia di negara-negara terlibat bagi tempoh masa 2015 hingga kini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Dalam usaha untuk mengintegrasikan lebih banyak komuniti perniagaan dalam bidang eksport, satu kempen untuk membudayakan eksport dinamakan '*Beyond Nations*' atau 'Melangkaui Negara' telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 1 September 2016. Kempen tersebut adalah di bawah kelolaan MATRADE, agensi di bawah MITI. Strategi kempen '*Beyond Nations*' adalah berdasarkan strategi lautan biru yang melihat kepada *non exporters* iaitu kumpulan paling besar dalam komuniti perniagaan.

Kempen ini beraspirasi untuk mentransformasikan mereka kepada pengeksport melalui tiga teras utama iaitu komunikasi, interaksi dan pemupukan. Inisiatif-inisiatif di dalam '*Beyond Nations*' menerapkan kaedah jalinan kerjasama awam-swasta dan masyarakat atau 4Ps (*public-private people partnership*), dengan izin. '*Beyond Nations*' melibatkan secara NBOS (*National Blue Nation Strategy*) dengan pihak TERAJU, SME Corp, SME Bank, Persatuan-persatuan Perdagangan, EXIM Bank dan MARA.

Tuan Yang di-Pertua, '*Beyond Nations*' juga akan memberi fokus kepada pemupukan keusahawanan sosial yang menjurus kepada penglibatan model perniagaan yang memberi penekanan kepada pasaran antarabangsa. Ini akan dapat memberi impak sosial bukan sahaja di dalam negara tetapi di peringkat global. Pasaran-pasaran eksport yang difokuskan dalam kempen ini adalah pasaran-pasaran seluruh dunia seperti ASEAN, Asia, Benua Amerika, Eropah, Australasia dan Afrika.

Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia adalah sebanyak RM1.5 trilion iaitu peningkatan satu peratus daripada tahun 2014. Eksport Malaysia meningkat sebanyak 1.6 peratus kepada RM779.9 bilion dan import Malaysia juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus kepada RM685.4 bilion berbanding tahun 2014. Lebihan perdagangan ialah sebanyak RM94.5 bilion. Jumlah eksport Malaysia ke ASEAN pada tahun 2015 adalah sebanyak RM219.2 bilion iaitu peningkatan 2.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014.



Secara berkelompok, *ASEAN Economic Community* adalah sumber ekonomi ketujuh terbesar di dunia dan ketiga di Asia selepas China dan Jepun. Pada tahun 2020, dijangkakan ekonomi AEC bernilai AUD4.7 trilion atau RM2.2 trilion manakala pada tahun 2050, ia bakal menjadi ekonomi keempat terbesar di dunia. Dianggarkan sejumlah 14 juta peluang pekerjaan baharu juga akan tercipta menjelang tahun 2025. Pada tahun 2015, rakan eksport utama Malaysia adalah Singapura sebanyak RM108.4 bilion, China sebanyak RM101.5 bilion, Amerika Syarikat sebanyak RM73.7 bilion, Jepun sebanyak RM72.7 bilion dan Thailand sebanyak RM44.4 bilion. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat lebih daripada 700,000 PKS di Malaysia. Justeru itu, melalui program '*Beyond Nations*' ini, berapakah jumlah anggaran PKS yang melampaui atau melepasi atau menembusi pasaran perniagaan eksport di luar negara?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Ya, benar kita ada lebih kurang 645,000 perusahaan kecil dan sederhana di negara kita. Jumlah 645,000 ini adalah 97.3 peratus daripada entiti perniagaan dalam negara. Bererti, hanya 2.7 peratus sahaja syarikat-syarikat besar dan yang lain adalah perusahaan kecil dan sederhana.

Mengapakah kita mengadakan program '*Beyond Nations*' ini? Puncanya adalah kerana daripada 645,000 PKS itu, hanya 17.6 peratus sahaja yang terlibat dengan eksport. Daripada 100 syarikat, cuma 17 syarikat yang terlibat dengan eksport. Bererti, ada begitu banyak lagi syarikat yang tidak mengeksport. Oleh kerana itu, di antara tujuan program '*Beyond Nations*' ini adalah untuk kita meningkatkan bilangan *non-exporters* kepada *exporters*. Jangkaan kita pada tahun 2020, 17.6 peratus itu boleh kita tingkatkan kepada 23 peratus. Terima kasih.

**2. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan jumlah bilangan koperasi baru yang diluluskan sepanjang lima tahun terakhir (mulai tahun 2012-2016) mengikut jenis aktiviti penubuhannya dan jelaskan bentuk insentif yang diberikan oleh SKM bagi membantu perkembangan koperasi-koperasi tersebut.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa menggalakkan penubuhan koperasi di Malaysia. Dari tahun 2012 sehingga September 2016, sebanyak 4,778 koperasi baru telah didaftarkan mengikut jenis aktiviti iaitu kredit,

pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan.

Dalam usaha membantu serta membangunkan koperasi-koperasi ini supaya dapat terus berkembang dan berdaya tahan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka, SKM menyediakan insentif seperti berikut:

- (i) pembiayaan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi iaitu bantuan pembiayaan mudah kepada koperasi bagi menjalankan projek-projeknya yang berdaya maju; dan
- (ii) penyediaan insentif berbentuk geran bantuan pembangunan perniagaan yang diberikan kepada koperasi yang sesuai serta menjalankan aktiviti perniagaan yang berdaya maju.

Terima kasih.

#### ■1030

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita difahamkan yang gerakan koperasi memang memainkan peranan yang besar dalam usaha membangunkan negara dan juga mempertingkatkan kedudukan sosial ekonomi rakyat khususnya anggota koperasi. Kita juga difahamkan yang kerajaan melakukan berbagai-bagai usaha untuk membudayakan gerakan koperasi dalam negara kita. Namun demikian, kita dapati penyertaan rakyat masih lagi berkurangan dalam gerakan koperasi.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah usaha-usaha tertentu yang dilakukan yang boleh dipertimbangkan untuk menggalakkan perwujudan koperasi-koperasi di peringkat akar umbi terutamanya di peringkat JKK, kariah masjid, persatuan penduduk dan belia khususnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan di sini, ada perkara yang mungkin Yang Berhormat tidak sedar. Apabila soalan Yang Berhormat mengatakan terdapat kekurangan penyertaan rakyat dalam gerakan koperasi ini. Saya hendak jelaskan, ini adalah satu soalan yang tidak tepat sama sekali.

Pertama, kita telah pun mempunyai melebihi 12,000 koperasi di seluruh negara. Daripada 12,000 koperasi yang telah pun ditubuhkan, ada jumlah penyertaan anggota koperasi sudah melebihi 7.5 juta. Ini adalah merupakan satu angka yang besar. Maka sudah tentu tidak ada persoalan yang ditimbulkan seolah-olah rakyat tidak mahu. Cuma apa yang kita jelaskan tadi yang saya telah jelaskan supaya SKM

ini diberikan lagi peluang untuk menggubal satu lagi akta yang mungkin dapat membantu koperasi ini untuk bersaing dengan syarikat-syarikat yang besar.

Kita telah dan sedang menggubal ini dan *insya-Allah* akan kita bawa ke Parlimen nanti untuk kita berikan kemudahan-kemudahan kepada koperasi-koperasi yang besar. Kita jadikan *tier* satu supaya ianya boleh bersaing dengan syarikat-syarikat yang besar yang saya katakan. Kepada koperasi-koperasi yang baru sahaja hendak ditubuhkan, maka kita berikan pengajaran ilmu-ilmu yang baru melalui macam-macam seminar, kursus-kursus apabila kita telah pun ada maktab koperasi Malaysia dan boleh kita gunakan ini.

Kedua, kepada *tier* yang kedua ini, kita berikan mereka yang di antara *tier* ketiga dan *tier* kedua ini, berikan beberapa bantuan. Bantuan-bantuan yang kita berikan, saya hendak jelaskan, *start up* sebagai satu contoh. *Start up* ini adalah satu program bantuan yang kita berikan dan kita boleh berikan geran sebanyak RM50,000. Itu untuk koperasi yang baru ditubuhkan.

Manakala koperasi-koperasi yang sudah pun saya katakan tadi sudah duduk ke *tier* dua tadi, kita juga boleh berikan bantuan-bantuan *skilling up* yang kita namakan supaya apa sahaja pasaran, apa sahaja produk yang mereka lakukan ini kita boleh berikan geran maksimum RM150,000. Manakala yang *tier* satu tadi mungkin sudah pun mempunyai produk-produk yang boleh dipasarkan cuma kita hendak menambahbaikkan ataupun hendak menambahkan lagi mesin-mesin yang mereka gunakan, kita boleh bagi geran maksimum RM300,000.

Maka soalan Yang Berhormat tadi seolah-olah kita tidak membantu, tidak benar. Cuma saya hendak membetulkan supaya akta ini diperbaiki sedikit supaya memberikan kemudahan kepada koperasi-koperasi yang besar. Saya hendak maklumkan, banyak koperasi yang besar di dalam negara kita, FELDA, FELCRA, RISDA. Ini semua adalah merupakan koperasi-koperasi yang telah berjaya dan kita hendak supaya mereka boleh bersaing dengan pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga yang lebih besar di luar sana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok koperasi di Malaysia ini tidaklah setaraf seperti mana di Switzerland. Koperasi yang boleh mempunyai *supermarket*. Apakah sebab-sebab mengapa koperasi kita tidak boleh berdaya maju seperti itu sedangkan insentif yang terlalu banyak yang diberikan oleh kerajaan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya faham bila kita sebut *supermarket*, ini adalah sesuatu yang kita ambil

kira sebagai satu sektor yang kita berikan tumpuan. Buat masa ini tumpuan peruncitan dan pemborongan ini adalah satu-satunya sektor yang kita ambil sebagai satu sektor yang boleh dipertingkatkan dan membantu kerajaan terutamanya daripada masalah *cost of living*.

Maka sebab itu, oleh sebab koperasi ini adalah sesuatu agenda *community base*, maka bermakna kalau di negara-negara Eropah ini, mereka berikan tumpuan dan semua akan membeli daripada *supermarket* yang mereka sendiri tubuhkan. Manakala kita berbeza sedikit di sini. Kita mempunyai banyak kedai *retail* yang boleh bersaing dengan *supermarkets* yang akan ditubuhkan oleh koperasi.

Maka sebab itu kita hendak menjadikan satu kaedah *supply* yang akan berterusan kita berikan, ada jenama melalui koperasi ini dan diberikan peningkatan dari segi agenda, *retail*, runcit dan pemborongan ini. *Insya-Allah* kalau ini boleh berlaku dan kerjasama akan kita lakukan dengan mereka, *suppliers* yang besar ini saya rasa *insya-Allah* kita mampu untuk mempertingkatkan *supermarket* yang ditubuhkan oleh koperasi-koperasi dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**[Soalan No. 3 – YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Haji Musa (Ketereh) tidak hadir]**

**4. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah graduan perubatan, doktor gigi "*dental*" dan farmasi yang masih menunggu peluang untuk menjalankan *apprenticeship* mereka sebelum mereka berkelayakan menjalani amalan sebagai doktor, doktor gigi dan farmasis berlesen dan apakah solusi yang dicadangkan untuk menangani masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 12 pada hari ini daripada Yang Berhormat Sibul, Tuan Oscar Ling Chai Yew dan juga pada 9 November 2016, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Dato' Dr. Nik Mazlan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya agak panjang sedikit oleh sebab ia merangkumi bidang perubatan, pergigian dan juga farmasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga September 2016 terdapat seramai 6,587 graduan perubatan, 880 graduan pergigian dan 1,250

graduan farmasi yang telah berdaftar dan dipanggil untuk temu duga oleh SPA Tuan Yang di-Pertua.

Daripada jumlah ini, seramai 3,779 atau 57.4% iaitu 2,800 graduan perubatan, 536 graduan pergigian dan 399 graduan farmasi yang telah diberi penempatan. Manakala baki seramai 2,808 graduan semua sekali dalam bidang perubatan, pergigian dan juga farmasi yang belum diberi penempatan dan akan dilantik secara berfasa.

Antara sebab utama kelewatan penempatan graduan terlibat ialah kerana usaha untuk menyediakan penempatan latihan berbanding dengan peningkatan ketara bilangan keluaran graduan dari dalam dan luar negara. Pada masa ini hanya 10,362 penempatan latihan siswazah bagi pegawai perubatan sementara bagi graduan pergigian, penempatan adalah bergantung pada keupayaan dan dalam menyediakan peralatan dan kerusi pergigian (*dental chair*) dan penempatan pegawai farmasi adalah berdasarkan nisbah satu *preceptor* atau penyelia kepada empat graduan farmasi bagi tujuan menjalani latihan *professionally registered pharmacy* Tuan Yang di-Pertua.

Berdasarkan statistik keluaran graduan, tahun 2010 berbanding dengan tahun 2015 menunjukkan bilangan graduan perubatan meningkat sebanyak 27% iaitu 3,252 kepada 4,140. Bagi graduan pergigian pula peningkatan berlaku sebanyak 205% iaitu daripada 321 kepada 980 graduan.

#### ■1040

Graduan farmasi pula telah pun meningkat sebanyak 60.6% iaitu daripada 925 kepada 1,486 dan *trend* peningkatan ini dijangka berterusan disebabkan keluaran dari universiti swasta dan universiti luar negara yang meningkat pada setiap tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Selain itu, kelewatan penempatan khususnya bagi graduan perubatan juga berlaku disebabkan terdapat graduan yang telah ditawarkan pelantikan tetapi menanggung pemilihan penempatan mereka sehingga enam bulan kerana ingin ditempatkan di hospital di sekitar Lembah Klang yang tidak lagi mempunyai kekosongan jawatan latihan siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang dilaksanakan bagi perancangan jangka panjang kementerian untuk mengatasi isu atau *backlog* kelewatan penempatan oleh KKM adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua:

- (i) bagi graduan perubatan, melanjutkan moratorium bagi bidang perubatan untuk tempoh lima tahun lagi bagi mengawal bilangan graduan perubatan dalam negara;

- (ii) mengkaji untuk menambah bilangan hospital latihan siswazah daripada sejumlah 44 sekarang yang sedia ada. Penambahan bilangan hospital ini penting bagi memastikan pegawai perubatan diberi latihan dapat ditambah dan dilatih yang diberi memenuhi standard amalan perubatan yang ditetapkan. Pada tahun 2009, terdapat 38 buah hospital latihan siswazah dan telah meningkat kepada 44 buah hospital pada 2016, tahun ini. KKM juga meningkatkan bilangan hospital latihan siswazah termasuklah akan melaksanakan latihan siswazah di rangkaian Hospital Angkatan Tentera Malaysia dan juga Hospital Shah Alam; dan
- (iii) pilihan penempatan untuk latihan siswazah dibuat sendiri oleh PPS ataupun Pegawai Perubatan Siswazah secara atas talian melalui eHousemen, dengan izin, jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di luar Lembah Klang atau di pedalaman yang mempunyai banyak kekosongan, maka graduan tidak perlu menunggu lama untuk menjalani latihan siswazah. Sebaliknya jika graduan tersebut berhasrat untuk bertugas di bandar-bandar yang tiada kekosongan, maka graduan tersebut perlulah menunggu lebih lama. Pengambilan pegawai perubatan siswazah dibuat secara kerap iaitu setiap dua bulan sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi graduan pergigian, pelaksanaan moratorium program pergigian yang di kuatkuasakan untuk tempoh lima tahun sehingga 2015 dengan had pengambilan pelajar pergigian dalam negara kepada 800 setahun. Bagi menangani kekangan peralatan dan kerusi pergigian ataupun *dental chair* di *facility* pergigian, KKM telah mengambil inisiatif seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua:

- (i) mengadakan *outreach program* seperti membuat lawatan ke sekolah rendah dan menengah dan juga klinik ibu mengandung;
- (ii) penempatan pegawai pergigian secara tetap di klinik-klinik yang sebelum ini memberi perkhidmatan pergigian hanya melalui lawatan secara berkala oleh pegawai pergigian; dan
- (iii) penambahan *facilities* kesihatan pergigian selaras dengan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* di RTC dan UTC.

Selain itu, KKM mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) pengurangan tempoh khidmat wajib pada tahun 2012 adalah daripada tiga tahun kepada dua tahun dan pada tahun 2015, tempoh perkhidmatan wajib pegawai pergigian dikurangkan daripada dua tahun kepada setahun; dan
- (ii) KKM juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan bagi membolehkan perkhidmatan khidmat wajib, *vocational attachment*, graduan pergigian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), hospital dan klinik swasta yang diiktiraf bagi tempoh tertentu. Justeru, tidak perlu pelantikan ke dalam perkhidmatan awam bagi tujuan khidmat wajib.

Tuan Yang di-Pertua, bagi graduan farmasi, Dasar Liberalisasi Perkhidmatan Farmasi, calon boleh memohon pekerjaan dan menjalani latihan farmasi di 353 premis swasta tanpa perlu dilantik oleh SPA. Pegawai Farmasi yang memilih menggunakan dasar ini tidak perlu memohon kepada SPA untuk berkhidmat dengan kerajaan. Selain itu, Lembaga Farmasi Malaysia juga sedang mengkaji kesesuaian latihan PRP atau *Profesional Research Pharmacy*, dimasukkan ke dalam kurikulum Ijazah Sarjana Farmasi bagi mengatasi masalah penempatan latihan siswazah ini dan juga moratorium bagi Ijazah Pertama.

Isu kelewatan penempatan ini mendapat perhatian serius daripada kerajaan dan langkah penyelesaian secara menyeluruh sedang di peringkat akhir tindakan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu sebab yang penting yang utamanya, kenapa masalah ini wujud? Ia adalah kerana kerajaan telah mengeluarkan terlalu banyak lesen kepada kolej swasta dan universiti swasta supaya menjalankan kursus-kursus perubatan. Sehingga sekarang, pelajar-pelajar yang diterima masuk untuk menjalankan kursus perubatan, standard amat menurun, amatlah rendah dan dengan kesusutan jawatan untuk *housemanship* yang sekarang apa yang dijalankan adalah *by contract basis*. Akan tetapi masalahnya adalah jawatan di *training* hospital amat berkurangan.

Oleh itu, bagaimana kerajaan hendak memastikan bahawa standard *housemanship* yang dijalankan ini memang benar-benar memberi satu *training* yang sempurna untuk menjamin doktor-doktor yang akhirnya sudah tamat *training course*, mereka mempunyai satu standard yang boleh diterima dan bukan hanya untuk mencapai satu statistik di mana kita ada beberapa orang doktor, beberapa orang graduan sudah layak untuk menjalankan doktor. Maka soalan saya adalah, oleh sebab

kekurangan jawatan di *training* hospital, walaupun ramai ditempatkan untuk *apprenticeship* tetapi *training* yang mereka terima bukan seperti yang dahulu.

Dulu satu *intern*, mereka diwajibkan menjaga 20-30 orang pesakit. Sekarang hanya lima ke 10 orang pesakit sahaja. Oleh itu, pengalaman yang mereka terima, *training* yang mereka terima dalam kursus *apprenticeship* ini amatlah kurang. Ini akan menjejaskan standard perubatan negara kita. So, soalan saya adalah bagaimana kerajaan hendak menjamin standard ini akan di-*maintain*?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak nafikan bahawa keluaran *graduate* siswazah perubatan contohnya, sekarang dalam keadaan yang tinggi, dalam negara dan luar negara. Dalam negara, kita ada 33 buah institusi yang keluarkan *graduate* dan ini tidak termasuk yang tujuh lagi universiti yang belum lagi keluar *graduate*. Kalau yang ini pun keluar *graduate* juga, maka jumlah ini akan bertambah lagi. Ini tidak termasuk yang pihak kerajaan telah pun *recognize*, dengan izin, 338 buah lagi kolej di luar negara. Semua ini balik, sekarang ini kita ada lebih kurang 5,000 *graduates* tiap-tiap tahun. Ini bercakap tentang perubatan sahaja.

Sekarang ini memang kita ada konsep eHousemen di mana *graduate* yang baru keluar ini mereka akan masuk ke dalam website kita. Dua bulan sekali dibuka, dia masuk dan dia boleh pilih mana-mana hospital hendak pergi. Majoriti daripada mereka memilih hendak buat *houseman* di dalam Klang Valley, dalam bandar besar seperti Penang, Johor, Ipoh dan sebagainya. Sedikit sangat yang hendak buat di hospital yang jauh seperti Bintulu, Sibu dan sebagainya. Ada kosong, bukan tidak ada, memang ada kosong. Hampir 1,000 lagi jawatan *houseman* tidak diisi kerana mereka tidak mahu pergi.

#### ■1050

Jadi pilihan mereka sendiri sebab itu mereka terpaksa tunggu sehingga enam bulan sehingga hampir lapan bulan untuk dapatkan penempatan di *Klang Valley*. Ini masalah pemilihan mereka sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi hendak menjaga kualiti *housemen* yang mendapat latihan ini, dahulu kita latih setahun sekarang *housemen* kena buat dua tahun. Dahulu ada disiplin empat sahaja sekarang ada enam disiplin yang kena belajar termasuklah *surgery*, ortopedik, *medicine* berbagai-bagai— ada dua tahun.

Tiap-tiap *this posting* dia bagi tempoh empat bulan, kalau empat bulan tidak lulus tambah lagi dua bulan, tidak lulus juga, tidak *qualified* juga tambah lagi dua bulan, tidak *qualified* juga kita pindahkan dia ke hospital lain kerana mungkin *environment* dia tidak begitu sesuai dengan dia, pindah hospital lain tambah lagi tiga bulan. Maknanya sudah ada 11 bulan untuk hendak lulus satu-satu *posting*. Kalau ini pun tidak lulus



juga, maka *housemen* ini akan dihadapkan ke satu jawatankuasa. Jawatankuasa ini akan membuat keputusan sama ada hendak *terminate* terus ataupun terpujanglah kepada keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini di mana kualiti itu kena jaga, Tuan Yang di-Pertua.

Hari ini memanglah *housemen* ramai, kalau dahulu masa saya dahulu, *I had the whole ward to myself* kerana pakar satu wad untuk 30 orang, 30 jaga satu *housemen* tetapi sekarang ini kita *limit*-kan satu pakar dia jaga lima sahaja lima *housemen* dan oleh kerana ramai satu *housemen* dibagi tiga katil sahaja untuk hendak buat latihan. Jadi dia kena bersungguh-sungguh untuk hendak dapatkan pengalaman daripada ketiga-tiga katil itu. Akan tetapi tiga katil itu bermakna bukan pesakit itu berubah-ubah dan kita pilih hospital yang hendak buat latihan yang betul ada *a good mix of cases*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi pengalaman saya kira dengan tumpuan yang diberi oleh pakar, dia akan dapat pengalaman yang cukup, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh lagi satu soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapati *medical officer* ataupun pegawai perubatan dari luar negara contohnya dari Myanmar tidak dapat berkomunikasi dengan baik dengan penduduk-penduduk tempatan di hospital. Ini menyebabkan aduan-aduan dan masalah kepada pesakit. Soalan saya ialah apakah syarat yang diletakkan oleh kementerian terhadap graduan-graduan perubatan doktor gigi dan farmasi dari luar negara untuk berkhidmat di hospital kerajaan dan adakah faktor komunikasi itu dipertimbangkan dan soalan saya satu lagi kenapakah kita tidak mengambil doktor dari Indonesia yang senang berkomunikasi dengan rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi lantikan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan sekarang Tuan Yang di-Pertua, dahulu memang saya memang setuju kerana dahulu memang ramai *expatriate* doktor-doktor yang diimport dari luar, dari Myanmar dan sebagainya memang ada. Akan tetapi sekarang ini saya rasa jumlahnya amat-amat kecil sekali. Yang ada sekarang ini MO saya ingat sudah hampir tidak ada sudah dan pakar ada jumlah kecil di Sabah dan Sarawak masih lagi kita import.

Jadi isu komunikasi ini mungkin sekarang ini tidak timbul lagi sudah. Dahulu memanglah doktor Myanmar datang dia hendak bercakap susah jadi macam itik

dengan ayam bercakap, jadi masalah besarlah. Jadi Indonesia sekarang ini seperti saya sebut tadi kita tidak ambil tetapi yang *graduate* dari Indonesia ada juga sedikit masalah dari segi bahasa *housemen* yang balik dia dilatih dalam bahasa Indonesia bila datang balik ke Malaysia dia kena *adapt* jadi terminologinya berbeza-beza. Jadi dia kena berlatih semula untuk *adapt* kepada keadaan kita di sini di mana kita banyak gunakan bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh lagi satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Doktor, sila.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa ramai yang masih lagi tidak dapat bertugas sebagai *housemen* kerana mereka memilih bandar-bandar yang besar. Pertama saya ingin tahu semenjak bila polisi kita boleh pilih di mana kita hendak dilatih ini.

Kedua adalah satu persepsi di luar sana di kalangan anak-anak kita yang graduan perubatan ini yang mengatakan bahawa hospital-hospital tertentu terutamanya di Sabah dan Sarawak tidak cukup tenaga pengajar ataupun tenaga pembimbing dari segi *specialities* dan juga doktor-doktor yang senior untuk orang kata membimbing mereka dalam masa mereka menjadi *housemen*. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, eHouseman ini kita sudah *introduced*, dengan izin pada tahun lepas. Jadi tiap-tiap dua bulan sekali memang dibuka dan mereka boleh pilih sendirilah mana mereka hendak pergi seperti yang saya sebut tadi. Tentang hospital latihan ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada 44 hendak tambah lagi hospital tentera, hospital di bawah angkatan tentera dan juga Shah Alam. Hendak tambah jadi banyak lagilah. Kriterianya ialah dia mesti ada *resident* pakar di mana pakar yang memang bekerja di hospital itu bukan yang melawat, jadi itu kriteria dia. Jadi kalau dia tidak menepati kriteria itu tidak boleh menjadi hospital yang ada latihan *housemen* dan dia kena ada *a good mix of cases*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Bermakna berbagai-bagai jenis penyakit terdapat di situ maka barulah dia ada kriteria untuk hendak membuat latihan. Jadi saya ingat tidak timbul masalah tidak cukup *specialist*, tidak cukup memang tidak boleh ambil doktor siswazah untuk berlatih di situ,

**5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) tujuan dan hasrat Kerajaan dalam membenarkan pihak pemaju hartanah bertindak untuk meminjamkan wang bagi pembelian rumah; dan
- (b) apakah kesan tindakan ini kepada pembeli rumah, institusi perbankan dan juga pemaju hartanah yang lain.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** *[Ketawa]* Tidak apalah sebab dia tengah bersemangat. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat mengutarakan soalan-soalan berkaitan isu cadangan pemberian lesen Pemberi Pinjaman Wang (PPW) kepada pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Tanjung Manis, Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Kuala Nerus bertarikh 2 November 2016, Yang Berhormat Ipoh Timur bertarikh 10 November 2016, Yang Berhormat Pengkalan Chepa bertarikh 21 November 2016 dan Yang Berhormat Ampang bertarikh 22 November 2016 kerana kesemuanya membangkitkan isu mengenai pemberian lesen Pemberi Pinjaman Wang kepada pemaju hartanah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman saya untuk membenarkan syarikat pemaju perumahan memberi pinjaman kepada pembeli rumah telah mendapat maklum balas dari berbagai-bagai pihak serta mengundang berbagai-bagai spekulasi mengenai isu ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi ini sebenarnya telah lama wujud sebelum saya menjadi menteri lagi dan sebanyak 54 syarikat pemaju perumahan telah pun diberi lesen pemberi pinjaman wang untuk membiayai pinjaman sebagai *bridging* kepada bayaran muka ataupun deposit pembelian rumah. Mekanisme ini sebenarnya adalah satu daripada alternatif kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan sumber pembiayaan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 atau Akta 400 di bawah seliaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selama ini kementerian tidak mempunyai garis panduan yang jelas berkenaan mekanisme pinjaman daripada pemaju. Saya telah pun kemukakan perkara ini dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengkaji dan menambah baik polisi ini terutamanya yang dari segi keberkesanan polisi ini

dalam membantu rakyat untuk membiayai pembelian rumah, kadar faedah dan tempoh pembayaran balik supaya tidak membebankan rakyat dan garis panduan yang jelas dan mudah difahami oleh kedua-dua syarikat pemegang lesen pemberi pinjam wang dan juga peminjam.

■1100

Pihak kementerian telah mengambil tindakan proaktif dan melihat secara keseluruhan keberkesanan fasiliti pembiayaan wang di bawah peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 atau Akta 400 supaya tidak disalahgunakan oleh pemegang lesen yang tidak bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, saya ingin tegaskan mekanisme ini bukannya satu penggalakan gejala along seperti banyak yang mendakwa. Oleh kerana setiap pemaju perumahan tertakluk kepada Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951, Akta 400 dan juga tertakluk kepada Akta Pemajuan Perumahan 1956, Akta 118 yang mewajibkan setiap pemaju menghantar laporan kewangan mereka kepada pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Menteri diucapkan terima kasih, kerana itu memberi penjelasan yang tepat. Ada kebbaikannya yang saya lihat daripada jawapan itu lebih kepada pembeli-pembeli tanah. Saya ingin merujuk apa yang berlaku pada Januari 2014 iaitu Bank Negara telah pun melarang pelaksanaan Skim Tanggungan Faedah Pemaju pada seketika itu. Walaupun dalam Akta 400 ini ada dan saya alu-alukan garis panduan itu harus diperhalusi.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian dapat meminjam ataupun memanjangkan pelaksanaan ini kepada negeri Sabah dan Sarawak dan bila? Apakah tindak balas ataupun reaksi daripada kerajaan negeri terhadap cadangan apabila Yang Berhormat Menteri mengumumkan perkara sedemikian?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Pertama sekali, saya nyatakan tadi bahawa Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 ini memang di bawah bidang kuasa kementerian KPKT dan ada mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Ia tidak ada kaitan dengan Bank Negara kerana di bawah akta ini memang diberikan kuasa kepada KPKT untuk memberikan lesen untuk peminjam wang.

Kedua, saya ingin maklumkan bahawa pentadbiran pelesenan pemberi pinjam wang di Sabah tidak tertakluk di bawah akta ini. Oleh kerana di Sabah ia tertakluk di bawah seliaan Kementerian Kewangan Sabah, pentadbiran pelesenan di Sabah di bawah kementerian di Sabah, di Sarawak juga tidak terpakai akta ini kerana di Sarawak ia terletak di bawah seliaan Jabatan Ketua Menteri dan juga pejabat lesen.

Begitu juga lesen ini ia tidak terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi, yang terpakai hanya di Semenanjung. Jadi, ini terpulanglah kepada negeri masing-masing untuk melaksanakan dan ini hak mereka sendiri. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Walaupun cadangan yang dicadangkan oleh kementerian ini satu usaha yang baik untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang nak pinjam tetapi dari segi amalannya ataupun dari segi praktikalnya, ia akan memberikan masalah. Terutama kepada syarikat yang memberikan pinjam ini akan mengenakan faedah yang tinggi. Sudah tentulah yang setakat *4 percent* hingga *8 percent* hari ini pun agak sukar mereka nak membayar.

Maka, sudah tentu syarikat yang kalau kita mencadangkan pula kepada syarikat perumahan ataupun hartanah ini pula memberikan pinjaman ini, pada pandangan saya ia boleh mendatangkan kemudaratan yang agak berat kepada mereka yang memang sedia ada masalah. Sepatutnya kerajaan perlu mencari formula yang lain. Antaranya ialah supaya diturunkan harga rumah supaya membolehkan mereka yang tidak berkemampuan ini ataupun tidak sampai untuk syarikat-syarikat kewangan untuk memberi pinjaman kepada mereka. Terima kasih Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gantang yang bertanya ada dua soalan. Yang pertama, sama ada memberikan pinjaman ini akan membebankan peminjam. Saya ingin nyatakan bahawa *interest* yang diuar-uarkan selama ini, itu adalah *interest* yang termaktub di dalam akta ini. Di mana dalam akta ini mengatakan bahawa kalau pinjaman tanpa kolateral, 18 peratus *interest* nya, kalau dengan kolateral 12 peratus.

Akan tetapi saya ingin tegaskan di dalam akta ini juga ada memberikan kuasa kepada pihak kementerian untuk menentukan *interest-interest* yang tertentu. Jadi, oleh kerana itulah saya telah nyatakan tadi bahawa kalau selama ini kita tidak letakkan garis panduan yang jelas, kita bukan sahaja akan mengkaji *interest* nya tetapi juga tempoh masa bayar balik supaya ianya tidak membebankan kepada peminjam.

Jadi, dalam soal sama ada mereka ini layak pinjam ataupun tidak, ini terpulang kepada pemaju. Pemaju pun daripada laporan yang kita dapat, pemaju pun dia tidak bagi kepada semua orang, dia tengok sama ada orang ini layak atau tidak layak untuk diberikan pinjaman dan kemampuan untuk pulang balik. Oleh kerana waktu peminjam ini beri pinjaman, ia hanya sebagai *personal loan* kerana kolateral telah pun letak pada bank. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat kata mengenai harga rumah. Saya lihat betul Yang Berhormat kata harga rumah menyebabkan adanya *mismatch* tetapi masalah yang lebih besar lagi ialah masalah *end financing*. Sebagai contoh, katalah pinjaman ini kita tentukan kepada harga rumah bawah RM300,000. Bank bagi 80 peratus, bermakna RM2,400. Kemudian mungkin pembeli ini ada 10 peratus, jadi dia hanya ada RM270,000. Mana dia nak cari lagi RM30,000 ataupun 10 peratus ini. Ini yang kadang-kadang kita lihat ada orang nak cukupkan 10 peratus ini kerana tidak cukup duitnya, dia buat koperasi, pinjam pada koperasi, ada yang pakai *MasterCard* dan sebagainya. Jadi, sebab itu kita memberikan peluang ini kepada pemaju. Kalau dia nak, *just fill the bridging* itu sahaja 10 peratus. Jadi, ini akan memberi peluang kepada pemaju untuk menjual rumah mereka dan memberi peluang kepada pembeli untuk dapat rumah.

Sebagai contoh, seperti mana yang saya pernah maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, apabila kita perkenalkan skim MyDeposit, kita tawar seribu orang lebih dapat tetapi oleh kerana dia tidak dapat *end financing* kerana bank hanya bagi 70 peratus, dia ada 10 peratus, kita hendak bagi 10 peratus, akhirnya dia tidak boleh pinjam kerana dia masih tidak cukup baki 10 peratus itu. Seperti MyDeposit daripada 1,900 kalau tidak silap kita tawarkan, akhirnya yang mampu 200 lebih sahaja.

Jadi, kerana itulah ini yang baru dilaksanakan tetapi seperti mana yang saya nyatakan bahawa kita kena kaji secara lebih teliti lagi dan kalau perlu pindaan kepada akta ini, kita akan buat pindaan. Jadi, kajian menyeluruh kita akan buat dan kita telah pun mengadakan perjumpaan dengan persatuan pembeli rumah, dengan persatuan pemaju, untuk kita mendapat pandangan semua pihak sebelum kita membuat sesuatu yang lebih berkesan lagi. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, mengikut saya difahamkan bahawa faedah yang dikenakan untuk peminjam ialah 8 peratus maksimum. Adakah kementerian bercadang bahawa faedah ini dikurangkan sehingga satu tahap yang boleh ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah yang pinjam melalui faedah yang dicadangkan oleh Menteri baru-baru ini? Terima kasih.

■1110

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa faedah yang dikenakan untuk peminjam ialah 18 peratus maksimum. Adakah kementerian bercadang bahawa faedah ini dikurangkan sehingga satu tahap yang lebih boleh ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah yang pinjam melalui faedah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Ya kita macam mana saya nyatakan tadi *interest* 18 peratus kalau tidak ada kolateral, 12 peratus ada kolateral itu dalam akta. Akan tetapi dalam akta ini juga ada kuasa Menteri untuk menentukan *interest*. Oleh sebab itulah saya kata tadi bahawa kita akan melihat *interest* ini sebab *interest* ini setelah kita berbincang sudah tentulah *interest* ini tidak boleh lebih kurang sama dengan bank. Seperti mana ada beberapa buah syarikat yang menggunakan lesen ini dia mengenakan lesen ini BLR *plus 2 percent*. Ada juga yang kita tengok dia kenakan BLR campur satu peratus. Jadi syarat-syarat ini kita akan tentukan dan kita akan pastikan *interest* ini tidak akan membebankan rakyat. Kalau kita letakkan syarat nanti berapa *interest* mesti dikenakan terpulang kepada pemaju. Kalau dia sanggup, dia ambillah lesen kita. Kalau tidak sanggup, tidak ada apa-apa halangan. Akan tetapi kita akan pastikan ia akan melindungi hak-hak pembeli. Terima kasih.

**6. Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan bolehkan Kementerian mengadakan Seminar Perdana untuk masyarakat Orang Asli bagi mendapatkan butiran/permasalahan yang dihadapi demi menaikkan taraf kehidupan mereka.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Lumut. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan pelbagai program dan bantuan ke arah merealisasikan agenda untuk menaikkan taraf hidup dan kemajuan bagi masyarakat Orang Asli. Dinilai dari segi pembangunan modal insan, pembangunan fizikal juga menjadi pelaksana kepada program utama di dalam Program Transformasi Luar Bandar di peringkat kementerian.

Berikutan dengan cadangan daripada Yang Berhormat di sini kita hendak maklumkan bahawasanya kementerian melalui JAKOA akan mempertimbangkan cadangan yang baik daripada Yang Berhormat tersebut mengikut kesesuaian kaedah mekanisme pelaksanaannya. Juga untuk makluman Yang Berhormat kita telah mengenal pasti setiap isu permasalahan bagi meningkatkan dan menaik taraf serta memajukan kualiti hidup masyarakat Orang Asli melalui pemimpin-pemimpin tempatan seperti Tok Batin, Pengerusi serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang melibatkan Orang Asli.

Juga kita telah mengadakan program simposium yang melibatkan pemimpin-pemimpin akar umbi. Melalui program inilah untuk makluman Yang Berhormat kita

dapat mengenal pasti dan berbincang dengan mereka apakah permasalahan mereka yang sebenarnya. Kemudian kita bawa ke peringkat mesyuarat kita di kementerian dan kita sentiasa mencari jalan dan langkah yang segera kerana kita faham masalah Orang Asli ini adalah merupakan masalah utama yang perlu kita selesaikan dalam kadar secepat mungkin. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mewakili mantan Ketua Pegawai Program Orang Asli Radio Televisyen Malaysia. Mereka melihat masyarakat Orang Asli terpinggir sedikit. Kalau kita lihat pencerobohan tanah-tanah adat mereka, mereka tidak dapat pembelaan sewajarnya daripada pihak kerajaan. Begitu juga mereka melihat banyak jawatan yang dirasakan layak untuk ditawarkan kepada Orang Asli tidak ditawarkan kepada mereka. Contohnya Pengarah Jabatan Orang Asli di negeri-negeri. Itu mereka rasakan mereka ada warga yang telah berkelayakan dan sepatutnyalah ditawarkan kepada mereka.

Lagi mereka rasakan yang teramat sangat apabila baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan. Perdana Menteri lupa jemput wakil Orang-orang Asli untuk bersama kita di Parlimen ini. Jadi untuk itu kita minta kerajaan mempertimbangkannya. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut sebenarnya soalan berkenaan dengan Orang Asli daripada Yang Berhormat ini ada dua, tiga hari lepas tetapi tidak sempat naik. Saya nampaknya macam Yang Berhormat hari ini macam melepaskan geram sedikit.

Untuk makluman Yang Berhormat, pertama berkaitan dengan tanah adat Orang Asli. Baru-baru ini kita dapat lihat di Gua Musang, masyarakat Orang Asli telah mengadakan tunjuk perasaan beberapa kali untuk membantah kawasan-kawasan rayau mereka yang kononnya telah diberi kebenaran oleh pihak kerajaan negeri untuk diluluskan barangkali kawasan pertanian yang melibatkan tanah dikeluarkan, kawasan balak, balak-balak dikeluarkan.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kalau masalah di Gua Musang itu ia masih di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan belum lagi diwartakan sebagai kawasan Orang Asli. Maka kita tidak mempunyai hak dalam soal itu dan terpulanglah kepada pihak kerajaan negeri. Cuma pandangan kita pihak kementerian mewakili masyarakat Orang Asli supaya pengeluaran-pengeluaran lesen ini di mana-mana sahaja bukan sahaja di Kelantan, di negeri lain juga. Kalau boleh mengambil



kira-kira penyelesaian masyarakat Orang Asli yang mana hutan merupakan dunia mereka walaupun mereka kita telah hijrahkan berada di bandar-bandar dan kita bagi pendedahan kepada mereka.

Di sini saya rasa bolehlah saya sebut sedikit kepada Yang Berhormat. Sebanyak 127,538 hektar yang telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli yang melibatkan 717 buah kampung. Dalam proses warta 12,538 hektar yang melibatkan 154 buah kampung. Dalam proses permohonan maksud saya seperti yang saya sebut tadi kepada kerajaan negeri 75,171 hektar melibatkan 427 buah kampung manakala belum warta 136 buah kampung melibatkan 28,165 hektar dan proses sedang giat dijalankan. Kita berharap perkara ini dapat kita selesaikan dalam tempoh yang terdekat.

Berkenaan dengan jemputan kepada pemimpin Orang Asli semasa ucapan belanjawan. Saya rasa Yang Berhormat telah terlepas pandang bahawasanya tanda waktu itu Yang Berhormat keluar dewan tidak, saya tidak tahu. Rasa Yang Berhormat saya tidak perasan, tidak ada di tempat kerusi, mungkin ke tandaslah kalau tidak keluar pun, cuma masuk sahaja lewat sedikit. Untuk makluman Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat terlepas pandang hari itu ada wakil Orang Asli, Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid juga mantan Pengarah JAKOA Negeri.

Juga saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat mendakwa bahawasanya bekas apa tadi saya lupa, bahawasanya kita meminggirkan Orang Asli dalam soal jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Sebenarnya pelantikan ke penjawat awam ini ialah tertakluk kepada dasar yang diguna pakai oleh pihak berkuasa untuk melantik. Bukan kuasa kementerian memaksa jabatan mana mesti ambil orang ini sebagai pengarah mana-mana. Akan tetapi kalau hendak disebut di sini Yang Berhormat berasal dari Perak sepatutnya Yang Berhormat periksa dahulu soalan Yang Berhormat sebelum tanya saya. *[Disampuk]* Lumut, Perak kan? Pengarah JAKOA Perak dan Kedah ini sebenarnya Orang Asli. Tidak apalah saya maklum fasal kawasan Yang Berhormat tidak ada Orang Asli tidak salah. Kalau saya pun mungkin beranggapan seperti Yang Berhormat juga kerana Yang Berhormat memang prihatin dengan Orang Asli ini.

Untuk makluman Yang Berhormat kalau saya hendak sebut sini, banyak Orang-orang Asli yang telah menjawat jawatan dalam sektor awam dan juga swasta. Saya rasa kalau Yang Berhormat hendak suruh saya jawab sini pun boleh. Saya takut rugi masa bagi peluang Tuan Yang di-Pertua kepada soalan-soalan lain. Saya ada kalau Yang Berhormat hendak satu persatu. Jadi saya rasa saya bagi bertulislah

lepas ini Yang Berhormat. Setuju tidak? Kalau tidak setuju saya baca. *[Disampuk]* Hendak tahu juga ya hendak uji sayalah ini kot ya? Okey.

■1120

Untuk makluman Yang Berhormat... *[Disampuk]* Baca dua tiga. Keseluruhan Orang Asli yang menjawat jawatan, sama ada di dalam sektor awam ataupun swasta adalah seramai 3,000 orang lebih dan ada di kalangan mereka yang telah pun menjadi PTD. Saya bagi contoh seorang, Puan Nor Shatta a/p Nan, Pegawai Tadbir Diplomatik. Banyak. Kalau saya hendak baca juga di sini, pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negara, tahun ini kita menyasarkan 18 orang pelajar yang kita hantar ke luar negara yang ditaja sepenuhnya oleh kerajaan termasuk ke UK, Australia, Amerika, Jepun dan sehinggalah ke peringkat pengajian PhD ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Maka kalau ada yang beranggapan, saya tidak kata Yang Berhormat menganggap. Kalau ada yang menganggap kerajaan meminggirkan Orang Asli, ini adalah satu dakwaan yang tidak berasas. Yang Berhormat hendak *detail*, saya boleh bagi selepas ini dan sekarang ini juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana tidak pernah meminggirkan saudara mara kita daripada Orang Asli. Walaupun dicuba untuk membuktikan sebaliknya tetapi tahniah kepada kementerian kerana dapat memberi data-data dan fakta sebenar.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah cabaran utama di dalam usaha kita menaik taraf kehidupan masyarakat Orang Asli di dalam negara ini? Adakah kerajaan melihat kaedah yang dipakai oleh negara luar dalam berdepan isu penduduk asal di sesuatu negara tersebut? Di kawasan saya sebagai contoh, masalah penempatan tanah mereka yang masih belum selesai. Saya harap sangat pihak kementerian melihat kepada perkara ini kerana mereka ini sangat penting dan saya sayang kepada mereka.

Jadi saya harap masalah ini dapat diselesaikan dan satu jangka masa yang sesuai diberikan kepada saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Masalah tanah, saya rasa saya sudah sebut tadi Yang Berhormat. Kita dalam usaha untuk menyelesaikannya dalam masa yang terdekat ini. Yang Berhormat membangkitkan apakah perkara-perkara permasalahan

utama yang melibatkan Orang Asli untuk kita menaik taraf, kita melihat kehidupan masa depan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, masyarakat Orang Asli ini ada yang berada di kawasan bandar dan sekarang yang kita lakukan penempatan-penempatan baru. Begitu juga ada di kalangan mereka ini yang masih berada di kawasan pedalaman. Jadi, antara perkara yang kita lihat di sini adalah seawal pendidikan Tahun 1 ataupun Darjah 1 masyarakat Orang Asli ini, kita terpaksa menempatkan mereka di asrama.

Bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, kalau anak kita pada umur tujuh tahun, lapan tahun, sembilan tahun terpaksa dipisahkan dengan keluarga dan berada di asrama. Siapa yang lepas UPSR, yang cemerlang, kita letak di Tingkatan 1 di asrama pun ada yang meraung malam-malam teringat dekat mak, teringat dekat bantal busuk dan macam-macam, ini apatah lagi anak Orang Asli. Ini adalah antara cabaran kerana kita tidak mampu.

Kita sediakan pengangkutan tetapi pengangkutan harian untuk mengangkut anak-anak Orang Asli daripada kawasan pedalaman ke sekolah, ini adalah satu perkara yang mustahil. Ada yang 40 kilometer, 30 kilometer berada di kawasan pedalaman. Kalau kita bawa mereka keluar untuk ke sekolah contohnya, sudah tentu memakan masa berjam-jam dan untuk menghantar balik. Maka asrama-asrama kita sediakan Tuan Yang di-Pertua, untuk anak-anak Orang Asli. Ini antara masalah dan kekangan yang menyebabkan ada di kalangan mereka terpaksa kita beri motivasi kepada ibu bapa untuk membolehkan ibu bapa merelakan anak-anak mereka yang masih kecil ini ditempatkan di asrama-asrama dan dijaga oleh guru-guru.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafikan barangkali ada dalam peringatan semua Ahli Yang Berhormat tentang bekalan-bekalan kemudahan asas kepada mereka. Setakat ini, kita juga telah mengenal pasti kampung-kampung yang kita hendak bagi bantuan dari segi bekalan elektrik dan juga bekalan air kepada masyarakat Orang Asli. Banyak lagi kampung. Kita tidak nafikan di sini, kita tidak nafikan banyak lagi kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik. Contohnya 167 buah kampung lagi belum menerima bekalan elektrik daripada 686 sudah sama ada bekalan elektrik alternatif.

Begitu juga daripada segi bekalan air, 670 buah kampung sudah berjaya kita bagi bantuan bekalan air. Sebanyak 183 buah lagi belum. Kita sedang mengenal pasti punca air dan kaedah-kaedah kerana kebanyakan daripada mereka ini masih di pedalaman lagi. Masih jauh di pedalaman. Itulah antara masalah yang perlu kita lihat untuk diselesaikan oleh pihak kementerian. Terima kasih atas keprihatinan Yang

Berhormat Pasir Gudang yang kawasannya juga ada Orang Asli sebagaimana di Baling juga ada kawasan Orang Asli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan dalam kemelesetan ekonomi dunia, adakah ada pekerja yang dibuang kerja. Sekiranya ada, nyatakan jumlah yang telah dibuang kerja.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Tahniah atas kemenangan pilihan raya kecil baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin untuk saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Kuala Kangsar ini pada hari ini yang juga boleh memberi jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat Ipoh Barat pada 20 Oktober yang lepas, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan pemberhentian pekerja boleh dikategorikan kepada pemberhentian biasa dan pemberhentian secara sukarela (VSS).

Pemberhentian biasa adalah tindakan penamatan kontrak oleh majikan kerana syarikat mengalami masalah kewangan ataupun perubahan struktur perniagaan yang disusun semula mengakibatkan berlaku lebih tenaga kerja. Pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah penamatan sekurang-kurangnya mengikut Akta Kerja 1955 atau perjanjian bersama *collective agreement*, dengan izin. Manakala pemberhentian secara VSS ataupun sukarela adalah tindakan alternatif kepada pemberhentian biasa di mana pekerja sendiri menawarkan diri dan bersetuju untuk ditamatkan pekerjaan oleh majikan dengan syarat majikan membayar faedah penamatan ataupun pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, pada tahun 2015, seramai 44,343 pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah ini, seramai 24,452 (55.1%) pekerja terlibat dalam perhentian biasa manakala seramai 19,891 (44.9%) pekerja terlibat dalam pemberhentian secara sukarela (VSS). Mulai 1 Januari 2016 sehingga September 2016, seramai 31,476 pekerja yang terlibat dalam pemberhentian iaitu seramai 17,051 (54.2%) pekerja terlibat dalam pemberhentian biasa. Manakala seramai 14,475 (45.8%) pekerja terlibat dalam pemberhentian secara sukarela (VSS).

Kerajaan, kementerian dan kita bersimpati dengan pekerja-pekerja yang terlibat. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah dan usaha telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan dan kementerian bagi membantu pekerja-pekerja yang terlibat dalam pemberhentian ini.

Suka saya maklumkan bahawa sektor-sektor yang terlibat dengan pemberhentian kerja ini di pelbagai sektor. Antaranya sektor yang tertinggi yang terlibat dengan pemberhentian kerja ialah kewangan dan insurans, Yang Berhormat Kuala Kangsar iaitu seramai 17,628 pekerja, pembuatan seramai 9,203 pekerja, pengangkutan dan penyimpanan seramai 6,512 pekerja, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dan lain-lain. Maknanya mungkin *detail*, Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya boleh bagi kepada Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat perlukan maklumat tambahan. Keseluruhannya ialah seramai 24,452 pekerja— pemberhentian biasa, seramai 19,891 pekerja— pemberhentian sukarela (VSS) dan 44,343 pekerja jumlah semua sekali Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

■1130

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, adakah opsyen-opsyen lain yang diberi kepada pekerja diberhentikan selain dari pampasan kewangan? Ini kerana mereka mempunyai kepakaran dan pengalaman tertentu yang boleh diguna pakai.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebenarnya kadang-kadang pemberhentian pekerja ini tidak boleh dielakkan. Oleh sebab itulah suka saya maklumkan antara faktor-faktor yang menyebabkan majikan terpaksa memberhentikan pekerja mereka ialah ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global, tiada atau merosotnya permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan, pemaksimuman penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, penutupan perniagaan sepenuhnya dan sebahagian, pengecilan tenaga kerja, pengambilalihan syarikat, penstrukturan semula organisasi dan penggabungan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar kerana soalan yang cukup baik bagi membela pekerja-pekerja ini. Oleh sebab itulah kita sebenarnya telah melakukan pelbagai usaha dalam memastikan supaya pekerja-pekerja yang diberhentikan ini tidak akan hilang punca untuk hidup mereka. Kita lakukan pelbagai tindakan termasuklah mengadakan *job fair* ataupun karnival pekerjaan yang kita lakukan di seluruh negara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada 5 hari bulan ini kita akan lancarkan satu *job fair* di UTC. Karnival kerjaya di UTC di sembilan buah lokasi UTC seluruh negara iaitu di Alor Star, Ipoh, Pudu, Bandar Melaka, Johor Bahru, Kota Bharu, Kuantan, Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu.

Semasa *job fair* di UTC ini— terima kasih Perdana Menteri kerana mewujudkan UTC. Satu *centre* untuk mengumpulkan semua jabatan kerajaan bagi memberikan

perkhidmatan kepada masyarakat. Kita mengambil kesempatan di mana bermula pada 5 hari bulan ini daripada pukul 9 pagi hingga pukul 10 malam. Sebanyak 280 majikan telah pun bersedia menawarkan 15,000 jawatan kosong berbagai-bagai jawatan yang bayaran gajinya cukup menarik. Paling penting kita hendak uar-uarkan kepada pekerja-pekerja yang terpaksa berhenti kerja hasil daripada sebab-sebab yang saya sebutkan tadi untuk datang kembali ke UTC-UTC ini untuk mendapatkan peluang dan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan pengalaman mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang cukup budiman pada pagi ini. Timbalan Menteri, saya khusyuk dan tawaduk mendengar hujahan daripada jawapan Timbalan Menteri. Di samping langkah kerajaan untuk memastikan pekerja mendapat faedah dan penambahbaikan dalam kerangka dan dasar menjurus kepada kebajikan pekerja atas kemelut ekonomi yang meruncing dan pekerja menjadi mangsa.

Sebagai contoh, Perwaja. Tindakan yang diambil oleh Perwaja memberhentikan hampir 1,000 orang pekerja tanpa membayar gaji empat bulan, dipotong EPF, dipotong SOCSO, dipotong pinjaman Tabung Haji, dipotong pinjaman Bank Rakyat dan sebagainya tetapi tidak diberikan kepada tabungan yang sepatutnya. Megasteel tidak membayar duit pampasan.

Ini menjadi satu persoalan, apakah sebenarnya yang berlaku dalam keadaan kemelut ekonomi pada waktu ini? Soalan tambahan saya adalah, satu, apakah tindakan terhadap syarikat yang mengkhianati undang-undang negara terhadap pekerja yang berleluasa pada waktu ini? Mohon penjelasan Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya minat Yang Berhormat Kuala Langat kerana dia prihatin. Akan tetapi sebenarnya kalau Yang Berhormat Kuala Langat lebih prihatin sebenarnya kerajaan kita, kementerian kita lebih prihatin daripada Yang Berhormat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah antara langkah-langkah yang harus diambil oleh pihak majikan sebelum kita menamatkan pekerjaan ada caranya. Umpamanya membekukan pengambilan pekerja baru kecuali bagi bidang-bidang yang mendesak. Kedua, mengehendkan kerja lebih masa, mengehendkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am. Mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran, mengurangkan waktu kerja harian, mengadakan program latihan semula kepada pekerja dan lain-lain.

Sebenarnya ini antara pendekatan yang boleh diambil oleh majikan supaya kita tidak berhentikan pekerja. Ini kerana pekerja ini, apabila diberhentikan daripada kerja seolah-olahnya mereka hilang panduan. Jadi inilah langkah yang harus diambil oleh majikan bersama dengan kerajaan seperti mana yang saya sudah sebutkan tadi.

Kembali kepada soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya pelbagai jabatan atau majikan yang terlibat dengan pemberhentian pekerja. PETRONAS umpamanya Tuan Yang di-Pertua, juga terpaksa mengecilkan pekerja mereka di mana 750 orang pekerja telah diberhentikan. MAS kita pun tahu juga terpaksa memberhentikan pekerja mereka. Shell pun ada dan lain-lain.

Manakala kes Perwaja ini, kes Perwaja— sebenarnya Perwaja Steel Sdn. Bhd. di Terengganu ini, pekerja seramai 89 orang telah dibuang kerja, yang telah memfailkan kes di kementerian, jabatan kita. Kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan tetapi majikan telah memohon semakan kehakiman. Permohonan semakan kehakiman oleh majikan dibenarkan atas alasan syarikat tutup dan pekerja-pekerja tidak dapat diambil bekerja semula. Kesatuan sekerja akan memfailkan rayuan atas keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Langat, sebenarnya kita memang prihatin dan kita ambil tindakan susulan. Kita tidak akan membiarkan andai kata majikan hanya sengaja untuk memberhentikan pekerja dengan bukan alasan-alasan yang telah saya sebutkan dan dibenarkan oleh undang-undang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam usaha mengetatkan kawalan sempadan utara tanah air, adakah sudah ada cadangan atau perancangan pembinaan pagar sepanjang sempadan antara negara Malaysia dan Thailand.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mempertingkatkan tahap kawalan keselamatan di sempadan negara termasuk di sempadan Malaysia dan Thailand. Kerajaan juga telah mempunyai perancangan bagi menaik taraf pagar keselamatan yang sedia ada dan pembinaan pagar keselamatan yang baru di sempadan Malaysia dan Thailand. Cadangan ini sedang diperhalusi oleh pihak kerajaan.

Dalam melaksanakan perkara ini, isu-isu persempadanan juga perlu diambil kira. Pada masa kini, kerajaan sedang dalam proses rundingan dengan Kerajaan Thailand bagi mendapatkan persetujuan bersama berhubung isu penjajaran semula

sempadan Malaysia dan Thailand sebelum kita melaksanakan projek yang disebut tadi.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa persempadanan isu yang berkait rapat dengan jenayah rentas sempadan ini di antaranya ialah pendatang asing tanpa izin, penyalahgunaan dadah dan juga penyeludupan senjata api. Ini adalah merupakan faktor yang mempengaruhi kadar jenayah yang sangat tinggi dalam negara kita. Paling membimbangkan ialah masyarakat sudah macam tidak berapa yakin dengan kawalan jenayah yang berlaku. Di kawasan saya semalam dijumpai empat orang mati dibunuh serentak.

Jadi soalan saya ialah, kalau dahulu kita mendengar adanya Ops Laras, Ops Api, Ops Cantas Khas yang dibuat oleh pihak PDRM dan Kementerian Dalam Negeri. Soalan saya ialah sekarang ini apakah langkah kerajaan dalam mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap kawalan keselamatan dalam negara kita dengan operasi-operasi yang terbaru? Sekian.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih. Sebenarnya dalam hal menangani jenayah rentas sempadan, pertama sekali kita kena tutup sempadan kita. Apa yang saya sebutkan tadi adalah langkah yang paling utama untuk dibuat supaya kita dapat bekerjasama dengan Kerajaan Thailand untuk sekurang-kurangnya menutup sempadan kita supaya tidak mudah dibolosi oleh anasir-anasir yang menjalankan aktiviti seperti pemerdagangan manusia, penyeludupan manusia, penyeludupan dadah dan juga aktiviti yang berteraskan kepada jenayah.

Di dalam negara, kerajaan telah melanjutkan Ops Cantas untuk kali kedua YANG mana Ops Cantas ini dilaksanakan oleh unit-unit daripada ibu pejabat polis yang dibuat secara bersepadu dengan jabatan-jabatan lain YANG mana kita menumpukan kepada kawasan fokus.

#### ■1140

Mungkin kawasan Yang Berhormat akan saya bincangkan dengan pihak polis supaya ditumpukan juga perhatian kepada kawasan Yang Berhormat, memandangkan kes yang baru berlaku baru-baru ini yang disebut, kes tersebut masih lagi dalam siasatan. Kita belum tahu lagi apakah sebab utamanya, kenapa mayat diletakkan di sana dengan keadaan yang begitu ngeri. Tidak eloklah kita membuat spekulasi begitu. Kita biar polis siasat dahulu.

Jadi, antara langkah lain yang kita buat juga adalah untuk mempertingkatkan lagi usaha sama di antara agensi penguat kuasa kerajaan, di antara Kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan Thailand. Baru-baru ini saya telah bersama dengan Yang Amat



Berhormat Perdana Menteri untuk rundingan bilateral di Thailand dan perkara ini telah ditimbulkan. Pihak Thailand sendiri akan mempertingkatkan kerjasama operasi di antara pihak berkuasa atau pihak penguat kuasa Malaysia dan Thailand untuk bekerjasama dalam hal membanteras jenayah rentas sempadan dan juga lain-lain gejala yang tidak diingini. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak gaya cerita aktiviti seludup ini masih berleluasa. Mengikut prosedur untuk orang ramai hendak *cross* ke Thailand, kita perlu melalui tiga pemeriksaan. Bermula dengan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), kastam dan Pasukan Gerakan Am (PGA). *Three layers*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tiga lapis tetapi masih terlepas. Adakah penyeludup ini terlampau pandai ataupun integriti ini dipersoalkan. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah kes penyeludupan yang telah berjaya digagalkan oleh ketiga-tiga lapisan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam perkara ini Yang Berhormat memang telah menjelaskan bagaimana kita menjalankan aktiviti pengawalan penyeludupan di sempadan. Agensi utamanya adalah AKSEM, selepas itu kastam dan beberapa agensi lain. Kerajaan, KDN berharap bahawa dengan pembentangan Akta AKSEM yang bakal dibentangkan di Parlimen kalau boleh pada sesi ini, maka AKSEM ini akan diberi kuasa dan disatukan kepimpinannya di bawah Komandan AKSEM ini.

Jadi, semua anggota dari jabatan-jabatan lain yang terlibat seperti kastam dan sebagainya akan disatukan di bawah satu *command structure*. Ini penting kerana kita hendak memastikan bahawa segala operasi dan tindakan yang dibuat oleh jabatan-jabatan ini akan berhasil dengan pendakwaan dan sebagainya. Sekarang ini ada masalah koordinasi di antara agensi-agensi yang perlu disatukan dan disepadukan supaya dapat mendapat hasil yang baik untuk menahan aktiviti penyeludupan di sempadan ini.

Selain daripada itu, saya rasa panjang hendak terangkan kita punya aktiviti yang telah kita laksanakan di kawasan sempadan tapi elok saja untuk dikatakan bahawa dari tahun ke tahun jumlah penangkapan dan rampasan yang dibuat oleh agensi kita di sempadan meningkat. Saya tidak ada jumlah yang tepat sekarang ini sebab soalan ini di luar daripada apa yang ditanyakan tetapi pada tahun lepas berpuluh juta ringgit telah dirampas hasil daripada aktiviti jenayah, penyeludupan dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua. Satu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua hari berturut-turut saya nampak selendang itu masih ada. Ada apa-apa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Satu minggu. Saya pakai satu minggu untuk merayakan kemenangan sebagai penghargaan kepada Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan selalu memberikan alasan untuk menarik balik subsidi harga yang diberikan kepada barang-barang tertentu kerana kebanyakan barang-barang yang di subsidi itu telah diseludupkan ke Thailand ataupun ke Kalimantan dan sebagainya. Contohnya minyak masak, kerajaan memberikan alasan setahun kerajaan rugi RM500 juta. Jadi isunya ialah diseludup. Bila diseludup, penyeludupan itu di bawah penyeliaan, kawalan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Apakah masalah kelemahan, kegagalan pihak Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan supaya barangan yang disubsidi ini tidak terlepas ke negara jiran? Apakah kelemahan? Sepatutnya dibaiki pencegahan dan penyeludupan itu bukan ditarik balik subsidi contohnya macam minyak masak. Jadi apakah masalah kementerian Yang Berhormat?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Soalan Yang Berhormat tidak ada kena mengena dengan soalan ditanya. Akan tetapi saya hendak jawab sedikitlah ya. Penyeludupan berlaku dua hala. Masuk ke negara kita dan juga keluar daripada negara kita. Masalah yang kita hadapi sekarang ini adalah juga masalah yang berkenaan dengan integriti seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi. Jadi sebab itu saya sebutkan tadi, kita kena sepadukan gerakan penguatkuasaan kita di sempadan.

Di negeri Sabah kita sudah ada ESSCOM, antara tanggungjawabnya selain daripada menjaga keselamatan penduduk adalah untuk membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan dan sebagainya. Aktiviti penyeludupan di Sabah makin menurun. Akan tetapi sekarang ini AKSEM akan diaktifkan secara undang-undang untuk menjaga sempadan kita di utara dengan Thailand.

Jadi langkah-langkah sentiasa diambil. Akan tetapi Yang Berhormat seperti saya kata tadi, kuasa-kuasa yang diperlukan untuk membanteras penyeludupan ini di bawah kementerian-kementerian berbeza. Barang subsidi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan dan sebagainya. Oleh sebab itu kita perlukan satu penguat kuasa yang *unify* dengan ada satu ketua dan

ketua itu boleh mengarah semua jabatan-jabatan di bawahnya untuk membuat tindakan membanteras penyeludupan.

Saya harap Yang Berhormat akan menyokong akta AKSEM nanti yang akan dibentangkan di Parlimen. *Insyah-Allah* Yang Berhormat akan- untuk membantu Kementerian Dalam Negeri untuk membanteras masalah penyeludupan ini. Jangan pula bangkang apabila akta ini dibentangkan nanti ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah hendak tunggu mencegah penyeludupan hendak tunggu kena ada akta sedangkan kita sudah ada badan penguat kuasa untuk mencegah penyeludupan. Dahulu kita ada di bawah Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) umpamanya yang diselaras di bawah Kementerian Dalam Negeri.

9. **Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah usaha pihak kementerian melalui Jabatan Cybersecurity (MyCert) dalam membanteras jenayah memeras ugut menggunakan virus RANSOMWARE yang semakin meningkat pada masa kini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih, soalan daripada Yang Berhormat Langkawi ini adalah berkenaan dengan virus *Ransomware*. *Ransomware* adalah bermula kalau kita dalam komputer ataupun dalam jenayah siber yang mungkin daripada *hand phone* atau daripada komputer kita ada tawaran yang menarik, selepas itu kita klik.

Bila kita *click* dipanggil *click* itu ada *malware* ataupun dipanggil perisian jahat. Bila perisian jahat ini adalah merupakan *malicious software* yang akan memudaratkan komputer. Ia akan menghilangkan gambar, maklumat semua. Apabila benda itu hilang gambar, maka *Ransomware* akan muncul dia minta duit. Jadi itu dipanggil virus *Ransomware*. Kadang-kadang bila kita bayar dengan bermacam-macam cara. Selepas itu, kadangkala tidak semestinya apa yang kita bayar itu dipulangkan balik dalam komputer kita.

Jadi, pihak kerajaan sedar bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT masa kini telah memberi peluang kepada penjenayah untuk melaksanakan aktiviti jenayah memeras ugut menggunakan virus *Ransomware*. Justeru kerajaan mengambil langkah yang proaktif dan bersepadu untuk menangani trend ancaman siber yang semakin meningkat pada masa kini.

Cybersecurity Malaysia, satu agensi di bawah MOSTI telah mengeluarkan beberapa *security alert* berkaitan dengan ancaman *Ransomware* kepada pengguna internet dan organisasi di Malaysia yang boleh dimuat turun di laman web Cybersecurity Malaysia. *Security alert* ini mengandungi garis panduan untuk membersihkan komputer daripada jangkitan *Ransomware* dan juga langkah pencegahan daripada ancaman ini. Setakat ini sebanyak tiga *security alert* telah pun dikeluarkan oleh Cybersecurity Malaysia.

Bagi hebahan kepada orang ramai, Cybersecurity Malaysia bekerjasama dengan pihak media tempatan seperti akhbar harian, radio, televisyen bagi menyebarkan maklumat tentang ancaman *Ransomware* dan garis panduan bagi pencegahan *Ransomware* kepada pengguna internet.

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya CyberSecurity telah memberi bantuan teknikal dalam mengendalikan insiden siber ini. Bantuan teknikal ini dilaksanakan oleh perkhidmatan koordinasi Cyber999 dan perkhidmatan forensik digital yang berperanan sebagai pusat koordinasi setempat bagi menangani insiden keselamatan siber dan kes-kes forensik digital di Malaysia. Organisasi dan pengguna internet boleh melaporkan mengenai insiden *ransomware* ini ke perkhidmatan koordinasi Cyber999. CyberSecurity Malaysia juga bekerjasama dengan pihak penguat kuasa undang-undang tempatan untuk menganalisis dan memberi maklumat teknikal berkaitan dengan *Ransomware* bagi tujuan siasatan pihak penguat kuasa undang-undang dan pihak penguasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu *ransomware* telah menjadi satu trend di peringkat global, CyberSecurity Malaysia bekerjasama dengan badan-badan keselamatan siber di luar negara. Antaranya kerjasama dengan *Asia Pacific Computer Emergency Response Team (APCERT)* bagi menangani ancaman *ransomware* iaitu jaringan kerjasama pasukan keselamatan siber di rantau Pasifik. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada sejarah yang kita ada ini berapa banyak kah pelanggan yang telah kena dengan *ransomware* ini dan apakah tindakan kerajaan ke atas pesalah-pesalah yang dikenal pasti yang menjadikan *ransomware* ini sebagai sumber pendapatan mereka?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Statistik *ransomware* yang dilaporkan— ini dilaporkan ya, yang dilaporkan macam juga jenayah, kepada polis kita laporkan ataupun perkara ini laporkan. CyberSecurity

Malaysia pada tahun 2004 kita ada tiga kes. Tahun 2004, infrastruktur maklumat terkini negara ataupun *Critical National Information Infrastructure (CNII)* satu kes, syarikat korporat dua kes dan ini tiga kes. Tahun 2015 ini memeranjatkan 20 kes, untuk *Critical National Information Infrastructure* sebanyak 25 kes, syarikat korporat sebanyak 43 kes, institut pengajian tinggi sebanyak tiga kes dan pengguna peribadi (*home user*) sebanyak 21 kes. Ini menjadikan 92 kes pada tahun 2015. Oleh kerana *action* yang kita ambil, langkah-langkah ke hadapan, kempen, perjumpaan semua tahun 2016 sudah menurun agak mendadak iaitu turun mendadak. Pada tahun 2016 untuk *Critical National Information Infrastructure* sebanyak 23 kes, syarikat korporat sebanyak 18 kes, institut pengajian tinggi masih lagi tiga kes, pengguna peribadi (*home user*) sudah turun kepada enam kes. Akhirnya 50 kes.

Jadi Yang Berhormat, berdasarkan kepada akta ini kita akan mendakwa mereka menggunakan Akta Komunikasi dan Multimedia yang diambil— dan Akta Jenayah Komputer yang di bawah kawal selia SKMM. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut statistik 57% jangkitan komputer ini adalah dikenakan kepada pengguna komputer yang biasa. Manakala 47% dikenakan kepada organisasi ataupun syarikat-syarikat yang berada dalam negara. Kebanyakan mereka ini tidak sedar bahawa komputer yang mereka miliki itu telah terkena jangkitan virus ataupun *ransomware* ini. Adakah kementerian menjalankan kerjasama bersama dengan pihak polis iaitu PDRM dalam menangani jenayah siber ini terutamanya yang melibatkan *ransomware* yang mempunyai modus operandi memeras ugut mangsa-mangsa ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih soalan itu. Sebenarnya CyberSecurity Malaysia adalah turut membantu ataupun bekerjasama dengan pelbagai agensi penguat kuasa undang-undang termasuk PDRM, SPRM, SKMM, KPDNKK, Suruhanjaya Sekuriti, Jabatan Peguam Negara, Bank Negara dalam menjalankan operasi khas. Ini kerap kita lakukan serbuan penyiasatan tempat jenayah siber ataupun *Cyber Crime Scene Investigation (Cyber CSI)*, penyimpanan bukti digital, penyediaan saksi pakar (*expert witness*) dan proses pengendalian. Jadi CyberSecurity sebagai agensi pakar dikehendaki memberi sokongan dan bantuan teknikal serta menyediakan khidmat latihan dalam pengurusan krisis siber negara.

Selain itu CyberSecurity Malaysia juga membantu semua dengan membekalkan khidmat teknikal termasuk aspek latihan dan pensijilan dalam

menangani sebarang serangan perisian jahat yang berlaku di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang pelaburan-pelaburan dari China dan syarikat mereka dalam negara kita sejak tahun 2010:

- (a) jumlah pelaburan yang dipersetujui, senaraikan projek-projek yang akan dilaksanakan dengan selengkapnya; dan
- (b) bagaimanakah dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan syarikat swasta dalam projek-projek ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Bagi tempoh tahun 2010 sehingga Jun 2016, Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan dari negara China sebanyak RM15 bilion dalam sektor perkilangan. Pelaburan ini melibatkan 142 buah projek dijangka menjana 28,598 peluang pekerjaan. Antara sektor yang menerima pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi dari negara China adalah barangan logam asas sebanyak RM7.9 bilion, barangan elektronik dan *electrical* sebanyak RM5 bilion, barangan galian bukan logam sebanyak RM724.6 juta, tekstil dan barangan tekstil sebanyak RM552 juta dan peralatan pengangkutan sebanyak RM158.5 juta.

Syarikat-syarikat negara China yang telah melaksanakan pelaburan di Malaysia antaranya adalah Ye Chiu Non-Ferrous Metal untuk logam asas, Comtec Solar International untuk industri solar, JinkoSolar Technology untuk industri solar, Ji Kang Dimensi untuk logam asas, Xiamen University dalam perkhidmatan pendidikan, Huawei Technologies dalam bidang ICT, CSR Rolling Stock untuk peralatan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping penglibatan syarikat-syarikat dari negara China dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, syarikat-syarikat dari negara China turut melabur dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia. Antara dua contoh pelaburan adalah yang pertama projek Melaka Gateway, KAJ Development Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat swasta tempatan yang merupakan pemaju utama projek Melaka Gateway bekerjasama dengan sebuah syarikat China iaitu PowerChina International Group Limited untuk membangunkan empat buah pulau dengan pelaburan sebanyak RM30 bilion. Projek ini dijangka siap pada tahun 2025 dan dijangka menarik kira-kira RM2.5 juta orang pengunjung setahun dan mewujudkan di antara 40,000 dan 45,000 peluang pekerjaan. Seterusnya projek ini akan memberi kesan positif kepada

pembangunan industri-industri lain seperti pelancongan dan hospitaliti serta PKS di Melaka.

Kedua ialah projek Bandar Malaysia. Pembangunan Bandar Malaysia merupakan projek kerjasama sektor awam dan swasta, antara Kementerian Kewangan dan Konsortium Iskandar Waterfront Holdings serta China Railway Engineering Corporation (CREC). Bandar Malaysia terletak di Sungai Besi, Kuala Lumpur yang ketika ini merupakan pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia. Pembangunan hartanah ini juga turut membabitkan pembinaan bandar bawah tanah antara terbesar di dunia dengan keluasan 194 hektar.

Bandar Malaysia akan menampilkan antaranya bangunan pejabat, pusat membeli-belah, terminal pengangkutan berintegrasi, pusat institusi kewangan, pusat integrasi kesihatan dan pendidikan serta hab operasi serantau untuk menarik pelaburan syarikat multinasional. Sebagai contoh CREC bersetuju untuk melabur sebanyak RM8.1 bilion bagi pembinaan pusat serantaunya di Bandar Malaysia. Terdapat banyak peluang untuk syarikat-syarikat tempatan terlibat dalam projek Bandar Malaysia. Kementerian Kewangan sebagai pemegang saham utama Bandar Malaysia akan memastikan tender dan kontrak dibuat secara terbuka dan telus oleh syarikat-syarikat Malaysia boleh turut serta dan menyumbang lebih ketara dalam pembangunan Bandar Malaysia.

Pembabitan MRCB Berhad sebagai rakan usaha sama dalam projek Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Malaysia membuktikan bahawa syarikat tempatan turut meraih manfaat daripada pembangunan berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang kedua saya tidak dijawab iaitu bagaimana dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam projek ini. Saya ingat yang penting saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri iaitu tentang penglibatan kementerian-kementerian dalam projek-projek pelaburan dari negara China.

#### ■1200

Satu lagi yang saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri iaitu tentang *Diamond Golf*, Bagan Datok yang sudah diumumkan telah *sign* MoU. Bagaimana dengan kedudukan projek ini yang akan melibatkan *heavy industry area, ...ship port, high-tech aeronautical, satellite station, airport* dan *deep water dock*. Ini yang dikatakan projek bernilai RM200 bilion. Adakah projek ini telah disetujui oleh kementerian? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya telah memberikan contoh tadi, penglibatan agensi-agensi kerajaan sebagaimana yang

saya sebut di Bandar Malaysia, di Kementerian Kewangan, ada MRC Berhad. Kemudian kita telah melaksanakan iklan dalam surat khabar utama tentang projek Bandar Malaysia untuk syarikat-syarikat tempatan terlibat. Jadi saya telah menjawab sebagai contoh untuk Bandar Malaysia. Manakala yang di Perak itu tidak ada di hadapan saya. Kemudian kita jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.01 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Rabu, 2 November 2016.”

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

***[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]***

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 55(2) di mana disebut tentang perbahasan di peringkat Jawatankuasa nanti, hanya kita boleh membahaskan butir-butirnya sahaja.

Saya hendak merujuk kepada permintaan saya hari itu kepada Tuan Yang di-Pertua tentang merujuk Yang Berhormat Pekan ke Jawatankuasa Hak. Saya bukan hendak menggesa untuk satu keputusan, saya rasa kita boleh ambil masa lagi. Akan



tetapi saya hendak minta nasihat Tuan Yang di-Pertua, sebab kita ada beberapa hari sahaja sebelum peringkat Jawatankuasa.

Jika sesuatu perkara yang disebut itu tidak ada dalam butiran, maka saya tidak dapat menyediakan ataupun menganalisis perbahasan saya untuk peringkat Jawatankuasa. Saya pernah diminta untuk duduk semasa peringkat Jawatankuasa kerana tidak membahaskan tentang butirannya. Jadi saya hendak minta nasihat Tuan Yang di-Pertua tentang bagaimana kita hendak membahaskan perkara yang diumumkan hari itu, yang tidak ada dalam anggaran bajet untuk perbahasan peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, usul yang Yang Berhormat itu pada pagi ini telah pun saya tanda tangani satu respons kepada usul Yang Berhormat. Saya rasa akan dihantar kepada Yang Berhormat nanti, kalau Yang Berhormat belum terima.

Mengenai apa Yang Berhormat bangkitkan itu, Kementerian Kewangan nanti akan menjawab dalam peringkat dasar ini. Mungkin dalam peringkat dasar, Menteri yang berkenaan akan menjawab apa Yang Berhormat bangkitkan itu kerana *feedback* telah pun saya peroleh daripada pihak-pihak yang berwajib, khasnya Kementerian Kewangan.

Jadi, nanti kalau dalam jawapan peringkat dasar itu tidak ditimbulkan, akan juga nanti ditimbulkan dalam peringkat Jawatankuasa. Saya akan pastikan bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu akan dapat Yang Berhormat sebut pada peringkat Jawatankuasa nanti.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya menanti jawapan bertulis yang disebut tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada. Ada nanti diedarkan kepada Yang Berhormat.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” Menyambung semula Perbahasan atas masalah **[31 Oktober 2016]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sibuti, saya difahamkan ada 15 minit lagi baki. Sila Yang Berhormat.

**12.05 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, dadah perosak sesebuah negara. Dadah mampu memecahbelahkan hubungan dan keharmonian rakyat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Dalam kita berdepan dengan ekonomi yang tidak menentu, kedesanan hidup akan menyebabkan seseorang beralih kepada dadah untuk lari daripada masalah

mereka. Selain menjaga hal ehwal belanjawan negara, saya merasa kerajaan harus melihat dari segi ancaman yang boleh menjejaskan kehidupan rakyat. Ancaman yang saya maksudkan adalah aktiviti pengambilan dadah. Saya tahu bahawa kerajaan telah berusaha memerangi dadah. Kini dadah bukan sahaja tertumpu kepada golongan miskin, tetapi trend dadah terkini juga tertumpu kepada golongan yang mempunyai pendapatan bulanan di mana wujudnya golongan pekerja mengambil dadah dan menyalahgunakan bagi tujuan meningkatkan produktiviti, kononnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat Sibuti sebenarnya tinggal enam minit, ya. Bukan 15 minit.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Aduh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

Tidak ada sesiapa yang pukul atau tikam Yang Berhormat, berat aduh itu.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya terpaksa tundalah yang cerita lain itu. Saya hendak menyatakan bahawa dadah ini di negara Malaysia banyak yang sudah diusahakan dengan *action needle change*, dengan membeli *Methadone* untuk menenangkan keadaan mengambil dadah. Akan tetapi apa yang kita bingungkan pada masa kini, oleh sebab sedikit sebanyak dari dadah ini, maka kita mendapati jangkitan HIV dengan purata sekarang 10 ke satu. Itu yang kita mendapat maklumat daripada siasatan yang kita peroleh daripada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan pasal itu. Oleh sebab kita Tuan Yang di-Pertua, hendak berterima kasih kepada kerajaan terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memberi BR1M, BR1M dinaikkan daripada yang kita peroleh dulu RM1,000 sekarang RM1,200. Jadi warga emas mendapat RM250 dalam Bajet 2017 ini.

Tuan Yang di-Pertua, benar kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mereka tidak hirau apa masalah yang orang lain kata. Di kawasan saya, seorang tua yang anak mereka tidak dapat membantu, mencium tangan saya, mengatakan sampaikan salam saya kepada Perdana Menteri. Terima kasih banyak.

**Seorang Ahli:** *Confirm* menang.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menggediklah.

**Seorang Ahli:** Mati saya, mari cium tangan saya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Itu awak punya perkaralah. Jangan cemburu. Usahakan, tolong rakyat. Saya berharap agar Bajet 2017 ini dapat dilaksanakan dan diurus dengan baik oleh kerajaan. Pasti segala bentuk insentif dan bantuan yang sampai...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Tidak bolehlah. Jam dua minit sahaja. Apalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada banyak masa lagi.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Tidak boleh, tidak boleh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh. Kalau yang sedang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sedang cium tangan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Saya ingin menyatakan kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Sibuti.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bagilah. Bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk sekejap, duduk sekejap. Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya.

#### ■1210

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh faham peraturan, sengaja hendak mengganggu. Yang Berhormat Sibuti sudah sebut dia tak ada masa untuk celahan. Sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini pesan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kepada Kerajaan Pusat. Saya hendak baca pantunnya. Yang Berhormat Bandar Kuching boleh dengarlah, Yang Berhormat Bandar Kuching.

*Nyir gading puncak mahligai,  
Ketupat jua berisi inti,  
Hancur daging tulang berkecai,  
Belum ku dapat belum ku berhenti.*

Bererti apa yang kita rundingkan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ketua Menteri dapat dilaksanakan sekiranya tidak hujung tahun ini, awal tahun hadapan, *insya-Allah*. Jadi ini pesan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, 'Agi Idup Agi Ngelaban. Oh Haal'

Jadi dengan ini saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** 'Oh haa' ya. Sebelum saya jemput Yang Berhormat Pandan, hari ini hari terakhir kita perbahasan di peringkat dasar dan kalau boleh jaga masa tetap 20 minit ya. Kita ada 28 lagi pembahas kita. Kalau agak panjang nanti mungkin sebelah petang kita kurangkan kepada 15 minit. Ini senarai yang telah dihantar kepada Tan Sri Yang di-Pertua dan kemungkinan ada senarai-senarai atau nama pembahas atau Yang Berhormat yang belum menghantar nama dan juga berminat untuk berbahas. Sila Yang Berhormat Pandan.

**12.11 tgh.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan orangnya baik, bahasa pun jaga baik-baik. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Insya-Allah*. Dua saat sudah habis sudah. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Ini adalah tahun kedua kita membahaskan belanjawan yang dibiayai oleh GST dan diikuti dengan pelbagai potongan-potongan peruntukan. Sebab itu saya rasa tidak lagi perlu dibincang dan dibahaskan sama ada GST ini baik atau buruk kepada rakyat kerana saya yakin di sebelah sana pun tidak ada ahli-ahli daripada kerajaan yang berani menidakkan bahawa GST ini adalah satu beban kepada rakyat, GST ini adalah sebab kenapa kenaikan kos sara hidup dan harga barang yang terpaksa ditanggung oleh rakyat sejak dua, tiga tahun kebelakangan ini.

Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai alasan-alasan yang kini diberikan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai kenapa perlu diadakan GST. Menteri memberikan alasan bahawa GST ini perlu dilaksanakan untuk menampung kehilangan sumber pendapatan daripada hasil minyak. Seolah-olah kerajaan selama ini sejak tahun 1957, selama 50 tahun, membiayai peruntukan dan perbelanjaan negara dengan bergantung pada hasil minyak.

Saya mula berkhidmat dengan PETRONAS sejak tahun 2003 dan pada mula saya berkhidmat pada ketika itu, harga minyak masih lagi belum naik mendadak dan masih lagi rendah. Harga minyak sebenarnya yang saya ingin ingatkan kepada Ahli Dewan yang mulia, harga minyak mentah mula naik mendadak sekitar tahun 2004. Sebab itu kalau kita lihat kepada perangkaan daripada kerajaan sendiri, hasil kerajaan daripada sumber minyak— ini saya ambil secara konservatif dengan mengambil kira hanya cukai petroleum, dividen dan juga royalti kepada kerajaan. Saya tidak ambil kira

cukai syarikat, saya tidak ambil kira duti eksport, saya tidak ambil kira cukai jualan. Saya hanya ambil kira tiga saluran pendapatan sahaja.

Hasil sumber minyak kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004 ialah RM16 bilion. Kemudian pada tahun 2005 dia naik kepada RM23 bilion daripada tiga sumber yang saya sebutkan tadi. Tahun 2006, RM29 bilion. Dia mula-mula betul-betul naik mencanak ialah pada tahun 2008, kemudian yang betul-betul menikmati durian runtuh daripada hasil minyak yang naik ini ialah Yang Amat Berhormat Pekan. Apabila beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 2009, hasil minyak daripada cukai petroleum, dividen dan royalti telah mencecah RM62 bilion setahun. Kemudian, RM54 bilion. Kemudian, RM67 bilion. Kemudian, RM62 bilion. Kemudian tahun lepas, RM40 bilion dan tahun 2016 dianggarkan RM29 bilion.

Saya hendak ingatkan, tahun 2015 kita mula melaksanakan GST, RM40 bilion hasil daripada sumber minyak. RM40 bilion itu jauh berkali-kali ganda lebih tinggi hasil sumber minyak daripada tahun 2003, 2002, 2001, 2000. Tahun ini tahun 2016 ini, RM29 bilion yang dikutip daripada sumber hasil minyak, jauh lebih tinggi daripada tahun 2004, RM16 bilion pada ketika harga minyak mentah mula naik.

Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, di antara tahun 1957 hingga 2003, sumber pendapatan Kerajaan Persekutuan daripada sumber minyak adalah sangat sedikit tetapi kita tak perlukan melaksanakan cukai GST dan menyebabkan orang miskin, orang cacat, anak-anak, pelajar sekolah, mereka yang pencen dan tidak berkemampuan terpaksa membayar cukai seperti sekarang pada kala, walaupun Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan harga minyak mentah dan sumbernya sudah susut, sebenarnya jauh berkali ganda lebih tinggi daripada sebelum-sebelum itu.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kami di barisan pembangkang berkali-kali menegaskan masalah utamanya ialah bukan soal sumber pendapatan kerajaan. Masalah utamanya ialah perbelanjaan yang tidak terkawal sehingga menyebabkan pembaziran yang akhirnya rakyat tidak tahu ke mana perginya wang itu.

Saya bagi contoh. Saya bandingkan tahun 2003— sebelum kita mula mendapat hasil minyak yang banyak— dengan tahun 2016. Tahun 2003 berbanding tahun 2016, perbelanjaan untuk keselamatan dalam negeri— polis APMM dan lain-lain— telah meningkat sebanyak dua kali ganda. Cuba tanya pegawai polis, cuba tanya rakyat, apa yang berbeza sangat sekarang tahun 2016 dengan tahun 2003? Ada Robocop kah? Adakah kita rasa keadaannya cukup baik, berbeza? Kerana kerajaan telah membelanjakan dua kali ganda daripada tahun 2003 ke sekarang tahun 2016?.

Yang paling saya terkesan ialah pendidikan. Tahun 2003, RM19 bilion kerajaan belanja. Tahun 2016, RM52 bilion, dua kali ganda naik. RM19 bilion ke RM52 bilion, hampir dua kali ganda. Mana pergi wang ini?

Dan yang paling-paling penting yang perlu diperhatikan...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Taiping hendak tanya Yang Berhormat Taiping?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ya, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Pandan, mengikut jawapan yang saya perolehi daripada Menteri, hasil minyak daripada PETRONAS telah dibayar kepada Kerajaan Barisan Nasional sebanyak RM774 bilion. Saya pun mahu tahu di mana duit sudah pergi.

Adakah Yang Berhormat Pandan setuju supaya Akta Pembangunan Petroleum 1974 seksyen 4 dipinda kerana kini akta yang ada hanya memberikan kuasa khas kepada satu orang sahaja untuk tahu di mana duit minyak kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini adalah salah dan bercanggah dengan prinsip ketelusan. Setujukah Yang Berhormat Pandan, akta ini dipinda dengan segera supaya duit minyak betul-betul digunakan untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat? Sekian, terima kasih.

■1220

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya setuju dan saya akan ulas sedikit mengenai jumlah wang itu di akhir ucapan saya selepas ini. Baik. Apa yang saya hendak tumpu sedikit lagi ialah dari segi lain-lain perbelanjaan. Ia dalam mana-mana perincian, dia akan ada satu yang dia bubuh semua dekat dalam itu. Lain-lain perbelanjaan, tahun 2003 sebanyak RM21 bilion. Tahun 2016 telah naik RM70 bilion. Apa yang banyak sangat lain-lain perbelanjaan ini?

Ahli dewan semua tahu, lain-lain perbelanjaan ini ialah belanja menguruskan hutang, faedah yang kita bayar, wang yang terpaksa kita peruntukkan. Ini kerana kerajaan dalam keadaan mendapat "*durian runtuh*" daripada hasil minyak yang banyak, dia tambah lagi hutang yang menyebabkan wang minyak itu akhirnya terpaksa digunakan untuk membayar hutang yang tinggi.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang sekali lagi soalnya bukannya soal tidak cukup sumber pendapatan. Soalnya adalah perbelanjaan yang tidak terkawal. Kita boleh lihat daripada tahun 2003 semasa Tun Dr. Mahathir meninggalkan kerajaan, perbelanjaan mengurus perbelanjaan kerajaan hanya RM75

bilion. Semasa Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sekarang enggan meninggalkan kerajaan walaupun disuruh, dia akan berbelanja RM215 bilion ringgit untuk menguruskan kerajaan tahun 2017.

Saya hendak ulang dan tanya sekali lagi. Apa yang berbeza? Adakah kita ada universiti-universiti yang baru? Sedangkan kali terakhir kerajaan ini membina universiti awam ialah lebih 10 tahun yang lepas. Untuk lima tahun akan datang, tidak ada universiti awam yang dirancang. Mana pergi perbelanjaan tiga kali ganda meningkat? Mana pergi hospital? Hospital masih terkebelakang. Pergi mana-mana, wakil rakyat akan ditanya bila hendak ada hospital baru di kawasan saya? Sedangkan perbelanjaan naik dua kali ganda. Mana pergi wang yang sepatutnya digunakan untuk bekalan air di Sabah dan Sarawak? Kita hanya tengok hanyalah wang di bawah katil. Paipnya tidak ada. [*Tepuk*] Mana pergi wang dalam keadaan segala-galanya dipotong Tuan Yang di-Pertua?

Oleh sebab itu, soal ketirisan dan pembaziran ini perlulah diambil kira dengan mendalam. Saya dan beberapa rakan di *National Oversight and Whistleblowers*, Tuan Yang di-Pertua telah membina satu model matematik, untuk kita menganggarkan sebenarnya berapa ketirisan perbelanjaan kerajaan setiap tahun menggunakan data-data dan penemuan audit oleh Ketua Audit Negara.

Model matematik kami yang telah disemak oleh akademik secara jelas meletakkan bagi tahun 2014 pembaziran kerajaan, bukan rasuah ya. Ini pembaziran, yang patut beli RM10 dia beli RM20, yang patut kutip duit, dia tidak kutip duit. Pembaziran diletakkan pada kadar 15.2 peratus. Oleh sebab itu kita perlu terus prihatin dengan segala jenis perbelanjaan oleh pimpinan kerajaan walaupun saudara, sahabat-sahabat daripada seberang sana bosan mendengarnya. Oleh sebab itu saya tidak pernah jemu bercakap tentang jet. Ini kerana jet yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan isteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menelan belanja yang besar.

Saya persoalkan lima bulan yang lepas. Semasa pilihan raya kecil Kuala Kangsar, kenapa kerajaan membelanjakan wang untuk menyewa satu jet peribadi khusus yang kebanyakan digunakan isteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Saya tanya lagi dalam Dewan ini tetapi Yang Berhormat Menteri yang terlibat tidak mahu jawab.

Jadi hari ini saya nak tanya sekali lagi dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua, kenapa anak tiri kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak berada di atas kapal terbang yang dibiayai oleh kerajaan dalam lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ke China sekarang ini?



*[Tepuk]* Semalam. Saya, dan saya pasti rakyat Malaysia di luar semua ada paparan skrin daripada laporan RTM. Sudah jetnya mahal, kami kena tanggung. Kemudian dia bawa pula anak tiri dia yang satu dunia tengah cari mengenai wang 1MDB.

**Salah seorang Ahli:** Betul! Betul!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saudara Riza Aziz ini tidak boleh diberi layanan istimewa menggunakan harta rakyat seperti ini. Beliau sepatutnya ditangkap dan disoal siasat. *[Tepuk]* Oleh sebab itu kalau kita ambil RM15.2 bilion daripada perbelanjaan, 15.2% kadar pembaziran yang dianggarkan mengikut model matematik daripada RM200 bilion yang diperuntukkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, pembaziran 15.2% daripada RM200 bilion peruntukan ialah sebanyak RM30 bilion. Apa signifikansi yang pentingnya RM30 bilion ini? RM30 bilion inilah jumlah yang dikutip oleh kerajaan dalam bentuk GST tiap-tiap tahun. Maknanya kalau tidak ada jet, tidak ada anak tiri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak naik jet, kita tidak perlu kutip pun GST. Cukup dengan kita kawal perbelanjaan dan rakyat tidak perlu bayar cukai.

**Seorang Ahli:** Setuju! *[Tepuk]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada enam minit yang terakhir ya. Seberang sana ada soalan?

**Seorang Ahli:** Tidak ada. Lari sudah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya hendak tutup pada hari ini dalam enam minit terakhir untuk melahirkan kebimbangan saya mengenai kemampuan dan keupayaan kita menyediakan pendidikan tinggi untuk anak-anak di masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua faham. Tuan Yang di-Pertua adalah mantan Pengerusi PTPTN.

Pada 1 November 2014, PTPTN telah mengubah syarat dan juga peraturan membiayai pendidikan tinggi dengan hanya memberi pembiayaan maksimum kepada keluarga ataupun pemohon daripada keluarga yang menerima BR1M. Sebelum itu, pembiayaan penuh diberikan kepada pemohon daripada keluarga yang berpendapatan RM4,000 ke bawah. Dia ada kesan yang besar kerana kakitangan kerajaan, koperal, polis, kerani, guru banyak yang sebelum ini boleh mendapat pembiayaan penuh daripada PTPTN. Kini tidak lagi boleh kerana mereka tidak menerima BR1M. Oleh sebab itu, pemotongan pembiayaan itu ada kesan yang besar. Sementara saya faham, kita perlu kaji aliran tunai PTPTN, kita perlu juga ambil tahu bahawa kalau kerajaan mementingkan pendidikan tinggi. Sudah tentu kita boleh bagi keutamaan kepada PTPTN supaya tidak ada pemotongan peruntukan kepada anak-anak daripada keluarga yang mahu melanjutkan pelajaran. *[Tepuk]*

Ini yang saya hendak kembali dan kaitkan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Taiping, mengenai jumlah wang yang telah diambil daripada Petronas. Saya kira daripada tahun 2004 hingga tahun 2016 iaitu tahun-tahun yang mana harga minyak mentah naik mendadak dan sumber pendapatan kerajaan juga naik mendadak. Daripada tahun 2004 hingga tahun 2016, Kerajaan Persekutuan telah mengambil daripada Petronas sebanyak sekurang-kurangnya RM595 bilion dalam tempoh 12 tahun. Selama 12 tahun RM595 bilion.

Saya hendak bagi satu gambaran, kepada ahli Dewan dan juga kepada rakyat dan juga memberi gambaran kepada soalan yang diajukan Yang Berhormat Taiping tadi. Katakanlah negara kita ini mempunyai disiplin pentadbiran kewangan seperti mana negara Norway. Kita sama-sama dapat minyak temu pada lebih kurang tahun yang sama. Bezanya Norway tidak belanja, Norway ambil wang hasil itu letak dalam satu tabung. Tabung itu disimpan dan dijaga dan hanya boleh digunakan— tidak boleh sentuh pokok. Hanya boleh gunakan hasil daripada pelaburan bagi tujuan pendidikan.

Dalam tempoh 12 tahun daripada tahun 2004 hingga tahun 2016, dengan RM595 bilion wang Petronas yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebahagian besarnya, kalau wang ini diletakkan dalam satu tabung pendidikan rakyat, tidak disentuh langsung dan setiap tahun diberikan pulangan 5% iaitu pulangan serendah-rendah hanya setiap tahun rakyat Malaysia akan mendapat RM30 bilion. Sejumlah RM30 bilion Tuan Yang di-Pertua, tanpa perlu kita buat apa. Goyang kaki, RM30 bilion. Daripada RM30 bilion itu kita boleh bagi pendidikan percuma kepada semua pelajar yang masuk pendidikan tinggi.

*[Tepuk]*

■1230

Daripada RM30 bilion itu, kita boleh kalau pun tidak hapus GST, kita boleh turunkan GST. Daripada RM30 bilion itu, banyak yang kita boleh buat untuk anak-anak daripada keluarga yang termiskin. Sebab itu, dua minit terakhir saya nak ulangi pendirian saya bahawa belanjawan ini seperti juga belanjawan tahun lepas, sejak bermulanya GST adalah satu belanjawan yang menindas rakyat. Belanjawan ini kalau sebelum-sebelum ini, orang menunggu belanjawan untuk menunggu berita baik. Sekarang, orang tutup telinga tidak mahu mendengar belanjawan kerana mereka tahu belanjawan itu bermakna akan ada yang dipotong, akan ada yang naik, yang tidak boleh nak dipotong walaupun nak dipotong hanyalah Yang Amat Berhormat Pekan sahaja.

Sebab itu, saya nak sudahkan, saya yakin ada sahabat-sahabat yang di seberang sana, yang faham dan mengerti dengan apa yang saya sebut. Sahabat-

sahabat di seberang sana juga ada suara hati dan walaupun orang selalu kata membuang masa dan membazir Tuan Yang di-Pertua, saya membebel di dalam Dewan ini. Kita ada Yang Amat Berhormat Tambun, yang saya angkat tabik spring kerana sanggup turun daripada jawatan yang penting dan menjadi suara dan tidak perlu melangkah ke seberang ini tetapi duduk di seberang sana menjadi suara yang menegur. Oleh kerana akhirnya setiap daripada kita terpaksa menjawab kepada setiap satu tindakan yang kita buat, baik sebagai wakil rakyat atau pun pimpinan kerajaan, akan tiba masanya kita kena jawab.

Jadi, saya yakin akan terus ada sahabat-sahabat dari seberang sana yang ada suara hati naluri itu, yang kalau pun tidak boleh bersuara di seberang sini, mainkanlah peranan dan amanah, tanggungjawab anda semasa berada di sekitar dan sekeliling Yang Amat Berhormat Pekan. Nasihatlah kerana rakyat di luar berada dalam keadaan yang sengsara. Dengan itu, saya ajak Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional untuk menolak belanjawan kali ini apabila diundi. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yes, Yang Berhormat Sepanggar.

**12.32 tgh.**

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** *[Dewan riuh]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahiim, assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan.

*[Beberapa Ahli bangun]*

*[Yang Berhormat Kapar bangun]*

*[Yang Berhormat Kota Tinggi bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Bentara, Bentara, Bentara, Bentara. Ya, sekejap, sekejap, sekejap. *[Dewan riuh]* Bentara. Sepanggar, duduk Sepanggar.

Saya minta Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Kampar, sila berehat dulu. *[Dewan riuh]* Ya, ya,ya. Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Kota Tinggi. Ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat, kuasa saya untuk memerintah Ahli Yang Berhormat lain untuk keluar, bukan kuasa Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kota Tinggi, sila duduk di tempat Yang Berhormat. Ya. *[Disampuk]* Saya tidak sebut suruh keluar.

Ya. Ya, saya dimaklumkan ada Yang Berhormat ambil gambar. Yang Berhormat Bayan Baru, sila serahkan kepada Bentara untuk *delete* gambar tersebut. Bentara, mana-mana Yang Berhormat yang telah mengambil gambar dalam Dewan, sila serahkan kepada Bentara. Bentara pastikan gambar dan video hendaklah di *delete*. Bentara sila pastikan mana lagi Yang Berhormat telah mengambil gambar dan video. Bentara sila pastikan lain kali berhati-hati dan bersiap siaga terhadap keadaan semasa Dewan Rakyat ini.

Ya, Bentara sudah *delete*? Ya. Sudah? Saya ingatkan Yang Berhormat sekalian, sila jaga kelakuan masing-masing, baik di kanan dan di kiri saya. Duduk di tempat masing-masing dalam keadaan beradab. Sila Yang Berhormat Sepanggar, teruskan.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyediakan Bajet 2017. Demikian juga penghargaan kepada kakitangan Kementerian Kewangan dan EPU, kerana cekap dan cekal membantu menyediakan bajet berkenaan yang berjumlah RM260.8 bilion dengan pelbagai limpahan inisiatif dan insentif meliputi pelbagai aspek sosial ekonomi dalam membantu rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus melakar masa depan negara dengan menggagas kemajuan negara melalui Transformasi Nasional 2050 atau pun TN50 bagi tiga dekad mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup yang tinggi adalah isu utama rakyat hadapi pada masa ini. *Alhamdulillah*, bajet kali ini bersifat lebih inklusif, yang mana semua lapisan rakyat mendapat sentuhan dan agihan, baik daripada golongan B40 mahupun golongan M40. Saya cuba membandingkan dengan membayangkan dan menggambarkan bagaimana kehidupan rakyat Sabah pada ketika itu. Dengan melihat apa yang ada pada negeri Sabah, khususnya dalam keadaan sosial ekonomi golongan Bumiputera pada masa ini.

Tidak dinafikan semenjak 1994, Kerajaan Barisan Nasional berjaya membangunkan negeri Sabah fasa demi fasa. Kejayaan ini dilihat dengan penurunan kadar kemiskinan kepada kurang daripada tiga peratus, satu angka yang realistik. Di mana dari segi pembangunan infrastruktur pula, kita lihat ia semakin meluas meliputi kawasan luar bandar dan juga dalam bandar. Walaupun tidak keseluruhannya, kerana masih banyak kawasan-kawasan yang tertinggal. Namun, kita amat bersyukur dengan limpahan kemajuan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional sehingga ke hari ini.

Kemudian saya cuba pula untuk membayangkan keadaan pembangunan sosial ekonomi rakyat bumiputera 2050 iaitu 30 tahun di hadapan. Saya membayangkan

bahawa semua rumah-rumah kayu dan rumah-rumah yang berdinding *bamboo* dalam kawasan Sepanggar itu bertukar menjadi konkrit. Pendapatan rakyat minimum RM5,000 sebulan. Dengan pembangunan yang rata di bandar raya Kota Kinabalu dengan gaya hidup moden pada ketika itu. Itu yang ingin saya lihat dan impikan. Apakah ini mampu direalisasikan atau pun hanya satu ilusi?

Sementara di satu sisi, saya melihat realiti, di mana tidak mungkin ini akan terjadi apabila perkara pokok, perkara asas tidak ditangani daripada sekarang. Bilangan permohonan rumah PPRT di dalam bandar semakin meningkat, di mana di dalam kawasan Parlimen Sepanggar saya telah memohon sebanyak 100 buah rumah untuk tahun depan. Penduduk setinggian bertambah kerana transmigrasi daripada luar bandar ke dalam bandar Kota Kinabalu semakin meningkat. Penghuni rumah PPR tidak mampu membayar sewa walaupun serendah RM149 sebulan dan akhirnya kembali kepada setinggian. Ini menunjukkan kuasa beli rakyat Sabah masih rendah berbanding peningkatan keperluan hidup yang menokok dan berdepan dengan cabaran baru iaitu semakin moden kehidupan rakyat, semakin tinggi kos sara hidup. Bilangan rakyat Sabah yang mencari pekerjaan di Semenanjung semakin meningkat. Bilangan pengangguran di kalangan siswazah bertambah setiap tahun dan sektor pertanian juga yang menguncup kerana pasaran yang lemah dan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada fenomena ini, rakyat Sabah akan terkesan dan banyak pihak yang mengambil kesempatan dengan membakar semangat rakyat Sabah untuk bangkit dan menuntut apa yang menjadi hak mereka dalam Perlembagaan Negara dan Perjanjian Malaysia 1993. Ekoran daripada itu, Yang Berhormat Kimanis telah membentuk satu pasukan yang dinamakan *MySabah*. Mereka ini terdiri daripada golongan profesional, termasuk mantan Peguam Negara, mantan setiausaha kerajaan negeri dan barisan peguam untuk meneliti kandungan perjanjian tersebut.

#### ■1240

Parti pembangkang juga secara aktif dengan slogan "*Sabah for Sabahan*". Apa pun, roh dan semangat perjuangan rakyat Sabah pada ketika ini berpaksi kepada semangat Perjanjian M63. Justeru itu saya mengajak rakan-rakan Ahli Parlimen dari Sabah bersama-samalah dengan saya untuk, "*berumpun bak serai, berjunjung bak sirih*". "*Satu nada satu irama, bertindak satu suara*". Demi masa depan Sabah dalam Malaysia, isu perjanjian Malaysia 63 dan kandungan IGC atau 20 Perkara itu perlu disemarakkan dan dipohon perhatian serius daripada Kerajaan Pusat.

Isu ini sepatutnya dibangkitkan oleh rakan-rakan saya daripada parti-parti komponen di Sabah dan bukanlah saya kerana saya ini tidak ada parti, orang yang

masih lagi banduan politik dalam Parlimen ini tetapi sebab tingginya cinta saya kepada negeri Sabah serta saya adalah penyokong tegar BNBBC maka saya bawa isu ini untuk mendapat perhatian sewajarnya pihak kerajaan bagi membuktikan Barisan Nasional terus relevan dan sokongan rakyat kian meningkat lebih-lebih lagi dalam isu Perjanjian 63 ini. Sabah akan tetap dan terus berada dalam negara Malaysia yang tercinta ini. Justeru itu, saya bawa beberapa isu yang sedang dicanangkan dalam media sosial dan sidang kopi-kopi rakyat di seluruh Sabah. Baik di desa mahupun di bandar, petani, nelayan, penjawat awam, semuanya tidak terkecuali.

Pertama, isu cukai. Saya ingin sampaikan kepada kerajaan bahawa mengikut Perjanjian Malaysia *under Article 112C & 112D Federal Constitution* dengan izin, bahawasanya kutipan cukai bersih 40 peratus daripada Sabah hendaklah dikembalikan kepada Sabah. Soalannya adakah Kerajaan Pusat bersedia menunaikannya? Saya difahamkan satu memorandum telah pun disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Pekan oleh Team My Sabah. Saya yakin dengan pulangan 40% itu kelak maka kerajaan negeri Sabah boleh mengecualikan cukai GST untuk rakyat Sabah.

Demikian juga *stamp duty*. Mengikut Perjanjian 20 Perkara bahawa hak ke atas tanah adalah kuasa negeri Sabah tetapi kenapakah *stamp duty* ini masih dikutip oleh Kuala Lumpur? Begitu juga RPGT (*real property gains tax*), cukai ini diambil daripada cukai jual beli tanah, penilaian tanah tetapi dipulangkan kepada *federal*. Maka saya menggesa bahawa cukai *stamp* dan juga RPGT ini dikembalikan kepada negeri Sabah.

Yang keduanya, soal Dasar Kabotaj. Tuan Yang di-Pertua, *cabotage policy* ini telah pun disuarakan oleh rakyat Sabah dan Sarawak sepanjang ingatan saya sejak saya menjadi Ahli Parlimen tahun 2013 tetapi sehingga hari ini satu jawatankuasa demi satu jawatankuasa dilantik dan ditubuhkan tetapi tidak ada keputusan sehingga pada saat ini. Demikian juga isu Akta Petroleum iaitu apakah Kerajaan Pusat bersetuju untuk mengkaji semula isu royalti minyak ini seperti mana yang telah dimajukan oleh Team My Sabah? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai isu Maktab Perguruan Gaya yang ura-uranya akan ditutup dan saya mohon semua institut perguruan di Sabah ini janganlah ditutup tetapi dinaiktarafkan seperti mana UPSI di negeri Perak.

Apa yang saya suarakan ini bukanlah satu tuntutan baru tetapi ia adalah perkara yang terlepas pandang dalam Perjanjian Malaysia dan ada tertulis dalam Perlembagaan Negara. Bukan sahaja saya, malahan pemimpin-pemimpin lain pun telah pun bersuara sebelum ini. Dalam tempoh dari sekarang menuju 2050, saya amat

optimis bahawa kemajuan dan pembangunan di Sabah akan setanding dengan negeri-negeri di Semenanjung dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 di samping peruntukan-peruntukan lazim yang menjadi tanggungjawab Pusat. Saya yakin dan pasti Kerajaan Barisan Nasional akan kekal diberikan mandat oleh rakyat Sabah jika ini dapat ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perbandingan pada hari ini, saya melihat di Semenanjung ada *high speed train*, di Sabah ada *locomotive train*. Di Semenanjung ada *highway*, di negeri Sabah masih *on the way*. Di Semenanjung ada *high speed broadband*, di Sabah ada *kombit-kombit broadband*. *Kombit-kombit* ini *you scroll*, dengan izin. Hendak *scroll* dulu, baru ada *line*. Jadi dilihat secara realistiknya, bagaimanakah Sabah mampu mengejar pembangunan Malaysia Barat 30 tahun akan datang sekiranya ianya tidak dimulakan daripada sekarang? Kalau bukan sekarang, bila lagi? Kalau bukan Barisan Nasional, siapa lagi?

Mana mungkin kita berharap kepada parti Warisan dan Parti Harapan Rakyat tetapi kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak ambil berat dan tidak ambil peduli, tidak mustahil angin perubahan akan berlaku di Sabah. Semuanya tidak mustahil berlaku kerana sejarah politik Sabah sangat unik. Orang Sabah ini baik, peramah, hormat kepada ketua tetapi bila sudah marah, satu kampung dia tukar. Sejarah politik Sabah mencatatkan isu sentimen mampu mengalahkan politik wang dan politik pembangunan kerana rakyat Sabah hanya ada bumiputera Islam dan bukan bumiputera Islam. Tidak wujud istilah semangat ketuanan Melayu di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak wajar kalau saya tidak bawa suara yang mengundi saya yang meletakkan saya dalam Dewan ini. Justeru itu izinkan saya untuk berterima kasih kepada Yang Berhormat Pekan kerana memperuntukkan RM1.2 bilion untuk membina 616 batang jalan dan jambatan bagi seluruh negara. Ini semestinya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin mengingatkan Menteri Pembangunan Luar Bandar agar tidak lupa apa yang saya suarakan dalam Dewan ini dua tahun yang lepas iaitu menaik taraf Jalan Talungan-Tampulan Natai, Jalan Kiambalang-Bambangan-Toki Kuala Sunan dan sambungan Jalan dari Kebagu keluar ke Bulatan Yayasan Sabah.

Mengenai masalah pembangunan sosial pula iaitu berkenaan pencegahan banjir. Jabatan Parit dan Saliran Sabah sudah pun mengemukakan permohonan untuk melebar dan meluruskan Sungai Rampayan–Menggatal untuk mengatasi banjir kilat di kawasan Sepanggar. Saya mohon dalam peruntukan tahun depan, projek ini disegerakan. Begitu juga kepada sekolah-sekolah daif yang berada di seluruh kawasan Parlimen Sepanggar iaitu SK Talungan, SK Kokol, SK Tambunan, SK

Unggun, SK Likas dan membina baru SK Kebagu dan SMK Alam Mesra juga dalam Parlimen Sepanggar kerana kementerian kena ambil kira Sepanggar ini adalah kawasan bandar dan kepadatan penduduk yang tinggi maka keperluan untuk membina sekolah baru itu amat tinggi.

Bajet 2017 juga telah mengurangkan peruntukan untuk pengajian tinggi. Saya secara peribadi tidak ada komen tentang pemotongan ini kerana saya yakin kementerian lebih faham. Walau macam mana pun saya mohon kepada kerajaan dan kementerian untuk memberikan pertimbangan yang wajar khusus kepada pelajar-pelajar miskin daripada UMS dan UiTM. Perlu diingat pelajar-pelajar miskin ini bukan sahaja datang dari Sabah tetapi di seluruh negara. Jadi, saya mohon supaya ini dapat diberikan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pekebun kecil pula. Dasar Kementerian Luar Bandar pada hari ini hanya memberikan bantuan kepada mereka yang mempunyai geran. Bagi petani dan peladang di Parlimen kawasan Sepanggar ini, kebanyakannya mereka masih berstatus *land application*, dengan izin, maknanya belum dikeluarkan geran. Kelewatan pengeluaran geran ini bukan salah petani tetapi salah pihak jabatan berkenaan. Jadi, saya mohon khususnya RISDA untuk turun padang dan mendaftarkan mereka yang telah membangunkan tanah mereka sekurang-kurangnya 20 tahun ke 30 tahun yang lepas untuk juga diberikan pertimbangan khusus dan diberikan bantuan oleh pihak kementerian.

Demikian juga bantuan membaiki rumah pekebun kecil dan nelayan dalam kategori B40 ini perlulah disamaratakan. Kalau kita memberikan bantuan membaiki rumah kepada nelayan, kita hendaklah juga memberikan bantuan kepada pekebun kecil. Tuan Yang di-Pertua, masalah nelayan yang diharamkan, yang menggunakan *pump boat* di Sabah atas aspek keselamatan.

■ 1250

Ini telah memberikan kesan yang besar kepada nelayan pesisir pantai di mana apabila kerajaan melalui ESSCOM, Navy, Marin dan sebagainya menangkap mereka, bot-bot mereka akan dimusnahkan. Akan tetapi kerajaan tidak menggantikan bot-bot tersebut. Jadi saya mohon supaya diberikan bantuan khusus untuk menukar pam bot kepada bot biasa untuk 200 orang nelayan anggaran lebih kurang dalam RM10,000 satu nelayan bot dan juga enjin sangkut.

Mengenai dengan perumahan pula, perumahan adalah isu di mana-mana. Kerajaan memperuntukkan belanja yang besar untuk tujuan itu. Saya mohon agar PR1MA dan JPN menambah bilangan rumah mampu milik di Parlimen Sepanggar. JPN juga diminta untuk mengatasi masalah perumahan yang terbengkalai di



'Kionsong Kecil' yang sudah mengambil masa lima tahun belum lagi siap-siap pada hari ini.

Seterusnya untuk merealisasikan TN50, saya mohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan khusus untuk membina pusat industri bumiputera dengan kerjasama KKIP di mana KKIP akan menyediakan tanah dan Kerajaan Pusat menyediakan dana untuk disewakan kepada bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang sungutan yang disampaikan kepada saya oleh kontraktor-kontraktor kelas F ataupun G1, G2 di mana pada hari ini projek-projek yang di bawah RM250,000 ini dikenakan cukai GST dan masalah mereka oleh sebab setahun mereka hanya mendapat satu, dua kerja. Maknanya kalau projek dia RM200,000 setahun, dia tidak berdaftar dengan GST maka dia tidak layak untuk mendapatkan rebat..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh ..

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Ke atas apa yang mereka belanjakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Ya saya turut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bersama-sama dengan Yang Berhormat Sepanggar dalam soal kontraktor kelas F ini. Memang betul di kawasan saya pun kadang-kadang satu tahun satu kali pun tak dapat sebab projek yang di bawah RM250,000 ini terlalu sedikit. Akan tetapi apabila dapat contohnya RM80,000 satu tahun, dia dikenakan GST. Jadi sedangkan dalam peraturan dia, kalau mana-mana syarikat yang *threshold* dia RM500,000 baru dapat dikenakan GST. Jadi perkara ini saya rasa Yang Berhormat Sepanggar harus memberi penekanan yang lebih lanjut kepada pihak-pihak yang berwajib supaya melihat agar GST ini tidak dilihat sebagai menindas seperti yang diuar-uarkan oleh pembangkang. GST ini terlalu baik tetapi mungkin pelaksanaan dia perlu diteliti. Jadi minta komen Yang Berhormat Sepanggar.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepanggar, boleh saya tanya? Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam ingin mencelah. Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak *confused* pasal tadi saya dengar Yang Berhormat Sepanggar minta supaya Sabah dikecualikan GST. Selepas itu saya dengar pula Yang Berhormat Kinabatangan kata GST ini bagus. Selepas itu Yang Berhormat Sepanggar pula setuju. Lalu mana satu? Adakah GST ini bagus, maka kekal dan laksanakan di Sabah ataupun tidak begitu bagus dan dikecualikan untuk Sabah.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Okey, terima kasih, saya faham, saya faham, saya jawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya harap boleh diberikan penjelasan.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan ini ialah kontraktor kelas F ini dikecualikan daripada bayaran GST, itu dia. *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tetapi Yang Berhormat Kinabatangann kata GST ini bagus.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu minit sahaja lagi dan isu yang terakhir yang ingin saya bawa ialah tentang pemotongan RMT ini, rancangan makanan tambahan di sekolah-sekolah. Saya difahamkan dipotong daripada 20 hari, daripada 190 hari kepada 170. Maknanya hari Jumaat tidak ada makan. Jadi berapa sangatlah hari Jumaat yang kita potong itu? Saya mohon kementerian kembalikan kepada 190 hari. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Langat sila.

**12.54 tgh.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bajet 2017 yang antara temanya sebagai bajet mensejahterakan rakyat dengan peruntukan sebanyak RM260.8 bilion yang meningkat 3.4 peratus dari tahun 2016, pendapatan RM220 bilion meningkat 3 peratus dari tahun 2016 dengan deposit RM40 bilion. Perbelanjaan operasi sebanyak RM215 bilion termasuk RM5 bilion infrastruktur manakala pembangunan pula RM45 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan adalah merupakan faktor utama mensejahterakan rakyat yang sepatutnya diberi keutamaan oleh kerajaan dalam Bajet 2017. Bajet 2017 memperuntukkan sebanyak RM24.8 bilion berbanding dengan RM23 bilion tahun 2016. Akan tetapi perlu diingat, antara punca besar terjadi penyakit adalah makanan yang berlebihan, tidak seimbang antara karbohidrat, serat, protein dan lemak yang membawa akibat penyakit gout, kencing manis, jantung dan strok. Pencegahan lebih baik dari rawatan yang memerlukan kos yang besar. Oleh itu kempen pencegahan kesihatan, kempen kebersihan diri dan persekitaran, kempen mengambil diet yang betul dan makanan secara sederhana seperti yang diajar oleh Islam perlu ditingkatkan dan diperhebatkan lagi di semua peringkat.

Kementerian Kesihatan memperuntukkan jumlah antara yang terbesar iaitu RM4.5 bilion untuk kesihatan awam dan perubatan sebanyak RM12.6 bilion yang sudah sepatutnya diperlukan untuk menyediakan kemudahan rawatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan latihan adalah penting dalam membina generasi akan datang. Bajet Kementerian Pendidikan tahun 2017 sebanyak RM44 bilion berbanding RM41 bilion tahun 2016 iaitu meningkat RM3 bilion. Ini adalah satu usaha yang baik sebagai pelaburan untuk masa hadapan bagi membangunkan modal insan dan kepimpinan negara di masa hadapan.

Saya mengharapkan sangat daripada Kementerian Pendidikan mempercepatkan pembinaan kompleks sekolah rendah dan menengah di atas tapak seluas 13.04 ekar yang pernah dijanjikan kepada Persatuan Penduduk Pelangi Semenyih Hulu Langat suatu masa dahulu. Keperluan sekolah ini terdesak kerana pertambahan penduduk dengan bertambahnya taman-taman perumahan baru seperti Setia Equa Hill, MKLand Berhad, Eco World, Park Land dan banyak lagi taman-taman baru termasuk penempatan satu 'batalion PGA'.

Seperti sekarang untuk pengetahuan kementerian ialah SK Bandar Rinching dengan populasi 2,300 murid dengan purata 42 hingga 45 murid per kelas. SMK Bandar Rinching 2,500 murid dengan purata 38 ke 43 murid per kelas, SMK Engku Husin 3,100 murid dengan purata 42 hingga 46 murid per kelas yang agak kurang selesa. Jadi saya difahamkan projek ini sudah tersenarai dalam RMKe-11 Rolling Plan 1 dan berharap Kementerian Pendidikan dapat membina kompleks sekolah di Pelangi Semenyih ini seberapa segera yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bajet Kementerian Pengajian Tinggi pula berkurangan sebanyak RM1.3 bilion dari RM13.4 bilion tahun 2016 kepada RM12.1 bilion tahun 2017. Ini bermakna universiti-universiti perlu menjana sebahagian pendapatan sendiri dalam membantu mengurus universiti masing-masing. Adalah tidak adil pelajar yang

sepatutnya menumpukan kepada pendidikan tetapi dibebani dengan hutang. Selesai sahaja pengajian pula, yang tidak mampu membayar balik hutang diisytiharkan muflis bankrap walaupun Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan bahawa pendidikan kita hampir percuma tetapi mereka terpaksa menanggung kos sara hidup yang membebankan walaupun baucar buku RM200 diberi oleh kerajaan. Saya berharap dan mencadangkan supaya semua universiti dapat mewujudkan tabung zakat dan wakaf yang dapat membantu pelajar-pelajar yang kurang mampu dan juga dapat membantu dalam pengurusan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kos sara hidup, saya sokong usaha kerajaan menggalakkan penerima BR1M berusaha meningkatkan pendapatan mereka dan menghasilkan produk yang boleh dipasarkan. Saya yakin mereka yang berpendapatan rendah jika diberi bimbingan yang betul dan modal yang cukup serta azam yang tinggi maka mereka boleh berjaya dalam hidup mereka seperti mana yang telah diberi bantuan oleh modal zakat, pinjaman Amanah Ikhtiar, Hijrah di Selangor, TEKUN dan 1Azam. Dengan disiplin yang ketat mereka boleh berjaya dalam perniagaan atau perusahaan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat ya, kita sambung pukul 2.30 petang. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat untuk menyambung perbahasan.

**2.32 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Dengan disiplin yang ketat, mereka boleh berjaya dalam perniagaan dan perusahaan mereka daripada sekecil-kecil menghasilkan karipap *frozen*, katering hingga ke butik pakaian, *furniture* dan sebagainya. Saya merujuk kepada Program Sumbangan Zakat di Kedah dalam RTM1 pada 26 Oktober lepas. Pengarahnya menyebut bahawa bantuan zakat tidak boleh mengurangkan orang-orang miskin tetapi mereka keluar dari kepompong kemiskinan jika mereka diberi

peluang pekerjaan atau perniagaan. Zakat Kedah menubuhkan pusat jahitan di Sungai Petani dan memberi peluang orang miskin bekerja di situ.

Saya juga berharap peminjam TEKUN perlu diberi penekanan disiplin yang ketat supaya mereka membayar balik mengikut perjanjian yang ditetapkan. Soalan saya, adakah pembayaran balik pinjaman TEKUN sekarang mencapai sasaran yang diharapkan bagi membolehkan dimanfaatkan oleh peminjam baru. Hasil pendapatan daripada titik peluh mereka sendiri, diharap mereka boleh berjimat dan dapat menabung untuk masa hadapan.

Saya difahamkan 20 peratus yang bersara hanya mempunyai tabungan RM10 ribu. Jika RM1 ribu dibelanjakan sebulan, maka hanya boleh *survive* dalam 10 bulan. Begitu juga kakitangan kerajaan atau swasta hanya menabung sedikit dan jika dibuang kerja, maka mereka ini boleh bertahan hanya satu bulan sahaja. Jadi kita mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan insurans pekerjaan di samping KWSP, SOCSO yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, selain bantuan kos sara hidup seperti BR1M, dan bantuan modal seperti yang saya jelaskan di atas untuk mensejahterakan rakyat, maka sekitaran juga membantu mewujudkan rakyat yang sejahtera dan mengurangkan pencemaran, meneruskan usaha mengurangkan pembebasan gas rumah hijau atau GHG, sebagaimana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat kesebelas kepada *Kyoto Protocol* dan Perjanjian Paris iaitu 40 peratus pengurangan dalam 2020, atau 45 peratus menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2005.

Hasil daripada kerjasama kementerian-kementerian antaranya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain, berdasarkan *Berita Harian* bertarikh 11 Mac 2016 bertajuk, "*Pantau Pelepasan Gas Rumah Kaca*", maka saya yakin kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh mengurangkan intensiti pelepasan GHG.

Mesyuarat pertama Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri bersetuju supaya setiap kementerian dan agensi kerajaan memantau serta menjejaki pelepasan GHG dalam sektor masing-masing. Ekonomi karbon rendah adalah jalan terakhir untuk mengawal iklim. Berapakah peruntukan yang diperlukan dalam melaksanakan ekonomi karbon rendah dan untuk adaptasi kepada fenomena perubahan iklim seperti banjir, kemarau, taufan dan peningkatan paras laut?

Tuan Yang di-Pertua, cabaran dunia kini adalah mengurangkan penggunaan bahan api fosil yang menjadi sumber utama pelepasan GHG dan bergerak kepada ekonomi karbon rendah dengan mencari sumber tenaga bersih, penciptaan teknologi hijau dan kecekapan tenaga serta tenaga menyumbang pembebasan GHG sebanyak 147 metrik tan CO<sub>2</sub> setara berbanding jumlah yang dibebaskan dalam tahun 2000 iaitu 222.99 metrik tan CO<sub>2</sub> setara. Saya menghormati usaha kerajaan memastikan pelaksanaan kecekapan penggunaan tenaga iaitu *energy efficiency* atau EE, dengan menggalakkan penggunaan alat cekap tenaga dan reka bentuk bangunan jimat tenaga.

Selain itu, pelaksanaan tenaga boleh baru, *renewal energy* atau RE dipertingkatkan mengguna biojisim, biogas, *mini hydro*, tenaga suria. Saya kurang pasti, adakah sisa kepada tenaga *waste to energy* yang akan dilaksanakan nanti, dan juga tenaga nuklear juga termasuk dalam kategori tenaga boleh bahan? Merujuk kepada tenaga nuklear, saya ingin mendapat penjelasan, sejauh mana persiapan yang telah dan sedang dibuat oleh kerajaan terutama dalam menyebarkan mengenai faedah dan kebaikan teknologi nuklear kepada rakyat?

Kedua, persiapan daripada segi *manpower* atau kakitangan pakar untuk mengendali reaktor nuklear, dan ketiga, peraturan-peraturan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan oksigen, saya berharap pemilihan hutan dan pemuliharaan hutan dan penanaman semula pokok-pokok patut diteruskan. Saya mengucapkan tahniah dan menyokong usaha yang dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Jawapan Soalan Lisan pada 20 Oktober 2016, bahawa dengan peruntukan RM50 juta sejak tahun 2006 lepas, sebanyak RM6,319,314 pokok ditanam di atas tanah seluas 2,578.38 hektar bagi mengurangkan hakisan dan secara langsung dapat menghasilkan oksigen. Saya juga berharap satu tindakan tegas dalam penguatkuasaan dan kawalan pengeluaran kayu balak supaya hutan kita dapat diuruskan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air atau KeTTHA, dengan kerjasama kementerian-kementerian lain melalui Strategi Lautan Biru iaitu NBOS, melaksanakan bandar hijau, pulau hijau seperti Langkawi, negeri hijau seperti Melaka dan Kedah atau dalam kata lain, daerah, negeri dan pulau karbon rendah.

Saya juga berminat menjadikan Hulu Langat yang masih hijau dengan hutan-hutan dan diindahkannya dengan air terjun dan air sungai di hulu sungai yang masih cantik sebagai tempat perkelahan diisytiharkan sebagai kawasan hijau. Lebih-lebih lagi

Hulu Langat juga merupakan kawasan tadahan air untuk bekalan air bukan saja untuk negeri Selangor tetapi juga Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya berharap kementerian-kementerian dan negeri boleh membantu memastikan pembangunan di Daerah Hulu Langat mengikut garis panduan pembangunan hijau.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, air adalah merupakan punca utama dalam kehidupan manusia. Maka saya berharap Kerajaan Pusat bersama kerajaan negeri mestilah mewartakan kawasan tadahan air dengan segera supaya tidak berlaku pencerobohan atau pembukaan tanah hutan di kawasan tadahan air. Keselamatan dan kebersihan air terutama air sungai dan empangan juga dapat dikawal dengan baik dan memastikan bahan buangan atau sisa industri tiada dibuang secara sewenang-wenangnya ke dalam parit dan sungai dengan mencemarkan dan mengganggu proses pembersihan air dan mencemaskan rakyat.

Saya berharap apa yang berlaku di Sungai Semenyih dan Sungai Langat tidak berulang lagi yang terlalu menyusahkan rakyat dan kerajaan. Jabatan Alam Sekitar, dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu mengambil tindakan tegas bagi memastikan kilang-kilang perlu membuat rawatan sisa mengikut peraturan yang betul dan melupuskan sisa melalui pusat pelupusan sisa kimia seperti Bukit Nanas, Negeri Sembilan.

Saya juga berharap usaha kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran perlu meneruskan pembinaan kolam tadahan atau takungan di sepanjang sungai dan menyenggarakan dengan baik agar air hujan yang turun dengan lebat boleh ditakung dalam kolam tadahan atau takungan kerana difahamkan hanya 5 peratus sahaja air hujan yang boleh diserap ke bumi dan selebihnya masuk ke parit, sungai dan terus ke laut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengatasi pencemaran terutama udara, maka usaha perlu dibuat bagi meningkatkan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api yang menggunakan tenaga elektrik atau solar, dan ditambah pula usaha menggalakkan pengangkutan persendirian menukar daripada menggunakan kuasa tenaga dan minyak kepada elektrik seperti motosikal, kereta dan basikal. Kita sangat alu-alukan usaha-usaha ini.

Pada 6 Oktober 2016, saya berkesempatan melawat pameran IGEM 2016 di KLCC. Antaranya saya tertarik dengan pameran kereta elektrik dan bas elektrik. Bas elektrik diusahakan oleh satu *team* jurutera tempatan bumiputera di bawah syarikat Sync R&D di bawah dengan modal RM30 juta untuk membangunkan bas elektrik. Saya sangat berharap kerajaan dapat membantu syarikat Sync R&D ini bagi

mengkomersialkan bas elektrik yang mereka telah pun bangunkan. Saya gembira bila kenderaan awam seperti bas yang dijalankan dengan kuasa elektrik di samping NGV dibangunkan oleh jurutera tempatan. Adalah senang untuk membeli bas dari China atau Korea. Akan tetapi kita patut bangga dengan mengeluarkan bas elektrik kita sendiri.

Pada 15 Oktober 2016, saya berpeluang mengikuti Karnival YaHijau Langkawi. Saya tertarik dengan pengeluaran motosikal elektrik yang dibangunkan oleh syarikat 'Roda' di Sungai Petani, R&D dibiayai oleh TechnoFund sebanyak RM2.3 juta dari MOSTI. Tahniah kepada MOSTI dan syarikat 'Roda'. Saya juga berharap sekali lagi kerajaan perlu pantau dan bimbing dalam mengkomersialkan motosikal elektrik ini agar dapat dimanfaatkan oleh rakyat.

Saya juga berharap pengeluaran kereta elektrik yang pernah dibincangkan beberapa kali perlu diteruskan oleh PROTON walaupun kos pembangunannya agak tinggi di peringkat awal tetapi demi menjaga kehijauan negara dan keselamatan rakyat, maka kerajaan perlu memberi sokongan dan bantuan bagi membangunkan kereta elektrik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### **2.44 ptg.**

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diberi peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

Kebiasaannya asas kehidupan- *cost of living* adalah *food, shelter and clothing*, dengan izin, makanan, tempat tinggal dan pakaian dan hari ini pengangkutan juga sudah menjadi keperluan asas kehidupan. Sekiranya dikira, purata dua pertiga daripada pendapatan atau gaji kita diguna untuk perkara-perkara asas ini.

Saya melihat Bajet 2017 secara amnya berkisar kepada perkara asas ini, dan ia satu bajet yang menyasarkan kepada semua golongan tanpa meminggirkan sesiapa. Bajet ini memberikan manfaat lebih terperinci kepada individu tidak kira anak kecil, remaja atau dewasa. Sasaran bajet kali ini lebih khusus dan amat fokus kepada keperluan dan kehendak rakyat dari segenap lapisan dapat direalisasikan dalam bajet ini. Ia mampu menyejahterakan rakyat keseluruhannya, boleh memupuk perpaduan dan merangsang ekonomi terutamanya merangsang ekonomi dalam negara.



Namun begitu, kita tentunya akan mengkaji dan memberi fokus bajet yang terpenting mendahulukan keperluan dan kehendak kawasan Parlimen saya, dan juga bajet yang menyentuh keperluan rakyat secara terus kepada rakyat dalam ekonomi dunia yang mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, *Lonely Planet* sebuah syarikat penerbitan yang menerbitkan buku panduan pelancongan terbesar dunia telah menyenaraikan Perak antara 10 wilayah terkemuka dunia untuk *Lonely Planet's Best in Travel 2017*. Bandaraya Ipoh dinobatkan sebagai bandar yang mempunyai sentuhan pembangunan semula elemen baru di samping mengekalkan sejarah bagi bandar raya tersebut. Pengiktirafan sebegini akan memastikan kebanjiran pelancong ke Ipoh khususnya dan di Malaysia amnya. Sekalung tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak dan Kementerian Pelancongan.

Tahun 2017 adalah "Tahun Melawat Perak", "Tahun Melawat ASEAN" sempena ulang tahun ASEAN yang ke-50. Negara kita juga akan menjadi tuan rumah Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017, pastinya akan merencanakan pelancongan ke rantau ini, dan pasti sasaran 32 juta pelancong ke Malaysia tercapai.

Dalam merencanakan pelancong ke dalam negara pula, kerajaan akan memperluaskan eVisa di rantau Balkan dan Asia Selatan. Namun saya berharap kerajaan juga meningkatkan promosi pelancongan dan Islam, memandangkan pelancong Islam terutamanya dari Timur Tengah sudah mulai menjadikan Malaysia sebagai destinasi tetap cuti-cuti, riadah dan membeli-belah mereka...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat boleh minta mencelah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit sahaja, jiran, jiran. Taiping dan Kuala Kangsar adalah jiran. Sedikit sahaja.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** *Sorry. Yang Berhormat Taiping, I need to sorry, dengan izin, I need to say this for the people of Kuala Kangsar. Please allow me to finish. I'll give you towards the end.*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit sahaja untuk pengiktirafan *Lonely Planet*.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** *I'll give you towards the end, really, please. Thank you very much, sorry about that.*

Tuan Yang di-Pertua, suatu ketika Bandar Diraja Kuala Kangsar menjadi satu pusat perhentian bagi sesiapa sahaja dari selatan yang ingin ke utara Semenanjung Malaysia. Sebaliknya Kuala Kangsar juga terkenal dengan mengeluarkan para ilmuan

bijak pandai, pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua pegawai eksekutif dan pemimpin negara melalui Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Namun, hari ini pembangunan Bandar Kuala Kangsar cukup terhad dan perkembangannya juga terasa perlahan walaupun potensinya untuk membangun sebagai pusat ilmu dan pelancongan amatlah nyata dan berpotensi besar. Memandangkan pembangunan *Movie Animation Park Studios* di Meru, Ipoh sangat dekat dan di dalam lingkungan segi tiga ruang pelancongan di Ipoh-Kuala Kangsar-Lenggong, adalah dicadangkan agar satu pembangunan bersepadu seperti 'Taman Bandar' didirikan di Pinggiran Sungai Perak meliputi pembangunan komersial Bazaar Rakyat, jeti pelancongan dengan bot-bot, laman budaya, kios mampu sewa, pusat riadah, basikal *trail* meliputi 80 buah kampung, yang sedia menjana pendapatan untuk warga desa.

Kemudahan awam dan lain-lain melibatkan penggunaan 50 ekar tanah rizab Pinggiran Sungai Perak. Projek ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Ini adalah cetusan ilham bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Allahyarham Datuk Wan Khair-il Anuar yang amat yakin cadangan ini akan dapat membantu dan mengukuhkan peniaga-peniaga kecil terutama peniaga-peniaga bumiputera menyusun dan mencantikkan bandar dengan lebih teratur untuk menarik lebih ramai pelancong ke Kuala Kangsar sekiranya boleh, kerajaan dapat meneliti dan memberikan peruntukan bajet bagi membolehkan projek ini dibangunkan.

Di dalam Bajet 2017, hotel bertaraf empat dan Lima Bintang dilanjutkan tempoh permohonan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan hotel ke 31 Disember 2018.

#### ■1450

Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan supaya diperuntukkan dan dibuat satu rancangan perdana untuk hotel Dua Bintang dan Tiga Bintang serta *homestay* yang membangun begitu pesat di seluruh negara. Ia akan membantu menjana pendapatan untuk warga desa dan pengusaha-pengusaha muda yang ingin turut sama dalam laras perdana pelancongan negara. *Facility* ini selalunya membawa pelancong-pelancong kita ke kawasan-kawasan pelancongan yang mempamerkan budaya dan aset negara yang halus dan mencernakan budaya orang kita yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian kebakaran di Hospital Sultanah Aminah adalah amat mendukacitakan. Takziah saya dan seluruh rakyat Kuala Kangsar kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Bajet kesihatan yang merangkumi pembinaan dan membaik pulih hospital, ubat-ubatan, kos operasi hospital, Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia, Klinik Kesihatan dan Klinik Desa serta pembelian ambulans yang

besar bagi membolehkan rakyat negara terus mendapat khidmat kesihatan yang terbaik.

Ketika meningkatkan infrastruktur dan kemudahan hospital, tidak lupa juga peningkatan tenaga kerja terlatih juga amat perlu. Saya berharap dengan bajet ini, semua klinik menambah tenaga terlatih agar masyarakat di kampung-kampung, desa dan pedalaman juga mampu menikmati rawatan yang lebih baik. Saya juga berharap hospital dan klinik ini akan membuat jadual yang lebih kerap dan berkala untuk bertemu pesakit di penempatan mereka dan bukan hanya menunggu pesakit datang kepada mereka. Kemungkinan besar, pesakit di daerah pedalaman hanya membeli ubat biasa di kedai-kedai berdekatan kerana kekangan kehidupan mereka untuk ke klinik dan hospital yang jauh dari mereka.

Pada masa kini, pesakit buah pinggang yang tidak berkemampuan, menggunakan mesin dialisis hanya di hospital-hospital kerajaan dan beberapa buah pusat hemodialisis NGO yang tidak mengutamakan keuntungan. Peruntukan Bajet 2017, sebanyak RM40 juta bagi mendapatkan geran *one-off* sebanyak RM200,000 bagi membuka pusat hemodialisis swasta bagi membeli peralatan dialisis boleh membantu penambahan pusat hemodialisis dan tentunya dapat memudahkan dan mengurangkan kesesakan pesakit ini. Saya berharap pemohon untuk mendapatkan geran *one-off* ini menggunakan wang ini secara betul dan dipantau. Pusat yang dibuka wajarlah juga ditempatkan di tempat yang bersesuaian dan menyenangkan pesakit untuk pergi membuat rawatan.

Hospital Kuala Kangsar dijanjikan naik taraf ke hospital pakar. Ia ditangguhkan kerana ekonomi yang tidak menentu dan Menteri Kesihatan telah mencadangkan agar Hospital Kuala Kangsar dijadikan hospital kluster kepada Hospital Taiping.

Ini tentunya meningkatkan taraf dan mutu perkhidmatan hospital ini. Namun, bangunan baru kecemasan dan trauma yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh masih belum terlaksana. Ia kemudian dibawa ke Rancangan Malaysia Kesebelas. Pembangunan Klinik Kesihatan Kuala Kangsar juga telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Ini akan memanfaatkan seramai 300 hingga 500 orang pesakit sehari. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap Unit Perancangan Ekonomi dapat mengangkat semula perkara ini dan dapat direalisasikan pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, fenomena penyakit gangguan mental adalah suatu penyakit tidak berjangkit yang harus dipandang serius. *National Health Morbidity Survey* mendedahkan bahawa 4.2 juta rakyat yang berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental iaitu 4.25 peratus. Nisbah antara doktor psikiatri

dan populasi adalah 8:100,000 penduduk dan nisbah antara ahli psikologi kepada populasi adalah 9:100,000 penduduk. Berbeza dari nisbah cadangan WHO iaitu 1:50,000. Walaupun kita mempunyai polisi khusus untuk kesihatan mental semenjak tahun 2013, dan undang-undang kesihatan, kenapa penguatkuasaannya masih lemah? Kerana ia adalah sikap masyarakat yang meletakkan stigma dikaitkan dengan penyakit ini atau penyakit mental telah mengakibatkan *suspected* atau yang mengidap penyakit mental tidak mahu menerima rawatan atau dalam *denial*.

Kempen-kempen yang bersepadu dan agresif harus dijalankan dalam masyarakat supaya warga memahami penyakit mental itu adalah seperti semua penyakit lain yang perlu dirawat. Sekiranya usaha ini tidak dipandang serius daripada sekarang, penyakit ini akan menjadi beban dan melibatkan kos kepada produktiviti negara. *Mental disorder will affect physical health if ignored and untreated*, dengan izin. Kita tidak boleh lagi memandang ringan stigma mengekang usaha negara untuk menangani kesihatan mental rakyat. Kanak-kanak harus menjadi sasaran kita yang terpenting dalam isu gangguan mental. Hak kelangsungan hidup dan pembangunan, hak perlindungan dan hak penyertaan kanak-kanak Malaysia perlu diambil peduli dengan usaha bersepadu kesihatan kanak-kanak daripada segi fizikal dan juga mental.

Tuan Yang di-Pertua, ada cakap-cakap, peruntukan sebanyak RM7.4 bilion kepada institusi pengajian tinggi adalah tidak mencukupi. Dalam masa yang sama, universiti sekarang perlu lebih fokus untuk menjana pendapatan melalui kreativiti dan intelektual mereka. Banyak penyelidikan di universiti yang telah mendapat anugerah tertinggi dan hasil penyelidikan ini mampu dijual sebagai pendapatan universiti tersebut dengan mengadakan Program CEO Fakulti. Saya juga ingin mengemukakan keperluan Universiti Sultan Azlan Shah yang terletak di Parlimen saya di Kuala Kangsar. Dalam masa yang singkat, USAS baru empat bulan menjadi universiti penuh, tentunya sebagai 'universiti bayi', peruntukan kerajaan amat diperlukan.

Saya memohon agar peruntukan yang sewajarnya dapat diberikan kepada USAS. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, walaupun baru setahun jagung, USAS telah mengorak langkah yang agak jauh. Pengurusan USAS mempunyai *certified* ISO bagi semua proses. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan pengurusan USAS amatlah terpuji. Program ijazah USAS diiktiraf oleh dua buah institusi di United Kingdom iaitu *London School of Management and Northampton University*. Adalah amat wajar USAS ini dapatlah diberikan geran seperti yang telah dijanjikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi daripada Kerajaan Persekutuan, dan bagi merealisasikan Kuala Kangsar sebagai Bandar Ilmu di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi wanita dan pelepasan cukai untuk program dan kesihatan negara akan membantu wanita negara memangkinkan lagi usaha berterusan. Saya ingin mencadangkan bagi wanita-wanita desa, pusat-pusat aktiviti kecil diwujudkan secara tersusun untuk membantu wanita berpersatuan, beraktiviti dan mencari kemahiran. Di Kuala Kangsar, permintaan ini sangat tinggi dan saya percaya perkara yang sama wujud permintaannya di Kawasan Parlimen-Parlimen lain. Sekiranya disediakan sebuah tempat yang strategik, ia juga boleh menjadi pusat pengumpulan hasil kerja tangan dan makanan yang dihasilkan oleh wanita.

Menjalankan *cottage industry*, mungkin soal dan masalah tanah menjadi isu. Tempat-tempat sementara berbentuk kabin yang selesa boleh diwujudkan dengan kerjasama komuniti setempat. Sudah sampai masanya satu susunan perdana harus dibuat untuk menjana pendapatan wanita desa di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bajet perumahan pada tahun 2017 juga amat menarik dengan kepelbagaian insentif dan diskaun yang diberikan keutamaan kepada golongan B40 dan M40. *MyBeautiful New Home* yang dikhususkan kepada B40 adalah satu inisiatif baru yang bukan sahaja cukup menarik tetapi amat bermakna pada golongan B40 yang kita tahu amat dahagakan rumah sendiri.

Saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada Menteri KPKT, Tan Sri Noh kerana mengumumkan ketika sesi Soalan Jawab Lisan saya tempoh hari, pembinaan rumah PPR di Bandar Diraja kami. Tuan Yang di-Pertua, bagi anak muda, pelbagai insentif dan kemudahan diberikan kerajaan sama ada secara terus ataupun tidak, bermula daripada mereka lahir hingga seorang insan itu menjadi dewasa di alam pekerjaan, disusun elok oleh Perdana Menteri dengan bantuan, dengan pertolongan dan insentif disediakan di setiap liku dan tangga hidup, daripada pelepasan cukai hinggalah alatan penyusuan.

Setelah tamat pengajian, selain daripada mencari peluang kerja, anak muda ini disarankan untuk mencipta pekerjaan. Graduan yang berjaya iaitu graduan yang mampu mencipta peluang, bukan sahaja kepada dirinya tetapi kepada orang lain. Peluang yang terbaik di dunia perniagaan. Daripada sekecil-kecil perniagaan makanan, ke SME, eksport ke luar negara, kesemua bantuannya hampir mencecah RM1.7 bilion ini boleh dipohon.

Saya mohon supaya anak-anak muda Malaysia hanya perlu untuk berusaha bagi memperoleh kejayaan masa depan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan sistem dan birokrasi untuk memudahkan cara pinjaman ataupun geran perlulah diberikan perhatian khusus. Saya berharap untuk memudahkan cara.

*One-stop centre* perlu diwujudkan. Dengan adanya *one-stop centre*, setiap anak muda yang berpotensi untuk diberikan kemudahan ini merangkumi daripada permulaan untuk mendaftar sebagai pengusaha- usahawan, mendapat lesen sehingga lulus pinjaman geran mereka- perlulah dilakukan pada satu pusat khas. Ini tentunya menjimatkan masa dan kerena birokrasi dapat diatasi. Hasil yang akan dijana anak muda dan pembangunan insan dan negara akan lebih cepat dicapai. Tambah lagi kurangnya pengalaman graduan-graduan ketika memulakan usaha perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai gaya hidup sebanyak RM2,500 juga mengambil perhatian saya.

#### ■1500

Kita tahu dengan perkembangan teknologi terkini dan kualiti kehidupan yang terkini yang mana rakyat sudah memberikan perhatian lebih khusus tentang kesihatan mereka. Pembelian bahan bacaan, komputer dan peralatan sukan mampu membuat rakyat lebih peka dengan teknologi terkini dan mempunyai kualiti hidup sihat. Membudayakan gaya hidup membaca, menjaga kesihatan diri dan kemahiran demi menjadikan rakyat pintar dan sihat, negara maju dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju kerajaan memperluaskan program penguasaan bahasa Inggeris ke seluruh negara. Kita semua tahu, antara penyebab graduan kita kurang berkebolehan ke pasaran kerana kurang fasih dan kurang memahami bahasa ini dan mempelajarinya mestilah daripada usia yang muda. Peruntukan RM90 juta mungkin tidak banyak, namun ia adalah inisiatif yang baik. Saya sendiri telah mengambil inisiatif dengan perancangan untuk memulakannya di Parlimen Kuala Kangsar. Dari segi *conversational English* yang mana setiap kelas akan diusahakan dengan syarat seseorang pelajar harus menghadiri kelas bersama seorang rakan atau ahli keluarga, supaya usaha ini akan dilanjutkan ke rumah kerana ada rakan untuk berlatih bercakap bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2017 ini, saya amat tertarik dengan langkah positif kerajaan untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 mulai tahun hadapan. Kita tahu cukup ramai yang diisytiharkan bankrap, ramai yang bankrap ini bukannya berhutang berjuta-juta malahan hutang yang remeh temeh seperti hutang kad kredit, pinjaman kereta dan ada yang diisytiharkan bankrap hanya kerana menjadi penjamin. Terima kasih Perdana Menteri atas cadangan ini kerana apabila meminda akta ini nanti, perkara-perkara ini dapat diberikan perhatian yang serius, nasib mereka ini terbela.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat keyakinan pelabur-pelabur luar di dalam dan di luar negara masih baik sementara pelaburan dalam negara meningkat

juga, kita berkeyakinan perkara ini akan berterusan atau lebih baik pada tahun 2017 dengan usaha kuat dan kebolehan yang terbukti Yang Berhormat Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Peruntukannya lebih harus diberi untuk kempen promosi negara di seluruh dunia yang dapat memberi pulangan yang besar kepada negara, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya mahu kupas tentang Bajet 2017 ini tentunya banyak lagi yang perlu dilihat dan diperjelaskan. Secara amnya, saya mendapati bajet ini adalah suatu bajet yang terkawal, realistik dan akan dapat memenuhi hasrat dan kehendak rakyat keseluruhannya. Namun, satu perkara penting yang perlu diberikan perhatian adalah perlaksanaannya. Sekiranya pelaksanaan ini lebih teratur, telus dan bersistematik dan kempen-kempen negatif diberhentikan, saya yakin manfaatnya akan dapat diterima dan dinikmati oleh semua rakyat Malaysia.

Dengan ini Yang Berhormat Kuala Kangsar Bandar Diraja turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Dia bagi masa, ada masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat ya.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ada seminit dua puluh saat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah kita bagi yang di belakang.

### **3.03 ptg.**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

Saya bermula dengan kisah seorang pemuda yang mengakhiri kehidupannya dengan cara yang paling salah menurut agamanya iaitu dengan membunuh dirinya sendiri. Pemuda ini dikecam kerana melakukan dosa besar. Dia dituduh tidak kuat iman untuk berhadapan dengan dugaan hidup dan dia dinista kononnya mengambil jalan mudah tanpa memikirkan nasib keluarga yang ditinggalkan. Akan tetapi berapa ramai daripada kita sanggup bertanya, apakah kegagalan kita sebagai manusia, sebagai saudara seagama sehingga dia terpaksa melakukan tindakannya itu?

Sedari awal lagi pemuda itu tidak hidup senang. Dia seorang anak yatim bersama dengan lima adik-beradik lain. Dia tidak berpeluang belajar tinggi malah

terpaksa berhenti sekolah dan bekerja untuk menampung keluarganya. Pada usia 26 tahun dia menjual buah-buahan di pekannya namun sering kali dimangsakan oleh pihak berkuasa tempatan kerana tidak memiliki permit menjaja. Ada kalanya alat perkakasnya dirampas dan ada kalanya dia terpaksa membayar denda kerana tidak mampu membayar suapan. Malah ada sekali itu dia ditampar oleh pegawai penguat kuasa sebagai orang yang terhina. Akhirnya si pemuda yang mengalami kesempitan hidup ini bertekad tidak sanggup lagi dihina lantas bertindak membakar dirinya di hadapan bangunan kerajaan, kerana tidak ada cara lain untuk menyampaikan rintihannya kepada si penguasa.

Pada hari tersebut nyawa pemuda ini telah tamat. Namun riwayatnya telah menghidupkan hati nurani puluhan juta insan lain. Ya kita semua tahu ini kisah pemuda yang bernama Mohamed Bouazizi dari Sidi Bouzid, Tunisia. Dia tidak berpelajaran tinggi, tidak pernah mencapai kejayaan dalam apa-apa bidang malah mungkin tidak mampu mengimpikan lebih daripada kehidupan kais pagi makan pagi. Namun dia akan selama-lamanya dikenang dunia kerana kematiannya pada tahun 2010 telah mencetus gelombang *Arab Spring* di serata bumi Arab dan telah membawa kepada kejatuhan pemerintahan kuku besi yang berpanjangan di Tunisia, Libya dan Mesir.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita pula digemparkan dengan tindakan seorang pemuda di negara kita. Mohd Shukri Saad yang berasal dari Lahar Yooi, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Pemuda yang dikenali sebagai Shukri Lahar Yooi ini mengejutkan negara apabila memilih untuk mengakhiri hidupnya dengan terjun daripada Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah lalu meninggalkan isteri dan anak-anak beliau. Menurut nota bunuh diri yang ditinggalkan di dalam *Facebook* miliknya, dia bertindak sedemikian kerana berasa amat tertekan dengan beban-beban kehidupan. Khususnya siri tindakan undang-undang yang dikenakan kepada orang kecil seperti dirinya. Meskipun dia mengaku bersalah kerana menjual rokok seludup, namun dia berpendapat hukuman yang bakal dihadapinya adalah keterlaluan. Lagi-lagilah apabila dalam ayatnya sendiri mereka yang *tibai* berjuta-juta boleh pula lepas.

Dalam erti kata lain, Mohd Shukri tidak melihat bahawa undang-undang dapat ditegakkan dengan adil seperti mana yang saya petik daripada nota dia sendiri dari *Facebook*. *“Aku amat tertekan dengan kerajaan yang zalim. Kerana kes rokok yang nilai rampasannya hanya RM160, aku akan dipenjarakan. Ini kesalahan pertama aku pada tahun 2012. Baru sekarang naik mahkamah. Bulan Ogos yang lepas aku sudah kena kes yang sama iaitu jual rokok murah yang nilainya RM200. Hampir direman seminggu dan mujurlah ada Surat Kematian anakku yang ketiga. Aku dikenakan*



*jaminan RM3,000. Kena bulan Februari naik court, bulan Ogos dihukum RM4,000 atau empat bulan penjara. Aku settle RM4,000 dan duit pun jenuh hutang kawan. Ya aku mengaku salah, perkara itu salah tetapi hukumannya tidak setimpal. Yang Pengarah tibai berjuta boleh lepas pula dengan duit jaminan. Celaka punya pimpinan kerajaan sekarang. Berniaga kedai runcit di kampung sahaja bukan untung besar pun. Margin cukup nipis dibebani dengan cukai GST lagi. Memang kerajaan sekarang zalim. Dengan ini aku memilih untuk berkorban sebagai rakyat yang dizalimi. Biarlah aku berkorban demi rakyat Malaysia walau aku nanti akan dikecam dan dihina.”*

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang kita anggap mulia ini adalah medan di mana undang-undang digubal untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Apabila ada rakyat yang memilih jalan bunuh diri soal hilang kepercayaannya terhadap agama ataupun putus cinta ataupun tekanan keluarga- memang bukan urusan langsung Dewan ini, akan tetapi apabila dia membunuh dirinya kerana hilang kepercayaan terhadap fungsi Dewan ini, dan institusi negara ini untuk menjamin keadilan buat dirinya, maka jelas ia menjadi urusan Parlimen. Dasar bagi Dewan kita ini. Setiap undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini mendapat legitimasi melalui prosedur rasmi yakni daripada Bacaan Kali Pertama sehingga ke pewartaan. Namun kepatuhan terhadap undang-undang bukan sekadar datang daripada legitimasi secara prosedur tetapi harus juga mendapat legitimasi moral daripada setiap rakyat yang percaya bahawa kepentingan mereka baik sebagai masyarakat ataupun sebagai individu diwakili dan dipelihara dalam undang-undang yang diluluskan.

Tanpa legitimasi moral ini, undang-undang tidak akan dilihat adil di mata orang ramai dan kepatuhan terhadap undang-undang tidak akan datang secara sukarela tetapi hanya secara paksaan. Tambah mengkhilafkan lagi apabila undang-undang itu dikuatkuasakan secara terpilih dan hanya memangsakan orang kebanyakan.

#### ■1510

Demikianlah dalam kes Mohd. Shukri yang melihat undang-undang hanya ditegakkan terhadap orang kecil seperti dirinya. Dalam hal ini kita perlu persoalkan sama ada ketegasan yang tidak berbeza telah ditunjukkan di sempadan negara kita di mana berjuta-juta kotak rokok melepasi dengan mudah sehingga membanjiri pasaran dalam negara. Kita juga mempersoalkan sama ada sistem dan institusi keadilan memiliki keberanian yang sama untuk mendakwa kes-kes yang berprofil tinggi dan membabitkan kemungkaran yang jauh lebih besar dan jauh lebih membinasakan. Atau adakah sesetengah orang...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya minta laluan sedikit, terima kasih. Saya ucap terima kasih sebenarnya kepada Yang Berhormat Bukit Bendera kerana telah bawa isu ini. Saya telah pun menulis satu artikel bahawa perbuatan bunuh diri itu melambangkan satu yang lebih besar daripada perbuatan itu iaitu mesej yang hendak disampaikan dalam nota *Facebooknya* sebelum dia membunuh diri itu ialah, mesejnya ialah “...yang ikan bilis ditangkap, yang jerung dibiarkan.” Itu mesej besar dan itu bukan soal peribadinya. Ini soal negara dan kita harus bertanggungjawab. Saya ucap terima kasih dan minta pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera. Inilah yang perlu kita lakukan sekarang ini.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih atas pendapat Yang Berhormat Parit Buntar. Saya setuju kita perlu mengamati mesej dalam nota Mohd. Shukri tersebut kerana mesejnya adalah bahawa orang ikan bilis seperti dikatakan Yang Berhormat Parit Buntar ditangkap tetapi orang yang tibai berjuta-juta wang negara dilepaskan begitu sahaja walaupun bukti sudah pun jelas di hadapan mata rakyat malahan di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, hanya ada satu jalan untuk menyelamatkan lebih ramai orang seperti Mohd. Shukri iaitu dengan mengembalikan keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang bagi memastikan setiap orang yang melakukan kesalahan, akan mendapat pengadilan yang sama, *equality before the law*, seperti mana yang termaktub dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan.

Peruncit-peruncit kecil yang menjual rokok seludup memang membawa kerugian kepada negara dalam bentuk cukai. Namun hasil negara kita lebih banyak tiris bukan disebabkan oleh orang seperti Mohd. Shukri tetapi kerana rasuah, penyelewengan dan salah urus yang kian berleluasa. Apakah kita hanya mampu bertindak terhadap Shukri Lahar Yooi tetapi tidak kepada individu yang dikenali sebagai MO1. Jangan kita berpura-pura mengabaikan gajah di dalam Dewan ini kerana terlalu banyak keburukan yang telah berlaku akibat pengkhianatan terhadap keluhuran dan kedaulatan undang-undang negara kita [*Tepuk*] ...Semata-mata Tuan Yang di-Pertua, untuk melindungi segelintir orang daripada pengadilan undang-undang.

Kematian Mohamed Bouazizi di Tunisia telah membuka mata dan hati jutaan rakyat yang tertindas. Ada yang mungkin tidak setuju dengan kaedah yang dipilihnya tetapi semua pasti lebih tidak setuju dengan penganiayaan terhadap orang kecil yang

dicerminkan dalam peristiwa tersebut. Saya percaya tiada sesiapa yang mahu pengalaman yang sama berlaku di negara kita sehingga membawa kepada kudeta yang akhirnya menghancurkan fabrik sosial politik masyarakat kita.

Sebaliknya apa-apa perubahan politik, sewajarnya dilaksanakan melalui jalan demokrasi yang sah. Oleh itu, sebagaimana Mohamed Bouazizi dari Sidi Bouzid membawa kesedaran kepada dunia Arab tentang ketidakadilan dan penindasan yang berlaku di bawah rejim kuku besi, biarlah pengorbanan Mohd. Shukri Lahar Yooi menjadi iktibar kepada setiap seorang daripada kita Ahli Dewan yang mulia ini lagi-lagi mereka yang memegang amanah jawatan pentadbiran.

Saya yakin kita semua tidak mahu melihat seorang lagi pemuda mencabut nyawanya sendiri kerana kekecewaannya terhadap kegagalan negara untuk menjamin peluang kehidupan dan pelaksanaan undang-undang yang adil dan saksama. Dengan demikian, saya memohon agar kita yang berada dalam Dewan ini menginsafi kegagalan kita dalam menjaga dan menegakkan amanah yang diberikan. Marilah kita sedekahkan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah dan bertafakur atas pemergian Mohd. Shukri. Semoga tuhan mengampuni dosa kita semua... *[Bertafakur dan membaca Al-Fatihah]*

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada isu lain. Ramai di Dewan yang mulia ini apatah lagi rakyat secara umum amat terkejut ekoran pendedahan kes Richard Huckle pada bulan Jun tahun ini. Huckle yang berusia hanya 28 tahun semasa tangkapannya dua tahun lalu telah dihukum penjara seumur hidup oleh mahkamah di United Kingdom atas 71 sabitan jenayah seksual yang membabitkan seramai 200 orang kanak-kanak yang kebanyakannya daripada kanak-kanak di Malaysia semasa beliau tinggal di negara kita dari tahun 2005 hingga 2006.

Kes yang amat melampau dan menjengkelkan ini telah mengejutkan masyarakat kita dan menimbulkan pelbagai tanda tanya mengenai ketersediaan dan keupayaan agensi penguat kuasa kita serta rejim undang-undang sedia ada untuk menangani masalah jijik jenayah seksual kanak-kanak. Berkenaan dengan kes Huckle ini, rakyat Malaysia masih lagi tertanya-tanya bagaimanakah seseorang pemangsa seperti Huckle mampu menganiaya begitu ramai kanak-kanak tanpa ditangkap atau diketahui oleh pihak berkuasa. Susulan daripada itu, apakah status siasatan pihak berkuasa mengenai kes tersebut? Adakah mangsa-mangsanya sudah dikenal pasti dan diberi bantuan? Lebih penting lagi, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan kejadian ini tidak lagi berulang pada masa depan?

Saya harap kita boleh mengambil pengajaran daripada kes ini dan memberi perhatian serius kepada isu jenayah seksual kanak-kanak secara menyeluruh. Kita

perlu mencegah bukan sahaja daripada modus operandi yang biasa seperti dalam kes Richard Huckle tetapi juga daripada kaedah-kaedah baru berdasarkan teknologi seperti fenomena *online grooming* yang kian berleluasa. Seperti mana umum mengetahui, istilah "*grooming*" ini merujuk kepada perbuatan orang dewasa yang menjalin hubungan rapat dengan kanak-kanak atau keluarganya bagi merendahkan kesekatlakuan ataupun *inhibitions* kanak-kanak tersebut dengan tujuan untuk melakukan hubungan seks.

Perbuatan *grooming* ini juga mampu mengumpun kanak-kanak sehingga dieksploitasi dalam industri pelacuran, pornografi dan penyeludupan manusia. Dengan perkembangan teknologi seperti media sosial yang langsung menghubungkan sesiapa sahaja yang menggunakan internet, maka perbuatan *grooming* pun dimudahcarakan. Pemangsa-pemangsa menggunakan aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp* dan sebagainya untuk menghubungi dan berkawan dengan kanak-kanak dan seterusnya memujuk mereka untuk berjumpa dengan tujuan untuk mengambil kesempatan ke atas mereka.

Menurut statistik, perhubungan atas talian melalui aplikasi perbualan, aplikasi *chatting* khususnya dengan penggunaan telefon bimbit kini merupakan punca utama kes rogol. Ini amat membimbangkan apabila sebilangan besar mangsa rogol merupakan remaja perempuan dalam lingkungan usia 13 tahun hingga 17 tahun. Di United Kingdom umpamanya, jenayah *online grooming* ini meningkat sebanyak 32 peratus setiap tahun. Manakala di Australia, ia telah meningkat sebanyak 1,000 peratus sejak tahun 2008, ia dalam masa kurang sepuluh tahun. Di Malaysia, masalah ini tidak kurang seriusnya.

Sejak tahun 2010, pihak polis telah menerima lebih 400 laporan kes rogol yang berkaitan dengan internet. Kebanyakan daripadanya melibatkan kanak-kanak di bawah umur. Malah baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, beberapa wartawan daripada akhbar *The Star* telah menyamar sebagai gadis remaja 15 tahun dan menggunakan aplikasi perbualan popular ini. Dalam tempoh masa hanya 30 minit selepas mereka log masuk ke dalam sistem tersebut, setiap seorang daripada wartawan itu telah menerima gangguan seksual daripada 20 orang lelaki dewasa. Dalam masa 30 minit, sudah kena dua puluh orang lelaki kacau dengan menggunakan taktik *grooming*.

Eksperimen ini juga mengisahkan bahawa 70 peratus daripada pemangsa, *predator* yang menggunakan teknologi ini, yang menggunakan modus operandi *grooming* ini yakni dengan berlaku mesra, mendapatkan kepercayaan mangsa dan seterusnya merendahkan kesekatlakuan seksual mereka. Jadi inilah modus operandi

Tuan Yang di-Pertua yang digunakan bagi menarik kanak-kanak. Yang paling menakutkan sekali...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada isu *grooming* dan juga apa yang telah berlaku di sekolah baru-baru ini di mana seorang guru telah dikenal pasti yang telah *molest* lebih kurang lapan orang anak murid beliau. Akan tetapi Kementerian Pelajaran hanya *transfer*, pindahkan guru itu ke sekolah lain.

■1520

Adakah ini cara untuk mengatasi masalah ini? Saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah cara yang mesti berlaku untuk membawa satu perubahan dalam cara kita mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Saya ingin mengulas apa Yang Berhormat Klang ulas tadi dengan menghantar cikgu ini ke sekolah yang lain, apakah jaminan kerajaan bahawa cikgu yang sama tidak akan melakukan kegiatan yang sama di sekolah yang lain? Cuba bandingkan, yang jadi mangsa adalah pelajar sekolah dan seorang guru yang sepatutnya mempunyai dedikasi dan menjadi suatu *role model* melakukan kegiatan begitu. Isu ini adalah isu jenayah, tidak dilakukan atau tidak disiasat dari sudut jenayah tetapi hanya menghantar dia ke sekolah yang lagi satu.

Ini saya rasa kerajaan tidak mengambil serius tentang kejadian ini dan ambil suatu keputusan yang remeh-temeh. Apa pandangan dan pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Kapar membangkitkan satu isu yang amat penting. Saya sendiri terkejut apabila mendapati bahawa cikgu tersebut walaupun hanya dakwaan pada tahap ini. Akan tetapi saya rasa dakwaan gangguan seksual ini perkara yang amat penting. Tidak boleh diremehkan. Saya rasa SOP kita ini perlu dikemas kini supaya ada tindakan yang lebih tegas daripada memindahkan cikgu. Oleh sebab kalau betul, kalau benar kelakuan tersebut, maka macam mana dengan murid-murid dalam sekolah yang lain di bawah guru yang sama?

Ya, saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Perbuatan *online grooming* yang membahayakan kanak-kanak kita ini yang paling menakutkan sekali kerana ia tidak ditakrifkan sebagai jenayah di negara kita. Buat masa ini, kita hanya mempunyai Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman bagi rogol berkanun dalam seksyen 375, pengeksploitasian orang bagi tujuan pelacuran dalam seksyen 372B, serta menghasut kanak-kanak bawah usia 14 tahun untuk berlaku cabul dalam seksyen 377E.

Undang-undang ini ketinggalan zaman dan jelas tidak mampu untuk melindungi anak-anak kita daripada pemangsa yang merayau-rayau dalam alam maya. Keadaan ini langsung tidak memadai dan tidak boleh diterima. Jelas, kita perlukan undang-undang yang benar-benar dapat membendung masalah ini dan bukan sahaja merangkumi segala aspek dan kaedah *grooming* sama ada *online* ataupun tidak tetapi juga mengenakan hukuman yang berpatutan kepada pemangsa-pemangsa dewasa.

Walaupun begitu, undang-undang *anti grooming* secara sendiri tidak mencukupi dan perlu dilengkapi dengan undang-undang lain bagi memberdaya agensi penguatkuasaan dalam pemantauan dan pencegahan jenayah seksual kanak-kanak serta untuk memudah cara kan bantuan dan perlindungan kepada mangsa.

Pada tahun lepas, saya telah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai keperluan untuk mewujudkan daftar pelaku jenayah seksual yang khusus bagi pelaku jenayah seksual kanak-kanak ataupun *pedophile*. Tujuannya adalah untuk mengekang pergerakan *pedophile* ini dari kawasan-kawasan berisiko seperti sekolah, pusat asuhan dan taman permainan kanak-kanak serta melarang mereka daripada pekerjaan dalam persekitaran yang membabitkan kanak-kanak.

Saya habiskan Tuan Yang di-Pertua. Tambahan kepada itu, saya menekankan juga kelompangan undang-undang yang berkaitan pornografi kanak-kanak. Ini sebab dalam Kanun Keseksaan sekarang ini kita memang tidak ada takrifan yang khusus untuk pornografi. Apatah lagi pornografi kanak-kanak yang sebenarnya merupakan satu jenayah yang teruk.

Akhir sekali, saya sedia maklum Tuan Yang di-Pertua isu jenayah seksual kanak-kanak bukan isu yang mudah ditangani melibatkan pelbagai faktor dan sebagainya. Tambahan lagi mangsa adalah kanak-kanak. Jadi saya harap kerajaan boleh ambil tindakan yang lebih daripada sekadar undang-undang, mungkin dari segi melatih guru-guru, pengasuh dan sebagainya untuk mengetahui faktor-faktor risiko, tanda-tanda penderaan seksual dan sebagainya.

Saya percaya bahawa apa-apa langkah untuk menangani isu ini akan disokong oleh kedua-dua belah Dewan. Saya menggesa agar kerajaan menyegerakan usaha

pembaharuan undang-undang dan pemberdayaan pihak berkuasa bagi menjamin keselamatan anak-anak kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau.

### **3.24 ptg.**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memberi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas mengenai Bajet 2017. Saya melihat bahawa bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan Malaysia adalah suatu bajet yang boleh kita anggap sebagai mencerminkan keadaan kedudukan kewangan negara. Oleh yang demikian, bolehlah kita katakan *that is the best under the circumstance*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet tersebut banyak perkara telah diperuntukkan untuk semua lapisan masyarakat dan untuk orang muda. Saya sebagai presiden kepada *Dayak Chamber of Commerce and Industry* menyarankan bahawa dalam peruntukan yang ada, kita memohon supaya ada suatu peruntukan yang diagihkan kepada kaum Dayak untuk membangunkan BCIC kaum Dayak.

Ini saya percaya akan dapat memberi peluang kepada lebih ramai orang Dayak bersama-sama berkecimpung dalam perniagaan dan dalam pengurusan seperti homestay dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Julau, sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini sama-sama kita kawan baik.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, nanti dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Satu penjelasan, satu soalan.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Nanti dahulu Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sekarang satu soalan mengenai...

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Yang Berhormat Bandar Kuching sudah berucap dan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Belum, belum. Saya tidak ada peluang berucap kali ini.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Duduk dahulu, duduk dahulu Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Hormat dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Boleh bagi satu minit sahaja? Setengah minit sahaja.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Jangan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Banyak NGO Dayak kata ini, mereka berasa begitu kesal atas bajet ini. Akan tetapi saya dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Julau begitu *satisfied with the budget*. Adakah ini tidak- *does not reflect what the Dayak NGO has been expressing in Sarawak?* Apa...

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Dayak NGO siapa, Yang Berhormat Bandar Kuching kah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Banyak, saya baca dalam surat khabar banyak NGO Dayak kata ini mereka- *they are disappointed with the budget, disappointed with the budget*. Sarawak...

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, ini *floor* saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya cukuplah Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apakah pendapat?

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Duduk.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita mendengar dan menyaksikan banyak kebakaran berlaku di bangunan-bangunan sekolah termasuk juga di hospital. Ini adalah perkara yang sangat serius. Saya percaya, kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mencegah atau pun menjamin tidak begitu banyak lagi kebakaran berlaku di bangunan-bangunan sekolah.

Di kawasan saya, baru-baru ini ada sebuah sekolah yang separuh terbakar. Saya percaya kejadian ini adalah berlaku daripada punca pendawaian elektrik di sekolah. Pada masa dahulu, kebanyakan sekolah adalah menggunakan *stand alone*



*gensef*. Pada masa kini banyak yang telah disambung kepada bekalan elektrik dari grid.

Oleh yang demikian, saya mengharapkan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan bantuan daripada kementerian-kementerian lain memeriksa kesemua sekolah lebih-lebih lagi di luar bandar supaya tidak banyak kejadian kebakaran berlaku di tempat-tempat yang jauh dari bandar yang mana kita tidak ada pemadam api seperti *fire hydrant* dan *fire brigade* yang berdekatan.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam Bajet 2017, kita nampak jurang antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Oleh yang demikian ini adalah merisaukan kita yang datang daripada pendalaman.

Oleh sebab kekurangan daripada segi perbelanjaan untuk pembangunan, ini akan menunjukkan lagi betapa jauhnya jurang di antara bandar dan luar bandar daripada segi pembangunan. Oleh yang demikian, kita dari luar bandar menyarankan supaya perbelanjaan mengurus dapat dikurangkan lagi dengan apa juga cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan. Kita mengharapkan lebih banyak lagi peruntukan disediakan untuk pembangunan. Negara kita tidak akan maju, tidak akan ke hadapan sekiranya kita suntuk daripada segi perbelanjaan pembangunan. Saya sebagai wakil rakyat dari luar bandar mengharapkan sangat bahawa perbelanjaan untuk pembangunan boleh ditambahkan supaya lebih cepat lagi lebih-lebih lagi yang jauh ketinggalan dapat dibangunkan.

Daripada segi bajet ini, kita nampak iaitu perolehan kita dari GST bertambah dan ramai yang mengatakan GST ini mengorbankan orang-orang miskin tetapi saya percaya bahawa sekiranya lebih 160 buah negara lain yang telah menjalankan ataupun mengimplementasikan telah berjaya, mengapa kita pula tidak boleh berjaya. Peruntukan untuk pembangunan adalah kebanyakannya terdiri daripada kutipan GST.

Oleh yang demikian kita menyarankan agar yang berkebolehan lebih-lebih lagi rakan-rakan kita yang telah pun dibangunkan di bandar, sama-samalah kita menyumbang. Biarlah kita jangan mengkritik GST lagi tetapi kita hanya menyarankan supaya implementasi GST kita boleh ditambah baik lagi dari sekarang. Kita boleh mempelajari bagaimana GST ini diimplementasikan di negara-negara yang sudah lama ada GST seperti Australia dan United Kingdom dan kita boleh belajar daripada mereka bagaimana mereka mengendalikan implementasi GST ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang sering saya katakan di Dewan yang mulia ini iaitu berkenaan dengan pangkalan data. Pangkalan data kita sudah ada tetapi saya percaya boleh ditambahbaikkkan lagi supaya skim-skim yang kita hendak *implement-*

kan misalnya seperti BR1M yang kita hendak agihkan kepada kumpulan-kumpulan sasar lebih mudah diimplementasikan oleh kita supaya kita tahu siapa yang sepatutnya menerima peruntukan yang sewajarnya dan siapa yang sepatutnya menerima bantuan-bantuan yang kita agihkan. Ini saya boleh bagi contoh sekiranya kita bahagikan BR1M yang sama kepada dua buah keluarga yang tidak sama. Sebuah keluarga ada tiga orang anak, sebuah keluarga lagi ada lima orang tanggungan sudah tentu BR1M yang kita bagi itu tidak mencukupi kepada yang ada lima tanggungan. Oleh yang demikian saya percaya sekiranya kita ada pangkalan data yang tepat, maka lebih senang dan lebih mudah kita menyampaikan kemudahan-kemudahan seperti ini kepada rakyat kita.

Satu perkara yang saya anggap sangat penting Tuan Yang di-Pertua iaitu jurang pembangunan di antara wilayah Semenanjung Malaysia dengan wilayah Sarawak dan Sabah. Ini saya percaya berlaku oleh sebab kita terlupa bahawa tanah besar Malaysia adalah di Pulau Borneo iaitu negeri Sabah dan Sarawak jikalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Sarawak dan Sabah mempunyai keluasan 60 peratus daripada negara Malaysia. Oleh yang demikian, maka lebih sukarlah kita membawa pembangunan seperti infrastruktur dan bekalan air atau elektrik ataupun menyampaikan liputan telekomunikasi. Oleh yang demikian, maka kita jangan hanya sekadar berpuas hati sekiranya kita ternampak peruntukan yang besar kepada dua buah wilayah tersebut.

Lebih-lebih lagi dalam keadaan yang mana kewangan kita merunsiangkan, ini kita selalu terlupa dan saya percaya jajahan 22 tahun oleh seorang pemimpin iaitu bekas pemimpin negara banyak menyumbang kepada jurang pembangunan di antara wilayah Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Oleh yang demikian, mujurlah kita sekarang ada pemimpin yang baru yang mengetahui betapa jauhnya kita ketinggalan di Sarawak dan Sabah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan boleh?

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Ya Yang Berhormat Beruas, cepat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Julau. Bersetujukah Yang Berhormat Julau bahawa kita mesti mengecam dengan sekeras-kerasnya rasuah yang berlaku seperti di Jabatan Air Negeri Sabah, berpuluh kalau tidak, ratusan juta yang hilang, dan itu menyebabkan orang-orang luar bandar di Sabah dan Sarawak tidak dapat menikmati bekalan air.

Bersetuju tidak? Kita mesti mengecam, banyak ketirisan yang berlaku itu mesti berhenti.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya bukan hanya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Beruas berkenaan dengan ketirisan air yang begitu besar di Sabah tetapi juga kesemua ketirisan yang berlaku di negara ini. Termasuklah misalnya pembelian harta lebih murah daripada harga yang sepatutnya oleh sebab pengaruh seseorang, itu juga termasuk dalam...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu bukan ketirisan...

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Apa yang saya percaya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam mana itu boleh ketirisan?

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** ...Boleh akibat daripada ketirisan yang besar di negara ini *[Tepuk]*

#### ■1540

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya tanya penjelasan?

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak penjelasan.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Yang Berhormat Shah Alam, apa penjelasan Yang Berhormat Shah Alam?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biasanya ketirisan itu berlaku apabila beli benda yang lagi mahal daripada apa yang sepatutnya. Kalau ada barang yang nilainya RM100 juta tetapi kerajaan dia beli RM200 juta lalu kita kata adalah RM100 juta berlakunya ketirisan. Akan tetapi kalau beli barang dengan harga yang lagi murah daripada harga pasaran, macam mana boleh dikatakan adanya ketirisan?*[Ketawa]* Ketirisan itu adalah... *[Disampuk]* Itu penjimatan. Ini ketirisan ini maknanya duit yang sepatutnya hanya beli RM100 juta, tiba-tiba kita beli RM200 juta. RM100 juta lah di tiris.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Faham Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau beli yang lagi murah, saya faham.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Faham, faham Yang Berhormat Shah Alam. Saya faham sudah. Yang Berhormat Shah Alam mesti ingat bahawa air tidak semestinya mengalir hanya ke hilir. Ia semasa pasang juga mengalir ke hulu.

Begitu juga daripada segi tanggapan, adakah ini tiris atau menguntungkan sesiapa? Semuanya adalah korupsi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyat kita di Sarawak dan Sabah sekarang bersungut dan telah banyak lagi kedengaran menyampaikan ketidakpuasan hati mereka oleh kerana jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Jadi oleh yang demikian saya mohon agar diperuntukkan lebih banyak lagi peruntukan kepada kawasan-kawasan yang lebih terpencil dan lebih jauh lagi daripada arus pembangunan yang sedia ada.

Oleh yang demikian, saya mengharapkan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menimbang saranan ini supaya kawasan-kawasan luar bandar yang kurang maju, kurang pembangunannya akan diperuntukkan lebih besar lagi peruntukkannya untuk tahun hadapan dan tahun-tahun yang akan datang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya masih teringat lagi pada awal penubuhan Persekutuan Malaysia, kita dahulu ada satu kementerian yang dipanggil Kementerian Hal Ehwal Khas Sarawak. Apa kata kalau kita wujudkan sekali lagi kementerian sebegitu untuk meninjau dan memantau pembangunan yang sekarang masih kurang di Sarawak dan Sabah supaya kita lebih banyak lagi projek-projek yang dapat membangunkan wilayah-wilayah tersebut supaya kita sama-sama dengan Semenanjung Malaysia dapat dibangunkan secepat mungkin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

### **3.44 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membahas Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Oktober lalu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai isu pencemaran air Semenyih yang mana ada beberapa kawasan daerah di negeri Selangor seperti Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat dan juga daerah Petaling mengalami bekalan air yang putus untuk beberapa hari. Ramai yang mengatakan negeri Selangor tidak kemampuan untuk mengurus air.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini bukan ada kena mengena dengan kemampuan untuk mengurus air. Ini berpunca daripada pencemaran, pencemaran air Semenyih berpunca daripada pembuangan toksik, bahan toksik yang berpunca di Sungai Buah, Nilai, Negeri Sembilan. Loji rawatan di Semenyih terpaksa ditutup

kerana ada pencemaran toksik ini. Kita Kerajaan Negeri Selangor telah pun mengenal pasti toksik yang bernama *4-bromodiphenyl* difenil *ether* satu bahan toksik yang amat beracun yang kalau kita makan ataupun terhidu tentang toksik ini ia ada kesan-kesan sampingan. So, sangat bahaya untuk menelan toksik ini.

Saya hendak tanya tentang Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, apakah usaha yang telah dijalankan untuk mengenal pasti dan juga menangkap mereka yang sabotaj, yang cuba untuk menuangkan toksik ini ke Sungai Buah? Saya rasa tentang isu pencemaran air ini, isu air ini telah dipolitikkan oleh orang-orang tertentu terutama orang UMNO yang setiap hari kita tengok TV3 dan *Utusan Malaysia* yang menyiarkan gambar-gambar dan berita-berita seolah-olah kerajaan negeri tidak mampu untuk mengendali isu air ini.

Isu air ini bukan setakat hal negeri Selangor tetapi juga untuk menangani isu pencemaran air ini ia perlu dapat kerjasama daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mana penguat kuasa ini bukanlah daripada kerajaan negeri. Kalau hal ini berlaku di luar negeri Selangor, di sempadan. Sebelum itu berlaku di Bentong, Pahang dan sekarang berlaku di Nilai, Negeri Sembilan.

So, saya hendak bertanya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, apakah kaedah dan cara untuk kita mengatasi pencemaran di sempadan ini yang mana ia mengakibatkan bekalan air kita terputus kerana pencemaran toksik yang dibuang oleh pihak-pihak tertentu? Saya hendak tanya, apakah tindakan dan juga adakah syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti untuk membuang toksik ini. Adakah ia kaitan dengan sabotaj? Saya harap bukan setakat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi juga pihak PDRM, polis perlu ambil tindakan untuk tangkap mereka yang melakukan perbuatan sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya ingin bangkitkan tentang isu perumahan yang mana saya amat-amat mengalu-alukan yang mana pembentangan bajet yang kita melihat ada untuk pinjaman, meningkatkan pinjaman perumahan kakitangan awam. Sebelum ini bagi pinjaman perumahan hanya RM120,000, kini dinaikkan kepada RM200,000 dan juga dari RM600,000 dinaikkan ke RM750,000. Saya amat melakukan langkah ini tetapi untuk- ini hanya untuk kakitangan awam. Bagaimana dengan rakyat Malaysia ini? Hendak dapat sebuah rumah sekarang sangat susah yang mana bukan setakat harga rumah yang semakin melambung dan juga kerana bank-bank dan tidak untuk meluluskan pinjaman wang dari bank.

Ada usaha yang dijalankan oleh KPKT yang mana Yang Berhormat Menteri kata membenarkan sebelum itu- di mana membenarkan pihak pemaju untuk mengeluarkan pinjaman ini kepada pembeli. Kalau pembeli itu tidak dapat pinjaman

wang dari bank, maka pemaju dialu-alukan untuk memberi pinjaman kepada pembeli rumah ini. Akta ini telah pun wujud lama tetapi tidak dikuatkuasakan dan sekarang timbul isu ini yang mana sekarang banyak rumah yang terutamanya yang mewah, yang mana banyak pembeli akhirnya tidak dapat pinjaman bank, mereka terpaksa untuk mendapat pinjaman daripada pemaju. Saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, setakat ini berapa pemaju telah pun melakukan usaha ini untuk memberi pinjaman kepada pembeli dan juga jumlah nilai yang terlibat?

■1550

Saya amat kluatir kalau kita membenarkan proses ini, di mana akhirnya kalau pembeli ini tidak dapat membayar ansuran bulanan ini dan dia dimufliskan atau pun akhirnya tidak mampu, bagaimana tentang rumah itu, dilelong? Atau pun, bagaimana tindakan Bank Negara untuk mengatasi masalah ini?

Bukan setakat membeli rumah, Tuan Yang di-Pertua, di mana sekarang harga rumah ini, saya tidak nampak ada usaha yang dijalankan oleh Menteri untuk mengawal harga rumah. Walaupun harga pasaran minyak dunia telah jatuh ke paras USD50 *per barrel*, tetapi kita tidak nampak di mana harga unit rumah diturunkan.

Kalau dulu, selepas kenaikan harga pasaran minyak dunia, kenaikan rumah sangat ketara kerana besilah, simenlah, ada sangkut paut dengan harga minyak. Tetapi selepas harga pasaran minyak diturunkan, tidak nampak harga rumah diturunkan. Ini disebabkan oleh kerana Ringgit Malaysia jatuh dengan mendadak kalau dibandingkan dengan *US Dollar* dan banyak bahan import terpaksa diimport dengan harga yang mahal. Dalam usaha ini, kerajaan perlu kawal harga rumah supaya ia tidak terus melambung naik.

Untuk isu-isu di mana isu PPR yang saya timbulkan pada tempoh masa lalu, di mana Kerajaan Pusat berhasrat untuk ambil alih Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara, di bawah Kementerian KPKT. Sebelum itu memang PPR ini dibina oleh Persekutuan. Selepas dibina, diserahkan kepada negeri terutama PBT yang menjaga dan mengutip sewa segala penyelenggaraan.

Akan tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, di mana selepas kita mengeluarkan sejumlah wang- kalau kita bagi contoh PPR Lembah Subang. Selepas Persekutuan menyerahkan Lembah Subang pada tahun 2001, sampai sekarang, lebih kurang 15 tahun, kerajaan negeri melalui PBT Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah pun membelanjakan lebih RM50 juta untuk menyelenggarakan dan juga *maintenance* untuk rumah PPR Lembah Subang. Ada Menteri kata, negeri tidak mampu, pihak PBT tidak mampu untuk jaga PPR Lembah Subang. Saya nampak ada usaha-usaha, kerja-

kerja dipolitikkan oleh Menteri. Selepas Menteri yang juga Pengerusi UMNO Negeri Selangor telah dilantik sebagai Menteri KPKT, nampaknya Yang Berhormat sangat rajin turun ke PPR Lembah Subang dan juga turun ke Pangsapuri Taman Medan Cahaya di PJS 2 di kawasan saya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Pangsapuri Taman Medan Cahaya dibina oleh SPNB, Suruhanjaya Perumahan Negara Berhad, yang mana rumah ini telah pun siap 11 tahun dah dan sampai sekarang ada masalah untuk menubuhkan JMB. Di sana ada blok 'A', 'B', 'C', 'D', 'E', 'F', 'G', 'H'- lapan blok. Hanya lima blok sahaja setakat ini mampu untuk menubuhkan JMB, *joint management body*, dan tiga lagi tidak mampu untuk tubuhkan JMB. Di mana mereka memberi alasan kerana SPNB tidak menunaikan janji-janji untuk membaik pulih semua kerosakan atau pun kecacatan bangunan. Sampai sekarang mereka tidak mahu ambil alih untuk tubuhkan JMB.

Dalam usaha ini, bagaimana KPKT membantu mereka untuk menubuhkan JMB? Ini kerana saya difahamkan dalam Bajet 2017 ini, ada peruntukan sebanyak RM300 juta diperuntukkan untuk *maintenance*, untuk penyelenggaraan lif-lif di bangunan *low cost* atau kos rendah. Untuk bangunan Taman Medan Cahaya ini, selalu kita terima kerosakan lif-lif. Walaupun sebelum itu Timbalan Menteri Kewangan dan juga beberapa Menteri telah turun padang janji untuk memperbaiki lif-lif dan juga mengeluarkan peruntukan, tapi malangnya, sampai sekarang keadaan di mana perkara-perkara yang telah rosak lif tak dapat selesai dibaiki. Sekarang pula Menteri KPKT- selepas ambil alih, turun padang dengan janji-janji manis lagi. Selama 11 tahun tak pernah mereka untuk- pernah datang tapi tak pernah ada inisiatif untuk menyelesaikan masalah lif-lif ini.

Kalaulah satu pangsapuri kos rendah di bawah SPNB pun tak pandai jaga, tak dapat dijaga, saya kluatir sangat kalau PPR Lembah Subang selepas diambil alih, bagaimana keadaan? Di mana saya nampak apa yang berlaku di PPR sekarang ini, yang pertama, lif sudah rosak di mana masalah utama adalah kerana sewa di mana penghuni tidak bayar sewa bulanan. Tunggakan setakat ini, 15 tahun dah, tunggakannya sebanyak RM20 juta tak dapat dikutip. Kalau kita nak halau mereka keluar pun susah juga kerana mereka merupakan golongan rakyat yang berpendapatan rendah yang tak ada rumah.

Di mana dengan inisiatif MBPJ, kita sudah pun sedaya-upaya untuk mengutip seberapa banyak mungkin sewa ini, tapi masih ada tunggakan lebih kurang RM20 juta sewa ini. Walaupun sewa bulanan hanya RM141 setiap bulan untuk sebuah rumah yang ada tiga bilik tidur, tapi malangnya di mana masalah kutipan ini tak dapat dikutip.

Saya sangat khawatir kalau PPR Lembah Subang ini diambil alih oleh Pusat, keadaan akan lebih teruk lagi. Tak dapat fokus kerana Kementerian KPKT sangat luas bidang skopnya. Kalau nak fokus hanya untuk PPR Lembah Subang, tak *fair* juga untuk PPR yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya nak bangkit ialah tentang pemberian BR1M di mana dalam Bajet 2017, BR1M telah ditingkatkan dari RM1,050 ke RM1,200. Saya tidak menghalang kenaikan BR1M ini tapi hanya saya khawatir di mana keluarga yang layak untuk menerima BR1M yang berpendapatan RM3,000 ke bawah ini sebanyak lebih tujuh juta. Penduduk kita hanya sebanyak 30 juta. Lebih kurang satu perempat penduduk kita berpendapatan sebulan kurang daripada RM3,000. Saya amat khawatir dengan angka ini di mana bagaimana kita nak mengatasi masalah ini? Mengapa pendapatan bulanan untuk rakyat Malaysia ini sampai ke satu tahap yang amat membimbangkan? Ya, Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Sebenarnya bukan tujuh juta rakyat kerana mereka yang menerima BR1M RM1,200 ini merupakan keluarga. Jadi kalau tujuh juta yang menerima, kemungkinan melebihi 15 juta. Ini bermaksud menjelang tahun 2020, nak jadi negara maju, lebih separuh atau setengah daripada rakyat Malaysia ini memang digolongkan sebagai golongan yang miskin. Setuju tidak Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, saya sangat setuju tentang pendapat Yang Berhormat Beruas ini. Saya tak nampak ada usaha dari Kerajaan Pusat untuk bagaimana kita nak membantu rakyat golongan ini untuk meningkatkan pendapatan mereka. Bagi BR1M ini bukan satu cara yang saya rasa selama-lamanya. Saya rasa yang penting, kita perlu fikirkan satu program macam mana kita nak meningkatkan isi pendapatan mereka bukan hanya setakat RM3,000 atau RM4,000 atau RM5,000. Saya rasa kita kena adakan program.

Dan juga saya nak bangkitkan isu di mana sasarannya. Sasarannya, saya difahamkan, yang menerima BR1M ini juga mereka yang penagih dadah, ada yang penganggur juga dapat BR1M ini. So, saya rasa ada Ketua Cawangan UMNO, Ketua Cawangan MCA, mereka ada cara untuk dapatkan kuota satu keluarga empat orang atau dua orang dapat BR1M.

#### ■1600

So saya hendak tahu sasarannya adakah cara sekarang ini agihan BR1M ini tidak ke sasaran yang dikenal pasti ataupun satu keluarga ada dua, tiga orang menerima BR1M ini? So saya hendak dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.



Isu yang terakhir sekali... [Disampuk] Ya Yang Berhormat Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan saya hendak meminta penjelasan sedikit tentang isu BR1M ini, boleh saya ambil contoh sekeluarga yang sederhana pendapatan mereka yang mungkin sebelum GST dilaksanakan, belanja sebulannya mereka lebih kurang kita anggap RM1,000. Sekarang keluarga yang sama tentunya sudah belanja lebih dan daripada *feedback* saya dapat saya rasa sekurang-kurangnya RM1,300 atau RM1,500 sebulan. Tiga tahun dulu RM1,000 sekarang sudah naik sebab semua harga barang sudah naik dan kebanyakan kenaikan ini sekarang diambil oleh kerajaan sebagai cukai GST.

So mereka dapat, kerajaan dapat banyak duit. So gambaran saya dapat dengan satu tangan kerajaan bagi BR1M RM1,000 ataupun sekarang RM1,200 setahun. Akan tetapi setiap bulan daripada keluarga yang sederhana ini sekarang dia rampas duit melalui GST dia rampas RM300, RM500 mungkin duit sebulan. Adakah ini adil? Apakah akhirnya berlaku dialami oleh keluarga yang sederhana ini?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Itulah masalah sekarang ini. Bagi BR1M semua orang seronok tetapi selepas ini kita alami kenaikan harga minyak pula yang mana subsidi minyak masak dipotong pula. Saya rasa ini bukan cara untuk kita menangani masalah rakyat ini dengan beri BR1M tetapi menaikkan harga untuk minyak. Isu yang *last* sekali tentang masalah kesesakan lalu lintas di persimpangan laluan *New Pantai Expressway* atau NPE, Jalan Klang Lama dan juga di Jalan Templer. Setiap hari kita mengalami masalah kesesakan lalu lintas di persimpangan ini dan sampai sekarang tidak ada penyelesaian. Macam mana kita hendak selesaikan masalah ini? Di mana banyak kenderaan dari luar masuk ke PJ melalui- ke Jalan Templer melalui jalan NPE dan juga Jalan Klang Lama.

Kita ada juga beri alternatif tulis surat kepada Menteri Kerja Raya di mana kita hendak bagi cadangan untuk membina satu jalan alternatif baharu daripada NPE ke Jalan Penchala di Seksyen 2 dan Seksyen 51. Akan tetapi malangnya Menteri telah menolak cadangan ini kerana tidak perlu. So saya hendak tahu kalau tidak perlu bagaimana hendak selesaikan masalah kesesakan lalu lintas ini? Ini kerana persimpangan ini di bawah jagaan NPE. Mereka kutip duit tol tetapi kesesakan lalu lintas tak bantu. Semasa kita menghadiri mesyuarat dengan pihak NPE, mereka minta

kalau hendak buat jalan RM40 juta kita setuju untuk *share* RM20 juta, RM20 juta. Akan tetapi mereka minta supaya kita hendak naikan kutipan tahunan tol di NPE.

Saya rasa kita tak boleh bagi laluan ini kalau hanya untuk bina jalan raya kita hendak *extend* dia punya kutipan saya rasa tidak adil untuk pengguna jalan raya. So saya minta Yang Berhormat Menteri bagi cadangan macam mana hendak selesaikan masalah ini. Sebab itulah dengan faktor-faktor ini saya menolak Bajet 2017 ini. *Thank you*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya bercadang untuk kurangkan lagi had perbahasan masa. Dalam senarai saya ini ada 19 orang lagi yang hendak berbahas. Jadi kalau sehingga 10.30, 20 minit, ia tidak akan dapat memberi peluang kepada 19 orang. Jadi kita kurangkan kepada 15 minit mulai sekarang Yang Berhormat. Yang Berhormat Mukah.

#### **4.04 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Setuju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya membahar serba sedikit atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2017.

*Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya sebagai pihak wakil rakyat dari Mukah ini ingin mengucapkan tahniah sekali atas pembentangan Bajet 2017 ini yang sasarannya pendekatan yang peka kepada keperluan dan keadaan semasa, keperluan rakyat semasa dan juga berasaskan kepada keadaan ekonomi sedunia, pelbagai cabaran-cabaran atau *what we called the challenges of any economy*.

Akan tetapi syukur *alhamdulillah*, kita nampak pun pada tahun ini pun telah meningkatkan pendapatan kerajaan negara kita, dan saya yakin kita akan dapat menjalankan bajet ini dalam tahun 2017. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga bahawa dalam bajet ini kita telah diagihkan untuk kawasan Mukah, satu hospital yang kita telah memohon dan perlu dibuatkan kerana penduduk-penduduk kawasan itu kian hari bertambah atas pembangunan di kawasan-kawasan Koridor Sarawak atau SCORE.

Begitu juga pada masa kini *alhamdulillah* juga, pembangunan *airport* kita di Mukah pun berjalan dengan lancar dan tiada kurangnya 70 peratus telah siap dan ini mungkin siap dalam tahun 2018.

Dalam bajet ini juga Yang Amat Berhormat telah mengemukakan pembangunan dalam keusahawanan. Ini untuk memperkasakan SME atau *small and medium industry* dan juga dalam bidang-bidang ekonomi, sosioekonomi rakyat. Ini memang tepat sekali kerana dalam program kita membangunkan ekonomi negara, kita

memang menumpukan kepada pembangunan banyaknya pengusaha-pengusaha kecil yang menyokong industri-industri besar. Inilah kalau kita lihat dalam mana-mana negara seperti Jepun, Korea sebagai negara yang telah maju mengikutkan pembangunan sesebuah ekonomi besar itu adalah bergantung pada ekonomi kecil yang kuat dan bersatu padu.

Di sini saya ingin mencadangkan kerajaan dapat menambahkan lagi dalam menambah nilai dalam program ini untuk belia dan graduan-graduan yang tidak dapat kerja dan dapat mampu untuk menjalankan perniagaan perusahaan sendiri. Saya mencadangkan supaya dalam kawasan-kawasan luar bandar dan pekan-pekan yang kecil yang mana kita dapat membangunkan atau menyatupadukan tenaga-tenaga belia itu supaya dapat membina satu pusat yang mana tidak berertinya bangunan baharu atau bangunan yang canggih tetapi tempat di mana belia-belia ini dapat memulai atau *to start up any kind of industry or business that they are interested in*.

Ini kerana kalau kita lihat dalam mana-mana usaha kita dapat dalam khususnya di negara Malaysia ini, kita dapat banyak peluang untuk mendapatkan pendapatan. Akan tetapi yang pentingnya kita mahukan *the knowledge base* itu ditambah dan cara-cara kita mengendali dan *ability to recognize* di mana *niche-niche market* yang kita dapat tumpukan. Jadi ini rintihan dan *training* seperti ini dapat dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan atau agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan dan juga latihan keusahawanan ini menjadi dalam pusat-pusat yang kita boleh panggil sebagai inkubator untuk usahawan-usahawan muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ingin saya betulkan soal sekolah-sekolah di kawasan Sarawak ini. Memang kita rasa memang tidak mencukupi tetapi yang ada sekarang yang telah diperuntukkan kita akan mengharapkan untuk membuatkan menumpukan *priority* yang betul dan tepat khususnya di peringkat-peringkat luar bandar di mana sekolah masih memerlukan pembaikan, baik pulih dan juga dari segi keselamatan seperti mana yang rakan-rakan saya di negeri Sarawak sebutkan tadi. Di kawasan saya banyak sekolah yang seperti saya ingin sebutkan di sini seperti sekolah SK Kampong Jebungan yang telah lama di bawah *council* dan perlu ditambah baik, sekolah rendah di Kampung Tanam dan juga satu lagi sekolah yang telah dipindah dan untuk perlu dibina baharu yang telah diluluskan tetapi perlu dimulai sekarang. Jadi ini ialah Sekolah Rendah Kampung Temiang. Saya harap perkara-perkara seperti ini kita dapat usahakan dalam peruntukkan yang ada pada tahun 2017 ini.

Ketiganya dalam masalah makanan tambahan ini di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua saya ingin...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin bangun.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh?

■1610

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** *No, it is okay.*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sekejap...

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** *I have my floor. You'll have your floor.*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Mencilah, minta pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Dalam pembangunan pendidikan di luar bandar, makanan tambahan sekolah ini saya harap dapat diulang kaji semula kerana di kawasan-kawasan luar bandar, makanan tambahan ini perlu di kawasan sekolah-sekolah pedalaman yang mana mereka, budak-budak sekolah ini duduk di asrama dan jauh dari rumah panjang. Kadang-kadang ada kampung yang jauh di pesisiran-pesisiran dan ia ada asrama yang kita panggil asrama desa yang mana makanan dan kemudahan-kemudahan untuk budak-budak yang daripada Darjah 1 hingga Darjah 6 untuk menginap. Ini kerana inilah satu-satunya cara yang penting sekali.

Saya ingin mengingatkan kepada Perbendaharaan atau yang membuat agihan-agihan ini walaupun di bawah arahan, tetapi yang pentingnya perlu mempertimbangkan bahawa ini adalah satu cara kita meningkat atau menambah baik keadaan-keadaan yang masih belum kita dapat capai di kawasan luar bandar. Ini kerana inilah masanya kita memberikan makanan yang baik dan juga secara teratur, tempat belajar yang baik supaya anak-anak kita. Saya ingin menyatakan di sini, selama 20 tahun dan 30 tahun yang lalu, kita nampak tiap-tiap rumah panjang sekarang adalah seorang atau dalam tiap-tiap kampung terpencil, mesti sekarang ada diploma, ada graduan juga sekarang. Inilah hasil daripada program-program seperti ini. Jadi, saya ingin memperingatkan kerajaan bahawa janganlah menyentuh perkara seperti ini khususnya walaupun kita ingin memperketat perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan terima kasih atas peruntukan untuk membangunkan tanah NCR di negeri Sarawak yang peruntukannya kalau tidak silap saya RM30 juta itu. Ini adalah berterusan dari dua tahun dan tiga tahun yang lalu. Kesannya ialah nampak banyak kerana sekarang kita nampak perusahaan pekebun-

pekebun kecil kelapa sawit dan pelbagai dan juga getah, saya nampak telah menambah baik semula keadaan-keadaan ekonomi mereka. Walaupun banyak cabaran tetapi yang pentingnya kehidupan mereka nampaknya berubah dan maju. Ini adalah satu perkara yang kita ingin lihat dan dengan harapan *insya-Allah*, dalam masa depan kita akan dapat lebih lagi menambah baik pendapatan mereka. Ini kita nampak kalau kita berjalan-jalan di kawasan luar bandar khususnya di kawasan ladang-ladang dan kawasan-kawasan yang di luar bandar yang saya ingat banyak yang tidak pernah pergi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua juga, saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha ini dan untuk pekebun-pekebun kecil kita dapat menambah lagi pendapatan mereka dengan pilihan-pilihan penanam yang lain *especially cash crops* yang mendapat nilai dan mendapat *return in a short time*. Satunya kalau tidak silap saya, saya ingin mencadangkan kalau boleh mempertimbangkan penanaman satu pokok dipanggil Moringa yang digunakan untuk bahan-bahan perubatan dan pelbagai. Ini adalah satu pokok yang senang ditanam dan juga boleh di *harvest* atau didapati hasilnya dalam dua bulan hingga tiga bulan dan habis panjang dalam lima bulan.

Jadi, ini tidak ada usaha yang lebih lagi untuk kita menambahkan nilai-nilai untuk pendapatan khususnya orang-orang di luar bandar. Ini juga ditambah baik oleh peruntukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pekebun-pekebun kecil di musim tengkujuh yang mana kerana cuaca dan kerana penoreh-penoreh, mereka tidak dapat pergi menoreh getah dan ini adalah satu-satunya usaha kita untuk meredakan keadaan pada masa-masa cabaran seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh bahawa ada satu program RM80 juta itu untuk merancakkan industri kreatif dan perfileman. Ini saya sangat berterima kasih kerana banyaknya bidang khususnya di Sarawak dalam bidang kemahiran *the arts and creative industry*, boleh diperkembangkan. Kalau tidak silap saya, pernah kita di Sarawak mengadakan dua filem yang pernah digambarkan oleh Hollywood di sana. Akan tetapi kita ingin melihatkan bahawa kemudahan-kemudahan atau bahan-bahan kreatif ini dapat dipamerkan dan menjadi satu industri yang dapat memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi khususnya penduduk-penduduk di luar bandar.

Ini kerana kemahiran ini dapat diperluaskan lagi kerana kalau di kawasan *highlands of Bario* dan Baram, kita nampak orang membuat manik-manik yang dapat dijual dan juga yang dapat diterima kerana *there are all natural products from* mungkin dari *clay or even from beads and seeds* yang kita nampak juga yang mana program-program seperti kebudayaan yang kita ada di Sarawak itu seperti program *Rainforest*

*Festival* yang dikenali di seluruh dunia yang 12 tahun dijalankan, *Regatta Sarawak* dan juga yang boleh dikatakan festival Kaul, festival 'belulan', festival kaum orang Melanau, belulang orang Bisaya dan juga banyak lagi orang di kawasan-kawasan Sibuti juga ada, orang Kedayan ada program pantai, pelbagai. Ini dapat dipamerkan menjadi satu industri tambah nilai kepada pelancongan dan juga mendapat pendapatan-pendapatan kita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengatakan juga yang peruntukan untuk menaik taraf jalan pedalaman di negeri Sarawak di bawah Program Jiwa Murni Angkatan Tentera Malaysia. Ini adalah satu usaha yang boleh menambahkan jalan-jalan yang belum ada di kawasan-kawasan luar bandar. Lebih-lebih lagi kerana seperti Yang Berhormat Lubok Antu ceritakan semalam, kita menaiktarafkan jalan-jalan pembalakan yang sedia ada. Ini kerana jalan-jalan pembalakan ini adalah sudah diterokai dan telah digunakan oleh pembalak-pembalak tetapi ditinggalkan begitu sahaja.

Akan tetapi kalau untuk kita menambah nilai pada jalan itu dan tidak membelanjakan lebih daripada yang diperlukan, kita dapat menggunakan jalan-jalan ini dan terus di naik taraf seperti menambahkan batu selepas itu di bitumen kan dan tidak perlu memotong bukit, sebagaimana yang telah dibuat oleh pembalak yang dahulu. Jadi, inilah satu caranya, kita berharap dapatlah kita menambah baik lagi usaha perhubungan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh serba sedikit bahawa dalam pembangunan ekonomi kita pada hari ini, banyaknya kalau dalam lapan bulan tahun ini kita sudah nampak lebih perdagangan kita dan juga pada masa sekarang ini kita nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersama di China. Ini kerana ini kita nampak satu hubungan yang penting di kawasan *especially in the Asia Pacific Region* dan membangunkan lagi kita dalam ASEAN ini, dalam perdagangan ekonomi, perhubungan yang baik dan jalinan ini dapat memperkuat lagi *especially* dalam pelaburan-pelaburan dari negara luar ke Malaysia. Ini kerana inilah satu-satu caranya sebuah negara dapat membangun kalau kita dapat pelaburan dari luar negara. Akan tetapi masalahnya juga sekarang ada yang menuduh ini adalah untuk agenda yang lain tetapi yang pentingnya agenda untuk negara kita ini ialah untuk mendapatkan pelaburan dan kita dapat dana untuk kita sama-sama membangunkan negara kita pada masa kini.

Dengan itu, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2017, sekarang. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

**4.18 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perjumpaan saya dengan rakyat di kawasan saya dan juga di kawasan-kawasan lain, satu isu yang selalu dibangkitkan adalah berkait dengan peningkatan kos menampung keluarga dan khususnya kos perubatan ataupun kenaikan kos perubatan. Salah satu golongan yang paling terjejas oleh kenaikan kos perubatan, adalah pesakit kanser. Keadaan ini adalah serius memandangkan satu daripada empat rakyat Malaysia akan menghidap kanser sebelum berumur 75 tahun. Malah setiap 12 minit, seorang rakyat Malaysia didiagnosis dengan kanser.

Tuan Yang di-Pertua, rawatan ataupun kos merawat kanser ada implikasi kepada *quality of life* sesebuah keluarga. Salah sebuah keluarga yang saya berjumpa di rumah mereka, seorang wanita memberitahu saya, oleh sebab kos rawatan sakit kanser beliau, beliau telah menjadi *liability* kepada keluarga beliau.

**■1620**

Ini adalah seorang emak yang mengatakan kepada saya bahawa dia telah menjadi sebagai *liability to her own family*. Saya pun tanya mengapa puan berkata *you* menjadi *liability*? Dia mengatakan sebab kos rawatan saya adalah tinggi, maka saya tidak dapat memberi dan juga dengan gaji yang sederhana, maka saya tidak dapat hantar anak-anak saya ke tuisyen. Tidak dapat membeli baju yang baru dan juga tidak dapat memberi makanan yang cukup untuk anak-anak saya. *So, this is a serious* masalah dan juga Tuan Yang di-Pertua, kita dapati beberapa anggaran dikemukakan untuk mengenal pasti jumlah kanser di Malaysia.

Satu anggaran yang dikemukakan pada tahun 2007 melalui Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia atau *National Cancer Registry, of Malaysia* merekodkan 21,773 orang rakyat Malaysia yang telah di-*diagnose* dengan kanser setiap tahun. Mengikut pakar lebih kurang 10,000 kes kanser tidak didaftar dalam senarai ini setiap tahun. Menurut anggaran lain terdapat lebih kurang 90,000 hingga 100,000 orang di Malaysia yang hidup dengan kanser pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, *I'm sure you will agree with me* bahawa *this is a ticking time bomb. The ticking time bomb held disaster in the making*. Mengikut pakar kanser pada tahun 2025, sembilan tahun yang akan datang kadar kanser dijangka meningkat kepada 54 peratus. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kira-kira 50 peratus daripada mangsa kanser ataupun *cancer survivors* adalah wanita dan lelaki ialah 45

peratus. So, terdapat komponen gender dalam memahami dan pengurusan penyakit ini. Kos rawatan dan penjagaan kanser adalah cukup tinggi di seluruh dunia.

Di Malaysia, Pakar Kanser Epidemiology Universiti Malaya, Profesor Nirmala Bhoo Pathy menjelaskan bahawa kos purata untuk rawatan kanser payudara boleh mencecah sehingga RM65,000 pada setiap tahun. Mereka yang berpendapatan kurang daripada RM4,700 sebulan akan menghadapi masalah yang sangat besar untuk membayar jumlah ini. Ini pandangan beliau. Menurut kajian *iMoney*, kajian ini dikeluarkan pada tahun lalu. Kos keseluruhan kanser payudara adalah lebih kurang RM395,000. Mana keluarga Malaysia boleh bayar kos rawatan seperti ini. *This is a dead sentence for most women.*

Menurut beliau kira-kira 45 peratus daripada pesakit kanser Malaysia mengalami bencana kewangan atau *financial catastrophe* yang mana kos perubatan melebihi 30 peratus daripada pendapatan isi rumah selepas 12 bulan. Satu lagi kajian Tuan Yang di-Pertua, yang dilakukan *George Institute for Global Health* di Sydney iaitu memperkukuhkan atau *reinforces theory* malapetaka kewangan atau *financial catastrophe* yang dibincang tadi, yang dihadapi oleh pesakit kanser dan keluarga mereka:

- (i) 51 peratus pesakit kanser akan mengalami kemelut kewangan selepas satu tahun diagnosis;
- (ii) 49 peratus pesakit kanser akan menggunakan semua simpanan peribadi mereka;
- (iii) 39 peratus pesakit kanser tidak dapat membayar untuk ubat;
- (iv) 35 peratus pesakit kanser tidak mampu membayar kos konsultasi perubatan;
- (v) 22 peratus pesakit kanser pula tidak berupaya membayar wang sewa rumah mereka;
- (vi) 19 peratus pesakit kanser memberhentikan rawatan mereka oleh sebab kekurangan wang; dan
- (vii) 11 peratus pesakit kanser meninggal dunia pada tahun yang pertama.

*This is very a sorry state of affairs.* Sedih. Betul.

Tuan Yang di-Pertua, jelas pada angka-angka ini pesakit kanser menghadapi masalah kewangan akibat daripada penyakit mereka. Jadi peranan kerajaan adalah penting untuk mengurangkan beban kewangan golongan ini terutama golongan miskin. Saya cadang supaya kerajaan:



- (i) mengemukakan *National Cancer Blueprint* untuk mengatasi kanser dan cara-cara untuk menolong pesakit-pesakit kanser dengan bantuan kewangan. Ini juga termasuk cara-cara pencegahan pengesanan awal kanser, *social and medical support* dan lain-lain isu untuk menangani isu kanser ini;
- (ii) *update* dan kemas kini kan Daftar Kanser Kebangsaan *or National Cancer Registry*. Ini adalah penting sebab data dan maklumat yang sedia ada dikatakan adalah kurang memuaskan. Ini adalah sebab pendaftaran kanser terakhir adalah pada tahun 2007;
- (iii) mengecualikan semua GST untuk NGO-NGO yang terlibat dalam kerja menangani seperti Majlis Kanser Nasional (MAKNA) atau *National Cancer Council* yang kerja bertungkus-lumus untuk menolong pesakit-pesakit kanser;
- (iv) kecualikan pembayaran GST kepada semua pesakit kanser iaitu ubat, *consultation, surgery* dan *medical equipment*; dan
- (v) menambahkan peruntukkan kewangan kepada mana-mana institusi yang membuat kajian mengenai kanser.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya hendak bangkit adalah berkait dengan sistem kawalan *e-commerce*. Kerajaan sedang mempromosi sistem *e-commerce* untuk mendorong rakyat khususnya golongan muda untuk menjadi pengusaha. Akan tetapi nampaknya kawalan kepada sistem *e-commerce* ini kurang memuaskan. Saya bangkit isu ini sebab banyak anak muda dan wanita yang kerja dari rumah, senang menjadi mangsa kepada agen-agen tertentu oleh sebab kurang kawalan daripada pihak kerajaan. Malangnya wanita-wanita yang kerja dari rumah tidak ada perlindungan daripada penipuan dan penyelewengan yang berlaku. Akibatnya mereka terpaksa tanggung hutang dan ini menjadi masalah kewangan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah menerima aduan daripada 40 orang wanita Melayu yang telah diseleweng oleh empat agen. Jumlah wang yang mereka hilang adalah lebih kurang RM2.2 juta dan wang ini bukan wang pengusaha berkenaan. Akan tetapi wang daripada klien dan pelanggan mereka. Sekarang 40 orang wanita in terpaksa mengambil tanggungjawab untuk bayar balik wang ini. Berhubung dengan ini, wanita-wanita berkenaan telah membuat laporan polis pada 19 Julai dan nombor laporan ialah Sri Muda 01771116. Pada 20 Julai, satu hari selepas laporan polis itu dibuat, mereka diberitahu oleh pihak polis bahawa kes ini telah dirujuk

kepada tribunal pengguna. Saya telah membangkit isu ini secara lisan di Parlimen mengenai perkara ini.

Pihak Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa kertas siasatan akan disampaikan kepada pejabat Peguam Negara untuk tindakan seterusnya. Apa yang saya tak faham Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana dua keputusan yang berlainan boleh dibuat oleh agensi yang sama? Pihak polis kata *refer to tribunal* pada keesokan hari. Walhal Menteri Dalam Negeri mengatakan laporan ini akan di-*refer* kepada Pejabat Peguam Negara. Ini langsung tak masuk akal. Saya harap Menteri Dalam Negeri boleh memberi keputusan muktamad dalam hal ini supaya orang ramai khususnya wanita-wanita dapat keselamatan atau *protection* daripada agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan tidak memberi *protection* ini, maka pengusaha-pengusaha akan terdedah kepada penipuan dan muslihat sindiket-sindiket tertentu. Saya mohon kerajaan menjelaskan cara-cara yang akan diguna pakai untuk membantu 14 orang wanita Melayu ini supaya meringankan beban kewangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi perkara yang saya hendak bangkit berkait dengan Bajet 2017 adalah inisiatif kerajaan untuk menyokong industri tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy*. Mengapakah kerajaan memilih langkah *jogging on the spot* sewaktu negara-negara lain sedang mencuba sedaya upaya untuk memulakan ke arah langkah ekonomi *renewable energy*? Saya berpendapat bahawa Malaysia telah hilang peluang untuk menjadi peneraju dalam rantau ASEAN untuk bergerak dari *economy low wages* kepada suatu ekonomi berteknologi tinggi atas tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy*. Dengan tenaga boleh diperbaharui ini, kemungkinan besar untuk Malaysia menubuhkan industri baru serta pekerjaan baru, menukar langkah ekonomi negara kepada satu yang berasaskan teknologi tinggi, menyokong langkah-langkah untuk mengatasi *climate chance* ataupun perubahan iklim. Saya mohon supaya kerajaan menjelaskan inisiatif untuk memerangi perubahan iklim serta menubuhkan industri tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy*.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin lontarkan di sini adalah penglibatan loji tenaga nuklear. Pada bulan Oktober, saya difahamkan iaitu pada bulan lalu, saya difahamkan kerajaan telah berjumpa dengan beberapa pakar dari industri ini termasuk dengan perbincangan awal yang melibatkan *International Atomic Energy Agency*. Adakah ini bermaksud bahawa cita-cita kerajaan untuk *revive* projek nuklear telah mula? Apakah dasar kerajaan dalam industri ini? Adakah kerajaan berpendapat

bahawa loji jana kuasa nuklear ini selaras dengan komitmen Malaysia dalam *Paris Agreement* atau UNFCCC, untuk memerangi perubahan iklim?

Akhirnya, saya mohon supaya Menteri menjelaskan sama ada syarikat dari Negara China akan diberi kontrak ini, dan apakah kos untuk projek loji nuklear?...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Setujukah Yang Berhormat Klang tentang loji nuklear di Malaysia ini? Malaysia ini tidak perlu buat masa ini untuk nuklear ini sebab kalau kita tengok banyak contoh di luar negara, terdapat kemalangan yang dahsyat yang tidak boleh selesai. Saya rasa Malaysia tidak ada alasan yang kukuh untuk menerima loji nuklear, *power nuclear* ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya sokong pendapat Yang Berhormat mengatakan bahawa Malaysia tidak seharusnya menyokong *nuclear power plant* di Malaysia. Bukan sahaja kemalangan-kemalangan yang telah berlaku, tetapi juga kos yang terlalu tinggi. Oleh sebab masalah ekonomi Malaysia, kemelut ekonomi Malaysia, maka ini akan menjadi beban kepada Negara Malaysia. Akan tetapi apa yang saya takut ialah sekarang Perdana Menteri dia ada di China dan mungkin dia akan diberikan satu jaminan daripada pihak China bahawa mereka akan *build, operate and transfer nuclear power plants* di Malaysia. Ini merupakan satu isu saya fikir yang harus diperbincangkan secara terperinci. Akan tetapi saya sokong pendapat Yang Berhormat, bahawa tenaga nuklear tidak ada tempat di Malaysia.

*The last* sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah beberapa bulan lalu dua pelajar telah dipukul. Dua pelajar di Klang telah dipukul oleh tiga pegawai polis di IPD Klang. Satu *report* telah dikemukakan iaitu Klang/027689/16. Mereka dihentam ke dinding dan satu lagi pegawai polis membaling kasut ke arah dua pelajar ini. Mereka ditendang walaupun seorang anak kecil telah jatuh di lantai, beliau ditendang dan dipukul. Saya nak tanya kepada pihak kerajaan, satu *report* telah dikemukakan, telah dibuat, mengapa hingga sekarang tidak ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap ketiga-tiga pegawai polis ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Rompin tidak ada?... *[Disampuk]* Yang Berhormat Kudat.

#### 4.33 ptg.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang untuk saya membahaskan Bajet 2017, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan.

Bajet ini pada pendapat saya adalah merupakan satu bajet yang begitu penting dan juga memberikan faedah kepada rakyat Malaysia kerana bajet ini bukan sahaja berkembang sebanyak 3.4 peratus dengan jumlah RM260.8 bilion, tetapi juga bajet ini akan dapat membolehkan kita mencapai matlamat kita untuk menjadi negara maju.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi positif yang diunjurkan, sekurang-kurangnya 4.6 peratus dan kita juga dapat mengekalkan *competitiveness* kita di arena antarabangsa. *Global Economy Competitiveness* di tangga ke-23 daripada 190 negara, iaitu lebih baik daripada negara-negara seperti UAE nombor 26, Switzerland nombor 29, Thailand nombor 46. Ini menunjukkan bahawa ekonomi kita dalam keadaan yang baik dan kalau kita melihat daripada segi *sovereign rating* negara kita, kita mengikut penganalisa ataupun *rating agency* negara-negara bagi negara-negara dunia iaitu *Fitch Hong Kong*, *Standard & Poor's* dan *Moody's*, mereka masing-masing memberikan gred A, Fitch memberikan A+. Ini adalah merupakan satu testimoni atas kekukuhan ekonomi kita dari perspektif, khususnya pelabur-pelabur asing dalam dunia global hari ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini banyak perkara telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Di antaranya ialah berkaitan dengan sektor kesihatan. Sektor kesihatan pada tahun depan telah diperuntukkan sebanyak RM24.8 bilion dan ini adalah satu peruntukkan yang cukup besar. Saya harap ia akan dapat dimanfaatkan sebaik yang mungkin dan yang penting sekali ialah usaha-usaha haruslah dibuat untuk memperbetulkan ketempangan, khususnya dalam pengeluaran doktor-doktor di negara ini. Ini kerana hari ini banyak menghadapi lambakan doktor-doktor bukan sahaja keluar daripada universiti-universiti dalam negara, tetapi luar negara dan akhirnya mereka ini tidak mempunyai peluang pekerjaan di sektor kerajaan.

Sepatutnya Kerajaan memberikan tumpuan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan banyak doktor-doktor pakar kerana doktor-doktor pakar inilah yang sebenarnya diperlukan kerana kemahiran-kemahiran mereka itu akan dapat membantu pesakit. Banyak hospital kerajaan khususnya di Sabah masih kekurangan doktor-doktor pakar sehingga pembedahan terpaksa ditangguhkan berkali-kali dan menyebabkan ada juga mereka yang tidak sempat dibedah dan telah pun menemui maut.

Jadi Yang Berhormat, seharusnya kerajaan memperuntukkan banyak perbelanjaan bagi maksud ini dan kita juga tidak harus menumpukan kepada beberapa kepakaran tertentu yang popular seperti ortopedik ataupun pakar kardiologi kerana ini adalah merupakan dua penyakit yang begitu *common* dan banyak mereka yang menjadi pakar dalam bidang ini apalagi dalam bidang anestetik. Akan tetapi kita juga harus memperbanyakkan pakar-pakar dalam bidang-bidang pesakit tertentu seperti pesakit kanser seperti bidang onkologi dan juga hematologi.

Jadi, satu perkara lagi iaitu berkaitan dengan kesihatan di luar bandar. Kementerian Kesihatan telah pun menjanjikan untuk membina sebuah klinik kesihatan di sebuah kampung yang terpencil iaitu di sebuah pulau di Tigabu di kawasan saya. Akan tetapi dengan peruntukan kononnya yang sudah diberi, sehingga hari ini belum dilaksanakan. Jadi saya minta untuk memberikan kebaikan khususnya mereka yang terpencil ini terpaksa menghantar pesakit-pesakit, khususnya mereka yang melahirkan anak ke tempat yang begitu jauh dan menyebabkan berlakunya banyak *casualty*. Jadi saya berharap pihak Kementerian Kesihatan dapat melihat perkara ini supaya bukan sahaja kita dapat memperkasakan bidang penjagaan kesihatan negara ini, tetapi yang penting sekali khususnya di luar bandar, kita dapat memberikan kemudahan yang lebih baik.

Seperkara lagi juga, saya ingin mengingatkan semula berkaitan dengan beberapa inisiatif untuk mengadakan *separation of dispensing* yang telah pun banyak pihak yang cuba mengetengahkan idea ini. Ini akan menyebabkan- saya memberi amaran ini akan menyebabkan penjagaan kesihatan di negara kita akan menjadi mahal dan juga pengenalan *National Health Insurance* yang telah pun menyebabkan banyak negara berhadapan dengan masalah ini seperti di Amerika, yang sudah menghadapi masalah krisis berkaitan penjagaan kesihatan di beberapa tahun yang lalu. Ini haruslah kita elakkan kerana kita harus berusaha untuk memastikan bahawa kita mempunyai keupayaan untuk memberikan kesihatan percuma. Sekurang-kurangnya kesihatan percuma kepada rakyat kita untuk membolehkan mereka dapat penjagaan kesihatan yang lebih baik dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya memang banyak perkara yang saya ingin kemukakan di sini iaitu khususnya berkaitan dengan infrastruktur pendidikan. Infrastruktur pendidikan di kawasan saya memang masih lagi ketinggalan. Maklumlah kawasan saya adalah kawasan luar bandar dan banyak sekolah yang masih daif yang memerlukan pembaikan dan juga penaiktarafan. Banyak sekolah yang masih lagi bangunan kayu yang usang.

Beberapa inisiatif yang telah dibuat, misalnya membina SMK Kanibongan yang telah pun mengambil masa begitu lama dan tergendala. Ini juga menjadi satu masalah kepada saya sebagai wakil rakyat untuk menjawab kepada pengundi-pengundi di kawasan saya. Oleh itu, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan isu ini.

Saya juga mendapat rungutan daripada penduduk-penduduk dan juga ibu bapa bagi pelajar yang tinggal di SMK Pinggan-Pinggan Pitas kerana sekolah ini tidak disediakan dengan asrama dan ini menyebabkan banyak atau ramai daripada pelajar-pelajar terpaksa menumpang di beberapa rumah orang-orang di sekitar sekolah tersebut dan ini telah menimbulkan ketidakselesaan kepada ibu bapa. Oleh sebab itu, saya minta kerajaan memperuntukkan wang yang sedikit, saya fikir tidaklah begitu besar. Mungkin RM10 juta atau RM20 juta sudah cukup untuk memperuntukkan bagi pembinaan asrama ini kerana sudah tentu ia akan memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar.

#### ■1640

Kebakaran yang telah berlaku di kawasan saya beberapa kali, tidak kurang daripada lima kali pada tahun ini adalah merupakan satu perkara yang begitu malang. Akan tetapi yang penting sekali kebakaran ini telah membuka beberapa permasalahan di situ iaitu masalah yang pertama ialah masalah perumahan kerana mereka ini kebanyakan kebakaran ini berlaku di kawasan rumah perkampungan yang tidak tersusun dan menyebabkan masalah kebakaran itu begitu mudah merebak sehingga menyebabkan ratusan rumah yang terbakar dan ribuan yang berhadapan dengan pelbagai masalah.

Oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian khususnya Kementerian KPKT untuk memberikan banyak projek perumahan mampu milik dan juga perumahan rakyat di kawasan Parlimen Kudat sama ada di Bandar Kudat sendiri atau di daerah Pitas kerana ini adalah merupakan satu perkara yang mampu menyelesaikan masalah ini dan selain daripada itu, saya juga minta supaya Kementerian KPKT dapat memperuntukkan wang bagi membina balai bomba bagi Daerah Pitas yang sehingga hari ini masih lagi belum wujud. Ini merupakan satu sebab mengapa kebakaran-kebakaran tersebut tidak dapat dikawal dan ini menyebabkan kerugian yang besar kepada masyarakat di daerah tersebut.

Perkara yang penting juga saya ingin bangkitkan di sini iaitu beberapa projek yang tergendala. Projek bekalan elektrik luar bandar bagi Daerah Pitas ke Kampung Malubang dan Pansuran yang telah pun tergendala sejak empat tahun yang lalu. Oleh itu saya minta supaya kementerian menyiasat perkara ini kerana ini telah pun menjadi

rungutan yang telah disampaikan kepada saya dan minta saya untuk menyampaikannya kepada pihak kementerian.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah saya mengucapkan terima kasih kerana jalan *Pan Borneo Coastal Highway* ke Kudat itu telah pun diumumkan untuk diluluskan tetapi saya ingin penjelasan bilakah projek ini akan bermula atau *take-off*. Saya berharap projek ini dapat dilaksanakan secepat yang mungkin kerana ini adalah merupakan satu projek yang penting bagi rakyat bukan sahaja di kawasan Kudat tetapi bagi negeri Sabah.

Satu lagi isu yang saya ingin hendak penjelasan di sini iaitu berkaitan dengan perkhidmatan *Uber*. Ini adalah merupakan satu transformasi yang penting dalam sistem pengangkutan negara. Cuma saya ingin mengetahui sama ada pemandu-pemandu *Uber* ini juga dikenakan syarat-syarat seperti mana pemandu-pemandu bagi pengangkutan awam yang lain seperti mengenakan PSV ataupun *public service vehicle license* kepada mereka. Adakah kereta-kereta mereka ini juga melalui *safety vehicle check* melalui Puspakom ataupun adakah pemandu-pemandu ini juga dikenakan *security check* daripada segi *background drivers* ini. Mungkin mereka ini adalah bekas penagih dadah atau penagih dadah tegar ataupun mempunyai rekod-rekod *criminal*. Bagaimana dengan status teksi sapu ataupun *pirate taxi* yang mereka ini juga beroperasi seperti mana pemandu-pemandu *Uber*? Adakah mereka ini dibenarkan?

Jadi satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan juga di sini iaitu berkaitan dengan pengangkutan awam khususnya di Kota Kinabalu. Hari ini akibat daripada kepesatan ekonomi menyebabkan pengangkutan awam menjadi satu perkara yang penting dan kesesakan di Bandaraya Kota Kinabalu dan sekitarnya semakin teruk. Oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan mempertimbangkan untuk membina LRT. Baru-baru ini saya pergi ke Palembang, Indonesia. Satu jam setengah dari Kuala Lumpur dan mereka telah pun membina LRT dari *airport* ke bandar dengan sejauh 25 kilometer, dan saya lihat mereka berkemampuan melakukan. Kalau sekiranya ada *political will* daripada kerajaan, saya percaya projek-projek sebegini akan dapat dinikmati di Sabah seperti mana juga yang telah dinikmati di sini dengan projek bilion-bilion yang telah pun kita laksanakan dan umumkan.

Seperkara lagi iaitu berkaitan dengan IPG Gaya dan IPG Keningau. Seperti mana rakan-rakan yang lain, mereka juga minta supaya IPG ini dikekalkan. Sekiranya perkara ini menjadi satu, mungkin ada pihak kerajaan melakukan transformasi terhadap IPG ini, saya juga mengalu-alukannya tetapi saya tidak minta supaya IPG ini ditutup kerana kalau sekiranya IPG ini mempunyai kekurangan-kekurangan tertentu,

maka seharusnya mereka haruslah di-*integrate* dengan beberapa inisiatif lain seperti mana yang saya difahamkan kerajaan ingin memperbanyakkan TVET ataupun *vocational training*. Kalau sekiranya IPG ini dikekalkan, ianya haruslah tidak mengorbankan bagi melatih guru-guru tetapi dalam masa yang sama juga dapat melatih rakyat negeri Sabah yang ingin belajar dalam bidang teknikal dan juga vokasional.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju sekiranya perkara ini dapat dipertimbangkan dan saya dengan ini mohon menyokong Bajet 2017. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong.

**Seorang Ahli:** Tak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, Yang Berhormat Sepang. Sila Yang Berhormat Sepang.

**4.47 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Bajet 2017 di peringkat dasar ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbahasan ini dengan menyatakan bahawa bagi sayalah, pendapat peribadi saya, bajet ini dibentangkan dalam keadaan PM begitu *desperate*-lah.

Saya tak pernah lagi jumpa mana-mana Perdana Menteri membentangkan Bajet dengan memanggil orang-orang tertentu hadir dalam Parlimen untuk ditontonkan kepada masyarakat ramai. Mungkin, mungkin bagi saya Perdana Menteri terlupa membawa sekali Jho Low dengan Riza Aziz untuk dibawa ke Parlimen untuk rakyat tengok siapakah *the real culprit* 1MDB ini tetapi malangnya dia bawa hanya Orang Asli, guru-guru tadika KEMAS. Apa yang rakyat di bawah hendak lihat adalah bagaimana rupa Jho Low, bagaimana rupa Riza Aziz *because this well known person* dan kami juga ingin belajar daripada mereka bagaimana mereka boleh jadi kaya dengan begitu mudah. Itu yang kami hendak lihat [*Tepuk*] Itu yang pertama, Tan Sri.

Keduanya, saya minta maaf. Saya ada yang *English version of the budget*. Izinkan saya membaca perenggan nombor empat, bajet ini di muka surat empat, "*In formulating the 2017 Budget, we have drawn learnings from the Surah Yusuf verses 43 to 49. As interpreted by the ulamas, one should plan and prepare during the first seven years, while facing the subsequence seven years of challenges in order to sustain economic resilience*".



Saya rasa ini satu pembaharuan juga kerana nampaknya Perdana Menteri sekarang dah mula hendak dengar cakap ulama dan mula juga mengambil Surah Yusuf tetapi mungkin, mungkinlah saya rasa Perdana Menteri juga terlupa bahawa Surah Yusuf ini ada satu lagi ayat yang menceritakan tentang bagaimana Nabi Yusuf mentadbir ekonomi Mesir yang menyebabkan kenapakah Mesir yang dalam keadaan menghadapi kegawatan ekonomi itu boleh pulih daripada kegawatan ekonomi kerana Nabi Yusuf sendiri meminta supaya Raja melantiknya sebagai Menteri Kewangan pada masa itu dalam Surah Yusuf ayat 55, Allah berfirman... [*Membaca petikan ayat Al-Quran*] Sebab raja begitu tertarik dengan peribadi Nabi Yusuf ini lalu dia meminta supaya Nabi Yusuf menjadi orang besarlah.

Jadi Nabi Yusuf kata kalau hendak lantik saya, lantik sebagai yang jaga perbendaharaan negara kerana saya ini adalah hafizun alim.

#### ■1650

Saya sempat membaca tafsir-tafsir, baik tafsir ahli Sunnah, Syiah, tasawuf, ulama sufi, Ibnu Ajibah dan banyak lagilah dan juga ulama kontemporari seperti Syeikh Mutawalli Sya'rawi. Saya mendapati bahawa mereka mengatakan bahawa kerana apa dua sifat ini- *hafizun* dan *alim* ini? Hafiz ini maknanya amanah. Sebab, dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini, apa yang penting ialah dipanggil *dikkotu takhtib*, maknanya perancangan yang teliti dan juga tidak membazir, *israf*.

Jadi sebab itulah Nabi Yusuf ini mempunyai dua sifat ini. Imam Zamakhshari mengatakan- ini saya pegang tafsir daripada Zamakhshari yang menyatakan... [*Membaca sepotong ayat bahasa Arab*] Nabi Yusuf menyifatkan dirinya sebagai orang yang beramanah. Oleh sebab itulah dia boleh menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi itu. Sedangkan, Perdana Menteri sekarang ini adalah orang yang bermasalah, *is not a part of the solution, is a part of the problems*. Jadi macam manakah orang yang bermasalah ini untuk kita letakkan harapan untuk menyelesaikan masalah ekonomi dalam negara kita?

Oleh sebab itulah saya di sini ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Parlimen daripada bekas Barisan Nasional seperti Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Semporna dan juga kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada sekarang ini iaitu Yang Berhormat Tambun kerana begitu berani mendedahkan 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya mengharapkan isu 1MDB dibenarkan untuk dibahaskan sebab bersama saya ini adalah 136 muka surat DOJ punya *suit* ke atas 1MDB yang saya telah baca keseluruhannya dan saya dapati memang memalukan Malaysia sebab dikatakan 1MDB terlibat dengan *international conspiracy* yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Ia mengatakan bahawa tujuan dia memfailkan

ialah untuk *forfeit*, untuk merampas harta-harta yang ada di dalam Amerika dan juga di luar negara, *abroad*, iaitu di Switzerland dan di England kerana di Amerika ada undang-undang yang berkaitan dengan kleptokrasi ini, inisiatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita belajar undang-undang, kita tahu bahawa rampasan ke atas harta-harta haram ini bukan satu benda yang baru. Sebenarnya negara kita juga ada undang-undang tersebut. Cuba kita lihat keputusan kes Khir Toyo di mana mahkamah bukan hanya mengarahkan beliau dipenjarakan tetapi harta beliau yang dibeli melalui wang haram itu diarahkan untuk dirampas, *forfeit*, *forfeited* di bawah Akta SPRM. Ini menunjukkan bahawa mana-mana negara sekali pun tak boleh terima mana-mana pemimpin ini mengambil harta dengan secara haram. Oleh sebab itulah, walaupun ada hujah daripada pihak peguam Khir Toyo mengatakan jangan *forfeit* harta dia ini sebab harta dia ini tidak terlibat dengan pertuduhan, tetapi mahkamah tidak terima. Mahkamah mengatakan rasuah ini walaupun sedikit, kita mesti tentang habis-habisan.

Oleh sebab itulah, kami merasakan kalaulah Khir Toyo tidak ada gegak gempita, kenapakah dalam kes yang melibatkan DOJ ini tiba-tiba macam kiamat? Apabila hendak rampas harta 1MDB ini, kita seolah-olah macam hendak menyalahkan DOJ, Amerika campur tangan dan sebagainya, ini kuasa asing. Jadi saya rasa ini satu perkara yang tak betul.

Oleh sebab itu saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pagoh. Dia membacakan sebuah hadis... [*Membaca sepotong Hadis*] Ini hadis. "*Apabila dia nampak kemungkaran, hendaklah dicegah dengan tangan. Kalau tak mampu, dengan mulut.*" Mungkin beliau mampu hanya dengan lisan, dengan mulut. Saya rasa juga ada sebuah hadis lain menyatakan bahawa... [*Membaca sepotong Hadis*]. Apabila kita tahu benda benar, kita diam, kita membisukan kebenaran, kitalah ibarat syaitan yang bisu.

Oleh sebab itulah saya rasa, baik Yang Berhormat Pagoh kah, Yang Berhormat Semporna kah, Yang Berhormat Tambun kah, mereka tak mahu satu hari nanti digelar sebagai syaitan yang bisu, oleh sebab itulah mereka mengatakan cukuplah yang sudah ada ini syaitan ramai, cukuplah ya, tak payahlah tiga orang jadi syaitan bisu. Sebab itu mereka bersuara. Mereka bersuara.

Sekarang ini kita hendak siasat mereka di bawah Akta OSA. Saya rasa ini satu perkara yang tak sepatutnya berlaku. Sepatutnya kita berterima kasih kepada tiga-tiga ahli politik ini kerana mereka bukan sahaja berani, khususnya Yang Berhormat Tambun dalam keadaan masih ada kuasa, ada lagi dalam parti pemerintah, sanggup

bercakap begitu. Sepatutnya kita bagi dia medal, bukan kita suruh dia pergi Bukit Aman untuk memberi keterangan..

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu berdiri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang ada menyatakan tentang Raja Mesir melantik Nabi Yusuf kerana amanahnya sebagai Menteri Kewangan atas kepentingan rakyat dan negara.

Akan tetapi, kebelakangan ini kita nampak Perdana Menteri Malaysia telah menjual begitu banyak aset Malaysia ke negara China sahaja dengan risiko yang amat tinggi sementara kita tahu negara Australia telah menghalang penjualan aset-aset utama dan juga aset syarikat tenaga kepada negara China atas isu keselamatan. Kenapakah Malaysia begitu senang menjual aset tenaga yang ada *security risk* kepada negara China dengan tidak mengambil kira kesan jangka masa panjang? Adakah ini tentang apa yang Yang Berhormat Sepang kata tadi, satu *sense of desperation*? Saya minta ulasan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kuala Terengganu. Pertamanya, saya minta supaya soalan yang diberi oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu itu dimasukkan juga sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan satu jawapan yang bernas.

Yang keduanya, saya merasakan juga bahawa memang Perdana Menteri memang *desperate* lah untuk mendapatkan sokongan daripada orang-orang China ini. Jadi sudah tentulah ini sebahagian daripada rancangan beliau. Walau bagaimanapun, saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Saya akan teruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya katakan tadi bahawa dalam kes yang melibatkan Nabi Yusuf ini, kita lihat Nabi Yusuf ini dia boleh mentadbir ekonomi Mesir itu dengan baik kerana dia tidak ada skandal apa-apa. Saya rasa kalau pada zaman itulah, *nauzubillah*, dia berhadapan dengan isu 1MDB juga, saya rasa dia pun tidak boleh selesaikan masalah Mesir itu. Tetapi oleh sebab dia amanah, dia jujur, walaupun dia baik tapi tidak pula dilingkungi oleh masalah-masalah seperti 1MDB ini, saya rasa memang mana-mana orang boleh selesaikan. Orang dari penjara pun boleh selesaikan. Mungkin dekat Malaysia ini kita

perlu orang daripada penjara untuk selesaikan masalah ekonomi di negara kita ini. Kemungkinan, saya tak tahu. Saya cuba membuatkan satu analogi yang- Mesir itu ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa- semalam saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Dia mempertikaikan, kenapakah dalam keadaan kita dikatakan keluar daripada Dewan, tiba-tiba kita juga minta dalam Dewan ini peruntukan-peruntukan dan sebagainya. Dia keliru. Sebenarnya tidak perlu keliru.

Pertamanya, saya rasa Yang Berhormat Parit Sulong kena faham bahawa kerajaan ini bukan mengutip cukai daripada orang BN sahaja. Semua rakyat termasuk kami semua adalah orang-orang yang kerajaan juga ambil cukai. Sudah tentulah kami berhak untuk minta peruntukan. Dan kita juga mengamalkan sistem *federalism* di mana ada bayaran-bayaran tertentu yang dibayar oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat. Jadi, jangan ingat duit Perbendaharaan kerajaan ini hanya datang daripada satu sumber sahaja tetapi datang daripada sumber daripada rakyat yang pelbagai parti dan juga daripada negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan dan sebagainya.

Oleh sebab itulah bagi saya, kita keluar itu sebab kita telah merasakan bahawa bajet ini ada kekurangan-kekurangan dan kita merasakan Perdana Menteri tak sewajarnya bantangkan bajet itu. Saya rasa kita berhak. Kita pun tidak keluar daripada awal lagi. Di peringkat akhir baru kita keluar. Jadi saya rasa tidak seharusnya bila kita keluar daripada Dewan itu ditafsirkan seolah-olah kita ini sudah tak mahu lagi peruntukan-peruntukan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sempat berada dalam hospital lebih kurang enam bulan dan saya sempat berjumpa dengan rakyat di bawah di hospital ini. Kalau dulu saya hanya melihat daripada jauh tetapi saya mengalami sendiri pengalaman itu dan saya dapati memang *health care* ini, penjagaan kesihatan ini satu perkara yang memang membebankan rakyat sekarang ini.

Saya masih ingat bila saya beratur untuk meminta ubat di Hospital HKL itu, saya mendengar dengan telinga saya sendiri bagaimana ada rakyat di bawah ini yang mengatakan bahawa dia tak tahu bila dia balik ke rumah ini ada makan atau tidak. Kita telah mendengar aduan-aduan seperti itu. Malah, saya masih ingat saya dengan seorang makcik tua yang direkomen oleh doktor untuk membeli mesin pernafasan dengan harga RM8,000. Dia mengatakan, "*Tak apalah, biarlah mak cik mati daripada mak cik beli mesin ini*". Saya hampir hendak menangis bila mendengarkan rintihan mak cik tersebut.

## ■1700

Bagi saya ini adalah masalah yang *real*, bukan yang mereka cipta. Sebab mereka ini adalah orang-orang yang di bawah dan mereka merasa kesusahan itu. Pakcik kata, “*Saya hanya jual nasi lemak, mana saya mampu hendak bayar RM8 ribu*”. Sampai doktor beritahu saya, kadang-kadang mereka juga risau untuk memberikan *prescription* ini kerana mereka takut *patient* tidak boleh bayar. Apa lagi memberikan, membeli alat-alat yang mahal. Saya rasa kerajaan mesti memikirkan satu formula bagaimanakah kos perubatan ini dapat dikurangkan. Sebab itulah bagi kita, segala apa pembaziran-pembaziran ini harus dikurangkan kerana kita tidak mahu nanti melalui pembaziran-pembaziran ini menyebabkan seseorang itu *opportunity cost*, kita menyebabkan ada lagi kesan kepada pembayaran-pembayaran lain yang tidak dapat dibayar kerana kita telah berlakunya kebocoran di sana dan sini.

Sebab itulah saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan dapat menilai kembali penjagaan kesihatan ini. Kalau boleh kita mesti anggap penjagaan kesihatan ini sebagai *human rights*. Saya masih ingat beberapa bulan yang lepas, beberapa tahun yang lepas saya pernah menziarahi negara Venezuela. Saya tidak kata Venezuela ini sebuah negara yang *perfect*, negara yang baik 100 peratus. Akan tetapi saya hendak menyatakan bahawa dari segi aspek kesihatan, saya amat bersetuju dengan cara Kerajaan Venezuela yang menganggap bahawa penjagaan kesihatan ini sebagai *human rights* dan dia mengatakan, saya masih ingat, saya berbual dengan seorang Menteri di sana, mereka mengatakan, *once you reached there, even you are foreigners*, kalau *you* ada masalah kesihatan, kami akan tanggung 100 peratus Tuan Yang di-Pertua.

Sebab apa bagi kami inilah hak asasi. Hak asasi sebab apa, kalau kamu sakit, kerajaan bertanggungjawab walaupun kamu bukan rakyat Venezuela dan saya rasa kerajaan mesti ada sikap begini. Sebab saya tidak mahulah tengok nanti rakyat ada yang tidak mampu bayar ubat, menyebabkan mereka mungkin sakit ataupun mati dan sebagainya. Sekarang kita sudah mendengar macam mana rakyat telah bunuh diri. Ini bukan perkara kecil. Kita beruntung kerana walaupun rakyat bunuh diri tapi ini tidak berlaku di Tunisia. Di Tunisia apabila orang bakar diri, berlakunya rusuhan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Di Malaysia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, bagilah saya habis sikit lagi ya. Sebab saya sudah lama tidak cakap Tuan Yang di-Pertua. Dekat hospital saja cakap. Bagi saya lagi 1 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, seminit dua lagi. Silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya rasa apabila kita melihat apa yang berlaku kepada Almarhum Shukri itu, saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya risau bukan saja kematian beliau tapi juga rusuhan yang mungkin akan berlaku. Sebab kita semua adalah orang yang cintakan keamanan. Kita mahu satu perubahan transisi yang baik. Kalau berlakunya perubahan politik pun, kita dengan aman. Saya rasa BERSIH ini pun bukan suka keganasan. Cumanya BERSIH tidak boleh terima pilihan raya yang tidak adil. Janganlah salahkan mereka. Yang jahat dan suka rusuhan ini adalah golongan geng merah ini - Jamal Pak Tongkol ini, yang memang jahat. Sungguh-sungguh jahat. Sampai gunakan, tarik orang naik motor dan sebagainya yang ingin kacau perhimpunan BERSIH aman ini.

Kita lihat BERSIH telah buat 1,2, 3, 4, aman, tidak ada masalah. Saya masih ingat lagi, pernah berlaku satu dialog antara Ketua Polis Negara dengan...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Tidak baik tuduh orang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha?

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Tidak baik tuduh Jamal Pak Tongkol itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memang nama dia Jamal Pak Tongkol pun.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Jangan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak tahulah, orang...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Bercakap lemau tadi, tapi esok, sekarang menuduh orang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya takut kalau saya panggil orang lain, mungkin Yang Berhormat tidak faham. Jadi, kalau dengan Pak Tongkol mungkin fahamlah kan. Sebab itu bangun itu. Saya hendak ginilah Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi dialog dengan IGP dan geng-geng dia. Dia beritahu dia kata biasanya Perhimpunan BERSIH ini akan menyebabkan orang meniaga ini takut untuk meniaga. Saya masih ingat lagi Presiden Amanah, Haji Mat Sabu mengatakan, peniaga ini takut kalau ada rusuhan. Kalau kita berjumpa secara aman, mereka berniaga pun dengan tidak ada gangguan, mereka akan suka. Sebab apa, ramai orang datang dan perniagaan mereka akan untung. Mana ada dalam dunia ini orang tidak suka orang ramai datang kalau kita meniaga.

Sebab itu kita buat pasar malam ini di tempat yang ramai orang, bukan di hutan sebab kita hendak ramai orang datang. Kata polis, kalau kita siram air nanti orang

masuk dalam kedai. Kata Tuan Haji Mat Sabu, kalau polis siram air, bukan saja kedai kita masuk, kandang babi pun kita masuk. Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang menyebabkan kekecohan itu kadang-kadang polis. Sebab itu saya minta IGP dan kawan-kawan dia, cubalah berubah jadi IGP yang pro pada *human rights* ini. Sampai bila hendak jadi IGP yang patuh pada UMNO dan Barisan Nasional ini.

Jangan takutlah. Kita jadi IGP ini, kita secara profesional. Saya rasa BERSIH kah, baik semua orang ingin keamanan. Lepas mereka berhimpun 2-3 jam, mereka penat, mereka balik. Kita tidak akan takut. Tidak ada apa-apa berlaku walaupun mereka tidur semalam pun, mereka tidak akan- malah mereka siap ambil ada air sembahyang dan sebagainya. Saya terharu melihat orang-orang bukan Islam menjaga orang-orang Islam sembahyang ketika perhimpunan BERSIH. Ini satu penghormatan kepada orang-orang Islam. Jadi, kita jangan salahkan BERSIH. Buat apa hendak buat perhimpunan di depan rumah Maria dan sebagainya. Sampai hendak buat senaman punggung dan sebagainya. Ini semua bukan tradisi orang Melayu, bukan tradisi orang Timur.

Saya haraplah berlakunya satu perubahan paradigmalah ke atas negara kita ini. Kalau kita hendak maju, kita mesti maju dari segi pemikiran juga. Kalau tengok dalam pilihan raya Amerika Syarikat, saya terperanjat apabila melihat Robert De Niro, pelakon mengatakan Donald Trump ini *pig*. *Pig* tahu, anjing. Itu pun dia masih boleh *tolerate* lagi. Saya bukan setuju dengan apa yang dikatakan itu, saya hendak katakan bahawa demokrasi mereka sampai ke peringkat itu. Saya bukan mengatakan kita pun suka menggelar orang dengan istilah-istilah yang tidak bagus. Akan tetapi bagi saya, kita mesti ada toleransi sampai peringkat itu supaya demokrasi ini *vibrant*, hidup.

Saya mengharapkanlah supaya kerajaan janganlah mengambil tindakan pada BERSIH. Apa yang BERSIH suarakan ialah semata-mata supaya hendak pilihan raya yang adil. Kita tidak mahu- kita hendak siapa-siapa menang pada pilihan raya ini, menang atas keadilan dan juga pilihan raya yang bersih supaya rakyat memilih orang yang layak untuk dipilih sebagai menerajui Putrajaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak terima kasih lah kerana memberikan saya masa yang lebih sedikit. Saya bagaimanapun, saya tetap tolak bajet ini. Terima kasih [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang belakang ini, nanti, Yang Berhormat Mukah, ada? Fasal dalam *list*. Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Linggi. Okey, Yang Berhormat Kanowit.

**5.07 ptg.**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Bajet 2017 ini.

Dengan masa 15 minit ini saya ingin terus menyentuh beberapa isu berkaitan dengan kawasan pedalaman Sarawak dan juga Parlimen Kanowit. Isu pertama adalah berkenaan dengan pinjaman RM50 ribu untuk membina rumah panjang di mana pada Bajet 2016, RM50 juta telah diperuntukkan untuk pinjaman membina rumah panjang di Sarawak di mana seorang pemohon boleh mendapat maksimum RM50 ribu untuk tujuan tersebut.

Jadi, pada awal 2016, cara pelaksanaan pinjaman itu belum dapat diselesaikan. Mulanya disebut sebagai, dilaksanakan oleh Bank Simpanan Nasional tetapi lepas itu tidak menjadi. Lepas itu kepada Suruhanjaya Negeri Sarawak dan sekarang ini tidak tahu apa yang terjadi. Jadi, dalam hal ini rakyat dan beberapa kelompok dari kawasan saya telah pun memohon untuk mendapat pinjaman ini. Jadi, soalan saya adalah apakah status penggunaan peruntukan ini dan berapakah rumah-rumah panjang yang telah diberi peruntukan dan berapakah wang yang telah dikomited bagi pinjaman ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berterima kasih kepada kerajaan kerana sekali lagi telah memberi peruntukan tambahan RM30 juta untuk tahun 2017 supaya Kerajaan Sarawak dapat mengerjakan *survey* dan pemetaan tanah NCR. Saya berharap kerja ini dapat dipercepatkan supaya kerja selanjutnya iaitu *lot survey* untuk individu lot di bawah peruntukan seksyen 18, *Sarawak Land Code* dapat dilaksanakan.

**■1710**

Tuan Yang di-Pertua, isu NCR ini sentiasa panas di Sarawak dan beberapa tahun yang lalu dan juga dalam berapa minggu yang lalu telah ada beberapa pergaduhan yang melibatkan isu tanah NCR dan beberapa kes jenayah telah pun berlaku terutamanya di antara mereka yang *claim NCR Land*, bertindih dengan tuntutan syarikat-syarikat besar pembalok dan juga peladang sawit. Oleh sebab itu saya menyeru kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Pusat untuk mengambil berat tentang isu NCR ini supaya kesemua tanah NCR di Sarawak dapat diberi '*property survey*', dan diberi lot kepada mereka yang menuntut.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua ingin menyentuh balik kepada isu *internet connectivity* di kawasan dan sekolah pedalaman Sarawak yang telah saya bangkitkan minggu lepas semasa pertanyaan bagi jawab lisan di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab bahawa telah mengaku bahawa 1BestariNet di kawasan luar



bandar dan di sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak adalah amat lemah dan memang tidak berfungsi seterusnya.

Akan tetapi apa yang menyedihkan apabila beliau telah menyatakan bahawa fasa 2 BestariNet ini akan dilaksanakan di kawasan bandar terutama di Kuching dan Samarahan dan sebab itu saya telah pun amat tidak puas hati dan saya harap apabila perkara begini berlaku ianya patutlah diberi juga keutamaan kepada sekolah-sekolah di pedalaman supaya mereka yang selama ini telah lama tertinggal. Di kawasan bandar memang kita sudah ada *Streamyx* dan sebagainya tetapi di luar bandar ianya amat menjadi masalah kerana *connectivity* sama ada *cellular* pun tidak ada di kawasan-kawasan luar bandar.

Jadi inilah menjadi satu tabiat kementerian dan kerajaan apabila sesuatu projek baharu ingin dilaksanakan kawasan bandar-bandar telah diberi *priority* dan kawasan luar bandar sering ditinggalkan. Saya harap dalam hal ini saya menyeru kepada kerajaan untuk memberi *consideration* kepada semua kawasan supaya kita tidak ketinggalan. Kita mendengar sahaja peruntukan diberi, pelbagai program-program baharu diadakan tetapi hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan yang memang sudah maju seperti bandar-bandar besar di Malaysia ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh keadaan yang amat menyedihkan yang selalu kita bangkitkan, yang selalu kita bahaskan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan sekolah-sekolah daif di kawasan-kawasan luar bandar. Saya ingin sekali lagi menyeru kepada kerajaan sebab keadaan begini kalau dipanjangkan ianya akan memberi keadaan yang tidak selesa kepada guru, kepada murid-murid sekolah, kakitangan dan sebagainya yang mana ia akan memberi impak kepada prestasi persekolahan di sekolah-sekolah di luar bandar.

Dalam hal ini saya ingin penjelasan daripada kerajaan ataupun kementerian berkenaan dengan sekolah berkelompok ataupun *cluster school* yang telah disebut-sebut dalam beberapa tahun yang lalu di mana kerajaan akan membina sekolah rendah yang besar dan moden supaya sekolah-sekolah kurang murid di kawasan-kawasan pedalaman ini dapat berkumpul untuk ke satu tempat atau pusat sekolah rendah yang moden dan lengkap dengan segala keperluan untuk bersekolah. Dalam hal ini saya ingin kepastian daripada kementerian sama ada isu ini ataupun hasrat ini masih dilaksanakan ataupun akan dilaksanakan terutama di sekolah-sekolah yang kurang murid di kawasan pedalaman termasuk di Kanowit juga.

Jadi kedua, oleh sebab dalam hal pendidikan ini telah juga disebut oleh Yang Berhormat Kudat tadi dan dengan Institut Pendidikan Guru atau IPG, telah disebut-sebutkan di dalam surat khabar dan *social media* bahawa beberapa IPG akan tutup

bukan sahaja di Sabah dan juga di Sarawak dan dalam hal ini kita ingin penjelasan yang sepatutnya diberi oleh kementerian untuk memberi penjelasan sama ada ianya benar atau tidak dan kalau benar apakah sebab dan apakah yang akan terjadi kepada tuntutan mereka yang tidak puas hati dengan tindakan kerajaan dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang patut saya sampaikan di sini adalah berkenaan dengan bekalan elektrik di luar bandar. Bekalan elektrik ini kalau kita lihat di Sarawak memang sudah mencukupi sebab kita banyak mempunyai hidroelektrik tetapi kawasan di pedalaman yang belum ada jalan raya memang elektrik daripada grid yang besar-besar ini memang tidak akan sampai kepada mereka sebab jalan tidak ada supaya grid-grid elektrik ini dapat sampai ke rumah-rumah panjang.

Di dalam hal ini saya ingin sekali lagi telah pun saya sebut dalam beberapa perbahasan terdahulu berkenaan dengan pembinaan mini hidro dan mikro hidro untuk rumah-rumah panjang di kawasan-kawasan pedalaman di mana *source of water* ataupun sungai-sungai di kawasan hulu sungai di sana dapat memberi tenaga ataupun tenaga untuk membina hidroelektrik *power* kepada rumah-rumah panjang yang mungkin dalam beberapa puluh tahun ini tidak akan mendapat elektrik daripada grid yang besar dari bandar-bandar.

Dalam ini saya menyeru kepada kementerian berkaitan apa terutama Kementerian Luar Bandar untuk melihat perkara ini dan membuat kajian ataupun pergi ke kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak untuk membuat servis. Jadi di mana kawasan-kawasan yang boleh dibina mini hidro ataupun mikro hidro supaya bekalan elektrik dapat sampai kepada mereka seperti yang lain di negara kita ini.

Isu yang terakhir saya ingin sampaikan di sini adalah berkenaan dengan kawasan pembangunan di Rajang Basin sebab kita melihat kawasan Rajang ini kalau kita melihat sejarah dan apa yang telah terjadi pembangunan di sana adalah sangat berkurangan dan kita berterima kasih oleh kerana jalan besar dari Kanowit ke Kapit sekarang telah sedang dibina dan akan siap dalam beberapa tahun.

Dengan jalan ini maka kawasan-kawasan besar di sepanjang Sungai Batang Rajang ini akan terbuka untuk pembangunan ekonomi dan dalam hal ini saya menyeru kerajaan dan terutamanya Kementerian Luar Bandar untuk membuat *proposal* ataupun mencadangkan kepada kerajaan dan Kabinet supaya satu badan atau dikenalkan boleh dinamakan sebagai *Rajang Development Authority* ditubuhkan supaya peruntukan diberi dan kawasan-kawasan di kawasan di sepanjang Batang Rajang ini dapat dibangunkan seperti kawasan-kawasan lain seperti supaya *economic activities* dapat dimajukan di kawasan tersebut. Oleh itu saya berterima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Ampang.

**5.18 ptg**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Sesungguhnya Allah menyuruh kamu semua supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Oktober yang lepas kita dengar perbahasan pembentangan bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Saya lihat, saya agak rasa lucu juga melihat gelagat Yang Amat Berhormat Pekan sekejap jadi pendekar, sekejap jadi pemadah, sekejap dia berdrama, ini satu kelucuan pada saya apatah lagi disebabkan oleh Yang Berhormat Sepang tadi membawa beberapa orang daripada golongan-golongan yang tertentu untuk menyerikan lagi kononnya pembentangan beliau.

Apa yang saya hendak petik di sini Tuan Yang di-Pertua ialah apa disebut di sini. Di sini saya ingin bertanya mana ada kerajaan dalam dunia yang menyediakan Pusat Khidmat Sehenti beroperasi 7 hari seminggu bermula 8 pagi hingga 10 malam? Mana ada melainkan Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Pekan mana ada dalam dunia ini ada kerajaan yang satu dunia sedang memperlihatkan Malaysia dengan Perdana Menteri terlibat dengan skandal 1MDB. Kerajaan mana di dalam dunia ini yang Perdana Menteri didepositkan RM2.6 bilion ke dalam akaunnya?

▪ **1720**

Kerajaan mana dalam dunia ini yang Perdana Menteri tidak boleh membela diri apabila dikaitkan dengan kes pembunuhan Altantuya, gadis Mongolia. Kerajaan mana di dalam dunia ini yang Pengarah Jabatan Air boleh mengumpulkan kekayaan RM52 juta tunai di premisnya. Kerajaan yang mana? Kerajaan Barisan Nasional sahaja di negara kita yang ada. Bayangkan kalau di negara-negara lain mengikut Barisan Nasional, maka terlungkuplah dunia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyentuh tentang prestasi ekonomi negara ini. Kita sudah dengar Ahli-ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini menyebutkan bahawa hasil kerajaan dijangka akan turun sebanyak 5.79 *percent*, hutang kerajaan meningkat sebanyak 53.2 *percent*. Bayaran khidmat hutang juga meningkat kepada RM28 bilion.

Hutang sektor awam sebanyak 75 peratus daripada KDNK, hutang SABK iaitu syarikat awam bukan kewangan juga meningkat kepada 17 peratus daripada KDNK. GST juga yang dibangga-banggakan kita lihat juga akan turun juga dia punya pungutan. Petroleum, harga minyak juga akan jatuh dan prestasi ekonomi kita adalah tidak berapa baik. Sekiranya jangkaan hasil kerajaan tidak menepati sasaran, apakah lebih banyak duit yang akan diambil dari rakyat untuk menampung perbelanjaan kerajaan?

Apakah itu inti pati sebenar di sebalik mesej '*ikat perut*' Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2017? Perdana Menteri menyarankan supaya merancang perbelanjaan berhemah. Jika dulu beli mainan yang mahal untuk anak-anak, sekarang boleh hendak beli tetapi beli sesuai dengan kadar kemampuan. Ini sejajar dengan laporan akhbar *World Street Journal* yang mendakwa Mrs. MO1 membelanjakan USD6 juta membeli pakaian, kasut dan barangan kemas. Menurut laporan itu, perbelanjaan dibuat antara tahun 2008 dan 2015 dan adalah berdasarkan kepada dokumen-dokumen baru yang diteliti oleh *World Street Journal*. Dokumen-dokumen baru mendedahkan Mrs. MO1 membelanjakan sekurang-kurangnya USD6 juta melalui caj kad kredit dan di manakah- walaupun tidak mempunyai sumber pendapatan kecuali gaji MO1.

Di sini saya lihat Perdana Menteri umum juga berbagai-bagai janji kononnya bermadah. Raja dan rakyat berpisah tiada. Begitulah juga kerajaan dan rakyat juga sehati sejiwa. Adakah ini yang dimaksudkan beliau sehati sejiwa apabila keadaan rakyat di bawah sedang dihimpit, kesusahan dalam menyara kehidupan harian manakala beliau yang juga ketua negara dan ketua keluarga berbelanja dengan penuh kemewahan. Saya lihat Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan peruntukan sana sini- RM495 juta untuk ini, RM200 juta untuk itu. Bermacam-macam saya lihat dan memberikan ruang untuk meningkatkan hutang pinjaman tetapi malangnya Yang Amat Berhormat Pekan tidak berani untuk mengenakan gaji minimum yang akan dapat membantu rakyat menjamin masa depan mereka dalam jangka yang lebih panjang.

Sekiranya ini terjadi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana beberapa kali Kerajaan Barisan Nasional berjanji sana sini tetapi tidak disempurnakan. Dulu sebelum pilihan raya kata tidak ada naik harga minyak. Selepas pilihan raya naik harga minyak. Ini kah jenis pemerintah yang hendak kita dengar dalam Dewan ini? Allah memerintahkan supaya segala amanah diberikan hanya kepada pihak yang layak dan mampu untuk menerimanya sahaja. Amanah merupakan satu nilai yang boleh dipertimbang melalui perbuatan. Seseorang yang betul-betul amanah tidak akan mengkhianati tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Rasulullah SAW telah

bersabda maksudnya, “*Tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tiada amanah pada dirinya dan tiada agama bagi orang yang tidak dipercayai janjinya*”.

Jadi kita lihat juga Tuan Yang di-Pertua, bekalan atau bajet pada tahun ini tidaklah naik, tidaklah turun. Agak sama. Saya juga melihat dan mengkaji bahawa sebanyak 19 kementerian yang anggaran perbelanjaannya telah diperuntukkan, semuanya menurun dan enam lagi kementerian ada peningkatan. Isunya bukan masalah meningkat atau berkurang. Isunya ialah masalah keamanan. *Good governance*. Tata kelolaan yang baik dan mampu menjalankan kerja dengan efisien. Kalau sekiranya kerajaan ini, negara ini ditadbir dengan elok, pada 20-30 tahun yang lepas, kita telah mencapai yang lebih hebat daripada apa yang kita ada sekarang.

Oleh kerana kebanyakan ketirisan, kebocoran, penipuan, maka kita lihat sekarang rakyat yang dibebankan dengan GST dan cukai-cukai yang tidak- dan subsidi-subsidi yang ditarik balik dan menghimpit hidup mereka.

Saya ingin sentuh tentang Jabatan Perdana Menteri- Suruhanjaya Pilihan Raya. Baru-baru ini....

Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ampang.

Saya agak tertarik bila Yang Berhormat Ampang sentuh tentang tata kelola yang baik. Cuma sedikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Ampang. Adakah Yang Berhormat Ampang sedar bahawa hari ini misalnya Menteri Kewangan Kedua telah pun membuat satu pengumuman bahawa duit yang punyai kaitan dengan duit rakyat, *SRC money* telah pun dibekukan di BSI Bank dan sebab itu sekarang duit itu telah pun tidak boleh dimanfaatkan.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Ampang, apakah Yang Berhormat Ampang bersetuju bahawa perlu ada suatu usaha yang bersungguh-sungguh daripada kerajaan untuk memastikan agar semua wang yang di beku dan dirampas di negara-negara luar ini dapat dibawa masuk balik ke dalam Malaysia kerana ini merupakan duit rakyat dan tentunya dapat memberikan kemudahan dan meringankan beban rakyat. Ini bukan satu perkara yang baru misalnya di Khazakhstan ada pengalaman ini. Marcos sendiri sewaktu digulingkan, ada satu operasi dipanggil *bird operation* untuk cari balik semua harta-harta di luar ini dan dimasukkan balik ke dalam negara untuk tujuan manfaat kepada rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil. Perkara ini

harus ditangani dengan lebih serius dan barulah menunjukkan bahawa ada komitmen kerajaan ini untuk membetulkan keadaan yang salah seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Pagoh dan juga Yang Berhormat Tambun yang berani mengatakan benar. Berani menegur pemerintah yang zalim. Jadi memang patut kita lakukan sedemikian. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional adalah anak jantan, maka mereka harus membongkar ini semua dan membentangkannya dan menyelesaikannya dan membawa kemakmuran kepada negara ini. Ini yang dikatakan, barulah kita kata anak jantan. Akan tetapi apa yang berlaku soalan 1MDB pun tidak boleh dijawab dalam Dewan ini. Saya pun tidak tahu di mana perginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang Suruhanjaya Pilihan Raya. Suruhanjaya Pilihan Raya sibuk membuat persempadanan semula dengan mengukir bentuk-bentuk yang cantik. Kalau dulu PJ sudah tidak ada rupa PJ, Subang tidak rupa Subang. Untuk kerana apa? Untuk memuaskan nafsu *political master* mereka dengan harapan kononnya boleh mencuri kerusi sikit sana, sikit sana daripada Pakatan Harapan.

Ini saya percaya akan menjadi satu tragedi kepada Barisan Nasional kerana senjata akan makan tuan. Senjata akan makan tuan. Saya sebut di sini kerana apa? Selepas itu hendak marah BERSIH. BERSIH memperjuangkan apa? Memperjuangkan pilihan raya yang adil. Persempadanan semula yang demokratik. Apakah salah untuk mengadakan perhimpunan aman untuk menuntut hak-hak yang sepatutnya dilaksanakan oleh kerajaan kononnya kerajaan ini hendak mencapai negara maju pada tahun 2020.

Kalau inilah standard demokrasi yang ada dalam negara ini, tahun 2020 kita hanya atas kertas sahaja yang akan mencapai negara maju, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga minta agar SPR memikirkan cara yang lebih progresif, cara yang lebih berfaedah iaitu membentangkan satu kertas kerja, polisi baru dalam pilihan raya, memperkenalkan *electoral system mixed proportional representation system* yang mana ia akan lebih adil dan lebih demokratik.

Dengan ini saya juga minta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar memperkasakan *mixed proportional representation system* ini kerana kalau lihat dalam negeri-negeri Asia Tenggara, hanya Malaysia dengan Myanmar sahaja masih melaksanakan sistem *first-past-the-post* pilihan raya. Jadi saya minta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengangkat agenda ini kerana IPU Research telah mencatatkan bahawa dengan adanya sistem *proportional representation* ini, ia akan dapat menambah *percentage*, peratus penglibatan Ahli Parlimen wanita dalam Dewan Rakyat ini.

## ■1730

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu penderaan kanak-kanak yang mana tadi beberapa teman di sini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sentuh dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lily Suriani, kerana telah menjuarai isu ini. Saya harap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga serius untuk memikirkan undang-undang, untuk menggubal undang-undang agar mereka ini, *predators* ini diambilkan tindakan yang lebih keras seperti di Indonesia, di mana perogol-perogol bawah umur akan 'dijunabkan'. Apa Melayu cakap? [*Ketawa*] 'Dijunabkan' dan itu adalah satu tindakan yang sangat serius dibuat oleh Presiden Indonesia...

**Seorang Ahli:** Dikembirikan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Dikembirikan. Maka saya menyokonglah sekiranya ada undang-undang sedemikian agar pemangsa-pemangsa yang terutama terhadap anak-anak bawah umur dikembirikan di Malaysia ini juga.

Saya hendak sebut tentang ICU iaitu *Implementation Coordination Unit*, yang mana saya pun rasa saya tidak tahulah sama ada berlaku di Subang atau tidak. Ini di mana projek-projek ICU ini terjah kawasan Ampang membabi-buta tanpa memberi pengetahuan kepada pihak berkuasa tempatan, masuk ke dalam kawasan buat projek kecil-kecil sahaja. Selepas itu mencacakkan, memacakkan tiang, "Ini projek ICU". Tahu projek apa Tuan Yang di-Pertua? Projeknya dalam satu taman kanak-kanak yang berukuran 20 kaki persegi, by 40 kaki disumbatkan satu trek pejalan kaki dalam satu sekanggang kera punya taman permainan kanak-kanak yang tidak diperlukan, yang tidak diperlukan.

Jadi penduduk pun kata hairan, siapa punya kerja ini. Ini orang bodoh sahaja buat kerja ini. Bila saya siasat, rupanya daripada *Implementation Coordination Unit*. Kalau hendak buat kerja itu, tolonglah buat kerja yang semenggah. Kerja yang tidak berfaedah buat apa. Sebab itu baik ICU ini masuk wad ICU lagi bagus. Tidak tahu buat kerja, masuk ICU lagi bagus.

Saya juga hendak sebut tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya lihat prestasi wanita, prioriti yang telah diangkat oleh UNDP, "*He For She*", *priority for women*, banyak yang telah dikendalikan dan telah dilancarkan. Akan tetapi malangnya, di Malaysia ini masih lagi kurang. Kurang penglibatan wanita, kurang kesamarataan yang telah diberikan kepada wanita terutamanya daripada segi tangga gaji. Kita lihat masih ada lagi jurang di antara gaji yang diberikan kepada orang lelaki dan kepada orang perempuan. Jadi, ini harus

ditangani. Saya harap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat lebih serius untuk memandang perkara ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang PERMATA. PERMATA yang mana telah diberikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah tamat Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey, satu minit lagi. PERMATA saya minta dimasukkan, digabungkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar menyelaraskan semua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau sudah semua begini, bermakna...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey, saya tutuplah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tutup dengan pantun sebab Yang Amat Berhormat Pekan dia berpantun. Jadi, saya pun hendak berpantun juga. Jadi Yang Amat Berhormat Pekan kata, Yang Amat Berhormat Pekan kata.

*Dedak bukan umpan pun bukan,  
BR1M yang ikhlas satu pemberian,  
Keperluan rakyat kita dahulukan,  
Jumlah BR1M kita tambah-tambahkan.*

Saya ingin membalas pantun yang dinukil khas oleh Pak Samad Said, apa dia kata.

*Masuk ke hutan muncul di rimba,  
Selam di tasik timbul di laut,  
Bajet umpama simbahan gula,  
Yang heboh diberi yang senyap kau kaut.*

Itulah dia Tuan Yang di-Pertua. Sekian., *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Seorang Ahli:** Jawab pantun.

**5.34 ptg.**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali dalam menyokong perbahasan belanjawan kita pada hari ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan juga *teamnya* yang telah berjaya membentangkan belanjawan yang tidak



mengecewakan rakyat terutamanya bagi rakyat yang rasional dan memahami kelembapan ekonomi dunia.

Seperti biasa, kita lihat Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya daripada dahulu sampai hari ini tidak mengecewakan rakyat di mana kita lihat BN tetap memberi penumpuan, bantuan untuk pembangunan negara. Walaupun kita lihat ada setengah pihak mengatakan bahawa kerajaan dan bankrap tetapi dengan belanjawan kita pada hari ini, kita lihat tohmahan, fitnah yang dilemparkan tersebut adalah sia-sia dan kita lihat bagaimana Kerajaan Barisan Nasional ini berjaya, berjaya menyusun ekonomi negara dan meneruskan pembangunan negara ini.

Akan tetapi walau bagaimanapun, kita tahu ada juga yang tidak bersetuju, tetapi biasalah. Dalam perbahasan kita ini, kita lihat banyak yang mengeluarkan ayat-ayat Al-Quran dan sebagainya menidakkan apa yang telah dibentangkan belanjawan kita pada tahun ini. Saya juga ingin menyebut sepotong ayat Al-Quran. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, siapakah pembohong agama? Mereka yang berpaling kepada anak yatim, tidak tolong orang miskin dan sebagainya.

Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita pada hari ini daripada segi agama kita buat, terutamanya kita membantu daripada segi kebajikan masyarakat, anak yatim, Orang Kurang Upaya dan begitu juga mereka yang miskin, di antaranya BR1M. Walaupun kita lihat di sini ramai yang tidak setuju BR1M tetapi daripada segi kemiskinan, mereka yang miskin dan memerlukan, maka kita beri bantuan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita pada hari ini tidak berbohong dalam agama. Kita bantu walaupun ada sesetengah pihak menidakkan BR1M ini.

Pihak yang tidak setuju, saya pun hendak ambil contoh sedikitlah. Dalam *Facebook* saya lihat, antaranya ada satu orang, suami isteri bekerja. Bekerja kerajaan, mempertikaikan bonus yang diberikan oleh kerajaan RM500, dia bahagi dengan 365 hari, dapatlah RM1 lebih. Jadi maknanya bahawa ini adalah golongan yang menidakkan. Akan tetapi kalau kita lihat *Facebooknya*, berjalan luar negeri, bercuti dan sebagainya. Ada juga mereka yang bersusah payah, seorang bekerja, isteri tidak bekerja tetapi melafazkan kesyukuran kerana mendapat BR1M. Ada juga yang memikirkan tentang orang lain. Bersyukur kepada kerajaan kerana memberi BR1M kerana ayahnya di kampung, anak-anak tidak pernah hantar wang. Akan tetapi dengan adanya BR1M, kerajaan bagi wang, mereka bersyukur.

Jadi kita lihat ada juga yang *complaint*, oh kerajaan dapat, yang bekerja kerajaan dapat bonus, yang swasta tidak dapat apa-apa. Akan tetapi apabila kita lihat

dengan pemberian BR1M ini, seluruh rakyat yang miskin, yang memerlukan mendapat BR1M. Ini di antara contoh-contoh yang baik yang telah kita lihat kerajaan di bawah Barisan Nasional membantu rakyat. Jadi kita lihat bahawa pada kali ini kita lihat rakyat seharusnya sentiasa memikirkan apa yang baik yang kerajaan berikan. Kalau kita lihat yang negatif, memanglah. Kadang-kadang yang negatif ini kalau kita lihat, sudah tentulah mengecewakan tetapi lihatlah apa yang baik. Lebih banyak baik daripada yang buruk. Maka, inilah yang Kerajaan Barisan Nasional berikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan halal. Baru-baru ini kita dengar tentang halal ini adalah rungutan-rungutan rakyat. Rungutan-rungutan usahawan, rungutan-rungutan daripada pihak-pihak yang menjalankan perniagaan. Bagi sesetengah pihak melihat halal ini iaitu Logo Halal JAKIM ini sebagai satu bidang perniagaan, tetapi ada sesetengah pihak melihat daripada segi dosa dan pahala. Ini ada dua perbezaan.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang bantuan yang diberikan oleh kerajaan terutamanya tentang usahawan-usahawan bumiputera, di mana kerajaan telah meningkatkan peluang kapasiti perniagaan bumiputera melalui SME RM100 juta, melaksanakan program keusahawanan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia RM100 juta, membantu usahawan TEKUN, Dana Mudahcara TERAJU RM100 juta. Begitu juga tentang meningkatkan pengeluaran makanan dan harga kompetitif, membangunkan infrastruktur pertanian, saluran dan pengairan, jalan ladang, pemasaran produk pertanian, melaksanakan program berimpak tinggi, melaksanakan program pengeluaran barang perlu, beratus-ratus juta yang telah kerajaan keluarkan.

#### ■1740

Apa yang saya hendak sebutkan di sini tentang JAKIM ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia supaya orang Islam maju tetapi kita lihat sekarang ini perbezaan di antara bukan Islam dan Islam jauh beza. Bagi mereka yang bukan Islam, 89 peratus menguasai produk halal ini di peringkat antarabangsa untuk eksport. Di peringkat dalam negara 70 peratus sedangkan orang Islam hanya 28 peratus. Jadi jurangnya amat ketara tetapi kita lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia apabila kita beri cadangan, maka mereka seolah-olah tidak nampak.

Apa yang saya hendak sebut di sini, kita semua di Dewan yang mulia ini kita membentangkan Akta Perihal Dagangan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri dulu iaitu Menteri KPDNKK yang dahulu iaitu Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob kerana telah menggubal semula, pada masa dulu ini yang mengeluarkan halal ada lebih kurang enam buah syarikat termasuk sendirian berhad. Maka digubal undang-undang diberi khas hanya satu saja, JAKIM saja yang mengeluarkan produk halal

tersebut, logo halal. Jadi kita lihat di sini kita semua bersetuju yang mengeluarkan logo halal hanyalah JAKIM sahaja dan begitu juga pihak-pihak lain yang ingin menidakkan JAKIM maka kita lihat bahawa sepatutnya perkara ini tidak boleh dibiarkan.

Maka kita beri pada JAKIM. Jadi maknanya selain daripada itu, pada masa tersebut produk maknanya dari segi Akta Perihal Dagangan, Menteri KPDNKK boleh juga memberi logo lain iaitu produk Muslim, produk Islam dan lain-lainnya di bawah KPDNKK. Kita lihat di sini, kita akui. Akan tetapi terdapat perbezaan di sini seperti mana saya katakan tadi di peringkat awal bahawa di antara orang Islam melihat logo halal ini di antara dosa dan pahala. Jadi tidak dapat perbezaan. Cuma baru-baru ini sesetengah pihak meminta bahawa JAKIM keluarkan logo halal tetapi selepas itu, maka ada perbezaan di antara mereka yang bukan Islam yang mengusahakan produk halal ini dan mereka yang bukan Islam, bukan Islam dan Islam. Maka terdapat logo tambahan supaya kita tidak keliru.

Akan tetapi ada pihak yang mengatakan ianya keliru. Apa kelirunya, perbezaannya? Pertama sekali, orang yang mengeluarkan logo halal ini bayar zakat, yang Islamnya bayar zakat, yang bukan Islamnya tidak bayar zakat. Ini perbezaannya. Dari segi ekonomi Islamnya ini adalah tidak baik. Jadi di luar negeri, kalaulah kebanyakannya logo halal ini bukan Islam, kita lihat bahawa sesetengah orang yang betul-betul ingin melihat yang makanan itu tidak terlibat dengan syubhah, maka mereka mempertikaikan. Jadi di antara perbezaannya, yang ini bersih sahaja, makna halal bukan Islam bersih tetapi halalnya Islam ini adalah bersih lagi suci. Yang antaranya kadang-kadang bersih ini bermakna kita tidak selawat. Yang Islam ini halal dia selawat. Yang ini cara pergi ke tandas, bilik air pun lain. Pakai *tissue paper*, surat khabar, ini lain basuh.

Di antaranya juga dari segi halal ini kita lihat perbezaan. Perbezaannya di antara orang Islam dengan bukan Islam, logo halal ini. Terdapat banyak lagi perbezaan yang kita boleh ceritakan di sini tetapi ini makanya mereka ini yang contohnya menghafal Al-Quran, sekolah tahfiz dan sebagainya. Mereka tidak mahu logo halal ini, mereka tidak tahu siapa keluarkan logo halal ini. Ini tidak mengganggu yang bukan Islam kerana yang bukan Islam ini besar perniagaannya tetapi yang Islam ini lihat bahawa sebilangan kecil sahaja yang ingin melihat bahawa produk halal yang adanya logo Muslim ini, mereka tidak rasa waswas dan tidak terlibat dengan syubhah. Ini adalah perkara-perkara pertama yang saya perlu terangkan.

Keduanya, kerajaan mengeluarkan beratus juta ringgit membantu contohnya pertama sekali agensi-agensinya kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya. Kita bagi bantuan geran contohnya RM20,000. Kebajikan masyarakat ada

400,000 usahawan dan kebanyakannya terdiri daripada orang Islam. Mereka ini sukar mendapatkan logo halal kerana syarat-syarat yang ditetapkan itu amat menyukarkan. Contoh, kalaulah kita pergi ke Terengganu. Daripada Cherating hendak pergi Kuala Terengganu, banyak keropok lekor, semuanya tidak ada logo.

Begitu juga produk-produk di kampung, kerepek pisang, kerepek ubi dan berbagai-bagai produk lagi yang tidak ada logo. Apa-apa logo kerana tidak dibenarkan letak logo, kerana tidak mendapat produk halal ataupun kebenaran daripada JAKIM. Kerajaan rugi beratus juta kerana mereka ini mempunyai cap untuk kita pasarkan ke kawasan-kawasan tertentu ataupun ke luar negara. Jadi kita minta hanyalah kalau boleh umat Islam ini minta, bahawa usahawan-usahawan kecil ini terdapat cap produk Muslim sahaja ataupun produk orang Islam. Ini pun kena minta daripada KPDNKK, bukan daripada JAKIM.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Tentang logo halal itu tujuannya ialah untuk menyatakan bahawa produk itu adalah halal untuk orang Islam. Produk ini sebenarnya tidak semestinya dibuat oleh Islam, jadi orang Islam kena faham bahawa tidak semestinya apabila logo itu halal bahawa ia dibuat oleh orang Islam. Saya amat menyokong kalau ada satu lagi logo sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Padang Besar yang disahkan sama ada oleh JAKIM sendiri atau oleh KPDNKK bahawa ini adalah produk Muslim, maknanya produk orang Muslim, maknanya satu lagi logo. Apa pendapat Yang Berhormat Padang Besar? Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Padang Besar, mohon mencelah.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Ya, masa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan halal ini, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Besar berkenaan dengan perlu ada satu logo berkenaan dengan produk Muslim halal. Cuma logo halal JAKIM itu bukan hanya untuk produk yang halal tetapi ianya *halalan toyyiban*. Jadi ada juga produk Muslim yang tidak bersih, tidak suci. Jadi saya rasa kita tidak harus terkeliru dengan perkara itu. Jadi *when the product is Muslim and* halal tidak semesti ianya suci. Jadi saya rasa kita harus lihat *both factors*. Terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Ya terima kasih. Ia macam ini, sebab itu saya katakan tadi okey kita keluarkan halal ini, JAKIM keluarkan logo halal. JAKIM keluarkan logo halal, itu kita tidak boleh pertikai. Undang-undang hanya

membenarkan JAKIM sahaja mengeluarkan logo halal tetapi setelah keluar logo halal JAKIM ini, kita ada satu lagi logo iaitu produk Muslim, bermakna dua produk ataupun produk halal Muslim. Ia berbeza contohnya seperti yang dikatakan tadi.

Satu lagi berkenaan dengan produk orang Islam. Produk orang Islam yang kita yakin bahawa ini bersih tetapi sukar mendapatkan logo halal. Maka kita minta diletakkan logo Muslim sahaja, bukan susah pun sebab ini di bawah kebenaran KPDKK. Jadi maknanya letakkan logo produk Muslim sebab contohnya MARA, usahawan MARA banyak dan MARA mempunyai alat dipanggil INTEM. INTEM ini ialah Inkubator Teknologi Makanan. Ia boleh *check* bersih, ada kandungan- semua ada, MARA ada, JAKIM tidak ada. Takkan kita nak minta produk Muslim kerana kita habiskan jutaan ringgit contohnya saya baca tadi tentang bantuan bumiputera tetapi tidak ada logo, halal pun tidak ada, susah.

Baru-baru ini ada satu kumpulan bekas Arqam yang menjalankan perniagaan, membuat produk santan, pembungkusan santan dua tahun tidak dapat halal. Santan yang buat itu semua ustaz, produk ini ramai ustaz berkumpul, membuat meniaga dan ustaz ini pun pergi jumpa ustaz JAKIM, kenapalah hampir dua tahun tidak dapat halal ini. Maka sukar kita faham. Bukan kita nak marah JAKIM, kita faham. Pertama sekali contohnya kena ada kilang. Yang Berhormat kalau buat, kata produk orang kampung, ibu tunggal nak buat produk, kata pes rendang asam, okey minta satu dapat halal. Lepas itu kalau hendak buat rendang tok, kena minta sekali lagi. Lepas itu kalau ada satu *statement* tidak cukup, tidak boleh dapat. Contohnya amat sukar, kita faham standardnya sukar.

Akan tetapi di luar negara ini orang dah pertikaikan. Kebanyakan negara Islam dah pertikai bahawa kebanyakan syarikat halal yang terdapat di Malaysia ini adalah bukan Islam dan masing-masing negeri nak buat logo halal sendiri. Jadi sebab itu saya katakan di sini, kita hendak kekalkan benda ini dan kita nak rapatkan jurang. Jadi inilah beberapa perkara yang perlu kita sampaikan bahawa kadang-kadang ayat kena faham. Apa rungutan di bawah supaya duit kerajaan itu tidak bazir. Contohnya ibu tunggal dapat RM20,000 syarat nak dapat halal kena ada satu kilang. Takkan RM20,000 nak buat kilang, nak bayar *down payment* kilang pun sudah RM10,000. Maka kita bagi geran RM20,000. Inilah perkara-perkara yang kadang-kadang kita nak rakyat faham dan apa yang kita suarakan oleh banyak pertubuhan Islam yang kita lihat baru-baru ini.

#### ■1750

Keduanya, saya minta tentang- ini kecil ya, tidaklah penting sangat. Allah, masa sudah habis sudah. Minta sedikit lagi tentang sijil vokasional ini. Kita

mengeluarkan banyak bajet. Sembilan kita hendak ubah IPG ini menjadi TVET. TVET ini penting tetapi saya minta maaf, TVET ini ada satu masalah sedikit.

Sekarang ini, contohnya kalau kita belajar kemahiran, kita pergi kolej kemahiran atau pun banyak institusi pengajian tinggi sampai kita belajar sijil, selepas itu dapat diploma, selepas dapat diploma tidak boleh pergi ijazah kerana Kementerian Pengajian Tinggi ataupun MPQ ini tidak benarkan kerana tidak ada SPM. Akan tetapi ada baru-baru ini Kolej MARA di bawah MARA atau universiti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat, gulung.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Ada universiti yang budak itu sudah belajar dua tahun kena tinggalkan pengajian kerana tidak ada SPM. Jadi kita mintalah Kementerian Pengajian Tinggi ini cuba perhatikan perkara ini supaya perkara ini tidak berlaku. Kadang-kadang kita hendak pergi TVET ini tetapi dari segi dekat bawah ini kita kena ada syarat SPM kena ada dan sebagainya. Akan tetapi kadang-kadang peringkat awal ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi berkenaan kita minta bahawa sekarang ini- tak mengapalah, saya sentuh sedikit hal Padang Besar.

Hal Padang Besar ini saya mintalah bahawa kita tengok bajet hari ini Padang Besar sudah diluluskan hospital. Walau bagaimanapun, bajet yang ada ini kita mintalah Hospital Padang Besar ini dapat dilaksanakan terus. Hari ini kita lihat walaupun hari ini sudah pun diluluskan bajet tetapi belum ada lagi. Akan tetapi kita terima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa mengekalkan bahawa Hospital Padang Besar ini akan dibuat.

Keduanya daripada segi pelancongan. Padang Besar hendak minta dua benda sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Hendak gulung ini. Dua benda sahaja. Satu lagi tentang pelancongan. Jadi, pelancongan ini bukan kita hendak bergantung kepada Kementerian Pelancongan sahaja tetapi kita hendak minta bahawa agensi-agensi lain seperti Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Belia dan Sukan dan banyak kementerian supaya daripada segi bajetnya untuk kita mempromosi pelancongan Padang Besar ini dapat kita memberi sedikit perhatian.

Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat seterusnya, saya ingin ingatkan kepada Ahli Yang

Berhormat bahawa sebab kita untuk menempatkan skrin di depan itu ialah supaya Ahli Yang Berhormat dapat nampak sendiri masa berlalu. Jadi apabila nanti berbahas, sebelum berbahas, tulis apa *point* yang hendak disebut. Kalau tidak mahu diganggu, jangan minta diganggu. Baca dengan cepat dan sedemikiannya supaya semua *point* dapat dikemukakan.

Sila Ahli Yang Berhormat seterusnya. Yang Berhormat Jelutong, sila.

### 5.52 ptg.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersyukur Jelutong sempat berbahas.

Pagi tadi sempat saya membaca satu *Tweet* daripada Yang Berhormat Kota Belud yang mengatakan tika dan saat ini seramai satu pertiga anggota Kabinet Malaysia berada di Beijing. Jadi, itulah sesuatu yang signifikan rasanya. Mengikut juga kenyataan yang dibuat oleh Duta Besar China ke Malaysia mengatakan lawatan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ke negara China adalah merupakan kali ketujuh lawatan rasmi. Jadi apakah motivasi bagi Perdana Menteri untuk mengunjungi negara China begitu kerap sekali?

Saya ingin mengutip daripada sebuah akhbar milikan Alibaba iaitu *South China Morning Post* yang telah mengatakan dengan izin, "*When Malaysian Prime Minister Najib Razak arrives in Beijing for a week-long visit, chief among his concerns will be to secure investment that can boost his country's flagging economy and also to help to pay for cash handouts and other incentives he has promised constituents. That is something many analysts see as his real motivation for the trip. However, the longer term implications of what appears to be a growing reliance on Chinese funding has some observers worried.*"

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kalaulah lawatan Yang Amat Berhormat kali ini dikatakan begitu penting, satu pertiga daripada anggota Kabinet juga turut mengiringinya, maka saya hendak tanya satu perkara yang paling menonjol sekali iaitu mengenai status *comprehensive strategy partnership* yang telah dikurniakan ke atas Malaysia oleh Presiden Xi Jinping pada bulan Oktober 2013. Kita tertanya-tanya apakah *quid pro quo* yang dinanti-nantikan oleh negara China. Kalau *quid pro quo* itu satu istilah yang susah difahami, maka kita boleh gunakan bahasa picisan *Utusan Malaysia*, '*Apa lagi lu mahu negara China?*' Maksudnya.

Saya ada tiga isu yang harus saya berbahas kali ini. Pertama mengenai kedaulatan ASEAN dan kedaulatan Malaysia. Wajib diperingatkan bahawa Deklarasi ASEAN 1971 sebagai satu zon damai, bebas dan berkecuali atau dalam bahasa

Inggerisnya, *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* atau ZOPFAN diisytiharkan di ibu kota kita di Kuala Lumpur. Maka, Malaysia mempunyai beban bersejarah untuk mempertahankan cita-cita negara serantau di Asia Tenggara supaya kita tetap pegang kepada konsep ZOPFAN dan kita tidak akan dijadikan hamba abdi dalam mana-mana percaturan politik oleh mana-mana hegemoni militer dan ekonomi atau, dengan izin, *military and economic hegemony* termasuk China dan juga Amerika Syarikat.

Akhir-akhir ini kita telah melihat sebahagian negara anggota ASEAN termasuk *Cambodia*, Laos dan Filipina begitu cenderung terhadap negara China yang menghulurkan pelbagai sedekah dan *economic bailout*, dengan izin, menerusi pelbagai bantuan pinjaman dan pembangunan infrastruktur. Sentimen terhutang budi yang sedemikian merupakan *quid pro quo* bagi negara China untuk menakluki rantau Asia Tenggara dan juga ASEAN.

Taktik China ini akan jadi lebih ligat dengan tertubuhnya *Asian Infrastructure Investment Bank* atau AIIB, untuk mencabar *World Bank*, IMF, ADB dan sebagainya kerana ada undang politik di sebalik batu, rasa saya. Saya minta Perdana Menteri memberi jaminan bahawa walau dalam apa jua keadaan pergolakan geopolitik antarabangsa yang berlaku, Malaysia tetap akan mempertahankan maruah dan juga kedaulatan bangsa kita dan tidak akan tergadai segala-gala kepentingan Malaysia terhadap negara China.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada sudut yang kedua mengenai pinjaman dan hutang. Malaysia dilaporkan akan meminjam sebanyak RM55 bilion dalam bentuk *soft loan* daripada negara China untuk membiayai projek *East Coast Rail Line* atau ECRL- projek ini telah diberikan kepada *China Communication Construction Company Ltd.* ataupun dengan nama singkatnya CCCC. Akan tetapi, pemberian projek ini dibuat tanpa sebarang tender antarabangsa dan tanpa sebarang laporan teknikal yang terperinci. Terma-terma pinjaman dan juga tempoh bayaran balik juga tidak dihebahkan.

Dengan adanya lain-lain bentuk pendanaan negara China yang telah dimeterai bagi projek-projek mega di Johor, di Melaka, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya minta Menteri Kewangan mengumumkan kepada Dewan Rakyat apakah jumlah besar pinjaman dan juga hutang Malaysia terhadap negara China setakat ini, baik menerusi *state own enterprises* ataupun syarikat-syarikat swasta negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus masuk ke sudut yang ketiga iaitu mengenai unsur *military* dan geopolitik di Asia Tenggara. Saya difahamkan bahawa Projek Naik Taraf Pelabuhan Tanjung Keling di Melaka juga telah diberikan kepada pengusaha negara China. Menurut cerita yang dibawa-bawa dalam kumpulan



*WhatsApp* telah dikatakan bahawa Projek Naik Taraf Pelabuhan Tanjung Keling di Melaka itu terdapat rombongan kontraktor daripada negara China yang terdiri daripada pegawai-pegawai Angkatan Tentera Negara China dan kerja-kerja awalan mereka telah pun bermula.

■1800

Saya minta Menteri Pertahanan menjawab di Dewan Rakyat ini sama ada pelabuhan Melaka ataupun Selat Melaka kerana kedudukan strategiknya akan dibangunkan dan dijadikan satu pangkalan tentera laut negara asing seperti negara China di Asia di kawasan ASEAN dan Asia Tenggara. Ini adalah memandangkan China telah ingkar untuk mengakuri terhadap perintah Mahkamah Antarabangsa pada bulan Julai tahun ini dalam kes *nine-dash line Republic of Philippines vs. People's Republic of China*. Sikap China ini menunjukkan pe'el, perangai satu *hegemony* yang boleh mengancam keamanan dan juga kestabilan geopolitik serantau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menimbulkan kesedaran bahawa ciri-ciri semula jadi pelabuhan lautan dalam ataupun, dengan izin, *the natural deep sea port* yang terdapat di Pelabuhan Kuantan juga sesuai dijadikan sebagai pangkalan kapal selam bagi negara China kalau ia inginkan begitu. Misalannya, kalau Pelabuhan Kuantan dijadikan juga sebagai pangkalan kapal selam dengan kedudukan strategiknya, maka ia begitu mudah akan dijadikan sebagai salah satu cabang bagi pangkalan negara China. Oleh kerana negara China telah pun mengambil alih Kepulauan Spratly di Laut China Selatan dan ia merupakan satu penaklukan tanpa restu antarabangsa. Saya minta Menteri Pertahanan membuat penjelasan mengenai hal ini supaya dapat bersama-sama kita mendukung konsep asal pertubuhan ASEAN iaitu sebagai satu zon damai, bebas dan juga berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk ke dalam isu yang banyak mendatangkan kesan negatif di kawasan saya di Jelutong. Bahawa sejak saya menjadi Ahli Parlimen kawasan Jelutong mulai tahun 2008, saya rasa tidak kurang daripada lima kali saya membuat rayuan, permohonan dalam Dewan ini supaya *allocation*, peruntukan yang telah- ada satu jumlah sebanyak RM150 juta itu yang asalnya dibawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu untuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang di kawasan Jelutong, dibawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, selepas itu ditunda ke Rancangan Malaysia Kesepuluh, apa pun tidak jadi. Selepas itu ditunda sekali lagi ke Rancangan Malaysia Kesebelas dan ia telah diperkembangkan dan nama Rancangan Tebatan Banjir itu tidak lagi dinamakan sebagai Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II, ia telah ditukarkan namanya.

Walau bagaimanapun, saya terbaca dalam dokumen-dokumen Bajet 2017 ini yang mengatakan sebanyak RM450 juta telah diperuntukkan untuk kegunaan Rancangan Tebatan Banjir untuk seluruh negara dan ini akan diselenggarakan menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya pohon kepada Menteri berkenaan, putera Santubong supaya perkara yang mendesak oleh sebab di Pulau Pinang pada minggu lepas telah berlaku banjir kilat walaupun ia hanya hujan turun selama tiga atau empat jam sahaja tetapi dengan himpunan air hujan yang begitu banyak, banyak tempat termasuk Jelutong telah ditenggelami air.

Jadi, saya rasa apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri pada tahun-tahun yang kita menunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan diturunkan ke kerajaan negeri, sementara menanti padi masak kita telah menggunakan tabung kerajaan negeri sebanyak RM5 juta untuk mengatasi kejadian banjir di kawasan Jelutong. Walau bagaimanapun, oleh sebab kita hanya sempat menggunakan sedemikian jumlah wang untuk mempertingkatkan kawasan di hilir tetapi banyak lagi kerja-kerja rancangan tebatan banjir itu harus dijalankan di hulu dan juga pertengahan aliran sungai...

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Jelutong...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Oleh yang demikian...

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Jelutong

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Oh...

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Mengenai isu ini. Saya juga mengikuti perkembangan isu ini sebab saya dimaklumkan bahawa sebab ada isu mahu menempatkan semula *squatters* di sekeliling tebing sungai, di mana ia adalah ia di bawah skop kerja Kerajaan Pulau Pinang dan ia baru diselesaikan pada tahun ini. Jadi, ia menyebabkan peruntukan terpaksa ditunda kepada Kerajaan Pulau Pinang.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya ambil maklum apa yang diutarakan dalam Dewan Rakyat ini. Walau bagaimanapun, oleh sebab kesuntukan masa, jadi saya akan akhiri ucapan perbahasan bajet saya dengan membuat rayuan sekali lagi supaya apa yang telah dikejarkan, sempatlah kita pulangkan kepada menemui kehendak-kehendak rakyat. Di mana segala cukai yang dipungut dan dimasukkan ke khazanah Kerajaan Pusat haruslah diturunkan kepada rakyat supaya rakyat tidak diseksa buat sentiasanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kota Tinggi.

**6.06 ptg.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca doa sepintas lalu agar ucapan perbincangan bajet ini memberi manfaat kepada semua pihak, *insya-Allah... [Membaca sepotong doa] 'Ya Rabbi, berilah keampunan kepada kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman terlebih dahulu sebelum kami dan janganlah Engkau membiarkan ada kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman. Ya Rabb kami sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang'*.

Saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil peluang dalam perbincangan Bajet 2017 dan saya ingin mengambil peluang untuk menyentuh beberapa perkara dalam bajet ini. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada- sebelum itu saya mengucapkan takziah kepada mangsa-mangsa kebakaran di Hospital Sultanah Aminah. Saya sebagai rakyat Johor merasa amat bangga dan bersyukur kerana kerjasama yang diberikan oleh rakyat Johor sewaktu kejadian itu berlaku. Tahniah kepada kerajaan kerana mengambil tindakan yang cepat untuk menangani isu-isu yang berlaku di HSA.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu bajet yang bagi saya amat baik yang boleh saya takrifkan sebagai bajet yang *inclusive*. Oleh kerana keseluruhannya bajet ini yang berjumlah RM262.8 bilion bukan sahaja dapat menepati fiskal defisit yang kita jajarkan iaitu kurang daripada 3 peratus dan *insya-Allah* kita akan ada bajet tiap-tiap tahun sehingga 2020 akan menjadi bajet berimbang yang tidak ada defisit iaitu kosong.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, bajet ini daripada segi sudut *inclusivity*, maknanya kita mengambil kira keperluan rakyat daripada B40, M40, T20 dan juga golongan sasaran yang begitu terkesan, yang *vulnerable* dan mungkin terkesan agak kuat bila berlaku perubahan ekonomi di seluruh dunia dan juga menangani kenaikan sara hidup rakyat.

Daripada RM260.8 bilion, selain dari RM2 bilion yang diuntukkan untuk *contingency plan*, saya dapati bahawa bajet ini keseluruhannya 37.6 peratus adalah perbelanjaan yang menjurus kepada perkhidmatan sosial atau kebajikan. Dalam perkhidmatan sosial ini, empat perkara yang berimpak besar ialah pendidikan dan latihan seperti biasa RM58.7 bilion ataupun 60 peratus daripada keseluruhan peruntukan untuk sosial. Kesihatan dan kependudukan RM25 bilion, kebajikan masyarakat RM5 bilion dan pembangunan kampung dan masyarakat RM2 bilion.

Keseluruhannya, RM91 bilion iaitu 93 peratus daripada peratus bajet. Ini menunjukkan bahawa bajet ini mengambil kira keperluan rakyat dan sesuai namanya rakyat *centric*. Di samping itu, dalam kita mensasarkan keperluan-keperluan rakyat secara menyeluruh, kita juga tidak terkecuali melihat kepentingan negara untuk berkembang. Itu sebabnya komponen yang ketiga terbesar selepas tanggungan iaitu hutang dan sebagainya ialah sektor ekonomi yang mana kerajaan membelanjakan RM42.351 bilion ataupun 60 peratus daripada keseluruhan untuk memastikan ekonomi kita mampan untuk tahun-tahun hadapan.

#### ■1810

Jadi janganlah bimbang sama ada kita mendapat pulangan autonomi yang baik tahun hadapan kerana apa yang kita bajet tahun ini akan dapat dicernakan, mencergaskan aktiviti untuk tahun hadapan. Ini bukan hanya satu anggaran atau unjuran yang tahun ke tahun tetapi kita sudah buat kerangka kerja selama berpuluh-puluh tahun, dan kita tidak lari daripada itu. Itu sebab saya rasa unjuran ini amat bertepatan dan dapat menjawab beberapa persoalan mengenai kemapanan ekonomi negara kita untuk tahun-tahun ke hadapan. Di samping itu, kita belanja untuk sosial yang keduanya perkembangan ekonomi, dan ketiganya ialah keselamatan. Keselamatan salah satu aspek yang amat penting khususnya akhir-akhir ini. Itu sebab keselamatan mendapat peratusan yang besar berjumlah RM29.9 bilion.

Ini menunjukkan bahawa kita meletakkan kewangan kita pada tahap-tahap yang sewajarnya untuk memastikan kita berada dalam keadaan yang selamat. Di samping itu, *despite*. atau banyak tohmahan mengatakan perbelanjaan begitu banyak untuk pentadbiran. Sebenarnya perbelanjaan untuk pentadbiran am hanyalah lebih kurang 5.3 peratus. Suatu angka yang kalau dilihat secara keseluruhan setiap RM100 kerajaan berbelanja, RM37.60 khas untuk sosial. Untuk ekonomi 16.2 peratus, dan untuk keselamatan 11.7 peratus. Jadi ini saya melihat satu bajet yang *inclusive* yang mengambil kira kemapanan ekonomi, penghuni ekonomi dan juga kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Di samping itu...

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, boleh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sila Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat lihat memang satu bajet yang cukup komprehensif yang dibentangkan oleh kerajaan, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita lihat

Kerajaan DAP Pulau Pinang, kita lihat Perbelanjaan Mengurus mereka pada tahun 2008 sebanyak RM283 juta tetapi dalam tempoh sepanjang 8 tahun ini sudah naik berkali-kali ganda sampai hampir RM1 bilion. Kita menerima pelbagai tuduhan tetapi apabila kita mempersoalkan mereka, mengapa naik mendadak sampai begitu tinggi, diam sahaja. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Itulah dia. Ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam masuk dalam ucapan saya.

Sebenarnya itulah dia pembangkang. Dia takut, dia tembak kita. Ini *diversion* ini memang biasalah itu, dan dia akan sentiasa mengalihkan pandangan mengatakan orang itu, padahal mereka yang sebenarnya pentadbir yang gagal. Bagi saya Penang dan Selangor *is a failed state*. Perkara-perkara yang *basic* pun tidak dapat dilakukan termasuk air, saya sebut sekali lagi Selangor dan Penang contoh *a failed state*, membuat pelaburan pembangunan di Selangor lari tempat lain. Penang pun ada macam-macam masalah. Banjir ini pun saya ingat sebab mungkin dia takkan- sebab RM1.5 juta, makna tak ada perancangan yang lain. Tak dirancang...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, saya rasa Pahang lagi teruk Yang Berhormat Kota Tinggi. Pahang *is more than a failed state*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini *floor* saya, itu kawasan *you*.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Boleh Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi saya hendak sebutlah saya juga hendak sebut unjuran kita untuk ekonomi yang baik berdasarkan asas-asas yang kukuh. Ada orang kata, tak nak pakai *Fitch*, tak nak pakai *Moody's*, tak nak pakai *Standard and Poor's* dia hendak pakai *goalpost* lain. Hendak pakai petunjuk-petunjuk lain sebab pada hakikatnya petunjuk-petunjuk antarabangsa menunjukkan ekonomi kita begitu mapan. Contohnya *Fitch*, *Fitch* kita dapat *A minus*, tetapi Yang Berhormat Shah Alam kata *minus* itu maknanya negatif. Saya hendak beritahu, ada *BBB plus*, *BBB stable*, *BB positive*, *AA minus*, *AAA minus*. Jadi kalau itulah keangkuhannya, begitulah mentaliti mereka sebenarnya.

Tidak menerima hakikat bahawa penarafan ini akan memberi kita kekuatan untuk kita mendapatkan *loan* dan mendapat jumlah kewangan, *support* dan keyakinan pelabur, dan kalau keyakinan pelabur, saya rasa negara kita mendapat pelaburan yang besar dan bukan pelaburan kecil. Pelaburan besar ini menunjukkan keyakinan

rakyat, keyakinan pelabur antarabangsa sudah datang. Itu sebabnya negara kita mengunjurkan pendapatan dan ekonomi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 8 hari Bajet 2017 dibentangkan. Kami daripada Ahli-ahli Parlimen kerajaan dapat melihat pelbagai gelagat yang ditunjukkan oleh Ahli Parlimen daripada pembangkang. Semenjak hari pertama lagi mereka menunjukkan kerendahan akhlak mereka sehingga meninggalkan amanah sebagai Ahli Parlimen dengan keluar beramai-ramai semasa ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bukan setakat itu, kerendahan akhlak Ahli Parlimen pembangkang ini telah dibuktikan lagi apabila mahkamah telah memutuskan *MP Pandan* telah memfitnah syarikat NFC kena bayar RM200,000. Keceluparan mulut Yang Berhormat Pandan ini, hari ini seorang lagi, Yang Berhormat Shah Alam pun kena juga. Perbuatan tidak bermoral yang dilakukan berkali-kali oleh Ahli Parlimen pembangkang seperti tiada perbatasan dan telah membenarkan hadis yang bermaksud, *“Syaitan berkata, aku binasakan manusia dengan menggalakkan mereka melakukan dosa tetapi mereka akan mengusir aku dengan kalimah syahadah dan istighfar, setelah aku melihat keadaan itu, aku kuatkan hawa nafsu dalam diri mereka lalu mereka melakukan dosa tanpa memohon keampunan daripada dosa tersebut. Ini kerana mereka menyangka apa yang mereka lakukan itu adalah amalan yang baik”*.

Melalui maksud hadis itu telah memberikan pengajaran kepada kami kenapa Ahli Parlimen Bagan tidak serik-serik melakukan perkara yang tidak bermoral seperti memfitnah, melakukan provokasi, melanggar sumpah simpan rahsia, dan pelbagai lagi. Saya berdoa agar Yang Berhormat daripada kerajaan tidak termasuk dalam maksud hadis yang saya bacakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya ialah rakan-rakan sebelah sana- pembangkang dilihat sengaja membangkitkan isu 1MDB yang tidak berkaitan dengan perbahasan Bajet 2017. Tindakan mereka ini sengaja dibuat agar rakyat mengikuti perbahasan kali ini terus diprovokasi dengan maklumat yang salah berkenaan dengan 1MDB, supaya momentum perasaan benci rakyat terhadap kerajaan dan kepimpinan negara sentiasa dimarakkan.

Walaupun sebelum ini MP pembangkang tersebut telah mendapat pelbagai penerangan berkenaan 1MDB ketika berada di dalam kerajaan, saya ingat ada salah seorang pada rakan saya berkata, kita ikut *rules of law*, kita akan buat mengikut *due process*, dan rakan-rakan saya akan ikut *due process* tetapi sebaliknya mereka menuduh, memprovokasi tanpa bukti yang nyata. Tanpa pembuktian yang hakiki. Isu 1MDB menjadi satu isu yang sangat diperkatakan apabila mempunyai masalah aliran

tunai dalam melunaskan hutang. Satu masalah yang biasa dihadapi oleh syarikat korporat pada masa ini. Syarikat pelaburan negara Singapura itu Temasek Holding diketuai oleh isteri PM Singapura juga menghadapi masalah sehingga mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM73 bilion pada tahun lepas. Bayangkan ini jika berlaku di Malaysia? Akan tetapi satu pun tak disebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik serangan ke atas 1MDB oleh beberapa pihak dalam Parlimen dan di luar, termasuk membabitkan mantan MB Kedah yang merupakan anak mantan PM Malaysia, mereka memilih untuk menikus apabila bekas pegawai khas anak mantan PM Malaysia telah memberikan kenyataan terbuka bahawa anak mantan PM Malaysia tersebut didakwa mengetahui ada usaha mensabotaj bagi menggagalkan penglibatan IPO yang akhirnya mempengaruhi aliran tunai syarikat 1MDB. Jika kenyataan yang dibuat oleh pegawai khas anak mantan lah itu kenyataan yang semberono atau fitnah, maka kenapa sejak 31 Ogos 2016 ketika mula-mula tindakan tidak dibuat?

Sehingga hari ini tidak ada satu tindakan undang-undang dikenakan ke atas pegawai khas tersebut. Sikap berdiam diri anak mantan PM jelas menunjukkan kebenaran di sebalik kenyataan yang dibuat oleh pegawai khas. Sebenarnya sudah banyak pengakuan mengatakan ini sebagai satu sabotaj. Selain daripada itu, kumpulan pembangkang hanya memikirkan satu kebenaran jika kebenaran mereka memenuhi cita rasa mereka. Saya bawakan contoh pihak pembangkang dan beberapa orang individu yang membangkitkan isu 1MDB dalam Parlimen sama sekali tidak berani menjadikan kenyataan Timbalan Pengerusi PAC, MP Kepong, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw sebagai satu asas baru 1MDB tidak hilang malah RM2.2 bilion pula bukan diambil oleh 1MDB. Malah melalui hasil siasatan PAC, kenyataan yang dibuat oleh MP Kepong dilihat menyokong kenyataan awal yang dibuat oleh Peguam Switzerland pada Februari 2016 bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib tidak terlibat dalam beberapa isu 1MDB.

Malangnya, biar pun banyak kebenaran yang terzahir dalam siasatan yang dibuat PAC kita ada, dan sebagainya, pihak pembangkang masih tidak mahu menerima kebenaran di depan mata mereka. Bagi mereka sesuatu kebenaran hanya mempunyai nilai jika Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bersalah. Biarpun tidak ada bukti kukuh atas kebenaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kelihatan satu sindrom menggunakan slogan, berani kerana benar, begitu popular. Kelihatan beberapa orang individu terpesona dengan keindahan nafsu dunia sementara. Lalu mereka mengeksploitasikan agama dari sudut salah, bagi membenarkan perbuatan mereka. Tindakan mengungkit

sesuatu keputusan setelah lafaz sumpah semasa kita dilantik sebagai Menteri Kabinet tidak lagi diamalkan apabila tidak mempunyai jawatan di dalam kerajaan.

Tindakan mereka ini boleh siasat di bawah Akta Hasutan- Peraturan Mesyuarat 36(12). Tuan Yang di-Pertua, kita wajar mengambil iktibar daripada kisah peperangan Uhud. Sebelum peperangan tersebut berlaku, Baginda Rasulullah SAW, telah bermesyuarat terlebih dahulu dengan para sahabat berkenaan di mana sepatutnya peperangan tersebut dilakukan. Setelah mesyuarat dijalankan, keputusan yang diperolehi amat bertentangan dengan kehendak Baginda Rasulullah Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, Baginda tetap berpegang dengan hasil mesyuarat yang diputuskan. Akhirnya semua tahu setelah peperangan berakhir, pihak Islam telah mengalami kerugian yang besar disebabkan ramai di antara sahabat-sahabat yang terkorban mati syahid di mana 70 lebih orang mati syahid termasuk Sayidina Hamzah. Malah Baginda sendiri mengalami kecederaan.

Apa yang kita bangga, Baginda Rasulullah langsung tidak pernah menjadikan slogan, berani kerana benar itu, untuk mengungkit hasil keputusan mesyuarat yang dibuat bagi menunjukkan sikap pembangkang yang tidak berpuas hati di dalam apa yang diputuskan sehingga ia menyebabkan ramai sahabat Baginda mati dan mendatangkan kejayaan kepada Baginda. Inilah sifat Rasulullah. Kita bercakap fasal agama, fasal perjuangan, ikut sunah Nabi.

Inilah cara dia, kisah ini menunjukkan sikap bertanggungjawab Ahli Majlis yang sepatutnya kita contohi. Hikmah daripada situasi ini ialah sikap yang bertanggungjawab Ahli Mesyuarat dengan tidak membangkitkan apa-apa yang dibincangkan dalam mesyuarat, dapat mengelakkan fitnah- jadi dibangkitkan sehingga mampu menyebabkan berlaku salah faham yang meruncing di kalangan rakyat, dan akhirnya mendatangkan sikap saling benci-membenci di antara rakyat kerana persepsi berbeza-beza dalam diri rakyat.

Akan tetapi di sebalik hal ini, inilah yang didambakan oleh pihak sebelah sana, suka mem*provoke*, bercerita bukan-bukan- *half truth* dan akhirnya cuba mewujudkan rasa tidak selesa rakyat kepada kerajaan.

#### ▪ 1820

Tuan Yang di-Pertua, jika ada antara sebelah sana para ahli pembangkang yang masih terbuai dengan tipu daya dalam usaha menjatuhkan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai pemimpin, saya yakin tidak salah saya berkongsi hadis yang bermaksud, *"Tiga jenis golongan yang Allah SWT tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, tidak melihat mereka pada hari kiamat dan tidak membersihkan dosa mereka pada hari kiamat dan mereka akan menerima azab yang*



*pedih iaitu seseorang yang mengaku setia kepada pemimpin. Dia berbuat demikian kerana keduniaan, jika diberi, dia menunaikan kesetiaannya tetapi jika tidak diberi, dia menderhaka”.*

Pembangkang bukan sahaja berusaha menjatuhkan Dato’ Sri Mohd. Najib melalui deklarasinya, ia juga berlaku apabila jika ada Ahli Parlimen mengkhianati sumpah simpan rahsia sehingga membangkitkan fitnah, sehingga menimbulkan kebencian terhadap pemimpin, itu termasuk dalam maksud penderhakaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang saya hendak masuk ialah mengenai bajet. Seperti kita tahu pembangkang yang rendah ini, yang tidak bermoral, mereka hanya mengatakan bajet ini- mereka menghina bajet ini mengatakan bajet gula-gula dan pelbagai hinaan lain. Itu saya hendak kata, itu kepada mereka yang mempunyai ubun-ubun lembiklah dalam memberi khidmat walaupun ada di antara kita yang telah berusia. Apa yang saya ingin terangkan dan jelaskan di sini, bajet yang dibentangkan oleh Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah berjaya memenuhi asas UMNO dan BN, mempunyai semangat Gagasan 1Malaysia serta mempunyai ciri-ciri *maqasid syariah*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau boleh baca itu, sekali-sekala pandang di depan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Oh, dah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Skrin di sebelah kiri dan kanan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tutup. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun begitu, sebelum saya menghabiskan ucapan saya, saya ingin berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa sahaja bahawa kami Ahli Parlimen BN akan terus, kami akan terus tetap setia dengan Perdana Menteri kami iaitu Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Hinaan dedak dan pelbagai hinaan lain tidak langsung mengguris kami kerana perbuatan kami menyertai pemimpin bersumberkan dalil yang bermaksud, *“Wahai orang yang beriman, taati Allah, taatilah Rasul dan pemimpin dalam kalangan kamu”*. Walaupun begitu, ketaatan yang kami berikan kepada Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak tidak sesekali menggugurkan kewajipan kami untuk menegur beliau. Kaedah teguran kami kepada Dato’ Sri Mohd. Najib perlu berpandu kepada hadis bermaksud, *“Jika pemimpin ingin mendengar daripada kamu, datanglah ke rumahnya dan beritahu kepadanya apa yang kamu tahu. Jika dia terima, itu lebih baik tetapi jika tidak diterima, maka beredarlah kerana kamu bukanlah lebih tahu daripadanya”*.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa, bagi mewakili rakan-rakan saya di dalam Barisan Nasional, pihak kerajaan, kami sesekali tidak akan menggadaikan akhirat kami semata-mata untuk mengikuti perbuatan menegur pemimpin kami seperti amalan pemimpin pembangkang yang... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Beredar maknanya tinggalkan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Termasuk dalam ciri-ciri orang yang *Khawarij* iaitu orang-orang yang...

**Seorang Ahli:** Beredar tinggalkan Barisan Nasional, bukan tinggalkan rumah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** ...iaitu menegur secara keras dan terbuka dengan tujuan menjatuhkan maruah pemimpin Islam. Malah ciri *Khawarij* juga termasuk mereka yang suka memaki hamun, menyebarkan fitnah, menyebarkan aib yang belum terbukti. Walau bagaimana pun, mereka ini berlembut dengan pemimpin-pemimpin lain yang melakukan kesalahan akan tetapi satu kumpulan dengan mereka. Saya dengan ini menyokong bajet ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Subang, *take action*, saya mohon supaya *volume* ini, apabila sudah mahu dekat tempoh masa, perbesarkan sedikit. Saya sendiri tidak dengar.

**Seorang Ahli:** Saya pun tidak dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingatkan balik, *check* kalau berhujah, panjang sangat hujah itu, biar berhujah secara padat, pendekkan. Kalau tidak nanti, saya akan buat satu prosedur bahawa siapa yang menjangkau masa, ada penalti. Dalam jawatankuasa tidak boleh berhujah dan bertanya. Sila Yang Berhormat Subang.

#### **6.24 ptg.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam ucapan beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merujuk di perenggan 68 di mana dalam ucapan beliau, beliau berkata bajet ini digubal berpegang kepada lima prinsip dan falsafah kerajaan. Saya petik yang kelima sahaja.

Beliau menyebut, "*Maka dengan mentadbir Malaysia, kerajaan ini akan terus berpandukan pada falsafah Islami yang universal sifatnya, yakni wasatiyyah merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan. Ini bererti kita sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memperoleh yang terbaik bukan sederhana, selesa atau berpuas hati dengan*

*pencapaian ala kadar sahaja*”. Duka citanya saya terpaksa sebut di sini, saya menolak kenyataan ini sebagai satu kenyataan yang kosong dan tidak bermakna langsung. Kenapa saya sebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua?

Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sekarang ini tidak mempunyai kewibawaan lagi atau integriti untuk membentang bajet sebagai Menteri Kewangan lagi di negara kita. Sebab apa saya sebut itu? Sebab nama beliau, nama keluarga beliau termasuk isteri dan anak tiri beliau telah terbabit dalam skandal kewangan yang mungkin terbesar di sejarah Malaysia, yang digelar sebagai kes terbesar pengubahan wang haram atau dalam istilah bahasa Inggeris *money laundering*, yang sekarang disiasat di banyak negara di seluruh dunia.

Malangnya siasatan dimulakan di negara kita tetapi sekarang sudah senyap langsung tetapi secara aktif berlangsung di Amerika Syarikat, di Switzerland, Singapura, *United Kingdom*, Australia, Hong Kong dan banyak negara lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, penyiasatan bukan satu perkara yang seseorang itu telah berlaku salah dan sebagai peguam Yang Berhormat Subang harus...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya akan kemukakan butiran.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Until proven guilty, then somebody is innocent.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya akan kemukakan butiran. Memang, ini permulaan sahaja. Baru mula Tuan Yang di-Pertua dan saya harap itu tidak dianggap sebagai ambil masa sayalah. Saya akan bagi sebab masa singkat. Butiran ada, banyak butiran ada dan kalau kita perlu butiran, kita baca 136 muka surat dokumen yang difailkan oleh Department of Justice America. Masih ada butiran. Semua butiran ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih lagi saya- Yang Berhormat Subang, itu cuma keterangan-keterangan yang difailkan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi ada keputusan tuntas bahawa yang berkenaan itu adalah bersalah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, tetapi butiran itu terperinci dan *credible*. Itu maksud saya dan perlu dijawab tetapi sampai sekarang kita tidak ada apa-apa jawapan. Jadi biar saya teruskan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tanpa *interruption*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, okey? Baik. Saya kata tadi siasatan berlangsung di beberapa buah negara. Singapura telah umumkan siasatan berkaitan dengan kesalahan pengubahan wang haram. Dua buah cawangan bank telah ditutup dan tiga orang pegawai bank telah ditangkap, disiasat dan didakwa di mahkamah dan sebagainya. Tindakan yang tegas telah diambil untuk menjaga reputasi negara mereka atau imej sistem kewangan mereka.

Kita perlu ingat Tuan Yang di-Pertua, kesalahan pengubahan wang ini melibatkan dua unsur yang sangat penting. Pertama, wang yang terlibat itu ialah wang haram. Maksudnya wang itu mesti dicuri atau diterima daripada aktiviti yang haram macam berjudi kah, penyeludupan kah, rompakan macam itu, jual dadah dan sebagainya. Wang itu haram.

Kedua, unsur yang kedua ialah wang itu dibawa masuk ke dalam sistem kewangan ke sesebuah negara. Itulah kesalahan itu. Oleh sebab itu apabila Singapura mengambil tindakan, apabila Switzerland mengambil tindakan, apabila Amerika Syarikat ambil tindakan, mereka sudah siasat dan mereka puas hati wang itu adalah haram, daripada satu punca yang haram. Maksud dia istilah yang digunakan oleh mereka ialah wang ini dicuri. Dicuri, jadi maksudnya inilah wang rakyat yang dicuri. Wang rakyat Malaysia yang dicuri. Akan tetapi kenapa mereka prihatin dan ambil tindakan sebab wang itu dibawa ke dalam sistem kewangan mereka.

Jadi Switzerland telah siasat, dan Switzerland telah baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya petik daripada kenyataan terbaru- Peguam Negara Switzerland, ini bukan orang biasa. Peguam Negara yang cakap.

■1830

Saya baca dalam bahasa Inggeris dengan izin, *“Investigations have revealed that substantial amounts were misappropriated from the SRC sovereign fund and that fraud was committed based on a form of ‘Ponzi’ scheme”*. So, mereka sudah buat siasatan, inilah dapatan mereka. Akan tetapi di Malaysia semua sunyi, tidak ada apa-apa yang disebut oleh Peguam Negara, Ketua Polis Negara, SPRM pun sudah senyap. Saya teruskan kenyataan daripada Peguam Negara Switzerland dalam bahasa Inggeris dia kata, *“On analyzing the evidence obtained...”* Dia rujuk pada keterangan, bukti *“The Office of the Attorney General (OAG) identified further suspect transactions involving the Swiss financial sector. Firstly, the sum of USD800 million appears to have been misappropriated from investments in natural resources made by the SRC sovereign fund. Secondly, it is suspected that a ‘Ponzi’ scheme fraud (i.e. paying the returns on initial investments from funds obtained from subsequent*

*investors rather than from legitimate revenue from the investments) was committed to conceal the misappropriations from both the SRC fund and from 1MDB."*

Jadi, inilah dapatan mereka Tuan Yang di-Pertua, USD800 juta, hampir RM4 bilion telah diselewengkan daripada dana SRC. Mereka gunakan istilah '*Ponzi*' scheme, inilah istilah yang sangat serius, bermaksud memang duit- kita tahu ada banyak skim '*Ponzi*' di Malaysia juga yang telah disiasat oleh pihak polis dan ada dakwaan di mahkamah. Akan tetapi dengan '*Ponzi*' scheme ini, tiada apa-apa tindakan langsung.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berkata ini, kita bukan bertindak atas satu alasan atau tanpa alasan. Saya telah membuat teguran saya atau hujah saya berdasarkan butiran semua ini. Baik. So, Switzerland sudah buat siasatan dan di Amerika Syarikat pun kita ada siasatan dan sekarang tindakan di mahkamah yang telah diambil.

Apa gambaran kita dapat Tuan Yang di-Pertua, daripada semua siasatan ini berkaitan dengan 1MDB dan juga SRC? Kita kena ingat juga mereka menyiasat bukan kehilangan duit mereka atau dana mereka. Bukan duit rakyat Switzerland yang hilang, bukan duit rakyat Singapura yang hilang, bukan duit rakyat Amerika yang hilang, duit rakyat Malaysia yang dicuri. Akan tetapi di Malaysia langsung tiada apa-apa tindakan sekarang. Inilah teguran saya dan asas saya berkata di Dewan yang mulia ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada kewibawaan lagi untuk menduduki jawatan itu dan juga jawatan Menteri Kewangan sebab nama beliau telah dibabitkan. Nama beliau telah disebut sebagai *Malaysian Official 1* atau MO1, dan Ahli Parlimen Kota Belud sudah sebut secara umum, hanya seorang yang bodoh sahaja yang tidak akan tahu siapa MO1. Itu jelas kepada semua. Nama anak tiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun disebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hati-hatilah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, betul. Saya ada petua dengan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya ada di sini, saya tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ruang yang dibenarkan. Baik, poin saya Tuan Yang di-Pertua ialah di seluruh dunia, siasatan adalah aktif dan tindakan yang tegas telah diambil di beberapa buah negara lain, tetapi di negara kita semua senyap. Kita

tidak melihat apa-apa tindakan daripada PDRM. Mula-mula kita melihat tindakan daripada SPRM tetapi SPRM pun telah disenyapkan, telah disenyapkan dengan pertukaran pegawai tertinggi nombor satu dan dua, pihak Bank Negara pun telah disenyapkan dan Peguam Negara telah dipecat dahulu dan yang baru telah juga mengambil tindakan hanya untuk melindungi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Inilah kedudukan di negara kita sekarang.

Pada masa yang sama, keterangan terus terbongkar dan apa yang terbaru yang berlaku adalah sangat serius berkaitan dengan dana SRC. Sudah diketahui umum dakwaan bahawa RM42 juta telah disalurkan daripada dana SRC kepada akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Akan tetapi kita tahu Peguam Negara Malaysia telah mengambil keputusan tidak buat apa-apa dakwaan dan beliau kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melakukan apa-apa kesalahan sebab dia tidak tahu duit itu sudah sampai dalam akaun beliau, satu.

Kedua, dia mungkin keliru duit dengan duit RM2.6 bilion yang kononnya disumbangkan atau *donated* oleh seorang Putera Saudi.

Sekarang apabila kita teliti dokumen di Amerika Syarikat, seluruh muka surat ada 136 muka surat itu adalah jelas daripada dokumen itu cerita tentang Putera Saudi ini satu pembohongan. Tidak ada satu orang putera...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you are getting to the DOJ* Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya. *Because this is fakta- because* tadi Yang Berhormat Kota Tinggi sudah berhujah *detail*. Dia kata ini semua fitnah. Kita kata bukan fitnah, kita ada *details* ini.

Duit RM2.6 bilion itu datang daripada *Tanore Finance Corporation* yang dikawal oleh rakan karib kepada Jho Low. Itu terang, semua fakta ada. Nama dia Tan Kim Loong, Eric Tan nama ringkasan. Jadi cerita Putera Saudi ini memang satu rekaan. Jadi duit itu memang sampai dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebahagian...

**Seorang Ahli:** Tidak dinafikan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak boleh dinafikan. Duit itu memang keluar balik tetapi yang isunya tidak kena-mengena dengan Putera Saudi ini.

Akan tetapi, isu yang saya ingin bangkitkan sekarang selain daripada duit RM42 juta ini, baru ada kebongkaran ini bahawa USD170 juta, maksudnya lebih kurang macam hampir RM700 juta, jumlah yang sangat besar. Ini pun, duit ini telah dipindahkan daripada akaun tempatan SRC di sini di Malaysia ke akaun syarikat SRC di sebuah Bank Swiss bernama Julius Baer di cawangan Hong Kong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *sub judice on DOJ* Yang Berhormat. *Sub judice on DOJ*, maknanya tidak boleh.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selepas itu dipindahkan- *this is nothing to do with DOJ. I can tell you, I can prove it to you. This is nothing to do, this is SRC.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi sebahagian daripada keterangan dalam DOJ Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini SRC. *This is not 1MDB money, this is SRC money from the-* daripada RM4 bilion yang dipinjamkan oleh SRC daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) yang sekarang dalam kedudukan terjejas kedudukan kewangannya. Oleh sebab RM4 bilion sudah keluar yang mungkin tidak boleh bayar balik. Mana duit ini pergi, ini yang saya hendak terangkan. Kita ada bukti, ini yang *details* yang disebut. Ini bukan tuduhan kosong, ini tuduhan yang terperinci.

Duit RM700 juta dipindahkan daripada akaun SRC di sini *as account* mereka di Hong Kong di dalam Swiss Bank bernama Julius Baer. Daripada itu dipindahkan ke sebuah syarikat bernama- ini yang saya hendak sebut, nama syarikat ialah *Blackstone Asia Real Estate Partners* dan yang dikawal oleh seorang kawan karib kepada Jho Low. Nama itu muncul sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, perhatikan nama ini. Nama "*Blackstone*" digunakan untuk menyamar sebagai sebuah syarikat. Syarikat memang ada sebuah syarikat besar bernama Blackstone tetapi ia pindah ke dalam syarikat *Blackstone* ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selepas itu dipindahkan kepada akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di akaun Ambank di Kuala Lumpur, pada November 2012. So, semua ini ada. Sekarang kita tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Inilah sebabnya, kita kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah- nama dia telah terbabit dalam kecurian terbesar, skandal kewangan terbesar dalam sejarah Malaysia. Apa yang memalukan kita ialah Jemaah Kabinet, Jemaah Menteri kita, semua jadi bisu. Institusi kita sekarang telah tidak boleh ambil tindakan dan ini sekarang menjejaskan kedudukan rakyat Malaysia. Peruntukan untuk pendidikan, peruntukan untuk kesihatan, semua telah dikurangkan dalam bajet sekarang. Akan tetapi duit yang hilang sekarang jumlah ia sudah dikira oleh Tan Sri Ambrin Buang, Ketua Audit Negara kita USD7 bilion lebih kurang, tidak boleh *diaccount*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habis masa Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak boleh dinampak dalam akaun 1MDB.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, saya inilah alasan saya untuk berkata dan inilah alasan Ahli Parlimen Pembangkang telah keluar daripada Dewan hari itu sebab kita anggap Perdana Menteri tidak layak untuk membenteng apa-apa bajet di Dewan yang mulia ini dan saya memohon menolak bajet itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Merbok.

6.41 ptg.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya berucap pada 'pagi' ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Petang Yang Berhormat.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Petang ini, minta maaf. Bersabit tentang Bajet 2017 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tarikh 21 Oktober 2016 yang bertemakan, "*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Eksklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh*".

Bajet ini merupakan kesinambungan daripada 2016 yang telah dirancang rapi melalui Rancangan Malaysia Kesebelas. Di sini saya ingin berterima kasih kepada PM atau Perdana Menteri Dato' Sri Najib kerana telah meluluskan projek jambatan Semeling-Merbok yang dianggarkan sebanyak RM52 juta pada asasnya Jambatan Semeling dibina seperti laluan kedua bagi menampung jumlah pengangkutan dari Tanjung Dawai ke Tanjung Sungai Petani selain daripada laluan utama Bedong ke Sungai Petani.

Apabila berlakunya pembangunan pesat di sebelah Tanjung Dawai seperti MRSM, UiTM, sekolah-sekolah rendah dan menengah baru, kawasan perumahan baru dan wujudnya zon pelancongan Sungai Batu hingga ke Tanjung Dawai menyebabkan ramai mula berhijrah ke Tanjung Dawai yang mana kawasannya agak tenang dan jarak yang agak dekat dengan bandar Sungai Petani. Akibat daripada peningkatan penduduk ini, laluan alternatif iaitu Jambatan Semeling menjadi pilihan utama di Sungai Petani.



Selain daripada itu, iaitu projek pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat di Hospital Sultan Abdul Halim. Hospital Sultan Abdul Halim adalah sebuah hospital yang dibina bagi menggantikan Hospital Sungai Petani yang mana ia lebih besar dan mempunyai lebih kemudahan baru serta mempunyai lebih kakitangan berbanding hospital lama. Hospital ini mula beroperasi pada tujuh hari bulan 2007 dan sehingga 2014, terdapat sehingga 628 jumlah katil. Boleh dikatakan ia sebuah hospital yang bertaraf dengan hospital-hospital besar yang lain dengan teknologi yang canggih dan khidmat pakar yang ada menyebabkan ia menjadi tumpuan utama masyarakat di sekitar Sungai Petani dan juga masyarakat luar bandar yang berhampiran.

Akibat daripada peningkatan jumlah pengunjung yang mendapatkan perkhidmatan rawatan kecemasan, pelawat dan kakitangan di hospital ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas dan tempat letak kenderaan yang terhad telah menyebabkan ruang tempat letak kenderaan sesak. Pelawat terpaksa meletakkan kenderaan mereka di tempat letak kenderaan berbayar di luar hospital, tepi-tepi jalan utama dan laluan dalam hospital ini dilihat agak berbahaya kerana banyak terjadinya kes jenayah dan kecurian kenderaan.

Apa yang saya usul di sini merupakan salah satu solusi daripada mengurangkan kesesakan dengan membina sebuah tempat letak kenderaan bertingkat di tempat yang dilihat semakin meningkat. Dengan adanya pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat ini yang dapat menampung sebanyak 50 hingga 70 buah hospital untuk setiap tingkat.

Rata-rata pengundi di kawasan Parlimen Merbok merupakan petani dan nelayan. Keadaan harga getah sekarang yang di bawah paras RM200 amatlah memeritkan. Sebahagian besar mereka pula menoreh getah secara pawah iaitu di mana hasil pendapatan jualan getah dibahagi dua antara pemilik dan penoreh. Jika harga getah skrap di ladang pada harga RM120 maka penoreh hanya mendapat RM85 sahaja. Bagi 100 kilo getah, penoreh hanya mendapat bayaran upah sebanyak RM85 sahaja bagi hasil kerja tiga atau empat hari. Sedangkan keperluan harian mencecah RM200.

Dalam keadaan cuaca panas dan musim daun getah gugur susu getah yang mengalir selepas ditoreh amat sedikit. Faktor cuaca ini juga menyebabkan penoreh menjadi semakin hampir terhimpit. Kerajaan melalui agensi Lembaga Getah Malaysia ada menyalurkan bantuan subsidi harga getah melalui pembeli-pembeli pendaftar dengan Lembaga Pengarah Getah Malaysia. Hakikatnya wakil-wakil untuk membeli skrap dan pekebun-pekebun mereka juga tidak mengeluarkan resit daripada pihak Lembaga Getah, LGM. Penoreh-penoreh tidak dapat menuntut subsidi harga getah

kerana tidak mempunyai resit dan tidak mendaftar dengan lembaga pengarah melalui LGM.

Saya menyarankan agar pihak Lembaga Getah Malaysia dapat melihat isu ini dan mengadakan mekanisme yang lebih efisien, apa penoreh-penoreh yang tidak mendaftar dengan Lembaga Pengarah. Ini pun dapat menuntut subsidi harga getah Malaysia.

#### ■1850

Di kawasan saya juga di *Ambangan Heights* khususnya, memerlukan sekolah menengah yang baru kerana di kawasan ini sekolah hanya ditubuhkan sebuah sahaja dan juga merupakan sekolah yang mempunyai paling ramai murid di Kedah iaitu dianggarkan berjumlah seramai 3,000 orang. Dengan jumlah penduduk yang semakin hari semakin ramai, wajarlah penduduk di kawasan tersebut menerima sebuah sekolah menengah yang baru bagi menangani masalah sekolah yang padat dan juga dapat memberi keselesaan kepada rakyat.

Saya percaya bahawa kejayaan negara datang daripada pelajar-pelajar yang cemerlang. Selain itu, Sekolah Kebangsaan Bukit Selambau juga memerlukan peruntukan bagi membina bangunan yang baru kerana sekolah yang ada tidak cukup. Sudah banyak menteri di Kementerian Pendidikan berganti-ganti telah menjanjikan untuk membantu sekolah tersebut bermula daripada Datuk Seri Hishammuddin lagi. Jadi saya berharap Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir Khalid dapat memberi perhatian atas masalah ini daripada segi peruntukan membaik pulih dan membesarkan sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan nelayan Tanjung Dawai dibangunkan di atas tanah seluas 10.9 hektar membabitkan 100 unit rumah berkembar tiga buah bilik dengan kos keseluruhan RM48 juta yang menyasarkan pembangunan perumahan nelayan moden. Selain rumah-rumah, sebuah dewan serba guna, surau, tadika dan enam lot kedai turut dibina yang mana peruntukan terbabit akan menjadi penempatan semula nelayan di kawasan Tanjung Dawai. Jadi, pertama, kita kena ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana meluluskan peruntukan ini yang mana masalah persatuan nelayan kawasan ini dapat diselesaikan yang menghadapi masalah terbabit dengan kesalahan jenayah dan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan sebanyak RM5.3 juta ke Masjid Khariah Zon Kenanga dan Mawar di *Ambangan Heights* dan RM2 juta ke Masjid Sungai Lalang untuk membina balik masjid-masjid tersebut. Kelulusan sebanyak RM135,000 turut

diberikan untuk menampung kos tambahan bagi menurap semula jalan dan membina pagar di Masjid Batu Belacan, Bukit Selambau, Sungai Petani, Kedah.

Kesimpulannya, saya berharap agar kerajaan dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di kawasan Parlimen Merbok ini demi kesejahteraan rakyat bersama. Dengan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya harap dengan jumlah-jumlah peruntukan yang diberikan dapat disalurkan di kawasan Parlimen Merbok ini baik daripada segi pendidikan, sosial, ekonomi penduduk di kedua-dua DUN iaitu DUN Tanjung Dawai dan DUN Bukit Selambau.

Sekian, terima kasih. Dengan ini saya menyokong penuh bajet yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian. *Wassalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

#### **6.56 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih kerana memberi ruangan pada Batu Gajah untuk membahaskan Bajet 2017. Bagi saya, Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada 21 Oktober 2016 adalah umpama bunga dedap, sungguh merah, berbau tidak.

Masa hadapan Malaysia bergantung kepada keutuhan dan kekuatan ekonomi negara. Dalam bajet, Yang Berhormat Pekan menyebut bahawa bajet pertama pada tahun 1959 hanya berbekalkan peruntukan sebanyak RM888 juta hinggalah Bajet 2017 memperuntukkan sejumlah RM260.8 bilion. Saya mengaku ekonomi negara telah berkembang dalam tempoh 60 tahun yang lalu tetapi Yang Amat Berhormat Pekan juga harus sedar bahawa hutang negara juga telah bertambah berlipat kali ganda dalam tempoh yang sama terutamanya setelah Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri.

Sebagai contoh, sewaktu Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1990, hutang negara masih berada pada tahap yang rendah. Jumlah hutang negara adalah berjumlah RM99 bilion sahaja pada tahun 1991. Pada tahun 1998, jumlah itu hanya bertambah sedikit kepada RM103.7 bilion. Sewaktu Tun Mahathir dan Tun Daim Zainuddin menjadi Menteri Kewangan iaitu dalam tempoh tahun 1999 hingga 2003, hutang negara telah meningkat dari RM112.5 bilion kepada RM188.7 bilion. Kemudian pada zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi pula, hutang negara telah bertambah dari RM216.6 bilion kepada RM317.4 bilion iaitu dari tahun 2004 sehingga 2008.

Ketika Dato' Sri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, bacaan pada tahun 2009 hutang negara adalah berjumlah RM376.3 bilion. Hari ini Yang Amat Berhormat Pekan telah membuktikan rekod bahawa beliau Menteri Kewangan yang paling handal berhutang sejak kemerdekaan iaitu mencapai RM655.7 bilion pada tahun 2016. Ini tidak termasuk jaminan-jaminan hutang yang lain. Saya pasti beliau akan berjaya mencipta rekod terbaru pada tahun 2017. Dalam ucapan Bajet 2017 juga, Yang Amat Berhormat Pekan menegaskan bahawa keadaan ekonomi negara kita adalah stabil dan kekal berada di landasan positif. Adakah kenyataan ini benar? *"We are on the right track"*, katanya. Saya ingin membidas kenyataan ini.

Pertama sekali, penurunan harga minyak di pasaran dunia telah menggoncang ekonomi negara kita. Kita kehilangan pendapatan kira-kira RM30 bilion setahun. Penguncupan permintaan dunia untuk komoditi utama negara seperti getah dan kelapa sawit juga memberi tamparan kuat kepada ekonomi negara. Nilai mata wang yang tidak stabil juga memberi kesan yang amat negatif kepada perdagangan antarabangsa. Kenaikan harga barang yang begitu mendadak juga menguzurkan lagi keadaan ekonomi negara. Keadaan diburukkan lagi dengan cukai GST yang melampau. Ditambah pula dengan jumlah pengangguran rakyat negara kita yang telah mencecah setengah juta orang. Dijangka kadar pengangguran akan melonjak lebih tinggi iaitu 3.5 peratus pada tahun hadapan.

#### ■1900

Semua ini membuktikan ada kebenaran dalam kenyataan bahawa negara kita sedang dilanda ribut ekonomi. Kita harus mengaku bahawa negara kita berada di ambang krisis ekonomi. Oleh itu, saya yakin kebanggaan Yang Berhormat Pekan mengenai pertumbuhan KDNK pada purata enam peratus setahun selama hampir 60 tahun mungkin akan menjadi bahan sejarah tidak lama lagi. Kalau benar ekonomi negara kita baik, kenapakah terdapat penurunan dalam industri automotif negara? Persatuan Automotif Malaysia mendakwa jualan kenderaan jatuh 14.5 peratus separuh pertama tahun 2016.

Begitu juga jualan hartanah, juga telah menurun 20 peratus pada suku tahun 2016 mengakibatkan pasaran hartanah menjadi tidak menentu. Diandaikan sektor pembinaan juga mungkin menghadapi penguncupan pada tahun hadapan. Bank-bank tempatan juga menutup cawangan-cawangannya di merata negara. Selain daripada itu, bank-bank juga terlalu memilih dan mengehadkan pinjaman kepada mereka yang mampu sahaja. Hutang isi rumah telah mencapai 89.1 peratus daripada KDNK.

Keadaan ini amat menggerunkan tetapi Perdana Menteri pula dalam Bajet 2017 menggalakkan rakyat Malaysia terus menambahkan hutang isi rumah. Antaranya ialah pinjaman yang ditingkatkan untuk pembelian *smartphone*, motosikal dan rumah untuk penjawat awam. Saya berpendapat kerajaan harus berhati-hati dalam hal memberi pinjaman ini.

Saya pernah melihat dengan mata sendiri bahawa beberapa helai slip gaji anggota TLDM dari Lumut setelah ditolak segala bayaran balik pinjaman, akhirnya gaji yang tinggal untuk dibawa balik untuk keluarga hanyalah lebih kurang RM200 ke RM300 sebulan. Bagaimanakah kita boleh membiarkan keadaan seperti ini berlanjutan? Kasihan sungguh jika pendapatan boleh diguna menjadi sangat kecil. Apakah yang mereka akan buat? Bukankah ini akan merintis jalan kepada amalan rasuah di kalangan penjawat awam?

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita menghadapi suasana ekonomi yang semakin merudum, pelbagai aktiviti haram akan timbul di permukaan. Skim-skim cepat kaya akan mudah mempengaruhi orang ramai. Selain daripada itu, macam-macam bentuk pelaburan haram akan diperkenalkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Ramai juga akan mempercayai skim-skim atau pelaburan-pelaburan haram. Ini kerana keinginan untuk memperoleh keuntungan yang lumayan dalam tempoh yang singkat.

Kebelakangan ini, amalan melabur dalam pelbagai *forex* dan *bit coin* telah tersebar luas di kalangan rakyat kita. Saya ingin mengetahui pendirian kerajaan terhadap pelaburan-pelaburan yang memberikan pulangan yang amat tinggi seperti ini. Saya cukup bimbang, ramai yang melabur dalam skim-skim ini akan membakar tangan. Saya juga ingin mengetahui apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung skim-skim cepat kaya dan pelaburan haram ini supaya tidak menjadi parah. Setakat ini, usaha-usaha yang diambil untuk memberhentikan kegiatan ini adalah bagai daun keladi dimandikan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima beberapa aduan daripada pesakit-pesakit buah pinggang yang baru bahawa mereka tidak mendapat rawatan dialisis di Hospital Batu Gajah dan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. Kedua-dua hospital berkenaan menghadapi kekurangan mesin hemodialisis bagi merawat pesakit yang sedia ada. Ini menyebabkan pesakit-pesakit baru terpaksa diletakkan dalam senarai tunggu. Mesin-mesin hemodialisis yang sedia ada sedang digunakan secara optimum.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya kedua-dua hospital tersebut dibekalkan dengan mesin-mesin baru dengan segera. Seorang pesakit buah pinggang dianggarkan memerlukan lebih kurang empat jam rawatan dialisis sebanyak tiga kali

dalam seminggu. Oleh sebab bilangan pesakit buah pinggang semakin meningkat, keperluan untuk mesin hemodialisis dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan dengannya di hospital-hospital kerajaan haruslah ditambahkan.

Kementerian harus mempunyai perancangan yang teliti dalam menentukan keperluan mesin-mesin dialisis dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Ini adalah penting untuk memastikan pesakit-pesakit buah pinggang mendapat rawatan secara sepenuhnya di hospital-hospital kerajaan. Pesakit-pesakit buah pinggang memilih untuk mendapatkan rawatan membersihkan darah melalui mesin hemodialisis berbanding dengan kaedah-kaedah pembedahan memindah buah pinggang. Ini adalah kerana kosnya yang terlalu tinggi dan faktor-faktor yang lain.

Saya ingin menanyakan Menteri Kesihatan, jumlah pesakit buah pinggang di negara kita. Berapa antara mereka yang telah menjalani pemindahan buah pinggang dan berapakah yang menjalani rawatan dialisis di hospital-hospital kerajaan, hospital-hospital swasta dan pusat-pusat dialisis swasta? Saya difahamkan caj rawatan dialisis di hospital-hospital dan pusat-pusat dialisis swasta adalah di antara RM200 hingga RM400 untuk setiap kali pembersihan darah dilakukan. Ini bermakna kos rawatan yang perlu ditanggung oleh pesakit melebihi RM1,000 sebulan. Jumlah ini sangat besar dan pastinya tidak mampu dibayar oleh pesakit-pesakit yang miskin. Apakah nasib pesakit-pesakit miskin yang terpaksa bergantung pada hospital-hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan dialisis ini?

Oleh itu, apa rasional untuk kerajaan menggalakkan lebih banyak pusat hemodialisis swasta dibuka dengan menyediakan RM40 juta sebagai geran *one-off* RM200,000 untuk pembelian peralatan? Dan bagaimanakah rakyat miskin yang akan menikmati faedah ini? Jangan kita menggantung asap, mengukir langit. Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membina pusat-pusat dialisis kerajaan di luar hospital untuk memberi perkhidmatan rawatan dialisis kepada golongan miskin?

Apa faedah-faedah dan keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada pihak NGO kebajikan yang menjalankan pusat-pusat dialisis dengan caj yang berpatutan? Saya juga ingin mengetahui, berapakah kos rawatan yang ditanggung oleh kerajaan bagi seorang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di hospital kerajaan? Berapakah jumlah perbelanjaan Kementerian Kesihatan secara keseluruhannya setiap tahun untuk memberi perkhidmatan rawatan buah pinggang?

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pekan yang mentakrifkan OKU sebagai 'orang berkehebatan upaya' yang berjaya meninggikan Jalur Gemilang di sukan antarabangsa. Golongan OKU harus diberi perhatian yang khusus oleh kerajaan. Tidak memadai sekadar meluluskan peruntukan sebanyak

RM535 juta untuk menjaga kebajikan golongan ini. Saya rasa kecewa kerana GST hanya diketepikan untuk peralatan bantuan seperti kerusi roda dan kaki palsu. Barang-barang ini hanya dibeli sekali dan bertahan untuk jangka masa melebihi lima tahun.

Pengecualian GST untuk golongan OKU ini tidak termasuk bagi barang keperluan harian dan bekalan perubatan. Sebenarnya mereka amat memerlukan bantuan untuk barangan cepat habis seperti beg kencing, lampin pakai buang dan ubat-ubatan. Saya pohon supaya pengecualian GST diperluaskan untuk barang-barang ini. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya bantuan kebajikan untuk golongan OKU juga dinaikkan daripada RM300 kepada RM500 memandangkan kos hidup golongan ini juga semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perhimpunan Agung MIC Ke-70, Perdana Menteri Yang Berhormat Pekan telah mengumumkan bahawa *blueprint* untuk kaum India akan dilancarkan pada bulan Januari 2017. "*Lembut gigi daripada lidah*". Pertama sekali, saya ingin mempersoalkan kejujuran Perdana Menteri melancarkan *blueprint* ini pada tahun hadapan. Kenapa tidak dibuat pada tahun 2014, 2015, 2016? Kenapakah tunggu sampai 2017? Sudah pasti kerana PRU Ke-14. Sekali lagi Perdana Menteri dengan bantuan parti MIC mencari helah untuk menipu masyarakat India dengan menaburkan pelbagai janji kosong yang akan ditaburkan melalui *blueprint* ini.

Saya tidak tahu apakah isi kandungan *blueprint* yang bakal dilancarkan. Tidak ada sebarang peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk *blueprint* berkenaan. Saya juga tidak nampak apa-apa peruntukan dalam Bajet 2017 untuk melaksanakan *blueprint* yang dicadangkan itu. Oleh yang demikian, daripada manakah peruntukan atau sumber kewangan yang akan diperoleh untuk melaksanakan *blueprint* tersebut?

Kalau tak salah saya, MIC pernah membuat satu *blueprint* pada tahun 1974. Apakah sudah terjadi kepada *blueprint* itu- sasaran dan objektifnya tercapai? Sebelum ini juga pernah ada pelbagai sandiwara seperti *Special Task Force*, Jawatankuasa Khas dan macam-macam. Apakah sudah jadi? Sekarang gimik baru dengan wajah baru, *blueprint* namanya. Sudahlah dengan nambikai, Yang Berhormat Pekan. Kalau kaum India sudah hilang kepercayaan dengan MIC dan Barisan Nasional, pelbagai skandal masih jernih dalam ingatan mereka. MAIKA Holdings, saham TNB dan Telekom, EIMS Universiti, MIED dan Yayasan Nam baru-baru ini. Dalam 60 tahun ini, Kerajaan Barisan Nasional dan MIC gagal meletakkan masyarakat India dalam kedudukan ekonomi yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, percayalah masalah sosial ekonomi yang dihadapi oleh kaum India yang menyebabkan sebilangan besar anak muda terlibat dalam aktiviti

kongsi gelap. Tambahan pula penglibatan dalam kes-kes jenayah juga semakin meningkat. Bilangan banduan daripada kalangan kaum India di penjara-penjara Malaysia juga melebihi proporsi kaum di negara ini. Bilangan orang yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan juga amat tinggi di kalangan kaum India. Semua ini berlaku kerana tidak ada program terancang dan peruntukan yang memadai untuk pembangunan sosioekonomi kaum India. Peruntukan sebanyak RM260 juta untuk kaum India hanyalah 0.1 peratus daripada jumlah Bajet 2017.

#### ■1910

Jumlah ini tidak memadai untuk mengubah nasib kaum India di negara ini. Saya cadangkan supaya sekurang-kurangnya RM5 bilion setahun diperuntukkan oleh kerajaan untuk membantu golongan minoriti yang terpinggir untuk 20 tahun akan datang. Ini akan menampakkan transformasi yang sebenar di kalangan mereka yang benar-benar memerlukan. Takkan kita tak berani memberikan 2 peratus daripada jumlah belanjawan tahunan untuk membangunkan sosioekonomi golongan minoriti yang terpinggir? Kaum India juga tidak diberi peluang yang mencukupi di sektor awam sehingga Jun 2016, hanya 4.04 peratus daripada kalangan kaum India diambil kerja dalam perkhidmatan awam.

Mengikut data yang ada, sehingga September 2016, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menerima 47,333 permohonan daripada kaum India. Daripada jumlah itu hanya 727 permohonan daripada kaum India diambil kerja berbanding dengan jumlah pengambilan sebanyak 14,089 orang. Saya menyarankan agar kerajaan lebih prihatin dalam mengambil lebih ramai pekerja di kalangan kaum India ke dalam sektor awam supaya sedikit sebanyak membantu mengurangkan masalah sosial ekonomi yang dihadapi oleh golongan tertindas ini. Saya tidak akan bersetuju dengan alasan bahawa kaum India kurang berminat atau tidak membuat permohonan kerja di sektor awam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom.

#### 7.11 mlm.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Yang pertamanya, sama-sama kita merafakkan rasa kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa, Yang Maha Pengasih kerana masih diizinkan dengan rahmat dan kurnia-Nya untuk kita meneruskan perjuangan, membawa suara serta perhatian rakyat ke dalam Dewan yang mulia ini.



Terima kasih juga kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam ucapan perbahasaan bajet pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kekerapan bertebaran terutama di media sosial oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mempengaruhi rakyat dengan pelbagai sangkaan dan tuduhan negatif yang mengatakan Malaysia akan bankrap disebabkan pengurusan kewangan negara yang tidak berhemah dan ketirisan perbelanjaan.

Cemuhan, kritikan, fitnah semuanya dilemparkan kepada kerajaan. Akan tetapi mereka sekali lagi gagal membuktikan tuduhan mereka kerana menerusi bajet pada tahun akan datang, tahun 2017 yang mana kerajaan memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM260.8 bilion telah membuktikan betapa kerajaan masih kukuh bertahan dan tegar melawan keadaan ekonomi dunia yang agak mencabar pada hari ini. Ini termasuklah dalam menghadapi kesan pengurangan hasil disebabkan penurunan harga minyak dunia yang merupakan salah satu hasil pendapatan negara kita.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kerajaan masih komited dalam membela dan membantu rakyat. Sekali lagi dalam bajet pada tahun akan datang ini, kita melihat satu bajet negara yang berpaksikan rakyat atau *people centric* dengan begitu banyak peruntukan yang memberikan manfaat kepada segenap lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai transformasi nasional 2050 atau TN 50, iaitu dasar baru bagi membentuk sebuah negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda cemerlang yang bakal kita capai. *Insyaa-Allah* Tuan Yang di-Pertua, 34 tahun lagi. Antaranya inti pati yang melibatkan kemajuan dan kemodenan negara serta kelestarian pembangunan negara. Jika melihat pada dasar kemodenan negara yang lama iaitu Wawasan 2020 yang sepatutnya dicapai pada empat tahun dari sekarang, kita sebenarnya masih belum mampu mencapainya lagi. Bukanlah dikatakan, kita masih mundur seperti Negara Dunia Ketiga lain, namun daripada aspek kemodenan yang menyeluruh kita belum mencapai tahap itu.

Pencapaian GDP per kapita Malaysia pada masa ini adalah lebih kurang USD10,000. Negara jiran kita iaitu Singapura pula mencatat GDP per kapita sebanyak USD53,000. Sebuah lagi negara yang boleh kita ambil contoh sebagai model kemodenan dan kemajuan iaitu Korea Selatan yang mana mencatat GDP per kapita sebanyak USD25,000.

Jika kita lihat pada tahun 1970, GDP per kapita Malaysia adalah sebanyak USD380 berbanding Korea Selatan yang hanya mencatat USD260. Namun selepas 40 tahun, Korea Selatan telah mencatat GDP per kapita yang menakjubkan dan jauh

lebih tinggi daripada negara kita. Ya, kita mungkin sedikit tertinggal berbanding mereka tetapi negara kita juga semakin membangun dan menunjukkan banyak kemajuan yang pesat. Bukannya semakin mundur. Tidak salah untuk kita belajar dan mencontohi negara yang lebih maju terutamanya dalam aspek yang memberikan kebaikan kepada pembangunan negara.

Menerusi perbandingan ini, analisa telah menyenaraikan beberapa faktor yang menyumbang kepada pencapaian Korea Selatan. Menerusi analisa ini, Malaysia boleh dijadikan sebagai contoh kepada penambahbaikan yang boleh dilakukan. Antaranya Tuan Yang di-Pertua, penekanan Korea Selatan terhadap pemupukan bakat melalui pembinaan institusi pendidikan. Penekanan kepada Sains, Teknologi dan Inovasi atau STI, memberi keutamaan bajet kepada penyelidikan dan perpindahan teknologi atau harta intelek ke pasaran dalam proses pengkomersialan.

Salah satu faktor pencapaian yang menyumbang kepada kemajuan Korea Selatan adalah mengkhusus kepada keutamaan bajet dalam bidang penyelidikan. Jika dilihat dari sudut ini, Singapura menunjukkan peruntukan yang agak tinggi iaitu Tuan Yang di-Pertua USD19 bilion yang mana peruntukan ini merupakan pelaburan penyelidikan dalam masa tempoh lima tahun. Ini merupakan nilai yang sangat tinggi dan tidak mustahillah mereka mampu menggerakkan negara mereka jauh ke persada dunia kerana mereka sanggup membelanjakan nilai yang tinggi bagi penyelidikan yang bertujuan membangunkan negara. Bukan saya mahu katakan kerajaan kita tidak sanggup membelanjakan lebih kepada penyelidikan. Kita tahu kerajaan menetapkan sesuatu peruntukan itu bersesuaian dengan kemampuan dan keperluan negara serta perlu mengambil kira pelbagai faktor dan juga kluster.

Namun begitu, saya ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan jika dapat kerajaan mengkaji semula keutamaan Bajet 2017 ini dengan melihat semula jumlah peruntukan bagi tujuan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, institusi penyelidikan sedia ada pula sangat bergantung kepada bajet yang diperuntukkan untuk menjalankan penyelidikan gunaan. Namun bajet yang diterima juga agak terhad dan mungkin tidak mencukupi jika mahu melakukan penyelidikan yang kritikal bagi tempoh jangka masa yang panjang dan komersial.

Sebagai contoh dalam industri *up stream* getah. Kita memerlukan inovasi teknik ataupun peralatan torehan bagi memastikan kita kekal menghasilkan bahan mentah getah asli secara berterusan dalam bentuk susu mahupun *latex*. Malaysia kini merupakan antara negara kelima yang menjadi pengeluar terbesar getah di dunia.

Daripada aspek pengeluaran pula telah meningkat sebanyak 4.1 peratus daripada 0.6 juta tan metrik pada tahun 2014 kepada 0.72 juta tan pada tahun 2015.

Produk getah Malaysia kini dieksport ke lebih daripada 190 buah negara di seluruh dunia. Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun kekal sebagai pasaran terbesar bagi produk getah Malaysia menyumbang kepada 40 peratus daripada jumlah eksport Malaysia bagi produk getah.

Pada suku tahun pertama tahun ini, 2016, pengeluaran getah asli Malaysia mencapai 0.9 juta tan. Sedikit penurunan berbanding 0.21 juta tan pada tempoh 2015. Namun begitu, eksport getah asli mencapai 280,200 tan pada suku tahun 2016 berbanding 279,800,000 pada tempoh yang sama. Eksport barangan getah dari Malaysia mencapai hampir RM18 bilion pada tahun 2015 dan kini kita juga berjaya mengekalkan kedudukan sebagai pembekal terkemuka di dunia bagi sarung tangan perubatan yang memenuhi lebih daripada 50 peratus permintaan dunia.

Dari sini kita dapat melihat betapa tingginya permintaan dunia terhadap getah Malaysia. Komoditi ini mencatatkan produktiviti yang positif. Oleh itu kita juga memerlukan lebih ramai pekerja bagi menoreh pokok getah dalam usaha meningkatkan lagi produktiviti. Saya difahamkan oleh pihak Lembaga Getah Malaysia sudah mempunyai prototaip teknologi penorehan secara robotik namun kos pembuatannya terlalu tinggi untuk direalisasikan apatah lagi bagi jumlah yang banyak. Justeru Tuan Yang di-Pertua, mungkin dengan penambahbaikan peruntukan dalam penyelidikan, penyelidik-penyelidik di negara kita di kementerian yang berkenaan dapat membuat penyelidikan yang lebih baik dalam menghasilkan prototaip yang mampu milik dan dapat diaplikasikan secara fizikal dan meluas.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, apabila menyentuh isu getah dan penggunaannya, saya ingin mencadangkan supaya getah asli dipertingkatkan dan diperluaskan penggunaan dalam industri seperti industri pembinaan dan juga pembuatan.

Ini bagi meningkatkan permintaan pasaran seterusnya meningkatkan harga getah sekali gus membantu penoreh-penoreh getah ini meningkatkan pendapatan mereka. Antara industri yang terlibat dengan penggunaan getah adalah dalam pembinaan jalan raya, pembuatan tayar dan penggunaan *anti-seismic* atau gempa bumi.

Mengambil contoh penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya, sudah beberapa kali hal ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Malah Yang Berhormat Menteri juga sedia maklum mengenai hal ini.

**▪ 1920**

Pembinaan jalan raya yang menggunakan- melibatkan penggunaan getah beku *cup lump* sebagai bahan campuran *asphalt*. Campuran ini mampu menjadikan jalan raya lebih kuat dan tahan lama dengan jangka masa tujuh tahun berbanding lima tahun dengan bahan yang digunakan pada masa kini. Secara saintifiknya, bahan ini adalah lebih jauh dan selamat kerana ia turut membantu meningkatkan cengkaman tayar kenderaan. Sebagai makluman, bagi satu kilometer sebanyak 4.2 tan getah beku yang diperlukan untuk membinanya. Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia telah menyatakan kesediaan mereka untuk menggunakan getah bagi pembinaan jalan raya negeri sepanjang kira-kira sepanjang 1,000 kilometer mulai pada tahun ini.

Malah, seperti negara Thailand dan juga Indonesia, telah memutuskan untuk membina jalan raya getah di negara masing-masing yang mana menggunakan sehingga 300,000 tan getah asli bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya juga sedang menjalankan projek perintis penggunaan getah beku untuk pembinaan jalan. Satu projek juga telah disiapkan pada bulan Disember 2015 iaitu di Jalan Gemas, Rompin, Negeri Sembilan dan empat lagi projek iaitu masing-masing satu di Kedah, Pahang, Kelantan dan juga Selangor pula akan dilaksanakan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan inisiatif pihak kerajaan dalam soal ini. Justeru diharap projek perintis ini akan dapat menjadi titik mula kepada pembinaan jalan raya getah seluruh negara yang lebih meluas dan menyeluruh. Ibarat menyelam sambil minum air, penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya bukan saja memberikan nilai tambah kepada pengguna, malah turut membantu mengurangkan stok simpanan getah semasa dan menaikkan harga komoditi berkenaan. Inilah potensi-potensi yang perlu dipupuk melalui supaya mampu menjadi pelapis yang mampu membawa negara kita ke lebih jauh ke hadapan dalam bidang ini pada masa akan datang.

Malah mungkin kita akan mencapai TN50. Mereka ini yang menjadi tulang belakang. Sebagai contoh, Shu J. yang turut bersama kita dalam bersama kita dalam semasa pembentangan bajet yang lepas yang mana beliau merupakan mahasiswi di salah sebuah universiti di Australia yang berjaya dalam penyelidikan- *structurally nanoengineered antimicrobial peptide polymers* atau SNAPPs di peringkat global. Bukan itu sahaja malah ramai lagi rakyat negara kita yang berjaya di peringkat dunia dalam bidang penyelidikan, sains dan juga teknologi.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan negara sangat memerlukan penyelidikan yang benar-benar dalam pembangunan negara sama ada

daripada aspek teknologi inovasi mahupun sosial. Sesuatu penyelidikan yang dijalankan seharusnya boleh diterjemahkan kepada kegunaan masyarakat. Bukan sekadar *touch and go*, duit habis, hasil tiada. Ini satu kerugian Tuan Yang di-Pertua. Rugi duit, rugi masa. Konklusinya, dalam setiap permohonan bagi menjalankan penyelidikan diharap ia disalurkan bagi penyelidikan yang komersial dan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat. Bukan sekadar penyelidikan yang berulang-ulang dan tidak memberi sebarang pulangan. Kerajaan melaburkan bukan sedikit duit untuk penyelidikan. Jadi setiap sen pelaburan kepada penyelidikan ini seharusnya memberikan pulangan kepada industri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya hendak habiskan perbahasan saya. Dalam ucapan pembentangan Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan mengenai penambahan satu lagi konsep penting dalam menuju status negara maju iaitu *public happiness* yang mana ia bukan berkenaan pendapatan semata-mata, sebaliknya juga memfokus kesejahteraan hidup rakyat dan aspek keselamatan, kebudayaan dan juga alam sekitar. Bak kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walaupun kerajaan muncul dengan beberapa keputusan yang tidak popular, tetapi kita berada *on the right track* kerana membuat keputusan yang betul dan mentadbir urus negara dengan baik dan cemerlang.

Pembangkang kata Bajet 2017 ini sebagai gula-gula. Akan tetapi kita faham mereka ini kalau tidak diberi, mereka akan kata tidak mampu, mufliis dan sebagainya. Apabila bajet kita banyak memberikan senyuman di wajah rakyat, mereka kata ia gula-gula. Tiada apa pun yang betul pada pandangan mereka. Semuanya serba salah. Sudahlah bersikap tidak profesional, keluar Dewan semasa bajet dibentangkan. Kononnya wujud provokasi kepada mereka yang berterusan mem-*provoke* sejak awal-awal lagi pembentangan, mereka tidak sedar, terkena sedikit, sudah panas hati.

Apa pun sebelum saya menamatkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua pada hari ini saya ingin memuji pembentangan bajet baru-baru ini turut membawa bersama-sama wakil-wakil dari pelbagai komuniti seperti pendidikan, keselamatan, pertahanan, ketua kampung, imam dan banyak lagi sangat kreatif dan membuktikan bahawa kerajaan sememangnya peka serta menghargai pembabitian setiap satu-satunya di dalam bidang masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Allah dia akan merahmati dan memberkati pentadbiran Malaysia dan mengizinkan kepimpinan negara berterusan demi menjaga kepentingan semua rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan juga keturunan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan.

### 7.25 mlm.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang saya ingin bahaskan tetapi banyak yang juga sudah disebut oleh rakan-rakan yang lain. Maka dalam masa yang terhad ini, saya ingin membawa dua perkara yang agak penting bagi perjuangan warga Kuantan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lima-setengah tahun saya mula bercakap berkenaan dengan Lynas di Dewan yang mulia ini. Kebelakangan ini isu Lynas dibangkit semula apabila Lynas telah pun diberikan *Full Operating Stage License* untuk tiga tahun akan datang ataupun FOSL. Dalam keadaan di mana Lynas sudah nyawa-nyawa ikan, datang peminjam dana dari satu syarikat- dari Jepun yang telah 'memberikan nyawa' kepada Lynas, dan juga lesen FOSL ini terus 'memberikan nyawa' untuk Lynas beroperasi.

Kita di Kuantan tersepit di antara pelabur Jepun dan pelabur China. Kami dengan pelabur negara China yang mendapat 40 peratus, sudah *acquire* 40 peratus dari *Kuantan Port* yang mungkin menggunakan bahagian mereka di pelabuhan untuk mengeksport bauksit dan pelabur Jepun yang menyelamatkan Lynas, dan menggunakan Lynas itu untuk mencemarkan belakang rumah kami dengan sisa buangan toksik dan radioaktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya *refer* kepada pengurusan *residue* daripada projek Lynas yang dikeluarkan oleh AELB dan MOSTI yang mengatakan bahawa Lynas hendaklah mengemukakan pelan dan lokasi PDF untuk kelulusan AELB dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran TOL. Sekiranya penyelidikan pengkitaran semula serta lokasi PDF tidak dikenal pasti atau diluluskan, Lynas hendaklah membawa *residue* yang dihasilkan oleh LAM keluar dari Malaysia. Ini TOL dikeluarkan pada bulan September 2012 Tuan Yang di-Pertua, tapi sehingga kini, apabila kami bertanya berkenaan dengan lokasi PDF itu, kami tidak pernah dapat jawapan yang tepat. Di mana letaknya PDF itu kerana AELB juga meletakkan syarat bahawa PDF itu tidak boleh, *must be located away from populated areas*.

Jadi maksudnya tidaklah berada di dalam kilang. Ya, sefaham kami sebab kilang itu dekat dengan kawasan perumahan. Jadi kami, saya perlu penjelasan, orang Kuantan perlu dengar dari Yang Berhormat Menteri di manakah letaknya PDF tersebut

dan apakah keputusan berkenaan dengan kitaran semula yang kononnya, sepatutnya dikeluarkan oleh Lynas pelannya. Sekiranya tidak kalau mengikut pengurusan *residue* Lynas ini, sekiranya tidak, pemulangan ke punca asal itu mesti diambil tanggungjawab oleh Lynas.

Jadi saya hendak dengarlah daripada pihak Yang Berhormat Menteri nanti berkenaan apakah sebenarnya yang sedang berlaku. Ini kerana sekarang ini CEO Lynas beli ruang dalam akhbar mengatakan bahawa Lynas selamat dan sebagainya dan buat aktiviti-aktiviti komuniti dan mereka seolah-olah mengambil tanggungjawab, ambil alih peranan kementerian mengatakan, "Oh Lynas itu selamat ya.." Oleh sebab semata-mata mereka mendapat lesen. Jawapan saya kepada Yang Berhormat Menteri bertarikh 19 Oktober, daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa, PDF itu bukan syarat untuk pembaharuan lesen. Akan tetapi kalau PDF ini bukan syarat untuk pembaharuan lesen tetapi ia syarat untuk 10 bulan yang dikenal pasti selepas pengeluaran TOL.

Maka kalau tidak ada PDF sampai sekarang, bukankah bermaksud bahawa lesen itu diperbaharui tanpa mengetahui di mana PDF tetapi sekiranya ada PDF, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat perelaskan di mana letak duduk, kedudukannya.

#### ■1930

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini *water leach purification* atau WLP ini, sudah pun dikeluarkan sebanyak 103,727 tan WLP. Maksudnya *the radioactive waste* ini yang duduk di kilang Lynas itu sudah lebih 103,000 tan. Boleh bayangkan banyak mana. Walaupun dia *low level* radio aktiviti dia tetapi dia *long live*, dia akan berterusan mengeluarkan radio aktiviti itu. Ia *total solid waste*, sudah lebih kurang 500,000 tan-*total solid waste* sehingga hujung September 2016. Jadi ini menimbulkan kerisauan kepada kami Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin membawa perhatian berkenaan *effluent* daripada *sedimentation pond* iaitu *liquid discharge* yang dikeluarkan dari kilang ke Sungai Karang. Ini daripada *sedimentation pond*, yang ini bukan MOSTI. Saya harap Jabatan Alam Sekitar dengar ini sebab nanti esok bila jawab itu, MOSTI kata bukan dia kena jawab. Saya hendak beritahu ini Jabatan Alam Sekitar kena jawab.

Kita pihak warga Kuantan telah pun membuat satu kajian ke atas sampel-sampel air yang dikeluarkan dari kilang Lynas dan mendapati bahawa di dalam sampel-sampel yang diambil, ia melebihi daripada Standard 'B' di dalam *Fifth and Eighth Schedule of EQA 2009* Tuan Yang di-Pertua. Contoh arsenik yang seharusnya dalam Standard 'B' tidak melebihi 0.10 *part per million*. Kita dapati dalam sampel-sampel kita, ia melebihi dengan bilangan jumlah 0.22 *part per million*. Saya ingin

tahulah, ingin dengar juga dari Jabatan Alam Sekitar apakah mereka sedar bahawa perkara ini sedang berlaku, bahawa mereka sedar bahawa ia tidak menepati piawaian yang ditetapkan dalam EQA. Itu arsenik, manganese pun begitu juga dan saya lihat di sini *chemical oxygen demand* juga melebihi banyak kali ganda daripada *the permissible amount* Tuan Yang di-Pertua.

Saya beralih kepada isu yang kedua yang saya ingin ketengahkan. Saya ingin bercakap berkenaan dengan dasar kelestarian sumber air. Sekarang ini pada hari ini dan semalam kita ada Seminar Kelestarian Sumber Air Pahang di Kuantan. Saya difahamkan bahawa *Water Resources Act* sedang digubal, sedang dapatkan pandangan-pandangan daripada pakar untuk menggubal *Water Resources Act*.

Saya ingin membuat, memberi pandangan di sini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada *Parliamentary Committee*. Seharusnya kita ada *Parliamentary Committee* tetapi sekarang kita tidak ada *Parliamentary Committee*, kita tidak ada *Bill Committee*. Apabila Ahli Parlimen sebagai penggubal undang-undang ini tidak langsung diambil kira pandangan kita di dalam menggubal undang-undang yang penting seperti ini. Hanya pakar-pakar dan hanya pegawai-pegawai dan beberapa *stakeholders* sahaja dipanggil. Ahli Parlimen langsung tidak dipanggil. Saya mencadangkan ada *caucus* diwujudkan untuk bersama di dalam menggubal satu rang undang-undang. Ini sebab Ahli Parlimen hanya dapat apabila *table* di atas meja kita. Kita kadang-kadang hanya ada masa satu hari atau dua hari atau kadang hanya setengah hari sahaja untuk membahaskan satu-satu rang undang-undang memandangkan rang undang-undang ini amat penting. Contoh *Water Quality Act* ini, amat penting tetapi langsung tidak diambil pandangan kita, tidak dibawa dalam perbincangan.

Saya hendak membawa isu pembalakan, isu perlombongan, isu pertanian, isu hutan simpan kekal yang ditukar kepada ladang kayu, isu *water catchment area*, isu *river catchment area*, isu *water quality target* ke dalam perbincangan *Water Resources Act* ini. Bagaimana kita hendak memastikan kelestarian sumber air Tuan Yang di-Pertua, apabila di Pahang terutamanya, pembalakan, perlombongan, pertanian, hutan simpan kekal dan sebagainya, semuanya dicerobohi.

Saya ucap tahniah kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mengeluarkan Perintah Pekeliling Alam Sekitar Julai tahun lepas yang meletakkan *no minimum acreages* untuk perlombongan. Akan tetapi bagi pembalakan, bagi pertanian, masih lagi menggunakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling Ogos 2015. Ia yang meletakkan EIA itu kepada *certain acreages* yang selalunya dilanggar oleh pihak kerajaan negeri yang mengeluarkan lesen pembalakan. Contohnya di Pahang, ada banyak hutan simpan kekal yang dicerobohi ataupun dikeluarkan lesen. Dia ada dua,



dicerobohi ambil secara haram, kemudian kerajaan negeri gunakan alasan itu untuk buat ladang rakyat.

Saya tunjuk ini... [*Menunjukkan sebuah buku*] Projek rosak hutan mungkin batal. Ini kes di Simpang Pelangai tempat Yang Amat Berhormat MB Pahang sendiri, 376 hektar untuk dijadikan ladang rakyat. Mengikut Menteri Besar yang juga merupakan ADUN di Simpang Pelangai ini, Sungai Gapoi ini yang di mana rakyatnya telah membuat demonstrasi besar-besaran. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mengatakan, tidak jadilah buat ladang rakyat, kita buat EIA dahulu sebab rakyat sudah *object*, dengan izin, rakyat sudah tunjuk perasaan sebab air sungai sudah tercemar. Orang Asli di situ sudah marah, orang kampung sudah marah, baru ADUN dia kata kena buat EIA. Sedangkan dia kata juga bahawa kerana di situ ada pencerobohan hutan dan kemudian dia kata dia hendak jadikan ia ladang rakyat, hendak jadikan ia *win-win*. Akan tetapi bila rakyat tidak hendak kerana ada pencemaran, baru dia kata dia *retract* dan kata hendak buat EIA, sedangkan seharusnya sebelum ia mengumumkan hendak buat ladang rakyat ini, seharusnya dia buat EIA dahulu.

Ini yang saya tidak faham ini kenapa undang-undang ini mereka cari jalan. Tuan Yang di-Pertua, mereka cari jalan macam mana hendak *bid the law*, macam mana hendak *bid the system*. Saya ingin mencadangkan kepada Menteri, turunkan lagi *acreages*. Jadi macam perlombongan, buat pembalakan, pinda pekeliling ini supaya pembalakan, pertanian, hutan simpan kekal yang tukar kepada ladang kayu ini ataupun ladang hutan ini, kita kurangkan lagi ataupun tidak ada minimum *acreages*. Ini kerana apa yang mereka buat, mereka luluskan mengikut undang-undang. Katakanlah 20 hektar, 20 hektar mereka buat bawah daripada itu, mereka luluskan dua tiga *parcel*. Bulan depan, mereka luluskan lagi.

Akhirnya bila kita gabungkan semua, jadi *jigsaw puzzle* yang amat besar. Inilah yang berlaku pada Ulu Tembeling. Sekarang sudah banyak aduan berkenaan air, sumber air di Pahang ini tercemar. Jadi sumber air kami tercemar kerana pembalakan, perlombongan, pertanian. Di Cameron Highlands pun ada laporan berkenaan dengan *water catchment area* dicemari dengan racun serangga terlarang. *Water catchment* dan didapati dalam sungai dan didapati dalam air minuman juga di Cameron Highlands. Jadi, bagaimanakah kita hendak pinda undang-undang? Kita penggubal undang-undang. Kita harus meletakkan syarat-syarat yang ketat supaya kita tidak terjebak ke dalam satu keadaan di mana sudah ada pencemaran, baru hendak gaduh. Sudah ada pencemaran, orang demo, baru tarik balik. Air sudah tidak ada, air minum

sudah tercemar, sudah ada racun dan sebagainya, baru tarik balik. Sungai sudah kering, baru itu kata pembalakan haram. Tidak buat kerja selama ini apa fasal?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap tentang *water quality targets*. Saya hendak *quote* Dr. Zaki Zainudin dalam artikel dia, "*Setting Targets for River Quality*". Dengan izin, "*The fact is, most effluent generating premises subjected to the Environmental Quality Act 1974 are already in compliance with the limits stated therein, and yet rivers continue to be polluted. There are technical reasons but suffice to say, compliance with limits in the law (as it stands) does not guarantee that a water body (such as rivers) will not be polluted. This may come as a shock to many, but this is the fact of the matter*". Maksudnya, kalau sudah ikut apa yang disyaratkan pun masih lagi mencemarkan sungai kita. Apa yang dicadangkan oleh Dr. Zaki Zainudin ini, seorang pakar kualiti air ialah untuk projek ke hadapan meletakkan *target*, meletakkan satu *target* yang tinggi terhadap kualiti sungai. Maksudnya kita kata dalam masa lima tahun, kita *reverse* dari kelas empat ke kelas tiga, ke kelas dua dan sebagainya. Sekarang ini kualiti sungai kita *deuterated*. Dari kelas tiga jadi kelas empat, jadi kelas lima. Kalau dekat Kuantan itu, sumber air minuman pun kelas lima dengan perlombongan bauksit tempoh hari.

#### ■1940

Jadi ini semua harus kita *reflect*. Sebagai Ahli Parlimen, kita bertanggungjawab terhadap rakyat. Tidak guna kita nafikan, kita harus bertindak menjangkau batasan politik dan parti. Kita harus fikir apa yang telah berlaku. Di Selangor contohnya Sungai Semenyih tercemar, Sungai Buah tercemar, warga yang sengsara. Jadi saya seru dan saya ingin juga dalam *parliamentary reforms* ini mengajak. Kita tidak ada *committee*, Tuan Yang di-Pertua. Saya kecewa sangat tidak ada *committee* ini. Saya pun tidak fahamlah kenapa tetapi kalau boleh *caucus* diadakan. Kalau boleh *Committee* yang hendak buat rang undang-undang ini, hendak gubal undang-undang ini sebelum dimasukkan ke Parlimen, panggil Ahli-ahli Parlimen yang berminat dalam satu-satu bidang supaya dapat kita gubal sama-sama demi rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Johor Bahru.

#### 7.41 mlm.

**Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih atas peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai bajet bagi tahun 2017.

Bagi saya, kalau diperhatikan bahawa semenjak bajet tahun lalu, dan bajet tahun ini dan juga bajet untuk tahun depan, ia menepati apa yang telah dijanjikan ataupun apa yang diharapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Konsistensi dalam peruntukan dan perbelanjaan ke arah ini nampaknya kelihatan juga. Sebagai contoh dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kemampuan dan *infra broadband* daripada segi meningkatkan kelajuannya dan sebagainya. Jadi pada saya Tuan Yang di-Pertua, bajet yang dibentangkan ini merupakan satu-satunya perbelanjaan tahunan bagi tujuan untuk mencapai apa yang telah diutarakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Akan tetapi sebelum saya masuk kepada soal perkara-perkara yang hendak saya bahaskan, saya ingin merujuk kepada satu laporan yang sudah dikeluarkan oleh *Khazanah Research Institute* yang boleh menarik minat kita iaitu sebuah laporan yang bertajuk, "*Climbing the Ladder: Socio-economic Mobility in Malaysia.*"

Dalam laporan ini, yang menarik ialah bahawa ia menyatakan, daripada apa yang saya lihat ialah bahawa lebih mungkin bagi seseorang itu yang berada di dalam keluarga B40 untuk naik mencapai *mobility socio-economy* daripada mereka yang berada dalam kumpulan T20. Ini kerana kumpulan T20 lebih mungkin juga sebenarnya untuk bergerak ke bawah kerana pendapatan mereka dalam keadaan *survey* bancian yang telah dibuat terhadap 4,999 pasangan anak dan bapa, ibu bapa selama dua tahun menunjukkan bahawa *mobility socio-economy* ini daripada segi gerakan ke atas lebih mungkin bagi kumpulan mereka yang di bawah B40 dan ke bawah ialah bagi mereka yang berada di atas iaitu dalam kumpulan T20 bagi anak-anak mereka.

Apa yang menarik saya rasa, daripada segi penyebab kepada kenaikan ke atas daripada B40 ini ialah akses kepada pendidikan *tertiary* dan juga bergantung kepada ibu bapa yang mempunyai simpanan dan aset dan juga kepada mereka yang duduk di dalam kawasan bandar. Malangnya mereka lebih mungkin berjaya kalau mereka ini lelaki. Oleh itu kita boleh melihat bagaimana dasar-dasar dan strategi yang hendak diubah atau hendak dirumuskan oleh pihak pemerintah untuk terus menerus memberi tekanan kepada akses kepada *tertiary education* dan juga galakan kepada pemilikan aset dan juga simpanan dan memberi perhatian kepada keseimbangan antara bandar dan luar bandar. Melihat juga secara serius bagaimana hendak mengatasi masalah anak-anak perempuan yang nampaknya tidak berjaya seperti anak lelaki untuk naik ke atas melepasi kumpulan B40.

Saya berpendapat bahawa tumpuan pemerintah kepada kumpulan B40 ini harus diteruskan dan saya percaya bahawa pendidikan, aset, simpanan dan juga

tumpuan kepada kawasan luar bandar akan dapat mengubah kumpulan B40 ini untuk generasi yang akan datang melepasi atau keluar daripada kumpulan B40 itu.

Perkara yang saya hendak tumpukan dalam soal perbahasan bajet ini ialah, apa yang telah disebut mengenai dengan tambah baik kepada perkhidmatan internet, kelajuan internet yang membolehkan kepada pembangunan ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berucap dalam Dewan ini menyatakan tentang soal *indienomics* atau ekonomi merdeka ketika itu. Bagaimana anak-anak muda hari ini lebih cenderung kepada sistem perniagaan dan peluang-peluang ekonomi yang dapat dibukakan dengan lebih kompetitif, lebih *transparent*. Dunia digital ini khususnya dalam keadaan apabila adanya budaya *start-up*, ada budaya *pitching* umpamanya membolehkan kepada kemunculan *business* orang muda yang boleh berjaya dan boleh mengubah sebenarnya suasana dan budaya ekonomi kita yang daripada soal mungkin aspek *rentier* ataupun pajakan. Dapat lesen, pajak kepada pihak lain kepada satu ekonomi yang lebih terbuka dan lebih kompetitif.

Dalam buku yang diterbitkan oleh kumpulan anak muda ini, ada dinamakan *indienomics* adanya 23 orang dan 23 cerita muda dan merdeka. Ini berasaskan kepada pengalaman-pengalaman yang memang sebenarnya berlaku daripada kalangan anak muda yang telah berjaya di dalam bidang perniagaan berasaskan kepada internet ataupun perniagaan *online*. Contohnya seorang yang berniaga dengan *TheLorry.com* iaitu perniagaan ala *Uber* bagi lori-lori dan pemilik portal atau aplikasi ini tidak mempunyai sebuah lori pun tetapi mempunyai 2,000 buah lori yang berdaftar dengan aplikasinya dalam portalnya dan lori-lori inilah dibuka untuk pelanggan-pelanggan yang berminat untuk menyewa dan sebagainya.

Jadi ia jadi macam sistem *Uber*. Tidak perlu lagi berkumpul di tempat-tempat tertentu ataupun letakkan *signboard*, *advertisement*, iklan dipaku pada pokok-pokok malahan boleh dilakukan secara *online*.

#### ■1950

Kejayaan ini dilihat juga umpamanya dalam bidang kesihatan, *well being* umpamanya, di mana seorang anak muda telah mengumpul segala tukang urut, segala pengamal bekam dan berbagai-bagai cara kaedah tradisi di dalam satu *website* dan mereka ialah yang berdaftar dan sudah pun mempunyai pengiktirafan. Jadi, kita juga boleh melihat bagaimana perkhidmatan seperti ini menjadi satu *business* yang lebih meluaskan, mendedahkan pengamal-pengamal ini kepada sebuah komuniti atau masyarakat yang lebih besar lagi khususnya yang terlibat dalam bidang perniagaan *online*.

Jadi apabila kerajaan kata hendak diperkenalkan sistem *broadband* yang lebih laju dan hendak diperkenalkan *internet* di universiti. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jangan hanya fokus kepada universiti-universiti awam tetapi juga lihat kepada kolej dan sekolah menengah di mana kemudahan yang sama patut juga dibawa kepada institusi-institusi pengajian seperti ini, institusi pendidikan seperti ini iaitu kolej dan juga sekolah menengah. Ini kerana kalau kita tidak mula daripada awal dan kita tidak galakan kepada pemikiran yang berasaskan kepada budaya *internet* ini, kita tidak akan sama mencapai kejayaan yang kita harapkan di dalam sebuah ekonomi yang mempunyai peluang kepada ekonomi ilmu ataupun *knowledge economy*.

Jadi sebab itu saya menyokong dan berharap bahawa soal kelajuan *internet* dan perkhidmatan *internet* itu dapat diteruskan dan difikirkan juga bukan hanya setakat universiti awam tetapi turun ke bawah ke peringkat kolej dan juga kepada peringkat sekolah menengah. Sebuah kolej di Johor Bahru apabila saya perkenalkan dan bantu mereka untuk dapat peruntukan untuk memasukkan *broadband* secara fiber dan diperkenalkan *ethernet* di dalam kolej yang berkenaan, ia membolehkan seramai 3,000 orang pelajar menggunakan *internet* pada setiap masa. Ia bukan satu yang mustahil.

Jadi jangan kita dikongkong dengan cara perkhidmatan yang bertujuan untuk menguntungkan pihak-pihak yang tertentu sahaja. Kita patut lebih terbuka kerana dunia *internet* ini pun juga terbuka dan bila ia terbuka, kita akan mendapat suasana ke atas persaingan yang sihat dan minda seperti ini harus kita bentukkan daripada awal lagi.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang sudah pun dilancarkan oleh pihak Khazanah Nasional iaitu dengan pembentukan sebuah *public trust in perpetuity* di mana tanah sebanyak 60 ekar hendak dimasukkan di dalam sebuah *public trust* dan tanah itu dimasukkan secara *perpetuity*. Saya rasa konsep *trust* ini, konsep badan amanah ini iaitu bukan sebuah badan kerajaan- hari ini kalau tanah kerajaan diletakkan di bawah KPTG umpamanya, tetapi kalau bila diwujudkan *trust* ini, dia tidak menjadi sebuah badan kerajaan dan ia bukan juga sebuah badan syarikat. Bermakna, bahawa *trust* ini menjadi milik semua dan tanggungjawab semua dan tidak boleh diusik, tidak boleh dikacau, tidak boleh dibangunkan tanpa persetujuan malah langsung tidak boleh dibangunkan kerana itulah menjadi tujuan *trust* yang berkenaan.

Sebuah akta yang baru harus saya rasa difikirkan oleh pihak kerajaan. Apabila saya dengar Yang Berhormat dari Kuantan menyatakan tentang soal air, saya bersetuju. Ini kerana hari ini kita melihat bahawa air dilihat hanya dari sudut penggunaannya. Kita meletakkan nilai kepada air daripada segi penggunaannya, tetapi kita

tidak meletakkan nilai kepada sumber air itu sendiri yang melibatkan sungai, melibatkan kawasan tadahan. Itu seolah-olah tidak ada nilai. Hanya kita melihat kepada nilai air itu apabila ia menjadi air yang diminum atau air yang dibekalkan kepada rumah-rumah dan sebagainya.

Jadi, sebab itu daripada segi *natural capital* ini iaitu modal asli iaitu khazanah alam negara kita harus dijadikan satu- difikirkan bagaimana. Mungkin juga melalui *trust* seperti ini diletakkan di dalam satu *trust*, boleh dipanggilkan sebagai *National Trust*, ataupun macam ikut model kepada *Nasional Trust* di *United Kingdom*, ia menjadi pemilik tanah yang kedua terbesar di *United Kingdom*. Jadi kita boleh pertahankan kawasan tadahan, kita boleh jaga sungai dan sebagainya.

Ini nampaknya sudah merah. Terima kasih banyak. Saya menyokong kepada Bajet 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Beruas.

#### **7.56 mlm.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Bajet 2017 hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang kita di Malaysia ini perlu buat ialah untuk menebus balik nama dan keyakinan rakyat dan orang luar kepada negara Malaysia. Dengan izin, "*The currency that is more valuable than the currency of the country is the confident of the people has in the country.*" Ini bermaksud nilai kewangan yang lebih bernilai daripada nilai wang ringgit atau dolar sesebuah negara itu terletak atas keyakinan orang ramai terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Amerika Syarikat boleh dalam *quantitative easing* negara itu telah mencetak berpuluh-puluh bilion dolar Amerika dan disebarkan dan orang ramai menerimanya menyebabkan nilai dolar Amerika masih kukuh. Akan tetapi apabila Zimbabwe mencetak *one Dollar* Zimbabwe, nilainya turun mendadak hinggakan tidak bernilai lagi. Di Zimbabwe hari ini, apa-apa jenis wang negara lain boleh diguna melainkan dolar Zimbabwe itu sendiri.

Saya nyatakan contoh ini kerana *Washington Post* telah melaporkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara juara rasuah. *Department of Justice* Amerika Syarikat telah menyatakan kepada dunia bahawa Malaysia ditadbir oleh satu pentadbiran kleptokrasi, sebuah kerajaan yang mencuri dan merompak.

Ini telah menyebabkan kerosakan besar kepada imej Malaysia kepada luar negara. Adalah penting kita memulihkan nama baik Malaysia kerana pelabur-pelabur

asing yang hendak datang ke Malaysia kalau diberitahu ini negara juara rasuah, mereka tidak akan datang melabur. Kalau negara ini ditadbir oleh sebuah kerajaan kleptokrasi, mereka pun akan menghindarkan diri ataupun enggan akan datang ke Malaysia.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada kerajaan supaya mengambil tindakan untuk membuktikan laporan *Washington Post*, laporan *Department of Justice* Amerika Syarikat itu tidak benar. Akan tetapi, kalau kita tidak boleh buktikan laporan kedua-dua surat khabar dan juga Jabatan Keadilan Amerika Syarikat ini tidak benar, kita harus mengambil tindakan ke atas mereka yang rasuah, mereka yang mencuri dan merompak wang negara kita.

#### ■2000

Ini penting bukan sahaja kerana kehilangan wang melalui 1MDB tetapi kalau keyakinan dunia ke atas mata wang kita merosot, kalau wang kita merosot dengan mendadak, kita akan kerugian lebih banyak lagi. Mungkin ratusan bilion kalau wang seluruh negara kita turun mendadak. Oleh yang demikian, saya berharap tindakan akan diambil.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita perlu- kerajaan perlu ada satu minda baru bahawa ada perlunya menguruskan bajet yang seimbang. Sudah 19 tahun kalau bajet ini diluluskan untuk 2019. Sudah 19 tahun berturut-turut kita membentangkan bajet defisit sejak tahun 1998. Hutang sudah terkumpul dan sudah menjangkau RM655.75 bilion pada suku kedua 2016. Bayaran tahunan kita RM26.64 bilion ataupun RM73 juta setiap hari. Kalau kita guna RM73 juta hendak bina sekolah, setiap hari kita boleh bina tujuh buah sekolah. Ia merupakan 11.1 peratus daripada Bajet 2017 ataupun bersamaan dengan 12.12 peratus *revenue* atau pendapatan kerajaan yang dianggarkan berjumlah RM220 bilion untuk 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti diingatkan bahawa setiap kali kita berhutang, kita ini menggunakan wang kepunyaan generasi akan datang. Kita tidak boleh terus menambah hutang kita hinggakan generasi akan datang terpaksa membayar. Kita tahu bahawa daripada laporan bahawa perbelanjaan pengurusan sudah melebihi 95 peratus sejak tahun 2008 daripada jumlah pendapatan kerajaan setiap tahun. Sejak tahun 2013 hingga sekarang, perbelanjaan pengurusan itu sendiri sudah menjangkau 99 peratus daripada pendapatan. Kalau ini berterusan, kita perlu meminjam untuk mengurus sahaja. Setiap kali sekarang, apa-apa duit yang kita gunakan untuk pembangunan, kita terpaksa meminjam dan hutang negara sudah pun bertambah empat kali ganda sejak 15 tahun yang lalu.

Dalam tahun 2012, hutang kita hanyalah RM165 bilion. Sekarang kita sudah hutang RM655.75 bilion. Kalau kita bandingkan dengan Singapura, kalau kita ada menyimpan wang, kita akan memberkati, kita akan memastikan generasi akan datang akan lebih selesa. Di Singapura, kerana ada lebih wang disimpan setiap tahun di negara Singapura, agensi kerajaan, *Government Investment Corporation*, *Temasek Holdings* dan juga *Monetary Authority of Singapore* atau MAS, hanya kerana mentadbir, wang yang terkumpul itu mereka boleh dapat lebih kurang SGD8.1 bilion bersamaan dengan RM24 bilion atau 12 peratus daripada pendapatan Kerajaan Singapura. Ini statistik 2014. Jadi, di Malaysia, anak cucu kita terpaksa membayar hutang yang kita gunakan terlebih dahulu. Di Singapura, anak cucu mereka akan menikmati berkat dan wang berlebihan yang akan disalurkan kepada mereka. Jadi, saya harap janganlah setiap kali minda bertukar akan terus membentangkan bajet defisit dan menambahkan lagi hutang kita yang anak cucu kita perlu membayar.

Ketiga, kerajaan mesti menghentikan cara menggunakan wang rakyat secara boros. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negara Singapura memang lebih kaya daripada kita. Dulu Malaya lagi kaya dari Singapura. Pada tahun 2015, GDP per kapita Singapura USD55 ribu. Malaysia lebih kurang USD10 ribu. Ini bermaksud pendapatan Singapura adalah lebih kurang 5.5 kali daripada pendapatan rakyat Malaysia. Akan tetapi Perdana Menteri Singapura masih menggunakan *commercial flight* untuk ke mana-mana sahaja melainkan ke tempat yang terpencil di mana kapal terbang komersial tidak dapat pergi. Dalam keadaan sedemikian, baru Perdana Menteri akan menyewa *chartered flight* untuk pergi ke tempat tersebut.

Di Singapura, semua Pegawai Kanan Kerajaan hanya boleh menggunakan Kelas Ekonomi untuk berlepas ke mana-mana kalau masa perjalanan untuk ke tempat itu kurang daripada enam jam. Apabila ditanya Perdana Menteri Lee Hsien Loong, negara kaya, kenapa masih tidak gunakan *chartered flight* ataupun mempunyai jet peribadi kerajaan untuk beliau. Beliau kata, "*We are not yet at affluent country...*" Cara mereka menjimatkan wang rakyat. Ini bukan sekarang sahaja, di Singapura ada teladan sebelum ini yang memang sudah termasyhur ialah teladan Allahyarham Dr. Ko Kin Sui, Timbalan Perdana Menteri dulu. Dilaporkan bahawa apabila beliau menggunakan *tissue paper* pun, digunakan setengah sahaja untuk memastikan tidak ada pembaziran. Apabila ditanya kenapa menggunakan *tissue paper* pun hanya setengah, guna setengah, kemudian setengah lagi disimpan untuk kegunaan kali kedua, kerana dia kata ini wang rakyat.

Juga beliau dilaporkan membawa sabun apabila pergi ke hotel dan luar negara untuk cuci pakaian sendiri kerana hendak cuci pakaian di hotel memang mahal. Inilah



misal dari dulu lagi mereka jimat cermat supaya Singapura sekarang ini kaya. Saya berharap teladan ini juga kita boleh ikuti supaya jet-jet yang banyak yang kita ada mungkin boleh dikurangkan, bolehlah kita guna secara- kerana ini wang rakyat. Kita mesti jimat cermat. Takkan setiap kali laporan keluar, berpuluh-puluh juta setiap kali untuk menyelenggarakan kapal-kapal terbang peribadi ini.

Oleh sebab tidak cukup masa, saya akan habiskan isu ketiga. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kerajaan sama ada statistik bahawa rakyat Malaysia ini kita ada *full employment*, dikatakan yang tidak bekerja itu kalau kurang daripada 4 peratus, dikatakan *full employment*. Di Malaysia dikatakan hanya 3 peratus orang yang tidak bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan kerajaan kepada saya dalam sesi ini, dikatakan sampai September 2016, 1,466,652 orang telah memohon untuk 13,999 jawatan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kalau daripada statistik ini, hampir lima juta orang memohon, tak sampai 1 peratus kerajaan mempunyai jawatan kosong untuk mereka.

#### ■2010

Kita di Malaysia anggarannya ada 14.3 juta orang yang bekerja. Kalau 1.4 juta ini lebih kurang *10 percent* orang yang memohon untuk bekerja dengan kerajaan. Jadi adakah sebenarnya ramai yang menganggur? Mereka tidak dapat membayar wang PTPTN yang dilaporkan 753,000 orang yang tidak dapat membayar satu sen pun.

Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan dapat menjawab soalan ini ataupun apa yang dijawab itu hanya daripada statistik mereka yang memohon pekerjaan yang didaftarkan dengan pihak kerajaan. Saya juga mohon supaya isu keempat kalau boleh keperluan adalah perlu produk-produk perbankan Islam dapat diperbaiki. Ini kerana perbankan ini bukan sahaja orang Islam yang mengambil pinjaman daripada bank. Memang ramai orang bukan Islam pun meminjam melalui perbankan Islam.

Apa yang berlaku ialah mereka datang ke bank hendak pinjam duit tetapi apa sebenarnya yang berlaku ialah ia satu siri jualan yang agak *complicated* dan rakyat tidak faham. Oleh sebab itu saya mohon supaya cara yang lebih baik untuk membolehkan rakyat menandatangani perjanjian untuk pinjaman itu faham tentang transaksi sebenar yang dijalankan supaya ia lebih bermakna kepada mereka yang hendak pinjam. Itulah sahaja ucapan saya. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran untuk berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh.

**8.12 mlm.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Bahasa Arab]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan keizinan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan bajet kita pada hari ini. Saya mempunyai beberapa perkara yang ingin saya utarakan pada kesempatan waktu yang terbatas ini.

Tuan Yang di-Pertua, di mana kita semua sedar pada hari ini khasnya rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah. Mereka sekarang berada dalam keadaan yang sangat tertekan dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat. Mereka juga sedang hari ini membuat penyesuaian selepas daripada pengumuman Bajet 2017 yang lalu yang dilihat secara umumnya tidaklah menyebelahi mereka.

Tambah pula pada hari ini mereka dikejutkan dengan kenaikan harga minyak pada kadar 15 sen per satu liter. Ini umumnya telah memberi satu kesan yang berantai dengan kenaikan kos bahan api ini. Ia akan berikutan dengan kos *transport* dan juga barangan lain di pasaran. Sudah tentu ia akan menjejaskan rakyat secara umumnya.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, mudahnya rakyat pada hari ini sedang mendepani satu bebanan yang bertimpa-timpa. Ia semakin hari semakin mencabar dan menekan mereka. Bermula dengan pelaksanaan GST yang dikenakan ke atas mereka. Kemudian penurunan subsidi terhadap barang keperluan mereka dan ditambah pula dengan peluang pekerjaan yang terhad dan pendapatan mereka pula tidak bertambah. Akhirnya mengakibatkan tabungan rakyat itu semakin surut dan semakin susut.

Jadi yang lebih memeritkan ialah apabila disaksikan kerajaan pula dilihat mengambil satu formula mudah untuk menghadapi cabaran ekonomi yang sebegini. Pertama, menaikkan cukai. Kemudian yang kedua menurunkan subsidi kemudian beri BR1M. Umumnya melihat BR1M ini boleh disifatkan sebagai ubat pelali untuk melalikan rakyat seketika daripada menghadapi bebanan hidup dan juga derita kos sara hidup yang ditanggung oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan di sini ialah apakah kerajaan tidak mempunyai satu kaedah yang lain? Sebagai contoh untuk mengatasi kenaikan harga minyak ini. Kenapa tidak kerajaan menetapkan harga siling sebagai contoh bagi harga runcit petrol dan kerajaan menampung lebihan kos daripada harga siling itu dengan memberi subsidi kepada rakyat?

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya cadang supaya kerajaan kaji semula formula yang telah digunakan untuk penentuan harga petrol dan diesel ini dengan menetapkan harga siling untuk ia mengurangkan sedikit kejutan rakyat yang sedang menghadapi beban hidup dengan kenaikan kos sara hidup pada hari ini.

Pastinya kalau kita bercakap tentang subsidi ini bagi membolehkan kerajaan selesa memberi subsidi kepada masyarakat dan juga kepada rakyat maka kerajaan janganlah hanya membiarkan rakyat sahaja berjimat cermat. Akan tetapi biarlah terlebih dahulu kerajaan juga berjimat dan mengamalkan langkah berhemah dalam pengurusan ekonomi negara.

Antaranya sebagai contoh boleh dikaji saiz Kabinet yang saya lihat lebih besar daripada keperluan. Kemudian menteri boleh contohnya memulangkan elaun minyak, elaun tol, percutian, keraian supaya sedikit sebanyak boleh merasai penderitaan rakyat marhaen dalam negara kita. Kalau perlu pemotongan gaji 10 peratus ke 20 peratus elaun bulanan ataupun gaji bulanan menteri.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah penjimatan daripada perbelanjaan protokol menteri ini dan kemudian mengehadkan juga projek-projek mewah yang ada dalam negara kita yang kurang memberi impak kepada rakyat terbanyak serta cegah kawal terhadap ketirisan dan juga salah guna kuasa, salah guna dana negara yang mana semua ini adalah boleh dijadikan sebagai antara *mechanism* untuk menampung kenaikan kos sara hidup yang sedang dirasai ataupun dideritai oleh rakyat mutakhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara penting juga yang saya hendak tarik perhatian Dewan pada hari ini ialah bagaimana untuk kita menangani kemungkaran ekonomi iaitu rasuah dalam perbincangan bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2015, 398 orang penjawat awam telah pun ditahan kerana kesalahan rasuah. Ini ertinya meningkat sebanyak 173 orang berbanding tahun 2014 yang mana ia berjumlah 225 orang. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2016 ini sahaja sudah 98 orang yang ditahan atas kesalahan yang sama.

Pada bulan Mac 2016, seorang yang berpangkat Setiausaha Bahagian di Kementerian Belia dan Sukan menghadapi 32 pertuduhan rasuah yang berjumlah RM38.4 juta. Pada Ogos 2016 yang lalu seorang pegawai kanan DBKL ditahan bersama dua yang lain kerana juga kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan pengubahan wang haram. Wang simpanan dan juga amanah saham bernilai lebih kurang RM13 juta dibekukan serta beberapa buah kediaman, kenderaan mewah dan juga wang tunai berjumlah RM400,000 yang turut disita.

Terbaru Tuan Yang di-Pertua pada Oktober 2016 pada bulan ini, Pengarah dan Timbalan Pengarah Jabatan Bekalan Air Sabah yang ditahan atas dakwaan salah guna kuasa. SPRM telah berjaya merampas lebih daripada RM114.5 juta termasuk barang kemas dengan RM3.64 juta dan juga 127 geran tanah yang dianggarkan RM30 juta. Sekali gus ini telah menjadikan kes yang terbesar dalam sejarah tangkapan SPRM sendiri. Jadi berikutan dengan kes yang sama ini juga, 19 orang jurutera turut ditahan dan RM2.4 juta juga telah dirampas.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua kes ini menunjukkan betapa membarahnya gejala rasuah dan juga salah guna kuasa yang berlaku di kalangan penjawat awam dalam negara kita.

#### ■2020

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu negara kita ini akhirnya lahir sebagai sebuah negara dosa, negara yang dimurkai oleh Allah SWT. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, membasmi masalah ini kerajaan mesti dulu menunjukkan teladan yang baik termasuklah dengan merobohkan amalan kronisme dan juga nepotisme yang saya kira inilah yang menjadi benteng bagi melindungi para pelaku rasuah dan juga salah guna kuasa yang berlaku di dalam negara kita termasuk dalam struktur pentadbiran kerajaan. Kerajaan mesti komited dan kerajaan mesti telus dalam membanteras gejala salah guna dan rasuah bermula daripada pemimpin negara dan khususnya yang berlaku dalam kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Temerloh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sila.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Temerloh. Soalan saya dalam masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuba untuk mengatasi perkara rasuah namun demikian gejala rasuah juga berlaku dan semakin berleluasa dan juga secara terang-terangan. Apakah masalahnya? Adakah ini berkaitan dengan contoh melalui teladan? Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya Tuan Yang di-Pertua sudah pastinya ia bermula dengan *qudwah* yang baik ataupun contoh yang baik di samping kesungguhan dan juga penguatkuasaan yang benar-benar telus dalam membasmi rasuah yang berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa ini ataupun rasuah yang berlaku dalam negara kita hari ini dan juga salah guna kuasa. Inilah sebenarnya yang menjadi punca kenapa negara kita tidak pernah cukup duit untuk

berbelanja. Dia bukan kerana sangat kejatuhan harga komoditi minyak, getah dan juga kejatuhan nilai ringgit dan seumpamanya. Akan tetapi saya lihat negara kita sekarang sedang dibelenggu oleh satu dosa dan juga kemurkaan daripada Allah SWT. Saya suka mengambil peringatan daripada Allah SWT apabila Allah berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*.

*“Apabila kami mahu menghancurkan sesebuah kariah atau sesebuah negara, sesebuah negeri, terlebih dahulu kami perintahkan supaya mereka taat kepada Allah. Mereka tunduk dan patuh kepada Allah tetapi malangnya mereka derhaka, mereka melakukan penyelewengan, mereka melakukan rasuah, mereka melakukan maksiat dan mungkar. Maka layak dan berhaklah mereka akhirnya dibinasakan oleh Allah SWT. Lalu Allah membinasakan negara itu dengan sehancur-hancurnya”.* *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kita minta jauh.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itulah maka saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan apa yang disebut sebagai Majlis Hisbah Belanjawan Kerajaan. Yang mana peranan hisbah dalam sistem kerajaan Islam memang ia merupakan suatu perkara yang sangat penting yang mana asasnya ada di dalam Al-Quran Al-Karim apabila Allah berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. *“Hendaklah ada di kalangan kamu satu golongan yang mengajak manusia untuk melakukan kebaikan dan menegakkan yang ma’aruf, mencegah kemungkaran dan mereka itu adalah golongan yang beroleh kemenangan dan jua kejayaan di dunia dan di akhirat”.*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat banyak pelbagai penulisan yang membicarakan prinsip hisbah yang saya cadangkan ini dalam buku-buku sarjana Islam antaranya Al-Hisbah fil Islam yang ditulis oleh Syaikhul Islam Ibn Taimiyyah Rahimahullah dan juga secara umumnya disentuh dalam kitab Al-Ahkam As-Sulthaniyyah oleh Imam Al-Mawardi dan juga dalam Al-Ihya Ulumuddin oleh Imam Al-Ghazali. Ini kita boleh rujuk untuk dijadikan panduan bagaimana pelaksanaan dan penubuhan hisbah yang saya maksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan hisbah belanjawan kerajaan ini wujud kerana kita melihat pelbagai salah laku dan rasuah dalam agensi kerajaan yang akhirnya menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit wang negara dan tentunya kesan akan kembali kepada rakyat. Malah kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, laporan Ketua Audit Negara saban tahun juga saya lihat mempamerkan atau menunjukkan kepada kita bagaimana kelemahan-kelemahan tertentu dalam pengurusan projek dan juga perkhidmatan yang melibatkan wang rakyat dalam agensi-agensi dan juga kementerian-kementerian kerajaan.

Jadi ini adalah merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh banyak projek-projek dan perkhidmatan yang telah pun terlaksana barangkali ataupun mungkin tidak terlaksana dalam Bajet 2015, 2014 yang lalu yang telah dibentangkan yang mana kita tak tahu bagaimana kesudahannya. Adakah dia benar-benar menepati specs yang telah ditetapkan ataupun berlaku penyelewengan, berlaku keciciran, ketirisan dan seumpamanya? Ini semua adalah persoalan-persoalan yang masih belum terjawab jikalau kita lihat dalam laporan audit saban tahun yang jelas menunjukkan berlakunya kepincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru Majlis Hisbah Belanjawan ini sebenarnya tidaklah memfokuskan masalah rasuah dan salah laku semata-mata. Akan tetapi ia juga adalah merupakan satu pengawasan terhadap keberkesanan dan juga kecekapan dalam penyaluran setiap wang negara yang mana perkara ini memang perlu dititik beratkan supaya kerajaan tidak sewenang-wenangnya keluar masuk wang dalam negara kita ini. Jadi mestilah mempunyai satu pengawasan yang serius selain daripada mengatasi masalah rasuah dan salah laku yang saya sebutkan tadi. Majlis Hisbah ini juga mengawasi ketidakcekapan dalam setiap projek dan peruntukan yang dirancang oleh pihak kerajaan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang penting juga ialah hisbah ini dia boleh jadi pelengkap kepada Jabatan Audit Negara dan juga kepada SPRM itu sendiri. Ini kerana keupayaannya untuk mengawasi setiap tindakan dan juga pengurusan pihak kerajaan itu sendiri. Dia bukan hanya sekadar menjadi pengaudit setelah satu-satu tindakan itu diambil kerana itu tidak menyelesaikan masalah ketidakcekapan, masalah keciciran, masalah salah laku dan juga penyelewengan yang berlaku.

Akan tetapi dia lebih kepada untuk sebelum pelaksana itu berlangsung, ada pengawasan dan kawalan yang cekap dan juga telus. Jadi perkara ini saya harap dapat diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan untuk menangani keberkesanan dan juga mungkin ketidakberkesanan dalam pengurusan kewangan. Mestilah dilihat sama ada berkesan ataupun tidak berkesan mesti ada satu badan hisbah dan itu *insya-Allah* akan melahirkan sebuah kerajaan yang baik selepas daripada ini. Oleh sebab masa yang terbatas dan terhad sekadar itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan yang telah diberikan kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

**8.27 mlm.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut berbahas berkaitan dengan Bajet 2017. Tuan Yang di-Pertua, negara kita melalui satu masa yang mana kita menjadi fokus ataupun titik perhatian negara-negara lain. Akan tetapi masalah dia untuk sebab-sebab yang boleh dikatakan tidak begitu baik. Kita ada skandal-skandal besar yang melibatkan pemimpin-pemimpin yang utama di dalam negara ini. Skandal yang disebutkan ini skandal kewangan jadi kita rujuk balik kepada skandal yang saya nyatakan iaitu skandal 1MDB.

Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, isu 1MDB ini menjadi satu perkara yang serius. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana ada Ahli-ahli Parlimen kita yang bangkitkan isu berkaitan perkara ini di dalam Dewan. Kita lihat bagaimana dibawa pula siasatan terhadap mereka di bawah apa yang dikatakan OSA ataupun Akta Rahsia Rasmi.

Hari ini saya baca Tuan Yang di-Pertua dalam akhbar, saya tidak akan sentuh berkenaan dengan *ruling* Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa yang penting saya baca bahawa notis juga diberikan sekarang kepada Ahli Parlimen Pagoh supaya hadirkan diri di hadapan polis untuk siasatan berkenaan dengan kes ini. Saya hendak tanya saya baca satu petikan daripada pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said.

**■2030**

Beliau kata pihak polis ada kuasa untuk menyiasat. Oleh kerana ini adalah hasil daripada satu laporan polis, perkara yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua adalah ini, sekiranya satu laporan polis dibuat berkenaan dengan satu perkara di mana seorang Ahli Parlimen ada kekebalan atau *privilege* apabila beliau bangkitkan isu itu dalam Dewan. Adakah pihak polis ada kuasa untuk panggil seorang Ahli Parlimen itu masuk ke balai polis untuk diambil *statement* beliau? Itu soalan dia. Kita tidak boleh sebagai Ahli Parlimen, *we cannot be caught by the police* dengan izin. Apa yang harus dilakukan adalah pihak polis seharusnya mendukung Perlembagaan Persekutuan. Jelas sekali dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa apabila seseorang Ahli Parlimen berucap, berbahas dalam Dewan ini, *he is protected by privilege* dan *privilege* itu hanya tidak terpakai kepada beberapa kes iaitu kes Sultan dan sebagainya. *Not the one under OSA*.

Jadi saya sini berharap bahawa mungkin satu *ruling* boleh dibuat sekali oleh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan isu ini dan yang penting saya rasa perlu adanya satu *challenge* berkenaan dengan perkara ini dalam mahkamah supaya kita

boleh dapat satu *ruling* berkenaan dengan kekebalan seorang Ahli Parlimen apabila berucap dalam Parlimen supaya beliau bebas dan boleh menimbulkan semua perkara yang beliau hendak dalam perbahasan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada kes DOJ. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, satu daripada perkara yang dibangkitkan di situ adalah berkenaan dengan wang RM2.6 billion yang ada dalam akaun yang dikatakan akaun persendirian Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Ahli Parlimen Pekan. Kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, apabila siasatan dibuat oleh Peguam Negara Malaysia berkenaan perkara yang sama lebih kurang enam bulan yang lalu, beliau membuat keputusan bahawa tidak ada kes. Beliau membuat keputusan bahawa wang RM2.6 billion itu adalah wang hasil derma yang datang daripada – dikatakan datangnya daripada Arab. Ini adalah satu perkara.

Saya akan bangkitkan isu sekeliling Tuan Yang di-Pertua. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah ini, kita lihat bagaimana DOJ itu ada keputusan yang mengatakan bahawa sebenarnya wang itu datangnya daripada 1MDB. Perkara berbangkit Tuan Yang di-Pertua adalah ini, kita ada satu keputusan daripada Peguam Negara Malaysia dan kita ada satu keputusan daripada Peguam Negara Amerika Syarikat. Di mana di Amerika Syarikat itu dikatakan kononnya bahawa mereka telah pun membuat siasatan, mereka ada *money trail* dan menunjukkan bahawa keputusan Peguam Negara Malaysia itu tidak betul. Jadi kalau keputusan itu tidak betul, saya hendak jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Perdana Menteri, apakah tindakan diambil oleh Peguam Negara Malaysia selepas diberitahu bahawa keputusan beliau itu tidak betul? Ada dokumennya yang ditunjukkan oleh Peguam Negara Amerika Syarikat yang menunjukkan secara fakta bahawa itu keputusan yang salah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini penting kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada satu pengumuman yang dibuat dan saya petik daripada apa yang diungkit dalam Berita ABC bertarikh 26 Januari 2016. Tuan Yang di-Pertua, ini apa yang dikatakan, "*Najib Razak Malaysian Prime Minister claimed over 980 million Saudi donation*". Saya baca apa yang material, "*Until now, the source of the money has not been specified, other than claims by Mr Najib's government that it came from unnamed Middle East donors. "I am satisfied with the findings that the funds were not a form of graft or bribery," Mr Apandi said.* " iaitu Peguam Negara kita Tan Sri Apandi Ali. "*A statement was also*



issued”, Ini penting Tuan Yang di-Pertua. “A statement was also issued, saying Mr Najib had returned 890 million to the Saudi royal family because it had not been utilized.” Ini penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Cuma saya bertanya dalam kes RM2.6 bilion ini bukan ada satu kes sedang hendak dibicarakan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Sub judice kan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan, bukan. Soalan saya begini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Jadi kalau *argument* itu dibawa juga dalam ini pun sub judice.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan, ini tidak sub judice. Soalan yang saya bangkitkan adalah ini, kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Betul, betul. Akan tetapi *argument* tadi telah disebut.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no. I am going to make the submission. I am going to make the point now. The point is this* Tuan Yang di-Pertua. Kalau dikatakan *that 980 million is for the donation*, kenyataan daripada Peguam Negara kita bahawa ia telah dikembalikan, *890 million* dikembalikan. Jadi persoalan yang berbangkit sekarang adalah ini, kalau ia bukan *donation*, ia dikembalikan kepada siapa? *It’s USD890 million of money. Malaysian are entitle to know what happen to that money?* Jadi kenapa sehingga sekarang Peguam Negara kita diam membisu tidak ada jawapan diberikan tentang perkara ini. Itu satu perkara yang menjurus kepada isu yang paling sensitif, paling material.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, setelah kita dapat tahu berkenaan dengan 1MDB, DOJ ini apakah tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia supaya kita boleh dapat maklumat yang lebih berkenaan dengan apa yang akan berlaku di Amerika Syarikat? Adakah ia satu *court case*? Tuan Yang di-Pertua baru memberitahu saya bahawa ada satu *court case* yang jalan. *That is my point.* Kalau ada *court case* yang jalan, adakah kita sebagai sebuah negara menghantar wakil kita ke situ untuk mengambil bahagian? Adakah kita sebagai sebuah negara yang tahu bahawa yang dinamakan itu *Malaysia Official 1 we know, Malaysia Official 1*

*I think all of us know who he is. The question is, adakah kita akan hantar wakil kita ke situ? Peguam kita ke situ untuk kita dapat tahu, memerhatikan prosiding. Supaya kita dapat tahu apakah sebenarnya fakta, apa sebenarnya bukti. Ini cukup penting. Takkan kita sebagai rakyat Malaysia kita tahu satu kes yang cukup besar RM2.6 billion dan sebagainya. Akan tetapi kita langsung tidak hantar wakil, kita buat tidak tahu, di Parlimen kita kata tidak boleh dibincangkan. Di luar pun tidak boleh bincangkan, macam mana kita hendak buat Tuan Yang di-Pertua? Itu satu perkara yang saya hendak tahu.*

Peguam Negara kita membuat satu kenyataan akhbar Tuan Yang di-Pertua. Dia kata, *"We are investigating"*. *With his respect*, ini bukan berkenaan dengan DOJ, ini berkenaan dengan *investigation here*. Bukankah dia sudah *investigate*? Kalau sudah *investigate*, mengapa sekarang *almost six months* tidak ada jawapan daripada beliau? Sebagai Peguam Negara, yang pertama untuk mendukung undang-undang negara kita. Ini satu perkara yang saya minta, satu penjelasan saya hendak tahu. Kalau kita hantar peguam ke situ, saya hendak tahu apakah usaha-usaha kerajaan untuk kita pastikan bahawa wang sekiranya wang-wang itu adalah wang kepunyaan rakyat Malaysia? Apakah langkah-langkah yang akan kita ambil untuk bawa wang itu balik ke Malaysia untuk rakyat dan negara kita? *We cannot be silence on such a big issue Tuan Yang di-Pertua. I ask the Minister to respond to this issue when she replies.*

Ini ada hubung kaitan ia dengan satu kes. Mungkin Tuan Yang di-Pertua hendak kata sub judge juga tetapi itu *arbitration, arbitration. Arbitration* yang dibawa Tuan Yang di-Pertua oleh apa yang dikenali sebagai IPIC. Saya baca, *"IPIC takes 1MDB, MOF to international arbitration over USD6.5 billion claim"*. Kalau saya, saya pohon untuk baca. Tuan Yang di-Pertua, *"The International Petroleum Investment Company or known as IPIC and its subsidiary Aabar Investments PJS (Aabar) have submitted a request for Arbitration which is known as RFA to the London Court of International Arbitration over its USD6.5 billion claim against 1MDB and the Ministry of Finance Incorporated which is MOF."* Maknanya kes dibawa terhadap 1MDB dan MOF, kementerian. *"The RFA concerns"* ini penting *"The failure by 1MDB and MOF to perform their contractual obligations under the binding term sheet (BTS) as described in IPIC Limited's announcement of June 10"* Tuan Yang di-Pertua, *"to the London Stock Exchange"*. *"IPIC has claimed that 1MDB and MOF have failed to live up to their end of the bargain after the assets never materialized and monies meant for Aabar was somehow diverted to another company with nearly the same name but based in the British Virgin Islands instead of Dubai."* *Can you imagine Tuan Yang di-Pertua monies*

*diverted to company with almost the same name? Only can happen here in Malaysia. Nama pun mereka tidak boleh dapat, can't even get it right USD6.5 billion.*

*But what is important is this Tuan Yang di-Pertua? "IPIC stated that the failure of 1MDB and MOF to perform their obligations, cure their defaults or put forward acceptable proposals has left IPIC in the position where it must pursue its claims in arbitration which it says amounts to USD6.5 billion." Hari ini ada dalam surat khabar dikatakan oleh saya kalau tidak silap Yang Berhormat Pekan "This that is not a government there." Here, jelas menunjukkan kalau USD6.5 billion and all the US yet against MOF, who is going to pay for it?*

#### ■2040

Siapa yang bertanggungjawab? Untuk berapa lama, berapa tahun? Saya hendak tahu daripada kerajaan. Kenapa membisu berkenaan isu itu sehingga sekarang? Adakah kita hantar peguam-peguam kita ke situ untuk dapat tahu apa yang berlaku kerana ini adalah satu perintah. *This is an order which can cripple our economy.* Adakah kita akan biar begitu sahaja, Tuan Yang di-Pertua? Saya nak minta supaya jawapan diberikan kepada persoalan-persoalan yang saya bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu yang lain. Baru-baru ini kita lihat masalah air yang besar di negeri Selangor. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil serius hal ini kerana kawasan saya memang kita lihat sangat terkesan oleh sebab masalah ini. saya hendak minta kerajaan untuk jawab. Laporan yang diberikan oleh kementerian menyatakan bahawa masalah ini melibatkan *or it affected almost 1.5 million residents in Selangor, 1.5 million residents in Selangor affected*, untuk sembilan hari. Saya hendak tanya kenapa Kerajaan Persekutuan langsung tidak mengambil apa-apa langkah dalam masa itu untuk menangani masalah ini?

Dalam negara lain, *where 1.5 million residents are not given water or any bare necessities* dengan izin. *The first thing that will happen is that the Ministry of Home Affairs will come in. Polis akan deploy. They will deploy the resources, to assist.* Kenapa berdiam diri di sini? *Nine days no water, no action.* Saya sebagai Ahli Parlimen bangkitkan, saya minta supaya Menteri Dalam Negeri memberikan kita satu keputusan. Di sini saya hendak mengambil kesempatan, *I will mention* Ahli Parlimen Santubong, *at least he made some statements*, beliau kata, "Okey, kita akan siasat".

Akan tetapi tunggu sehingga tujuh hari untuk buat keputusan bahawa perkara ini serius. Saya tidak mengambil pihak mana-mana. Pada saya, apa yang penting masalah ini, masalah nasional. Masalah nasional. Berlaku pada Selangor hari ini, esok boleh berlaku pada negeri lain. Saya minta supaya kerajaan memberikan saya satu

jawapan yang penuh berkenaan siasatan. Apakah hasil siasatan itu dan apakah tindakan yang akan diambil supaya perkara sebegini tidak berlaku lagi? Bukan sahaja di negeri Selangor tetapi di mana-mana lagi, di Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya ingin bangkitkan, berkait kepada satu insiden yang berlaku di sekolah-sekolah baru-baru ini. *I am going to be very brief*, Tuan Yang di-Pertua. Kita ada laporan hari ini yang menyatakan berkaitan dengan seorang cikgu yang dikatakan *molested a students. Not one student, nine students*. Laporan itu mengatakan bahawa aduan telah pun dibuat sejak bulan Mei dan siasatan mendapati ada lagi sembilan. Tindakan yang diambil adalah untuk *transfer* cikgu itu ke sebuah sekolah yang lain. Saya hendak tanya kepada kerajaan, kalau berlaku perkara itu dalam sebuah sekolah, *transfer* kepada sekolah lain, mungkinkah perkara itu tidak berlaku lagi? Apakah jaminan yang diberikan berkaitan dengan tindakan ini? Ini satu.

Kita ada satu kes di Puchong, Tuan Yang di-Pertua. Kes laporan Bukit Puchong 005338/16 yang dibuat oleh Nvidia Nancy Ann a/p Ramesh di mana aduan dibuat bahawa beliau dipukul oleh seorang guru lelaki dengan cara pukul beliau menggunakan kasut di bahagian telinga dan menampar dua kali dalam kelas. Apakah tindakan yang telah pun diambil berkenaan dengan cikgu ini? Akhir sekali, kita juga ada aduan-aduan berkenaan dengan *open canning by teachers in some schools in Puchong*, sekolah yang dinamakan itu adalah Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kheng Chee di Puchong. Saya juga hendak minta kepada kementerian supaya memberikan saya satu jawapan berkenaan dengan perkara itu.

*Last* sekali Tuan Yang di-Pertua, hanya 30 saat Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan isu kesesakan lalu lintas di kawasan Jalan Putra Permai dan juga di kawasan Taman Equine di kawasan Puchong. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangkitkan perkara ini banyak kali. Jawapan yang saya dapat kali ini adalah kerajaan masih tahu masalah ini, tetapi disebutkan di sini, mereka ada *plan*, mereka ada cadangan hendak buat persimpangan bertingkat dan sebagainya. Kos anggaran RM 400 juta telah pun dimohon tetapi belum dapat kelulusan lagi. Saya hendak tanya, berapa tahun? Saya sudah bangkitkan, *everytime* ada satu ucapan belanjawan. Saya bangkitkan perkara ini, takkan setiap tahun dia kata, *“Okey, kita ada cadangan, ini kosnya tetapi tidak ada wang”*.

Saya mintalah Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh perkara ini juga dijawab oleh kementerian dan saya, Tuan Yang di-Pertua, sudahi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana ambil sedikit masa lebih daripada yang diperuntukkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dari...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Pengkalan Chepa.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bolehlah cakap begitu, Yang Berhormat. Ikut senarai, Yang Berhormat Batu Pahat. Sila. 15 minit ya.

**8.45 mlm.**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Ya. Suspens menunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lagi ringkas lagi bagus.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma berapa orang lagi?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu, dua, empat, lima orang. Okey. Ya, okey. Sila, sila.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Sekali lagi terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya masuk tiga tahun setengah sebagai Ahli Parlimen dan saya memerhatikan ada satu keperluan besar di dalam Parlimen ini. Keperluan untuk kita menghormati *decorum*, menghormati sistem Demokrasi Berparlimen. Kita menghormati pandangan kedua-dua pihak. Kita menghormati pandangan yang diberikan oleh bukan sahaja oleh pihak kerajaan, UMNO BN tetapi juga kita harus menghormati pandangan daripada pembangkang kerana itulah sistemnya.

Adanya pembangkang itu ialah untuk menyampaikan hasrat rakyat *from*, daripada satu sudut pandangan yang lain supaya ada *check and balance*. Pandangan itu seharusnya diberikan perhatian oleh pihak kerajaan tetapi daripada pandangan saya, pengalaman saya untuk dua tiga tahun ini, saya tengok kalau bajet yang kita kritik, yang kita berikan pandangan walaupun sangat berasas, apabila datang keluar balik bajet yang dikemukakan itu, kawan-kawan saya sebutkan, dia kata, titik dan *comma* pun tidak dibuang. Datang *as it was presented*.

Jadi kadang-kadang saya memikirkan Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya perbincangan kita ini? Saya memintalah supaya kita ada *a matured democracy* supaya

kita mendapat yang terbaik, pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Parlimen yang pelbagai latar belakang yang akhirnya menguntungkan rakyat itu sendiri. Pandangan misalnya tentang kes 1MDB yang mengaibkan kita seluruh negara, seluruh dunia. Kalau dahulu saya pergi ke luar negara, saya rajin pergi ke luar negara dulu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini pun satu pandangan, petua daripada Tan Sri Speaker juga, kena dihormati.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Oh! Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebut sepintas lalu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sepintas lalu pun sepatutnya tidak boleh.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tidak boleh? Okey. Tidak boleh, saya berhenti setakat itu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Poin yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah hal-hal yang dibangkitkan ini. Kita harus sensitif dan berikan perhatian kerana dia bukan datang daripada pandangan-pandangan cebisan, ya. Dia pandangan-pandangan yang berasas, yang berpunca daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai supaya kita akhirnya boleh mengangkat martabat kita sendiri.

Isu misalnya tentang kemiskinan rakyat, tentang penderitaan rakyat, tentang GST yang menindas. Kita tidak boleh ambil enteng, ya. Saya tiap-tiap minggu balik kampung, Tuan Yang di-Pertua dan melihat, pergi ke pasar-pasar, dia kata, perniagaan sekarang ini turun, Yang Berhormat. Kalau mula-mula dilaksanakan GST dulu, turun lebih kurang 30 peratus. Sekarang ini sudah merosot lebih daripada 40 peratus. Penderitaan rakyat dengan kenaikan harga barang lantaran pengenalan GST. Turunnya produk-produk kampung, harga produk kampung dan kemiskinan dan kesusahan yang mereka deritai oleh sebab malapetaka yang berlaku, air pasang besar baru-baru ini, di kawasan Batu Pahat.

Semua penderitaan ini dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya fikir, saya cadangkan supaya kita sensitif kepada pandangan-pandangan ini. Bukan itu sahaja kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, kita selalu bangkitkan soal penderitaan rakyat.

#### ■2050

Saya tanyakan baru-baru ini kepada Kementerian Kerja Raya. Sepatutnya dalam keadaan kesusahan rakyat ini, tol kita kurangkan tetapi bila saya tanya bab tol ini, Tuan Yang di-Pertua, semua tol ini dilanjutkan jangka hayatnya, Tuan Yang di-

Pertua. Lebuhraya Utara-Selatan, tamat perjanjian konsesinya 31 Disember 2038. Semua sudah untung ini, Tuan Yang di-Pertua. Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura, tamatnya 31 Disember 2038. Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), tamat tahun 2038. Lebuhraya Butterworth-Kulim, tamat tahun 2038. Lebuhraya Seremban-Port Dickson, tamat tahun 2038. Lebuhraya Shah Alam (KESAS), tamat tahun 2038. Lebuhraya Damansara— ini kurang sikit— tamat tahun 2030. Lebuhraya Selat Klang Utara, tamat tahun 2032. Ini pun kurang sikit tetapi masa itu pun kita sudah tidak ada, anak cucu kita mewariskan dan tiap-tiap tahun, Tuan Yang di-Pertua, naik lagi.

Poin saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan rakyat yang susah, mengapalah kita tidak boleh fikirkan jalan keluar supaya dapat mengurangkan— tol tidak dilanjutkan, tidak dinaikkan, harga barang tidak naik, minyak tidak dinaikkan, subsidi tidak ditarik, biasiswa tidak ditarik. Ini semua sekali, mudah-mudahan, dapat meringankan derita orang kampung, derita rakyat jelata. Ini yang masa saya muda-muda dahulu zaman belajar saya sebutkan yang miskin papa kedana, yang kaya bertambah kaya. Yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini saya perhatikan ia kurang ciri manusiawinya dan lebih kepada ciri haiwaninya. Saya maksudkan antara lain Tuan Yang di-Pertua, ialah soal nilai insan, soal martabat insan yang disebutkan dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bani Adam itu ada karamahnya, ada kedudukan yang mulia dengan melihat seluruh dimensi insaniah itu diberikan perhatian. Akan tetapi kalau kita tengok dalam program bajet ini, ia bajet yang hanya— ada kawan-lawan kata gula-gula, ada kawan-kawan kata ubat pelali tetapi *basically*, ia hanya memenuhi keperluan haiwaninya iaitu keperluan makan dia, untuk makan sahaja. Beri makan, beri dedak, beri nyamuk, *maintain* begitu, selepas itu sampai *time*, sembelih.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi tentang bajet yang kurang ciri manusiawinya yang tidak melihat atau tidak meneliti kepada keperluan rakyat, kesusahan rakyat. Kalau kita tengok, misalnya rakyat yang terpinggir lamanya, Orang Asal. Ada tiga buah kampung orang asal di tempat saya. Diberikan peruntukan RM222 juta untuk air. Akan tetapi bagaimana dengan peruntukan yang lain? Tempat saya kalau di Rengit itu, kampung Orang Asal, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masuk itu terutama dia punya sungai itu, *masya-Allah*, kita rasa tidak boleh hidup di situ. Kawasan perkampungannya kotor, rumah-rumah kedainya terbiar, belianya menganggur, *problem social*-nya tinggi, terbiar. Ini sudah puluhan tahun kita merdeka dan diberikan perhatian, saya ingat, sangat kecil. Itu ketiga-tiga tempat di tempat itu.

Jadi ertinya, kedudukan rakyat yang terpinggir itu tidak kita berikan perhatian. Kita anggap mereka ini sebagai '*melukut di tepi gantang*'. Ya lah, macam— tak boleh saya sebutlah, minta maaf— macam haiwanlah kita beri makan sikit-sikit, selesai. Kita tidak mahu angkat martabat mereka, kesihatan mereka, kekuatan daya fikir mereka untuk kompetensi mereka, untuk membolehkan mereka menjadi rakyat yang boleh mandiri yang ada maruah dan harga diri.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bajet kita ini, Tuan Yang di-Pertua, bajet yang tidak melihat masa depan, yang tidak membina masa depan. Kita utamakan Jabatan Perdana Menteri, bajetnya ditambah. Tahun 2005, RM5.2 bilion. Kemudian tahun 2016, RM20 bilion. Bajet dari pusat pengajian tinggi kita potong walaupun sebenarnya kalau kita lihat *problem* yang besar ini ialah di pusat pengajian tinggi. Penganggurannya tinggi, siswazahnya keluar menganggur. Kemudian kita tengok kedudukan segala kemudahan pendidikannya ketinggalan, profesor-profesor yang bertaraf profesor tahap tinggi mengundurkan diri, yang tinggal barangkali yang di tempat lain tidak berapa hendak terimalah. Minta maaf saya menyebutkannya. Profesor-profesor yang *qualified*, mereka mencari tempat lain kerana mereka tidak mempunyai kebebasan untuk membuat *research* dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, pusat pengajian tinggi ialah masa depan kita. Itu patut kita berikan perhatian supaya anak-anak didik kita tidak hanya *being certified*. Jadi kalau kita tengok sekarang, antara punca pengangguran ialah mereka ini mengejar *certificate*. Jadi pendidikan *as a process of certification*. *He is certified qualified but educationally he is not qualified*. Jadi, *they are not educated*. *They are only certificated*. Jadi bagaimana kita mahu mengatasi hal ini?

Ini perlu kepada kajian yang mendalam supaya anak-anak kita ini dimanusiakan menerusi proses pendidikan. Jadi pendidikan mesti kita lihat sebagai proses kemanusiaan, proses menjadikan manusia itu manusia, bukan proses memberikan *certificate*. Jadi kalau kita pakai *certificate*, kita akan cetak *certificate*, maka tiap-tiap tahun kalau— satu ketika saya pernah bertanya kepada Kementerian Pengajian Tinggi, dia sebutkan lebih 50 peratus siswazah yang keluar menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, ini pusat yang patut kita berikan kajian teliti kenapa hal itu berlaku dan itu peruntukan lebih kena diberikan supaya kita menjamin masa depan. *We have got to see* untuk masa depan kita, masa depan yang lebih baik untuk anak-anak kita. Ini ada kaitan dengan masa depan, Tuan Yang di-Pertua, siswazah-siswazah kita yang sudah keluar, sudah *graduate*. Ini ada yang diberitahu kemudian, diumumkan baru-baru ini yang perubatan sudah enam tahun belajar, buat *housemanship* dua tahun, empat tahun pula kontrak. Enam campur dua campur



empat, 12 tahun. Ini belajar apa ini, Tuan Yang di-Pertua? Jadi saya berharap kementerian memikirkan hal inilah. Jangan kerana kurang duit, seksa rakyat, seksa generasi muda yang mereka sudah terseksa belajar selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada hal-hal lain hendak sambung tetapi sebelum saya terlupa, saya hendak bawa urusan orang kampung saya dahulu. *Kang* takut tertinggal, esok dia bertanya, "*Mana Yang Berhormat, isu kami tidak dibangkitkan?*".

Batu Pahat ada Pusat Kesihatan Rengit. Ini sudah sama umurnya sejak saya sekolah rendah, tahun 50-an sampai sekarang. Sudah beberapa kali *wiring*-nya *short*, dah terbakar dan saya sudah beberapa kali juga dijanjikan dan orang kampung kata, "*Biasalah Datuk, janji*". Jadi, janji itu janji untuk tidak ditepati.

Saya diberikan pengaduan oleh lebih kurang 20 orang peniaga yang pernah berniaga di satu tempat, satu pasar lama, kemudian mereka diarah pindah kepada satu pasar baru dipanggil Pasar Murni. Mereka membantah dan oleh sebab mereka membantah, kemudiannya mereka dihukum. Sekarang ini walaupun telah 40 tahun berniaga dengan *track record* yang baik, mereka tidak dibenarkan pindah untuk tempat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, *concern* saya ialah soal keadilan. Kenapa tidak diberikan keadilan kepada mereka? Mereka juga ada hak untuk membantah tetapi jangan sampai mereka membantah oleh sebab bantahannya itu mereka kemudian dinafikan pula daripada berniaga di tempat yang baru. *They have families to go*. Mereka ada keluarga, ada anak, ada cucu, ada cicit yang hendak dijaga dan sudah 40 tahun sudah *spend* masa dalam perniagaan itu, dalam *business* itu, kemudian kita nafikan haknya. Saya harap kementerian melihat hal ini supaya keadilan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa ada lagi, poin yang terakhir yang saya hendak sebutkan ialah soal saya mencatatkan satu pantun di sini, Tuan Yang di-Pertua.

*Apa diharap padi seberang,  
Entahkan tumbuh entahkan tidak,  
Apa diharap bajet dibentang,  
Entah bersungguh entahkan tidak.*

## ■2100

Tak bersungguh ini pasal apa Tuan Yang di-Pertua? Faktor tirisnya hampir RM20 bilion ke RM30 bilion tiap-tiap tahun, kemudian *performancenya* 40 percent sahaja, kemudian rasuahnya baru-baru ini pasal Jabatan Air, RM100 juta itu *cash* ambil tiga hari mengira. Tak masuk lagi keretanya, duit luar negaranya. Jadi, bila kita

tengok ini Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat kampung bila dia tengok, bila kita tanya, bila kita cakap tentang Bajet ini bila balik, saya ada saya punya Parlimen di restoran dekat dengan warung, Tuan Yang di-Pertua. *[Bunyi loceng masa berbahas telah tamat]* Ha dah habis, saya hendak tamatkan sahajalah. Jadi, mereka menanyakan Bajet ini macam mana. Bila saya sebutkan, dia kata, “*Alah Datuk, ini cakap sahaja*”.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih membenarkan setengah saat. Jadi, saya minta maaf kalau ada salah dan silap. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Bukit Gelugor.

### **9.01 mlm.**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Belanjawan 2017. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak isu yang boleh dibangkitkan berkenaan Malaysia hari ini. *We have become a focal talking point* di kalangan masyarakat, bukan sahaja tempatan tetapi bukan juga masyarakat antarabangsa. Kita baru-baru ini terpaksa mendengar berita bahawa harga minyak juga telah pun naik walaupun Belanjawan diumumkan kurang dua minggu lalu. *We were not informed neither were we even given the slightest of hints*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *that such a price hike for oil will occur in less than two weeks after the so called Belanjawan 2017 was announced.*

Ini sudah tentunya Tuan Yang di-Pertua, akan menyebabkan kesusahan kepada rakyat yang saya telah pun mendapat berita. Saya dengar banyak rakyat mempunyai kesusahan, mengalami kesusahan dalam perkara ini. Akan tetapi pada masa yang sama, saya juga terkejut Tuan Yang di-Pertua, bila saya mendengar berita bahawa Ahli Parlimen Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini pergi ke China untuk urus niaga ataupun urusan *official*, urusan rasmi, untuk menjalankan perniagaan di China. Akan tetapi apa yang menakjubkan Tuan Yang di-Pertua, adalah kehadiran anak tirinya, *the presence of his stepson*, Riza Aziz yang juga dikatakan ataupun digambarkan sampai di China bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan isterinya Rosmah Mansor dan juga anak-anak yang lain.

Ini sudah tentunya Tuan Yang di-Pertua, merupakan satu penyalahgunaan. *With respect* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *this is clearly an abuse by the Prime Minister of public funds available to the Prime Minister exclusively*, dengan izin Tuan

Yang di-Pertua, di mana beliau telah pun membazirkan dana awam iaitu *tax payers funds* dengan membelanjakan ataupun memberi satu *holiday* kepada anaknya Riza Aziz, bukan-- *is it not as if Riza Aziz can't afford it* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Kita tahu berkenaan siapa Riza Aziz ini baru-baru ini. Sebelum laporan DOJ di Amerika Syarikat berkenaan, dengan izin, *the four letter word that has become a talking point* in Malaysia *and by that I mean 1MDB*, itu sudah menjadi satu *four letter word*. Kenapa saya kata ia menjadi satu *four letter word*? Sebab kita dilarang hendak membincangkan berkenaan *four letter word* ini seperti *four letter word* yang lain yang saya tak akan sebut di Dewan yang saya hormati ini. Akan tetapi *four letter word* 1MDB ini Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya dilarang untuk menimbulkan 1MDB ini atau *four letter word* ini? Sebab kononnya ianya *sub judice*.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang perlu kita timbangkan atau timbulkan di sini adalah berkenaan dengan isu spesifik yang telah pun saya timbulkan iaitu berkenaan dengan *tax payers money* yang dibazirkan dengan memberi peluang untuk Riza Aziz dan anak-anak Yang Amat Berhormat Pekan yang lain untuk pergi ke China. Saya memohon Tuan Yang di-Pertua, satu penjelasan daripada Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian yang berkaitan, berkenaan dengan kenapa *tax payers money* ini dibazirkan. Ini bukan kali pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam bulan Jun, kami juga diberitahu bahawa isteri Yang Amat Berhormat Pekan juga telah pun mengguna pakai satu *private jet* untuk pergi ke Istanbul di Turki. Satu *private jet* yang saya difahamkan adalah bahawa pesawat Emirates Airlines. Itu juga tidak diberi penjelasan yang sewajarnya. Memandangkan rakyat sekarang mengalami kesusahan yang amat teruk dengan penggunaan ataupun pemakaian GST dengan kenaikan harga minyak. Saya meminta penjelasan, kenapakah terdapat salah guna ataupun *an abuse*. *Why are these abuses prevalent*, dengan izin.

Isu yang seterusnya, berkenaan dengan apa yang telah pun ditimbulkan oleh rakan saya tadi, Yang Berhormat Puchong berkenaan dengan tiga Menteri yang sekarang Tuan Yang di-Pertua, diminta untuk memberi *statement* kepada IGP berkenaan dengan ucapan-ucapan mereka di Dewan yang termulia ini berkenaan dengan Bajet 2017. Dikatakan bahawa ucapan-ucapan mereka tersebut adalah melanggar ataupun kononnya melanggar Akta OSA yang saya juga difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bukannya satu perkara yang dikecualikan daripada kekebalan seperti *sedition*.

Jadi, persoalan yang timbul adalah kenapakah perlu Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan satu perkara di mana Ahli Parlimen *enjoys*, dengan izin, *Parliamentary privilege*, di mana perkara seperti ini tidak pernah berlaku di sepanjang sejarah

Parlimen. Bukankah IGP mempunyai kerja yang lain yang lebih *demanding*, dengan izin, seperti menangkap Jamal Yunus iaitu ketua apa yang kita tahu atau kenali sebagai *the red shirt*.

Baru-baru ini saya ada baca berita, beliau menyatakan apa yang amat serius pada 28 Oktober 2016 yang dilaporkan di dalam banyak akhbar di mana beliau menyatakan, saya *quote* apa yang dikatakan ataupun dilaporkan, "*We would not hesitate to do anything to stop the Bersih rally. For me, our struggle will continue even if we are bathed in blood.*"

## ■2110

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang amat serius. Ini ialah satu perkara yang mengancam keselamatan negara. *It is a breach and trap to national security. What is the IGP doing about it? Now*, sekiranya IGP tidak mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangkap Jamal tersebut, adakah itu *that will be* satu *dereliction of duty on the part of the IGP*. Persoalan yang timbul Tuan Yang di-Pertua adalah adakah IGP akan bertanggungjawab sekiranya apa-apa yang tidak kita mahu berlaku memang berlaku? *Who is going to be answerable in the event* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *at disaster were to occur as a result of this Jamal Yunus being left unapprehended?*

Apakah tindakan Tuan Yang di-Pertua yang diambil terhadap Ali Tinju di mana beliau telah pun mengatakan ataupun memberi satu *death threat* terhadap Ketua Bersih Marina Chin Abdullah baru-baru ini? Beliau ditangkap, *statement* diambil tetapi selepas itu apa berlaku? Langsung tiada apa-apa tindakan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi IGP ini ada kerja yang lebih berat seperti menyoal Yang Berhormat Pagoh, menyoal Yang Berhormat Tambun dan menyoal Yang Berhormat Semporna. Ya, *are those matters expressing as those as the danger posed by people like Jamal Yunus and Ali Tinju? Will the IGP be held negligent in the event a disaster were to occur?*

*I urge* Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri dan kementerian yang berkenaan berkaitan dengan apakah tindakan-tindakan yang diambil ataupun dicadangkan diambil oleh kementerian-kementerian tersebut termasuk dengan IGP untuk mengelakkan apa yang tidak diinginkan berlaku pada *assembly* Bersih yang akan berlaku dalam bulan ini?

Saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua dengan isu yang seterusnya iaitu berkenaan dengan apa yang telah pun juga ditimbulkan oleh rakan bijaksana saya Yang Berhormat Puchong tadi. Untuk rekod, saya ingin memohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua daripada Kementerian Pendidikan berkenaan dengan cikgu yang

dikatakan membuat *molestation* terhadap pelajar-pelajar dan di mana satu laporan polis telah pun ditimbulkan. Saya juga meminta penjelasan kenapa beliau ditransfer sahaja?

Kenapa dia tidak digantung ataupun *suspended pending inquiry*? Ini adalah dengan izin Tuan Yang di-Pertua beberapa peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang untuk mengelakkan beliau melakukan perkara yang terkeji tersebut kepada pelajar-pelajar lain.

Juga perlu ditimbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua, perlu saya timbulkan dan saya banyak kali menimbulkan perkara ini. Saya menimbulkan dan saya akan tanya sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, *why*, kenapakah kerajaan tidak berniat untuk mengekstradisi Sirul Azhar Umar dari Australia ke Malaysia? *Why is the government afraid of Sirul?* Banyak kali saya tanya soalan ini. Selalu saya dapat jawapan yang sama. Jawapan kita adalah kita dalam proses. Sudah satu tahun lebih Tuan Yang di-Pertua kerajaan dalam proses mengekstradisi Sirul.

Adakah Sirul mempunyai rahsia yang kerajaan takut? Adakah Kementerian Dalam Negeri takut untuk mengekstradisinya? *We are become a laughing stock now because not of 1MDB alone but because of the model Altantuya where two police officers dengan izin Tuan Yang di-Pertua can murder a woman brutally with no motive. Two police officers who are government servants at the time can brutally blow up a woman. And until today more than ten years later we don't know why she was blown up. That is ridiculous, as ridiculous as the 1MDB.* Itulah sebab Malaysia sekarang *has become a laughing stock.*

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua *of course* berkenaan dengan isu banjir yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini di mana kawasan Bukit Gelugor kebanyakannya dilanda banjir. Di kawasan Ayer Hitam, saya tidak akan mengambil masa lama *just* isu yang terakhir ini. Kawasan Ayer Hitam, kawasan 'Farlim', 'kawasan ..' dan saya suka ingin meminta penjelasan daripada kementerian yang berkenaan kenapakah alokasi ataupun *allocation* yang diminta oleh kerajaan negeri iaitu berjumlah RM350 juta sejak dari tahun 2008 kalau tidak silap saya, sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua tidak langsung diberi kepada kerajaan negeri untuk menangani masalah banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang? Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya membantah terhadap bajet tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Selepas Yang Berhormat Pengkalan Chepa,

Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Pasir Puteh, ya. Selepas itu kita boleh sambung esok.

### 9.16mlm.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Wata'awanu alal birri wattaqwa walaa ta'awanu alal itsmi wal' udwan wattaqullah. Sadaqallahul azim.* Maksudnya, "hendaklah kita bertolong-tolongan dalam perkara kebajikan dan takwa dan jangan sekali-kali bertolong-tolongan dalam perkara dosa dan perpecahan." Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya di akhir-akhir ucapan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini penggal pertama saya sebagai Ahli Parlimen dan saya telah mendengar dan meneliti empat kali pembentangan bajet *start* dari tahun 2014, 2015, 2016 dan 2017 dan pada pemerhatian saya, saya melihat ia seperti lebih kurang sama.

Hutang negara semakin tinggi, cara pembentangnya pun sama, unjuran perbelanjaan mengurus dan pembangunan juga sama. Cuma janji-janji rakyat juga sama berbeza kali ininya hanya dibawa wakil-wakil penerima. Itu sahaja.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan yakni antara bajet yang dibentang dengan perbelanjaan sebenar untuk tahun 2014, 2015, 2016 ini untuk kita melihat sama ada Bajet 2017 ini dapat direalisasikan ataupun tidak. Yang kedua persoalan saya cuba tidak menyentuh persoalan 1MDB ataupun RM2.6 bilion dan lain-lain salah tadbir yang telah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Dewan sama ada secara langsung daripada pembangkang mahupun tidak langsung daripada pihak kerajaan. Ini merupakan manifestasi bahawa kita semua sayang kepada negara dan kita ingin melihat negara kita maju di depan hari.

Jadi untuk itu, saya mohon kepada pihak kerajaan untuk mengambil kesemua teguran-teguran ini yang dibuat pelbagai cara. Ada yang kasar, ada yang kuat, ada lemah dan sebagainya tetapi saya kira pihak kerajaan memahami hasrat untuk melihat negara ini tidak kecundang dek perkara-perkara yang salah seperti urus tadbir yang tidak betul dan sebagainya. Saya minta kerajaan sungguh-sungguh bertegas dalam perkara ini dan mencipta mekanisme-mekanisme tertentu untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, tak ada sebuah negara yang hancur kerana ketegasan. Negara yang hancur adalah kerana penyelewengan. Apa sahaja bentuk penyelewengan itulah yang menghancurkan negara dan bukan sesekali ketegasan. Oleh itu saya menuntut ketegasan daripada kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana negara atau pun sebuah kerajaan, mana-mana kerajaan ia ialah dia mempunyai kuasa dan kuasa yang ada itulah dia membentuk undang-undang mengadakan peraturan, mengenakan apa-apa kenaaan kepada rakyat untuk mendapatkan pendapatan kepada kerajaan.

■ 2120

Jadi dengan berhempas pulas mendapatkan sumber pendapatan dan rakyat juga berkorban untuk membantu kerajaan, sayang seribu kali sayang sekiranya kita yang diamanahkan untuk menjaga kewangan negara ataupun urus tadbir negara ini tidak menjalankan tugas kita dengan sebaik mungkin. Mengenai pendapatan negara ingin saya mencadangkan beberapa perkara dan saya harap pihak kerajaan dapat mengkaji, meneliti apa yang saya ingin sebutkan dan perkara ini telah pun dilaksanakan di negara-negara lain. Mengenai pendapatan negara, ada beberapa perkara saya ingin cadangkan.

Pertama kita melihat cukai tambahan bagi mereka yang sangat kaya atau maha kaya. Di UK, jumlah pendapatan £900,000 setahun cukai yang dikenakan 45 peratus. Saya bukan hendak kita mengenakan 45 peratus tetapi saya ingin kerajaan mengkaji kerana saya dapati ada di kalangan rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan RM1 juta setahun, RM2 juta setahun, malah ada RM3 juta setahun. Jadi kerajaan perlu melihat di dalam kekayaan ini untuk mendapat - menambah pendapatan negara, sama ada kita hendak meletak dia 20 peratus ataupun 30 peratus.

Kedua cukai kekayaan ataupun simpanan. Bagi orang Islam selesai. Cukup *haul* setahun, 2.5 peratus kita keluarkan. Akan tetapi bagi yang bukan Islam, cukai simpanan ini ataupun *waive tax* ini tidak dikenakan. Kita dapati terdapat RM1.6 trilion dalam simpanan. Kalau 1 peratus pun kita sudah dapat RM16 bilion. Kalau 2.5 peratus kita dapat RM40 bilion. Begitu jugalah cukai yang boleh kita ambil di atas cukai pegangan saham. Bagi orang Islam, pegang saham RM100 setahun, juga dikenakan zakat 2.5 peratus. Kita ada RM1.66 trilion saham. Maknanya kalau kita dapat 2.5 peratus atau 1 peratus, GST yang menjadi kebanggaan kerajaan boleh difikirkan mengenai sama ada diturunkan *percentage* dan sebagainya kerana dia sudah dapat mengatasi kewangan negara.

Seperkara lagi produk kebanggaan kerajaan ialah BR1M. BR1M Tuan Yang di-Pertua naik daripada total RM4.6 bilion kepada RM6.8 bilion. Kita naik lebih kurang RM2.2 bilion. Saya berpendapat dan saya juga melihat sahabat-sahabat yang lain juga, kawan-kawan Ahli Parlimen juga, pemberian BR1M tidak boleh mengatasi masalah kemiskinan dan sebagainya. Dia merupakan *one-off* yang habis begitu sahaja duit kita. Sedangkan kita sendiri mempunyai masalah-masalah lain yang perlu

diselesaikan. Contohnya kalau kita tidak menaikkan BR1M, walaupun tidak menghapuskan, kita ada RM2.2 bilion. Sebuah hospital dengan kos per katil RM500 ribu seperti mana yang diumumkan, disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka dengan RM2.2 bilion, kita boleh membuat lebih kurang 10 buah hospital setahun.

Contoh yang paling mudah, 400 katil x RM500,000 per katil, kita dapat lebih kurang RM200 juta. RM2.2 juta kita dapat lebih kurang 10. Itu mudah. Selesaiannya sebuah hospital dengan kelengkapan yang ada, dia menyelesaikan banyak perkara. Dia boleh menyelesaikan *placement* doktor, penempatan doktor-doktor, doktor pelatih, hospital pelatih dan sebagainya dan banyak kita, dengan sendirinya kita boleh melihat kesan jangka panjang dari sudut kesihatan kepada rakyat.

Seterusnya, permasalahan yang kedua ialah masalah doktor diumumkan bahawa Gred 56 diwujudkan antara Gred 54 dan JUSA C. Saya tidak bersetuju dengan ini Tuan Yang di-Pertua. Alasannya untuk mengekang aliran keluar tenaga pakar keluar. Sebenarnya apabila kita mewujudkan Gred 56 ini, seolah-olah kita tidak menghargai tenaga pakar perubatan kita dan dengan mengadakan Gred 56 ini, merendahkan apa yang sepatutnya dia dapat JUSA C, dengan ini pada pandangan saya mereka akan lebih, makna tahu dengan kata lain, aliran keluar doktor pakar ini akan lebih tinggi dan dalam masa sekarang pun jumlah tenaga pakar ramai yang telah keluar dan berada di perkhidmatan swasta.

Kedua, *housemanship* doktor perubatan dan juga pergigian juga saya hendak undur sedikit Gred 56. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, dengan mengadakan Gred 56, berapa kerajaan boleh menjimatkan wang negara dengan mengadakan Gred 56 tidak terus kepada gred JUSA C. Berapa kerajaan dapat jimat setahun? Kedua masalah *housemanship*, doktor perubatan dan juga pergigian juga saya tidak bersetuju untuk kerajaan melantik secara kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar perubatan kalau kita jelujur orang kata, mereka adalah pelajar pintar daripada kanak-kanak sehinggalah mereka dapat segulung ijazah perubatan ataupun pergigian. Untuk memasuki *course* perubatan juga memerlukan kelulusan yang tinggi, gred 3.8 hingga 4.0. Payah, *course*-nya juga payah dan juga masa yang panjang. Masa payah belajar, masa yang panjang payah dan kos pengajian juga tinggi sama ada ditanggung oleh kerajaan mahupun ditanggung sendirian.

Dengan kita meletakkan kontrak, pertama soalan saya, berapa kerajaan boleh jimat kewangan daripada jawatan tetap kepada jawatan kontrak. Yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meletakkan jawatan ini kontrak dan juga serapan



kepada jawatan tetap itu bergantung, tidak kesemua akan diserap, ada dua isu. Pertamanya adakah yang tidak diserap itu, mereka yang tidak boleh bekerja dengan kerajaan, apakah kompetensi mereka ataupun apakah mereka selamat untuk bekerja di peringkat swasta. Seterusnya yang paling penting kita membunuh motivasi pelajar-pelajar cerdas untuk masuk kepada bidang perubatan dan pergigian kerana dilihat tidak ada lagi sudah kelebihan dan kedua-dua kursus ini.

Justeru itu menyahut kita pada tahun 2020 kita hendak nisbah doktor kepada pesakit 1:400 pesakit, 1 doktor, 400 pesakit. Sekarang ini kita masih memerlukan lebih kurang 30,000 hingga 35,000 lagi doktor. Maka saya rasa unjuran itu tidak dapat dicapai dan janji Menteri Kesihatan dalam satu ucapan beliau ialah pertama mengatakan doktor pakar tidak mencukupi, doktor tidak mencukupi dan beliau berjanji untuk mengadakan jawatan tetap adalah *contradict* dengan apa yang diumumkan dalam belanjawan baru ini.

Saya kira saya hendak beri kepada sedikit, walaupun saya banyak lagi, saya kena *skip* banyak. Dalam bajet Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 dengan tema "*Mensejahterakan Rakyat*", ada satu rangkap yakni merancang pelaburan domestik demi memperteguh ekonomi rakyat setakat mana ia telah dicapai. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Kelantan sebuah negeri dalam negara ini dan terikat dengan Persekutuan. Mana-mana negeri juga sedemikian dan tiada negeri boleh berdiri sendiri dari segi kekuatan kewangan dan lain-lain melainkan dengan gandingan Kerajaan Persekutuan yakni melalui konsep federalisme.

Infrastruktur asas di bawah senarai Persekutuan di Kelantan tertinggal jauh berbanding dengan negeri-negeri lain. Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya belum ada. Satu-satunya negeri yang belum ada lebuhraya adalah Kelantan. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, walaupun dijanjikan pada tahun 2016 akan diperuntukkan RM20 juta untuk memulakan kerja-kerja, tetapi tidak dilaksanakan dan dari Buku Laporan Ekonomi Baru menunjukkan setakat pra pembinaan. Apa yang dimaksudkan, saya pun tidak tahu. Pelabuhan juga kita tidak ada. *East Coast Rail* baru dibentuk.

Saya Tuan Yang di-Pertua, kalau saya meneliti benda-benda kemudahan asas ini, saya dapat bayangkan dengan sistem jalan raya yang baik dan menjimatkan masa, ECRL yang dapat mengangkut kargo dengan cepat dan mudah, lapangan terbang dinaik taraf, pelabuhan, kita boleh jangka pertumbuhan ekonomi Kelantan akan bergerak dengan begitu pantas.

#### ■2130

Dengan sendirinya pendapatan kerajaan negeri tidak bergantung lagi kepada sumber-sumber asli seperti pembalakan, perlombongan dan sebagainya. Maka justeru

itu saya berharap Kerajaan Persekutuan melihat perkara ini secara serius dan mempercepat pembinaan yang saya sebutkan tadi kerana ia melibatkan bumiputera yang ramai dan juga akan dapat membantu menambah pendapatan negara. Menghargai konsep *federalisme* juga adalah sangat baik sekiranya Kerajaan Persekutuan berusaha membayar balik royalti petroleum yang ter hak kepada negeri Kelantan juga JPP sepatutnya diwujudkan di Kelantan seperti tiadanya JPP di negeri yang diperintah oleh BN. Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Segala bantuan dan agihan kepada Kelantan perlulah dimasukkan ke dalam akaun Perbendaharaan Negeri.

Terakhir sekali, saya ingin mengulangi permasalahan tebatan laut di antara Pantai Cahaya Bulan (PCB) dan Kuala Besar. Tengkujuh akan kembali Tuan Yang di-Pertua, ombak besar bakal berlaku Tuan Yang di-Pertua dan hakisan yang melibatkan kediaman orang di sekitar Pantai Kundur hampir pasti berlaku Tuan Yang di-Pertua. Moga Allah melindungi penduduk-penduduk di sana. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua saya pohon agar tebatan laut ini disegerakan demi kebaikan rakyat miskin dan mensejahterakan kehidupan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Ya, Yang Berhormat Lumut selepas itu Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Pasir Puteh, ya. Sila Yang Berhormat Lumut.

### **9.31 mlm.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid**

**[Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah, Allahumma salli 'ala Muhammad.* Izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan memohon untuk menolak Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Mr. MO1. Saya selari dengan Yang Berhormat Subang, oleh kerana saya berpendapat pembentang bajet ini tidak sesuai. Mungkin saya boleh menerima bajet kalau dibentangkan oleh Menteri Kewangan II, saya lagi lebih selesa Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga mendapati bajet kali ini tidak disebut pun Negara Maju 2020. Mungkin disebabkan oleh Tun Mahathir telah keluar UMNO *kot* Tuan Yang di-Pertua. Sebaliknya pembentang bajet Yang Amat Berhormat Pekan menyebut TN50 atau Transformasi Nasional 50. Kita pun sudah wafat Tuan Yang di-Pertua, kita dengar sahajalah rasanya.

Tidak ada apa yang hendak dibanggakan Bajet 2017. Dari aspek pendidikan, tidak ada yang hendak digembirakan oleh pendidik dan juga pelajar. Pertanian macam itu juga. Dari segi *business*, cukai-cukai tidak adapun dikurangkan. Penggiat seni tidak ada apa-apa yang ditawarkan oleh Bajet 2017. Nelayan RM200 sebulan sahajalah

kalau tengkujuh. Begitu juga peniaga-peniaga kecil dan pemandu teksi sehingga menyebabkan tunjuk perasaan kerana tidak puas hati dengan bajet yang dibentangkan.

Memandangkan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat Tuan Yang di-Pertua, bajet yang dibentangkan ini setebal dua inci apabila diluluskan nanti satu huruf tidak akan diubah, satu angka juga tidak akan diubah dan kita akan luluskan. Maknanya kita tidak ada pilihan akan meluluskan Bajet 2017 walaupun saya tolak. Lebih baik saya bentangkan perkara-perkara yang saya rasa perlukan penjelasan daripada kementerian.

Antaranya Kementerian Pengangkutan, saya hendak penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan. Oleh sebab kita dapati berlaku pembaziran Tuan Yang di-Pertua. Dibuatnya marina di Pulau Mentagor bernilai RM20 juta. Sampai sekarang tidak boleh digunakan, tidak digunakan. Ini zaman Yang Berhormat masa itu mantan Dato' Seri Kong Cho Ha. Begitu juga dengan jeti telah dibuat di Sungai Pinang Kecil, sudah siap tetapi tidak boleh digunakan oleh sebab spesifikasinya tidak menepati spesifikasi asal. Ini kita perlu penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan.

Kemudian Kementerian Pengajian Tinggi. Saya mendapat maklumat kolej komuniti terdapat ramai pelajar-pelajar yang terpaksa berhenti Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab janji elaun RM500 sebulan atau RM300 sebulan yang harus diberi kepada pelajar tidak dapat ditunaikan oleh kementerian. Maka sebab itu saya ingin penjelasan kementerian apa sudah jadi dengan kewangan Kementerian Pendidikan Tinggi ini Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, ini kementerian Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, KPKT.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Ya, ya,

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *Alhamdulillah* dia ada lagi di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapatkan penjelasan Kompleks Sitiawan Sentral. Ini tanah kerajaan yang diambil alih oleh PBT, pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Manjung berkongsi dengan Syarikat Kinta Berkat Sdn. Bhd. memajukan kawasan tersebut seluas 52 lot tanah dan membuat kompleks-kompleks kedai dan kita tidak tahu siapa yang mendapat manfaatnya.

Kita lihat kaum bumiputera tidak lalu hendak beli, tidak mampu hendak beli oleh sebab nilainya yang tinggi. Saya hendak tahu sejak bila PBT ini dibenarkan untuk menjadi pemaju perumahan. Untuk itu saya minta penjelasan daripada kementerian lah. *Alhamdulillah* Datuk Halimah ada di sini.

Seterusnya saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Luar Negeri, bila hendak ambil alih Pulau Pisang ini. Kalau kita lihat kembali zaman Tunku Abdul Rahman kita kehilangan Pulau Singapura. Zaman Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi kita kehilangan Pulau Batu Putih tetapi zaman Tun Mahathir Tuan Yang di-Pertua, kita dapat Pulau Sipadan-Ligitan. Tun Mahathir berjaya meluaskan wilayah, membuka terumbu-terumbu di Laut China Selatan yang jauhnya lebih 200 kilometer daripada daratan. Beliau berjaya meluaskan wilayah dan wilayah-wilayah ini pula diduduki oleh tentera-tentera. Dalam hal ini kita minta penjelasan daripada Kementerian Pertahanan bila hendak naikkan elaun warga tentera yang duduk di barisan hadapan, di pulau-pulau terumbu yang terdedah dengan ancaman-ancaman cuaca dan juga serangan-serangan tentera yang bukan sahabat kita. Kita mintalah supaya dipertimbangkan untuk elaun mereka dipertingkatkan.

Seterusnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kita hendak dapat maklumatlah daripada Kementerian Sumber Asli oleh sebab tambakan Teluk Muroh di lakukan oleh kementerian ini pada tahun ini masih lagi belum siap yang dimaklumkan bernilai RM64 juta. Kita hendak mendapat penjelasan daripada kementerian apa pentingnya tambakan ini dilakukan oleh sebab ia mendapat bantahan daripada penduduk pantai dan juga nelayan-nelayan pantai oleh sebab ia telah mengganggu ketenteraman ataupun keselesaan dan kedamaian warga-warga di Pantai Teluk Muroh tersebut. Untuk itu Kementerian Sumber Asli perjelaskan. Oleh sebab ia mendapat bantahan dan bantahan tersebut telah sampai kepada maklumat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga telah dimajukan kepada pihak SPRM.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri. Memang kita tidak nafikan keselamatan dalam negeri amat penting tetapi kita hendak minta bantuanlah daripada Kementerian Dalam Negeri khususnya kawasan Lumut yang selalu mendapat laporan kehilangan kabel menyebabkan gangguan internet. Oleh itu kita minta kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri supaya memberi sedikit tumpuanlah kepada rintihan rakyat Lumut ataupun Parlimen Lumut untuk mengekang kehilangan kabel yang kerap sangat berlaku dan menyebabkan aduan-aduan yang tidak sanggup saya menerimanya lagilah Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini berhubung dengan Hospital KPJ Damansara, di mana satu peristiwa kematian rakan, isteri kepada rakan saya, Komander Dr. Tan Kai Poh.

#### ■2140

Isteri beliau telah meninggal dunia semasa mendapat rawatan di KPJ Damansara. Apa yang diperhatikan, semasa kejadian berlaku, ICU KPJ Damansara

sendiri tidak beroperasi. Perkara ini telah diadakan kepada Kementerian Kesihatan dan sehingga sekarang masih lagi belum dapat jawapan yang mutlak. Kita hendak tahu apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian ke atas Hospital Pakar KPJ Damansara ini.

Sekian daripada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh. Tadi saya sudah sebut *last* Yang Berhormat Bukit Katil. Masa saya tanya tadi tidak ada yang bangun. Ya.

#### 9.41 mlm.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Membaca doa dan selawat] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berucap secara ringkas sahaja. Saya sebenarnya tidak bercadang untuk bercakap kerana nombor saya paling akhir sekali tetapi kerana di sebelah sana tiada seorang pun daripada *backbenchers* yang ada untuk bercakap, maka peluang ini saya ambil untuk bercakap dalam masa yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat berada di Dewan yang mulia ini. Dalam beberapa hari yang lepas kita dapat melihat bermacam-macam yang berlaku di sini. Walau bagaimanapun, Dewan kita dapat berjalan dengan lancar sehingga ke waktu ini untuk kita membincangkan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari.

Saya ingin mulakan dengan satu ayat daripada Surah al-Isra' yang berbunyi... *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]* Maksudnya, “Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (*bakhil*) dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habis (*boros*) kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan. Sesungguhnya Tuhanmu lah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Dia jugalah yang menyempitkannya. Sesungguhnya Dia Maha Mendalam Pengetahuannya lagi Maha Melihat akan hamba-hambaNya”.

Sedikit yang kita dapat daripada ayat ini, kita diminta oleh Allah SWT supaya bersederhana di dalam perbelanjaan kita. Kalau dalam bajet, kita inginkan keseimbangan. Bukan terlalu boros sehingga kita berdefisit dan bukan terlalu *bakhil*— kita ada simpanan yang banyak tetapi kita tidak gunakan untuk kepentingan rakyat, negara dan perancangan-perancangan yang penting untuk masa depan kita.

Jadi, bajet ini adalah pilihan yang dipilih oleh kerajaan kita, bagaimana untuk kita mengurus kewangan negara kita, merancang perjalanan masa depan kita untuk tahun hadapan, perbelanjaan yang perlu untuk kemakmuran rakyat untuk memperkembangkan lagi jentera kerajaan, untuk menjamin masa depan yang gemilang bagi rakyat Malaysia dan seterusnya memberikan kegembiraan, kesenangan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia ini.

Kalau kita lihat kepada bajet kita ini, maka kita akan mengetahui bahawa di sana itu kita akan dapat melihat hasil yang dijangka kita akan dapat untuk tahun depan dan kita akan melihat di sana itu bagaimana perbelanjaan yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat Malaysia ini. Bukan hanya tahun depan tetapi masa-masa yang akan datang juga, *insya-Allah*. Anak cucu kita, *insya-Allah*. Jadi apa yang kita lakukan, yang dirancang ini boleh menentukan keadaan masa depan kita dan juga anak cucu kita.

Jadi, hasil daripada pendapatan kita, kebanyakannya kita lihat ialah daripada cukai-cukai dan cukai-cukai ini bermacam-macam yang kita lakukan untuk mendapat hasil. Daripada hasil ini, kita lihat bahawa ada di sana itu hasil GST dan dijangka hasil GST ini pada tahun depan meningkat daripada RM38 bilion tahun ini akan naik kepada RM40 bilion.

Dalam perbincangan kita di Dewan ini, kita lihat bahawa di sana itu dengan keadaan ekonomi global yang agak merunsingkan dan prospek yang dijangkakan malap pada tahun yang akan datang dan keadaan yang kita lihat sekarang ini di akhir tahun 2016 ini, keadaan perniagaan dan keadaan ekonomi yang berlaku sekarang di bawah, maka keadaan ekonomi tahun depan dijangkakan muram. Apabila kita melihat kepada keadaan ini, kita bimbang hasil daripada GST ini juga mungkin berkurangan. Mungkin tidak mencapai RM40 bilion sebagaimana yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, kita berdoa supaya, *insya-Allah*, dapat juga.

Akan tetapi tentang GST ini, saya lebih suka beri nama dia bukan GST tetapi *modified GST*. Kita tidak seperti GST-GST negara lain. *Modified GST*, kita adakan lebih banyak lagi barang-barang keperluan B40 atau orang yang miskin di negara kita ini, keperluan mereka ini kita *zero*. Kita tidak adakan apa-apa cukai GST ke atas barang-barang keperluan mereka. Maka ini dikatakan *modified GST*. Dia lain sedikit daripada GST-GST tempat lain yang menyeluruh kepada semua barang. Sedikit sebanyak, apabila di-*modified*, saya rasa lebih tenang sedikitlah untuk menerima atau menolak GST ini.

Saya rasa mungkin kita tidak dapat tolak GST kerana banyak negara dunia pun sudah melaksanakannya tetapi kita *modified*-kan dia supaya dia tidak berlaku zalim

kepada golongan yang miskin di kalangan rakyat Malaysia ini. Jadi, sekurang-kurangnya kita mengurangkan beban kepada mereka untuk membeli makanan mereka, untuk membeli pakaian mereka dan keperluan asas yang perlu kepada mereka. Jadi ini kita kena fikirkan lagi apakah lagi keperluan-keperluan B40 ini supaya cukai GST ini tidak kita laksanakan kepada mereka.

Ini tentang hasil yang kita akan dapat. Hasil ini sebenarnya tidak mencukupi untuk pembangunan atau perbelanjaan kita pada tahun hadapan. Kita hanya ada lebihan RM5 bilion sahaja daripada apa yang kita pungut ini untuk melakukan pembangunan di dalam negara kita, sedangkan kita perlu kepada pembangunan yang pesat untuk membangunkan negara kita. Maka, kita terpaksa meminjam.

Meminjam ini, saya ingin *elaborate* sedikit dalam isu meminjam ini. Adakah meminjam ini digalakkan dalam Islam? Tidak. Bahkan kita selalu diminta untuk berdoa sebagaimana Rasulullah ajar kita... [*Membaca sepotong doa bahasa Arab*] Kita minta berlindung daripada ditekan oleh hutang. Hutang ini cukup bahaya. Akan tetapi sistem kita sekarang ini, sistem ekonomi dunia dan sistem yang kita amalkan dalam negara kita adalah sistem perbankan *riba'*. Maknanya sistem ada *interest*. Sistem yang kita tidak boleh elak. Ia bukan sistem yang bertepatan dengan Islam. Ia bercanggah dengan Islam. Kita berada dalam suasana yang mana kita kata ini adalah suatu yang darurat yang kita terpaksa lalui, negara terpaksa lalui. Reda atau tidak reda, perlu atau tidak perlu, kita terpaksa melalui sistem *riba'* ini dan sistem ini memang menggalakkan kita meminjam daripada bank-bank, daripada dana-dana kewangan mana-mana sahaja untuk kita melakukan perniagaan kita hatta untuk pembinaan rumah yang kita idam-idamkan itu.

#### ■2150

Yang Berhormat Bagan Serai, saya suka sahabat saya, silakan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ringkas sahaja, jangan panjang, banyak lagi hendak cakap.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap. Saya mendengar dengan berhati-hati, teliti perbincangan ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Pasir Puteh, hutang ini saya hendak tanya adakah hutang ini *totally* salah? Kita ada sistem, contohnya sistem pinjaman daripada bank-bank yang mengamalkan sistem syariah. Bukankah dalam kehidupan kita, banyak kita meminjam. Umpamanya, orang yang hendak beli rumah, mana ada orang boleh beli rumah *cash*, orang meminjam. Kalau orang beli kereta, mana ada orang beli kereta *cash*, orang meminjam.

Jadi, maksud saya Yang Berhormat Pasir Puteh, maksud saya meminjam ini, berhutang ini adakah ia betul-betul salah? Ini sebab apa kita lihat untuk kebaikan pembangunan dan sebagainya, kita meminjam untuk kemaslahatan rakyat umpamanya. Walau bagaimanapun saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Pasir Puteh itu satu doa yang sangat baik yang patut kita amalkan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pasir Puteh tentang ini, tentang hutang itu kalau kita bagi gambaran hutang itu *totally wrong*, dengan izin, adakah ini betul sebenarnya?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tidak mengatakan hutang itu tidak boleh. Dalam Islam ada hutang, ada Ar-Rahnu. Dalam kehidupan kita ini Nabi S.A.W pernah berhutang, dengan siapa? Dengan orang Yahudi dan Rasul membayar hutang itu dan begitulah juga keadaan hidup dahulu, Rasulullah S.A.W sendiri terpaksa berhutang. Kita tahu Rasulullah S.A.W tidak ada istana besar seperti kita sekarang ini. Rasulullah S.A.W hanya duduk dalam bilik-bilik yang kecil di sebelah masjidnya. Akan tetapi Baginda Rasulullah S.A.W bahagia, sahabat-sahabatnya hidup bahagia dan mereka berjaya di dunia ini, menawan dunia pada masa itu, di akhirat nanti *Insyaa-Allah*, mereka akan mendapat syurga yang dijanjikan oleh Allah. Akan tetapi kita sekarang ini dengan kekayaan yang begitu banyak, pinjaman yang begitu banyak, hutang yang begitu banyak dan kita membuat istana, membuat rumah, membuat jalan, buat itu buat ini, projek-projek ini, maka kita akan menanggung hutang. Bebanan hutang ini akan mencekik sesiapa sahaja, akan menjadi seorang yang kuat menjadi lemah, menjadi seorang yang bebas, yang merdeka, menjadi hamba kepada sesiapa yang *control* kewangan ini.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, sedikit.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Inilah bahaya hutang ini kalau hutang ini terlalu mencekik dan menindas seseorang itu atau sesebuah negara itu. Silakan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Soal perumahan rakyat, di mana ada rakyat yang tidak mampu ataupun tidak menepati syarat untuk meminjam tetapi kerajaan mengarahkan supaya bank-bank tersebut memberi pinjaman. Sedangkan hutang isi rumah kita sudah begitu tinggi. Apakah tindakan kerajaan memberi pinjaman ini, mengarahkan bank beri pinjaman ini boleh menerukkan lagi mereka yang tidak layak meminjam dan menguntungkan pihak *developer*. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Inilah masalah kita. Kita kompaunkan, kita



meningkatkan lagi hutang-hutang kepada rakyat kita dengan menggalakkan mereka mendapatkan pinjaman-pinjaman ini. Bahkan dinaikkan lagi nisbah itu. Kalau dahulu RM120,000 sekarang dibenarkan sampai RM200,000, RM300,000, makna hutang semakin banyak dibenarkan kepada mereka. Bagaimana mereka hendak membayar dengan gaji mereka, dengan *income* mereka? Kita tahu kedudukan dunia sekarang ini, ketidakpastian pekerjaan mereka itu. Hari ini ada kerja, esok mungkin mereka dibuang kerja. Ini sebab pernah berlaku sekarang ini, 200,000 lebih penganggur-penganggur dan ramai di antara mereka ini yang dibuang kerja. Daripada MAS, daripada bank-bank dan sebagainya. Bermakna, di samping keinginan kita sebagai manusia inginkan kepada rumah, kita berhutang. Inilah yang akan menjerut tengkuk kita kepada bank-bank ini dan kita akan jadi hamba, bekerja setiap hari untuk membayar hutang, inilah bahayanya. Oleh sebab itu kita kena berjaga-jaga, kita kena berbelanja mengikut keupayaan kita. Jangan kita berbelanja lebih daripada kemampuan kita. Secara individu, secara kerajaan begitu juga. Dalam bajet ini kita mesti berbelanja mengikut keupayaan kita. Jangan kita berhutang terlalu banyak sehingga kita tidak mampu untuk membayarnya.

Untuk rumah ini, banyak cadangan-cadangan untuk rumah mampu milik dan sebagainya, rangsangan itu, rangsangan ini. Saya rasa ini tidak akan menyelesaikan masalah. Kita mesti memperbanyakkan rumah kerajaan untuk disewa kepada rakyat kita. Supaya mereka tidak perlu membuat pinjaman kepada bank-bank untuk membayar harga rumah ini. Keperluan kita ialah tempat untuk berteduh. Kita tidak perlu pada rumah untuk kita miliki, betulkan? Kita terpaksa bayar hutang kepada rumah-rumah ini. Tidak payah beli rumah ini, sewa sahaja, perbanyakkan rumah sewa. Ada satu program sewa sahaja tidak payah beli, kerajaan memiliki rumah itu. Kalau sewa beli lagi boleh kalau ada, boleh juga. Akan tetapi bagi saya tidak payah ada rumah, kita galakkan rakyat kita untuk menyewa. Untuk itu, kerajaan boleh membuat rumah yang banyak di tanah-tanah kerajaan atau tanah yang dibeli oleh kerajaan dan seterusnya membina rumah-rumah yang murah untuk anak-anak kita, untuk pemuda-pemuda kita yang baru kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Kita tidak perlu kepada rumah yang banyak. Sewa, buka rumah yang banyak untuk disewa, ini yang kita hendak. Banyak lagi ini, bagi dua minit lagi boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Cukuplah.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Cukuplah? Banyak lagi ini. Ada seorang lagi sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua, tiga lagi yang bangun.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Siapa lagi? Tidak ada, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin dengan Yang Berhormat Bakri.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya tidak sempat hendak masuk *point* yang kedua, minta maaf, lain kali tidak apa, dalam Jawatankuasa nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

#### 9.57 mlm.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam reformasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam buku bertajuk *Against Elections* ataupun melawan ataupun Menafikan Pilihan Raya, karya David Van Reybrouck seorang tokoh pemikiran sains politik muda daripada Eropah. Telah melontarkan dua soalan pokok untuk memandu setiap isu yang berbangkit hasil daripada kesan demokrasi pilihan raya dan sebagainya. Apa dia dua persoalan itu? Pertama ialah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *efficiency* iaitu keberkesanan. Persoalan yang dilontarkan oleh beliau ialah berapa lama masa yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul, itu yang pertama.

Keduanya ialah soal keabsahan ataupun legitimasi. Di mana beliau melontarkan soalan adakah rakyat setuju dengan penyelesaian yang diberikan oleh kerajaan. Ini ada dua perkara. Pertama, soal keberkesanan, masa yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan suatu masalah. Keduanya, adakah rakyat setuju dengan penyelesaian tersebut. Saya hendak mula dengan kerangka itu Tuan Yang di-Pertua kerana dalam perbincangan belanjawan ini kita mesti ada kerangka yang jelas. Oleh kerana kalau tidak, perbincangan kita hanya bertumpu kepada isu-isu yang terlalu kecil untuk dibahaskan dan tidak dalam dua kerangka tersebut.

Misalnya, saya ambil contoh soal kajian Khazanah *Research Institute*. Oleh kerana sekarang ini baru sahaja sambutan Deepavali, saya ingin bawa misalnya

contoh ataupun *findings*, dengan izin, yang dikemukakan oleh Khazanah. Satu institut kajian yang dipengerusikan oleh Noh Yaakob dan juga satu institut pendidikan yang banyak membantu kerajaan dalam membuat penilaian. Saya ingin tanya kepada kerajaan, apakah pendirian kerajaan tentang dapatan-dapatan tersebut? Antaranya yang membimbangkan kita ialah misalnya, peluang pendidikan antara kaum. Apakah Belanjawan 2017 ini boleh *address*, dengan izin, boleh menyelesaikan masalah jurang pendidikan antara kaum? Misalnya, dinyatakan di dalam laporan tersebut, hanya 5 peratus rakyat masyarakat India mendapat pendidikan tinggi berbanding dengan 33 peratus Bumiputera dan saya percaya ini termasuk orang Melayu dan juga 44 peratus bangsa Cina.

■ 2200

Kalau diambil kira 5 peratus itu bermakna jurangnya terlalu besar. Apakah saya sebutkan tadi, apakah penyelesaian segera kerajaan terhadap isu ini dan apakah penyelesaian ini boleh membantu meningkatkan mobiliti dengan izin kemajuan rakyat kesemua kaum di dalam negara ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita juga ingin tanya kepada pemerintah, kepada kerajaan di manakah keutamaan kerajaan dalam perkara-perkara yang membabitkan sektor yang lebih penting misalnya pendidikan. Kita lihat misalnya Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dipotong bajetnya. Kajian juga dipotong, kajian pembangunan dan *research and development* juga dipotong. Kita juga lihat subsidi dipotong tetapi dalam masa yang sama, kita dapat berita daripada negara China bahawa Perdana Menteri berjanji ataupun telah membuat pengumuman dengan izin *there is going to be a significant deal, defends deal*. Ada satu perjanjian yang *significant* berkaitan dengan pembelian senjata dan pertahanan.

Jadi kita ingin tanya di manakah keutamaan kerajaan. Di sini dipotong dengan subsidi dan sebagainya tetapi di luar dimaklumkan kepada dunia bahawa kerajaan ini sekarang ini sedang berbelanja, kalau diikutkan *significant* bermaksud berbelanja besar untuk pertahanan negara. Jadi saya ingin tanya apakah keutamaan kerajaan dalam hal ini kerana kalau kita lihat kesan daripada subsidi dipotong ini misalnya minyak masak. Tadi saya baca *Sin Chew Daily*, *Sin Chew Daily* melaporkan lima kilo minyak *Red Eagle*, minyak masak dulunya RM14.70 sekarang ini RM23.70. Meningkatkan RM9 ataupun dari segi peratusan peningkatan 61.2 peratus.

Jadi kalau ini berlaku, kita yakin kesannya ialah akan berlaku misalnya kenaikan harga roti canai. Mungkin kalau kerajaan akan kata jangan makan roti canai, ini untuk memastikan kita sihat. Macam saya banyak juga makan roti canai sebab itu sihat macam ini. Mungkin itu alasan kerajaan tetapi yang lebih penting Tuan

Yang di-Pertua, apakah keutamaan kerajaan dalam perbelanjaan ini kerana saya tidak boleh *tolerate* ataupun tidak boleh kompromi soal pengurangan dari segi belanja pendidikan, belanja untuk memastikan agar perkara-perkara asas di dalam negara ini tidak dibebankan dengan sebegitu teruk oleh rakyat. Kita juga pada hari ini dibebankan dengan kenaikan harga petrol 15 sen, harga petrol RON, dua-dua RON dan juga diesel 15 sen. Jadi ini juga menambahkan lagi atau menggemukkan lagi kos rakyat. Dalam belanjawan ini tidak *address* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak memberikan hala tuju yang lebih jelas bagaimana perjalanan kerajaan dalam memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah soal yang dibangkitkan saya percaya oleh rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain berkaitan dengan teksi dan juga *ride sharing*. Saya misalnya semalam seketika balik ke kawasan sebentar kerana meraikan rakan-rakan masyarakat India dalam pesta Deepavali. Ramai daripada mereka yang datang bertemu saya terutamanya pemandu-pemandu teksi dan menyatakan, meminta saya membawa ke dalam Dewan tentang masalah mereka. Mereka agak kecewa dengan pengumuman kerajaan tentang Uber. Dalam masa yang sama mereka menyatakan bahawa sehingga sekarang pemandu teksi merasai keperitan hidup yang amat sangat sehingga menyebabkan mereka terpaksa memikirkan untuk melakukan kerja-kerja yang lain.

Jangkaan pada tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, jangkannya ialah industri teksi ini akan gulung tikar kalau tidak dibantu dengan prasarana yang lebih jelas daripada kerajaan. Setakat tahun ini sebanyak 20,000 buah teksi telah dipulangkan semula kepada syarikat-syarikat teksi. Jadi kita ingin tanya kepada kerajaan, bilakah kerajaan akan menghapuskan permit-permit teksi ini kepada syarikat-syarikat yang memonopoli industri teksi kerana antara perkara yang disampaikan kepada saya itulah mereka terpaksa bayar setiap hari bayaran-bayaran permit yang kadang-kadang tidak munasabah dan ini menyebabkan mereka merasa beban dan tentunya ini akan menyebabkan berlakunya perkara-perkara yang lebih teruk dari segi implikasi sosial dan ekonomi.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan ingin pemandu teksi ini beralih kepada Uber dengan menggalakkan kumpulan B40 ini untuk membuat Uber dan sebagainya. Apa yang diperlukan di sini pada hemat saya ialah apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyeimbangkan antara permintaan pelanggan yang suka kepada *ride sharing* dan menyelamatkan periuk nasi pemandu-pemandu teksi yang tentunya banyak berjasa kepada negara. Jadi sebab itu saya ingin nyatakan perlu adanya satu penyelesaian yang lebih bersifat manusiawi seperti

disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi dan penyelesaian holistik dalam tempoh jangka panjang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa sedikit isu FELDA. Kita tahu bahawa FELDA sekarang mengikut maklumat yang kita terima dan bertemu dengan peneroka-peneroka, mereka berhadapan dengan kelewatan pembayaran oleh FELDA. Ada peneroka yang menguruskan ladang sendiri mengalami nasib malang kerana sering mendapat pembayaran lewat dan FELDA cuma berikan alasan belum ada duit. Ia sering berulang setiap bulan. Jadi kita ingin tanya apakah benar ini berlaku kerana inilah laporan yang kita terima daripada bawah dan ke mana hilangnya peruntukan-peruntukan ini. Mengapa terjadinya masalah-masalah sebegini.

Malah laporan-laporan media misalnya *Sinar Harian* 10 Oktober tahun ini, ada satu kes di FELDA Pasir Besar, enam orang peneroka FELDA tertindas dengan tindakan FELDA yang tidak menyalurkan duit raya serta insentif selama tiga tahun hanya kerana mereka sepakat mengusahakan sendiri tanaman semula pada tahun yang lalu. Tindakan ini sudah tentulah tindakan membabi buta kerana telah mengikut peraturan yang telah ditetapkan FELDA dan mendapat kebenaran bagi menguruskan proses tanam semula kebun milik mereka. Jadi sebab itu saya ingin tanya juga kepada kerajaan, FELDA umum pembayaran dividen FGV melalui potongan FELDA dalam syarikat berjumlah lebih RM59.2 juta yang akan dibayar bersama duit raya. Jadi setiap peneroka akan menerima dividen sebanyak RM600 yang sememangnya hak peneroka tetapi mereka tidak dapat.

Saya juga ingin tanya kepada kerajaan, apa yang dah jadi dengan saham FGV. Saya masih ingat lagi Yang Amat Berhormat Pekan, ketika melancarkan FGV menyatakan bahawa kalau peneroka-peneroka tahulah besarnya, manfaatnya saham FGV ini mereka akan terkejut dan ada yang pengsan kerana melihat betapa banyaknya hasil yang mereka dapat. Akan tetapi sekarang ini kita nampak semakin teruk keadaan yang berlaku di FELDA. Jadi sebab itu saya ingin tanya apa akan jadi dengan FGV ini, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan agar saham ini tidak terus-menerus merudum dan akhirnya membebankan warga FELDA.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, rumah generasi kedua FELDA yang dijanjikan tiga tahun lalu oleh Perdana Menteri semasa himpunan Generasi Baru FELDA ialah projek perumahan Generasi Baru FELDA dan projek perumahan Warga FELDA. Projek sosial bagi memenuhi permintaan dan membantu generasi baru FELDA memiliki rumah mampu milik yang selesa dan sempurna. 6 Oktober tahun lalu, Yang Berhormat Jempol, Pengerusi FELDA umumkan sebanyak 20,000 unit rumah generasi kedua FELDA membabitkan peruntukan RM380 juta dijangka siap

sepenuhnya menjelang 2018 dan boleh dibeli dengan harga RM70,000 satu unit. Kenapa masih terlalu ramai peneroka mengeluh kerana projek ini tidak nampak bergerak di kawasan mereka.

Sebagai contoh di FELDA Tenang, Besut, EXCO kerajaan negeri menyatakan bahawa penduduk-penduduk tertanya mengenai perancangan pembinaan rumah generasi kedua FELDA memandangkan tiada perkembangan sejak dirasmikan tiga tahun yang lalu. Bilakah, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bilakah perkara ini akan diselesaikan kerana kebanyakan peneroka ini menuntut hak mereka, menuntut janji yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Kebanyakan peneroka generasi kedua FELDA juga masih gagal miliki rumah kerana tidak dapat pinjaman bank. Jadi kita ingin tanya apakah tindakan FELDA untuk menyelesaikan masalah ini. Bagaimana peneroka ingin tahu hasil yang mereka dapat, apa masalah sampai tidak diberi slip dan sebagainya, slip gaji dan sebagainya. Jadi sebab itu saya ingin bertanya kepada kerajaan, *please don't take this issue lightly* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana masalah FELDA ini satu masalah yang berasaskan kepada akar umbi masalah yang berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan Kedua yang telah pada hari ini membuat pengumuman bahawa terdapat duit-duit rakyat yang dibekukan di Switzerland. Saya baru sahaja pulang daripada Geneva dan kita dapat maklumat jumlah wang yang disyaki misalnya menggunakan Falcon Bank, bank swasta di Switzerland ialah berjumlah USD3.8 bilion dan bank tersebut telah disekat daripada beroperasi mengendalikan wang tersebut. Ini juga, setakat ini yang kita dah maklumkan Falcon Bank ini disiasat dan ini di atas kesalahan melanggar regulasi ataupun peraturan pengubahan wang di Switzerland.

Kita juga ingin apakah kerajaan bersedia misalnya untuk memastikan agar wang-wang yang dibekukan ini, yang dirampas di luar negara dimasukkan balik ke dalam negara kita supaya rakyat di sini terutamanya yang miskin sama ada di pedalaman Sabah dan Sarawak dapat mengambil manfaat daripada perkara ini. Perkara ini bukan baru.

#### ■2210

Misalnya di bawah Bank Dunia satu inisiatif antarabangsa untuk mengembalikan wang haram yang dicuri daripada negara-negara terlibat dipanggil sebagai *Stolen Asset Recovery* atau StAR seperti yang ditafsirkan di bawah *United Nations Against Corruption Convention*. Pemulihan aset dicuri ini lebih kepada pemulihan wang hasil

daripada rasuah besar dengan cara mengesan, membeku, merampas dan *repatriation of fund* dengan izin atau menukar wang daripada mata wang asing kepada Ringgit.

Dalam tulisan Daniel Scher bertajuk dengan izin "*Asset Recovery Repatriating Africa's Looted Billions*". Pemulihan aset antarabangsa mempunyai potensi membawa manfaat kepada negara-negara membangun menandakan usaha ini merupakan suatu pendekatan yang sangat menarik perhatian.

Begitu juga pengalaman di Kazakhstan bagaimana wang curi ini dikembalikan di bawah sebuah yayasan antarabangsa di bawah pengawasan Bank Dunia, BOTAF Foundation ditubuhkan. Setiap wang yang dikembalikan disalurkan melalui yayasan ini dan perlu disalurkan kepada rakyat Kazakhstan yang memerlukan bantuan. Hasilnya wang berjumlah USD115 juta berjaya dipulangkan dan seramai 200,000 orang rakyat di sana telah mendapat manfaat oleh usaha menyalurkan wang yang telah dipulihkan dalam banyak bentuk program kerajaan.

Oleh sebab itu saya ingin minta supaya Menteri Kewangan meneliti perkara ini. Sementara kita akui bahawa ada wang-wang di sana telah dibekukan mesti ada satu jalan. Misalnya kalau katalah Kerajaan Negeri Selangor ingin menggunakan enakmen-enakmen tertentu diluluskan di dalam Dewan Negeri Selangor untuk pulangkan wang itu. Kalau kata Kerajaan Pusat tidak mahu tidak apa, bagi kerajaan negeri. Kerajaan negeri ada Universiti Selangor, ada pelbagai institusi pendidikan. Bagi kita manfaatkan duit ini. Jadi kita tidak mahu dengar ada lagi masalah daripada segi pendidikan, tiada biasiswa dan sebagainya.

Oleh sebab itulah saya hendak minta kerajaan untuk mengambil serius perkara-perkara ini kerana ini merupakan suatu perkara yang memerlukan kepada tindakan. Saya sebutkan tadi tindakan yang efisien, tindakan yang segera yang perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhiri ucapan saya dengan mengambil sikap memuji ramai Ahli-ahli Parlimen yang bercakap tentang kesediaan mereka melawan rasuah sehingga ke akar umbi. Inilah saya rasa kagum kerana *both side of the House, opposition* dan juga *government, backbenchers* bercakap tentang rasuah. Kita tentu ingin sama-sama memastikan agar tidak ada rasuah yang berjemaah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya hendak akhikan dengan menukilkan satu pantun yang diungkapkan oleh Rendra, seorang tokoh sasterawan Indonesia yang menyatakan seperti berikut:-

*Terang bulan, terang di kali,  
Buaya timbul disangka wali,  
Katanya ada transformasi,  
Nyatanya tetap korupsi di sana sini.*

*Kalau ada sumur di ladang,  
Jangan diintip gadis yang mandi,  
Koruptor akalnya panjang,  
Pegulam negara dan hakim diajak kompromi.*

*Berburu ke padang datar,  
Mendapat janda belang di kaki,  
Koruptor terbang bersiar-siar,  
Wang rakyat dibawa lari.*

*Berakit-rakit ke hulu,  
Berenangnya kapan-kapan,  
Pencuri kecil diburu melulu,  
Perompak besar dimuliakan.*

*Kura-kura dalam perahu,  
Buaya darat di dalam sedan,  
Ada pemimpin tidak boleh ditiru,  
Korupsinya gila-gilaan.*

*Si tukang riba disebut lintah darah,  
Si hidung belang disebut buaya darat,  
Pedagang banyak hutang itulah konglomerat,  
Mereka yang berhutang yang bayar kok rakyat?*

*Aduh-aduh cantik si janda kembang,  
Sedang menyanyi si Jali Jali,  
Hujan emas dirantau orang,  
Banjir hutang di negeri sendiri.*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Habis masa itu, habis dah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin TN50 yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan itu bermaksud Tangkap Najib dalam masa 50 minggu. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Merapu semua ini, karut.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin.

### **10.13 mlm.**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih bagi peluang Stampin. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan mengatakan bahawa kita pernah mendengar pihak sana mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang paling hebat. Akan tetapi pada pendapat saya bukan sahaja Malaysia di bawah Kerajaan Barisan Nasional sebuah



negara demokrasi yang hebat itu salah tetapi sebuah negara yang penuh menjadi kleptokrasi yang paling hebat di dunia seperti yang dikatakan oleh ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Itu bukan saya punya teks. Saya petik daripada Amerika Syarikat apa yang mereka katakan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mungkin Yang Berhormat Stampin tidak ada dalam Dewan ketika Tuan Yang di-Pertua menjelaskan perkataan tersebut.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey jadi saya biarkan hal ini. Saya teruskan dengan ucapan saya boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi beberapa poin yang saya hendak bangkitkan iaitu pertama masalah judi haram di kawasan Stampin ataupun Bandar Kuching. Isu ini pernah saya bangkitkan banyak kali di Dewan yang mulia ini tetapi jawapan yang saya dapati daripada kementerian adalah tiada orang yang buat *report* di mana gejala judi haram ini semuanya *under control* dengan izin.

Akan tetapi dari *feedback* yang saya dapat daripada ibu bapa adalah kejadian judi haram masih berleluasa di kawasan kita. Contohnya di Batu 17 di Kuching, Sarawak. Contohnya di hadapan sekolah SMK Green Road masih ada lagi tempat judi haram di mana murid-murid sekolah selepas sekolah mereka boleh pergi terus kerana ia *opposite* sekolah dengan izin.

Jadi soalan saya kenapakah pihak polis tidak berupaya untuk mengatasi masalah ini? Saya memang harap bahawa pihak polis boleh mengatasi masalah ini dan masalah ini tidak wujud. Akan tetapi hakikatnya masalah ini masih wujud. Banyak kawasan di Kuching dan satu contoh ini saya hendak bawakan di Dewan yang mulia ini. Di depan sekolah, *this is too much* dengan izin.

Kita tahu sering kali apabila pihak pembangkang kita adakan *meeting* dengan izin, kita pergi ke sana, kita berucap, berceramah ada *special branch* yang ikut kita yang tidak berpakaian anggota polis. Kenapakah *special branch* ini tidak berupaya untuk menyiasat tempat perjudian haram ini? Akan tetapi tidak ada masalah apabila mereka hendak menyiasat pihak pembangkang. Kenapa kah apabila tidak ada laporan yang dibuat, polis tidak boleh buat sesuatu?

Jadi saya memang harap semua perkara ini tidak benar. Akan tetapi hakikat ia wujud. Jadi saya harap pihak yang berkenaan ya mungkin boleh saya tujukan kepada

IGP membuat sesuatu. Saya faham ini memang satu gejala yang susah ditangani tetapi tidaklah sampai di hadapan sekolah. Ini saya tidak boleh terima. Ini bukan kali pertama saya membawa isu ini di Parlimen. Sudah beberapa tahun. Jawapan yang saya dapat pihak polis akan berusaha sedaya-upaya, semuanya *under control*.

Saya sendiri pandu kereta pergi dan masih wujud. Jadi saya harap pihak yang berkenaan membuat sesuatu. Jangan biarkan gejala ini merosakkan masa hadapan anak kita kerana mereka sekarang begitu berani sampai buka di hadapan sekolah. Jadi saya minta kerajaan memberi perhatian yang sepenuhnya.

Isu yang seterusnya iaitu SGH iaitu Hospital Umum Sarawak sekali lagi sudah banyak tahun saya bawakan isu-isu Hospital Umum Sarawak di Dewan yang mulia ini. Suatu isu yang saya hendak bawakan ialah yang telah pun saya bawa berbincang di Dewan yang mulia ini iaitu melaksanakan *hospital information system* ataupun HIS di Hospital Umum Sarawak. Kita tahu, kapasiti di Hospital Umum Sarawak (HUS) sudah *over capacity* dengan izin. Jadi macam mana cara kita hendak mengatasi *over capacity* ini?

Walaupun kita sedang menunggu peruntukan daripada kerajaan untuk menambahkan lagi kapasiti iaitu *introduce* HIS. Laksanakanlah *hospital information system* yang di mana ia boleh menjimatkan masa bagi kakitangan hospital terutamanya doktor untuk menjalankan tugas mereka. Seperti yang terdapat di hospital umum di Selangor, di Kuala Lumpur. Mereka ada HIS. *Everything in system integrated* dengan komputer dengan izin. Ini boleh menjimatkan masa dan mempertingkatkan lagi dengan izin *effectiveness* kakitangan hospital.

Hari ini saya mendapat jawapan daripada kementerian. Ini saya hendak bacakan jawapan yang saya terima iaitu perancangan sedang dilakukan untuk melaksanakan *hospital information system* di beberapa buah hospital dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan 2* iaitu bagi tahun 2018 dan 2019.

#### ■2220

Antara hospital yang dilaksanakan adalah KKM adalah Hospital Umum Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM9.8 juta. Saya terima baik jawapan yang saya terima daripada kementerian akan tetapi saya hendak bangkitkan juga bahawa kenapa perlu kita tunggu sampai 2018. Hari ini kita membentangkan Bajet 2017, jawapan yang saya terima 2018 ataupun 2019. Ikut keupayaan kewangan kerajaan, berapa tahun lagi kita perlu menunggu sedangkan Hospital Umum Sarawak telah pun *over* kapasiti begitu banyak tahun sudah, satu dekad dan hanya RM9.8 *million* dan itu pun dua buah hospital KKM dan HUS.

Adakah RM9.8 juta pun kita tidak mampu hendak keluarkan? Sedangkan rakyat Sarawak telah pun menunggu begitu lama. *RM9.8 million, we have to wait again* dengan izin, 2018, 2019 itu pun jika ada keupayaan. Kalau tidak, berapa tahun lagi kita perlu tunggu? Dengan RM9.8 *million* sahaja, kita boleh mempertingkatkan keupayaan kakitangan di HUS sekarang juga, kenapa perlu kita tunggu *another two years, three years?* Itu pun tidak tentu lagi. Jadi saya minta, saya berharap Kementerian Kesihatan janganlah kita menunggu, janganlah kita biarkan hal ini begitu sahaja.

Saya hendak beri satu contoh lagi di HGH yang berlaku kebelakangan ini, kita ada satu kes di mana lif di HUS rosak di mana ada seorang ibu terpaksa melahirkan anak di dalam lif kerana lif rosak. *She trapped inside the lift* dengan izin dan terpaksa melahirkan anak di dalam lif HUS. Bersyukurlah ibu dengan anak selamat, memang bersyukur. Akan tetapi isu lif di hospital Sarawak ini adalah isu yang begitu sekian lama. Daripada enam buah lif, kadang-kadang dua buah lif yang berfungsi. Saya ada berita di mana ada orang yang meninggal disebabkan kanser, mayatnya terpaksa dibawa turun dengan menggunakan tangga kerana lif rosak. Enam buah lif tidak boleh pakai. Itu *service* saya pun tidak tahu dari mana, *which company* dengan izin. Hospital Sarawak, kementerian juga bersetuju adalah *one of the worst hospital, among all the hospital he visited in term of emergency, over capacity* dengan izin.

Kita semua tahu dan saya pun difahamkan bahawa kementerian akan membuat lif yang baru pada April 2018. *We are living in the modern world* dengan izin. Kita nampak banyak *shopping complex*, lif dibuat dekat luar kenapa? Kerana itu adalah satu *innovation* di mana lif boleh dibuat dengan segera. *Therefore the lift is outside the building* dan begitu cantik juga. *It can be enacted straight away* dengan izin. Jadi kenapa kah isu-isu lif ini tidak boleh disegerakan? Saya harap kementerian boleh membuat satu sekarang juga, janganlah kita menunggu.

Isu yang seterusnya mengenai jalan raya. Saya baca daripada buku bajet yang saya dapat itu, saya dapati bahawa penyelenggaraan Jalan Raya Persekutuan daripada 2016 Tuan Yang di-Pertua, daripada RM100 *million* kurang kepada RM40 *million* sahaja. Daripada RM100 *million* kepada RM40 *million* kepada Sabah, Sarawak dan Labuan. Turun RM60 *million*. Kita pun tahu Sarawak dan Sabah begitu jauh ketinggalan, *reduction of RM60 million. I want an explanation* daripada kementerian dengan izin. Banyak lagi jalan yang rosak, yang tidak baik.

Di kawasan saya juga contohnya kawasan Batu Kitang. Kawasan perindustrian Batu Kitang. Perindustrian tetapi jalan rosak sampai kereta Proton Saga, Myvi, Kancil semua tidak boleh limpas, apa lagi lori ataupun kenderaan industri. Nama sahaja perindustrian Batu Kitang tetapi jalan raya macam jalan kampung, begitu teruk. Jadi

saya berharap isu ini boleh disegerakan, kan kita ada *National Blue Ocean Strategy* di mana kita boleh menyelesaikan masalah dengan segera dan inovatif tetapi isu ini sudah sekian lama. Kawasan Batu Kitang ini ada banyak tempat perumahan yang baru, sudah berapa tahun internet pun tidak ada.

Satu lagi contoh saya hendak bagi dekat Metrojaya adalah satu *business district* yang terbesar di Kuching. Terdapat juga banyak perumahan yang baru di situ akan tetapi sampai sekarang tidak ada *Internet*. Tidak ada jalur cepat, jalur mudah pun, tidak ada. Sekarang zaman apa? Zaman buat *business* dengan internet. Ada Menteri di sebelah sana pun katakan, usahakanlah *internet business*. Macam mana usahakan *internet business*, *internet* pun tidak ada. Takkanlah *we depend on handphone* buat *business*. Bila balik rumah, rumah tidak perlu buat. Contoh tempat tinggal saya, Taman Cherrywood, sudah berapa, tiga tahun sudah tidak ada internet. Tidak ada satu regulasi di mana apabila sesebuah perumahan sudah siap, internet mesti disediakan dalam masa enam bulan. Ini bukan kawasan kampung saya cakap ini, ini kawasan bandar yang saya cakap ini. Kalau kawasan bandar pun menghadapi masalah ini, apakah lagi kita katakan hendak usahakan lebih cepat lagi, lebih murah lagi. Sarawak lagi ketinggalan.

UEC, Isu UEC pun lama saya bangkitkan. Jawapan yang sama juga diberikan oleh kerajaan. Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, adakah kementerian betul-betul serius, jadi saya hendak *specifically ask a question* kerana saya selalu nampak jawapan yang sama sahaja. Ketua Menteri Sarawak pun pernah mengatakan bahawa mereka hendak mengisytiharkan UEC, jadi sampai sekarang pernah kah pihak kerajaan Sarawak—dengar soalan saya betul-betul, pernah kah pihak Kerajaan Negeri Sarawak jumpa dengan *Federal Government* tentang isu UEC. Kalau pernah, bila dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat dan akan disediakan supaya hal ini boleh diisytiharkan dengan secepat mungkin? UEC diterima *even* di *Oxford University* tetapi negara sendiri tidak terima, memalukan. Jadi soalan saya spesifik. Pihak dari Sarawak siapa, bila dan langkah.

*Blue Ocean Strategy, we have Blue Ocean Strategy*. Orang lain ada *lean management, Six Sigma, every time* kita katakan, *when we set a goal, it must measure* apa? *Quantifier!* Jadi apakah *valuable* yang *quantify* pada *measure* apa, daripada kementerian dengan izin. Itu sahaja kerana masa tidak cukup. Saya akan tamatkan saya punya perbincangan, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Bakri membahaskan Bajet 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** saya tidak jemput lagi Yang Berhormat Bakri. Saya ingat Yang Berhormat Bakri boleh berucap masa Jawatankuasa ya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita tamat pukul 10.30.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Saya rasa satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu minit?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**10.29 mlm.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** 1961, KDNK negara adalah setara dengan Korea Selatan di mana KDNK negara pada ketika itu adalah USD2.42 bilion. Manakala KDNK Korea Selatan adalah USD2.63 bilion, namun begitu pada tahun 2014 KDNK negara hanya mencecah USD338.10 bilion. Manakala KDNK Korea Selatan pula melonjak kepada USD1411.33 bilion walaupun Korea Selatan tidak mempunyai kemewahan komuniti seperti negara ini. Peningkatan ekonomi Korea Selatan telah dipacu oleh ekonomi berasaskan pengetahuan sains dan teknologi tinggi. Tidak terhenti di situ, kini Korea telah meneroka pendekatan ekonomi kolaborasi sebagai pemangkin ekonomi tersebut pada masa hadapan. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri, betul-betul satu minit ya. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 2 November 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam]***